

JURNAL BORNEO ARKHAILOGIA

Heritage, Archaeology and History

Volume 4 Number 1 December 2019



Kluster Arkeologi & Sejarah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEJARAH JURNAL/JOURNAL HISTORY

Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) merupakan jurnal Unit Penyelidikan Borneo (UPArk) yang ditubuhkan pada tahun 2016 dan menerbitkan keluaran pertama pada tahun 2017. Skop JBA adalah bidang Arkeologi dan Sejarah yang memberi tumpuan ke atas kawasan Borneo dan pulau-pulau di sekitarnya, dari zaman purba hingga hari ini. Ketua Editor JBA mengalu-alukan penyerahan artikel tentang mana-mana subjek dalam lingkungan definisi berkenaan. Penyerahan artikel yang mengisytiharkan penemuan dan menyajikan maklumat baharu atau meneroka landasan teoretikal yang baharu adalah sangat dialu-alukan, begitu juga makalah yang merungkai isu metodologi atau analisis budaya benda, warisan budaya, masyarakat, ekonomi, sosial, politik, pelancongan, tamadun, pembangunan dan pembinaan negara bangsa. Selain makalah, JBA juga menerbitkan laporan lapangan dan ulasan buku terkini tentang arkeologi dan sejarah Borneo dan pulau di sekitarnya. Artikel yang dihantar kepada JBA tidak terkecuali daripada penilaian oleh pakar. Walaupun ahli Lembaga Editor lumrahnya menjadi penilai, manuskrip juga dinilai oleh pakar dari luar. Kebanyakan makalah dinilai oleh dua orang sarjana (dalaman dan luaran) sebagai tambahan kepada penilaian oleh Ketua Editor.

The Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) is the journal of the Borneo Archaeological Research Unit (UPArk). Founded in 2016, and published its first issue in 2017. The scope of the JBA is the fields of archaeology heritage management, classical history and oral history which focusing on the area of Borneo and its adjacent islands, from ancient times to present-day. The JBA Chief Editor welcomes the submission of article on any subject within that definition. Submissions that announce discoveries and present new information, or explore new theoretical ground are especially welcome, as are articles that deal with methodological issues, or analysis of material culture, cultural heritage, society, economic, social, politic, tourism, civilization, development and nation building. In addition to articles, the JBA publishes field reports and book reviews on the archaeology heritage management, classical history and oral history of Borneo and its adjacent islands. Articles submitted to the JBA are reviewed by appropriate experts without exception. While JBA Editorial Board members often serve as reviewers, article are also screened by outside experts. Most submissions are read by two scholars (internal and external) in addition to the Chief Editor.

FOKUS DAN SKOP/FOCUS AND SCOPE

Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) ialah jurnal akademik berwasit antara disiplin yang diwujudkan untuk menerbitkan laporan penyelidikan asli dan makalah ilmiah dalam bidang arkeologi, pengurusan warisan, sejarah klasik, sejarah moden, dan sejarah lisan yang menjana perbincangan dan perspektif yang baharu. Jurnal ini bertujuan untuk menjadi platform bagi para sarjana berkongsi minat yang sama dalam memahami isu yang berkaitan dengan kemampanan pelbagai bidang pengetahuan yang memberi tumpuan kepada kawasan Borneo dan pulau di sekitarnya. JBA menggalakkan pendekatan antara pelbagai disiplin

akademik yang berbeza. Dengan kata lain, JBA mencipta keunikan tersendiri dengan menggabungkan suara profesion pelbagai kesedaran dan aplikasi terkini. Sidang Editor JBA berhasrat untuk menerbitkan satu keluaran pada setiap tahun, selain bermatlamat menjadikan JBA sebagai satu penerbitan 'mesti baca' untuk mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang arkeologi, sejarah, warisan dan budaya masyarakat di Borneo.

The Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) is an interdisciplinary, peer-reviewed academic journal, designed to publish reports of well-written original research and theoretical articles in the fields of archaeology, heritage management, classical history, modern history, and oral history which is to generate discussion and fresh perspective. JBA intends to serve as a platform for scholars to share common interests in the understanding of issues related to the sustainability of the various fields of knowledge which focuses on the area of Borneo. JBA strongly encourage the interdisciplinary approach of different academic disciplines. In other words, JBA creates its own uniqueness by combining the profession of various scholarships and current applications. The Board of Editors of the JBA intends to publish a journal each year, as well as aims to make the JBA a 'must read' publication for those who want to know more about the archeology, history, heritage and culture of the people of Borneo.

EDITORIAL/EDITORIAL

PENAUNG/PATRON

Profesor Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah

PENASIHAT/ADVISER

Dr. Marsitah Mohd Mohd Radzi
Dekan
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
Universiti Malaysia Sabah

KETUA EDITOR/CHIEF EDITOR

Profesor Madya Dr. Bilcher Bala
Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
Universiti Malaysia Sabah

EDITOR BERSEKUTU/ASSOCIATE EDITOR

Profesor Dr. Stephen Chia Ming Soon
Timbalan Pengarah
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Profesor Datuk Dr. Danny Wong Tze Ken
Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Dr. Mohamad Suhaidi Salleh
Fakulti Sains Sosial
Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak

EDITOR PENGURUS/*MANAGING EDITOR*

En. Baszley Bee Basrah Bee
Ketua, Kluster Arkeologi & Sejarah
Institut Kajian Peribumi Borneo (BorIIS)
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
Universiti Malaysia Sabah.

LEMBAGA EDITORIAL/*EDITORIAL BOARD*

Profesor Dr. Baba Musta (Universiti Malaysia Sabah)
Profesor Dr. Low Kok On (Universiti Malaysia Sabah)
Profesor Dr. Shahril Yusof (Universiti Malaysia Sabah)
Profesor Madya Dr. Ejria Saleh (Universiti Malaysia Sabah)
Profesor Madya Dr. Gusni Saat, (Universiti Malaysia Sabah)
Profesor Mayda Dr. Nourmie Surugau (Universiti Malaysia Sabah)
Dr. Md Saffie Abdul Rahim (Universiti Malaysia Sabah)
Dr. Mosli Tarsat (Universiti Malaysia Sabah)
Dr. Ramli Dollah (Universiti Malaysia Sabah)
Dr. Zainuddin Baco (Universiti Malaysia Sabah)
En. Eko Prayitno Joko (Universiti Malaysia Sabah)

© Universiti Malaysia Sabah, 2018

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed, stored in a database or retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronics, mechanical, graphic, recording or otherwise, without the prior written permission of Penerbit Universiti Malaysia Sabah, except as permitted by Act 332, Malaysian Copyright Act of 1987. Permission of rights is subjected to royalty or honorarium payment.

Penerbit Universiti Malaysia Sabah makes no representation—express or implied, with regards to the accuracy of the information contained in this journal. Users of the information in this journal need to verify it on their own before utilising such information. Views expressed in this publication are those of the author(s) and do not necessarily reflect the opinion or policy of the Editorial Board and Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah shall not be responsible or liable for any special, consequential, or exemplary problems or damages resulting in whole or part, from the reader's use of, or reliance upon, the contents of this journal.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam jurnal ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna jurnal ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam jurnal ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Sidang Editorial dan Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan jurnal ini.

*Published annually in Malaysia by Penerbit UMS/
Diterbitkan di Malaysia setahun sekali oleh Penerbit UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
URL: <http://www.ums.edu.my>*

*Typeface for text: Cambria
Text type and leading size: 11/11 pts*

KANDUNGAN

<i>Bilangan</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Muka Surat</i>
1	Migrasi Masyarakat India ke Sabah Membawa kepada Fenomena Amalgamsi Sosial Setempat <i>Mohd Juhar Harun, Anantha Raman Govindasamy, Jane Wong Kon Ling, Arulselvan Raju & Kavitha Ganesan</i>	1
2	Pencerobohan dan Serangan Tentera Indonesia Terhadap Sarawak dan Sabah pada Tahun 1963 <i>Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Bilcher Bala & Rami Dollah</i>	17
3	Perjanjian Malaysia 1963: Penelusuran Cabaran dan Kesan Terhadap Sistem Pendidikan di Sarawak (1963-1973) <i>Suzanne Atar</i>	37
4	Sejarah Populasi Sabah: Impak Terhadap Sosioekonomi, 1960-an Hingga 2000-an <i>Sitti Rima Najir</i>	65
5	Sejarah Sosial Komuniti Eropah di Borneo Utara (1881-1941) <i>Siti Noor Soffera Zainuddin & Maureen De Silva</i>	87
6	Ritual Adat Kematian dalam Masyarakat Iban di Sarawak: Artifak Irianan <i>Tukang Sabak</i> <i>Gregory Kiyai</i>	99
7	Perjanjian Malaysia 1963: Kerangka Perundangan dalam Gagasan Malaysia dan Proses Dekolonialisasi Sabah dan Sarawak <i>A Rahman Tang Abdullah, Bilcher Bala, & Pandikar Amin Mulia</i>	117

8	Keselamatan Insan dan Akses Pendidikan Kanak-Kanak Warga Indonesia di Sabah <i>Amir Shah Noor Ahmad</i>	149
9	Sejarah Penyelidikan dan Inventori Data Arkeologi Sabah <i>Zainuddin Baca & Nelly Majinus</i>	141
10	Ulasan Buku (Bilcher Bala, <i>Thalassocracy: A History of the Medieval Sultanate of Brunei Darussalam,</i> Kota Kinabalu: Sekolah Sains Sosial, UMS, 2005) <i>Yusry Sulaiman</i>	187

Migrasi Masyarakat India ke Sabah Membawa kepada Fenomena Amalgamasi Sosial Setempat

Mohd Juhar Harun¹
Anantha Raman Govindasamy²
Jane Wong Kon Ling³
Arulselvan Raju⁴
Kavitha Ganesan⁵

Manuskrip diterima: 4 April 2019

Diterima untuk penerbitan: 7 Julai 2019

¹ Mohd Juhar Harun, Calon Ijazah Sarjana, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, E-mail: Mdjuhar_ums@yahoo.com

² Profesor Madya Dr. Anantha Raman Govindasamy, Pensyarah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, E-mail: anan@ums.edu.my

³ Profesor Madya Dr. Jane Wong Kon Ling, Pensyarah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, E-mail: jane@ums.edu.my

⁴ Dr. Arulselvan Raju, Pensyarah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, E-mail: gnarul@ums.edu.my

⁵ Dr. Kavitha Ganesan, Pensyarah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, E-mail: kavitha@ums.edu.my

Abstract

This article examines the practice of marriage between the Indian community and the local ethnic community under the British North Borneo Company (BNBC) administration. Based on historical methods, this study looks at the history of the process of migration of the Indian community in stages and systematically occurring under BNBC. The development of the Indian community migration to Sabah led to the phenomenon of social amalgamation. The existence of marriage entities is a result of the assimilation process between the majority ethnic group and ethnic groups

of immigrants in Sabah. The paper discusses three aspects, namely the early migration of the Indian community to Sabah, the promotion factor to the practice of interracial marriage of Indian-ethnic Sabah, and the impact of marriage on the identity of India and local ethnics. Understanding the development of the Indian community is important to understand the phenomenon of social amalgamation of the Indian community in Sabah.

Keywords: *Migration, Mixed marriages, Indian Society, Sabah*

Abstrak

Penulisan ini meneliti tentang amalan perkahwinan campur antara masyarakat India dengan masyarakat etnik tempatan semasa di bawah pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Berpandukan kaedah sejarah, kajian ini cuba melihat sejarah proses migrasi masyarakat India yang berlaku secara berperingkat dan sistematik yang berlaku di bawah SBUB. Perkembangan migrasi masyarakat India ke Sabah membawa kepada fenomena amalgamasi sosial. Wujud entiti perkahwinan campur hasil daripada proses asimilasi antara kumpulan etnik majoriti dengan kumpulan etnik imigran di negeri Sabah. Makalah membincangkan tiga aspek, iaitu perkembangan migrasi awal masyarakat India ke Sabah, faktor penggalak kepada amalan perkahwinan campur India-etnik tempatan Sabah, dan kesan perkahwinan campur terhadap identiti antara India dan etnik tempatan. Pemahaman kepada perkembangan migrasi masyarakat India ini adalah penting untuk memahami fenomena amalgamasi sosial masyarakat India di Sabah.

Kata Kunci: Migrasi, Perkahwinan campur, Masyarakat India, Sabah

Pengenalan

Masyarakat India merupakan salah satu kaum utama yang terdapat di negara Malaysia amnya. Walau bagaimanapun, dalam konteks negeri Sabah, etnik India mempunyai populasi yang minoriti berbanding pelbagai etnik yang lain. Meskipun etnik India merupakan golongan yang minoriti tetapi mereka tidak terlepas ke arah proses pembentukan masyarakat majmuk di negeri Sabah. Pada dasarnya, masyarakat etnik India di Sabah dikategorikan sebagai bukan- Bumiputera dan merupakan kaum imigran. Sejarah migrasi masyarakat India didorong oleh beberapa faktor dominan yang mempengaruhi proses tersebut direalisasikan.

Selain daripada faktor utama seperti ekonomi, sosial dan politik, elemen lain seperti kemahuan memperbaiki taraf hidup juga merupakan antara faktor penolak proses migrasi dilakukan. Ditambah dengan langkah drastik pihak British pada ketika itu yang memberi ruang pekerjaan dengan melaksanakan dasar buka pintu kepada kaum imigran, seperti dari India, China, Bangladesh dan lain-lain masuk ke tanah jajahan mereka (D. S. Ranjit Singh, 1991).

Proses migrasi masyarakat India yang direalisasikan pada akhir abad ke-19 di Borneo Utara (kini Sabah) telah membawa kepada fenomena amalgamasi dengan penduduk tempatan. Perkahwinan campur atau juga diistilahkan sebagai amalgamasi sosial bukan perkara yang baharu dalam konteks masyarakat pluralistik kontemporari di Malaysia amnya dan di negeri Sabah khususnya. Fenomena sosial ini merupakan satu daripada kesan pertembungan kontak antara etnik yang pelbagai di negara ini. Fenomena perkahwinan campur telah berlaku secara meluas antara etnik bukan-tempatan dengan etnik tempatan sebelum era kolonialisme di Nusantara. Bahkan berlaku secara turun-temurun antara kumpulan etnik majoriti dengan kumpulan etnik minoriti. Dalam catatan sejarah, perkahwinan campur sudah bermula pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka lagi dari sekitar abad Ke-15 hingga abad Ke-16. Di Sabah, fenomena ini berlaku dalam kalangan masyarakat tempatan secara berterusan sehingga hari ini.

Perkahwinan boleh menjadi salah satu faktor mendekatkan hubungan antara dua pihak, bahkan antara kaum. Dalam sejarah, bukan sedikit perkahwinan telah menjadi faktor perdamaian dan interaksi harmoni antara budaya dan kaum. Kahwin campur ataupun kahwin rentas kaum adalah perkahwinan antara pasangan yang berbeza kaum, seperti antara Melayu dengan Cina atau Melayu dengan India dan sebagainya. Perkahwinan campuran ditakrifkan sebagai 'perkahwinan antara individu atau latar belakang kaum, etnik, dan agama yang berbeza' (Kim & Leavit, 2012).

Migrasi Awal Kaum India ke Sabah pada Era SBUB

SBUB telah memerintah Sabah, yang dikenali sebagai Borneo Utara, daripada tahun 1881 hingga 1941, yang mana berakhir pada serangan tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Akibat peperangan tersebut, SBUB tidak mempunyai sumber kewangan untuk membina semula Borneo Utara. Oleh sebab yang demikian, Borneo Utara telah diletakkan di bawah kawalan pejabat kolonial dan menjadi tanah jajahan mahkota British pada 15 Julai 1946. Lebih kurang 17 tahun kemudian, Sabah telah

diberi kuasa untuk memerintah negeri sendiri dan bersatu dengan Tanah Melayu, Sarawak dan Singapura untuk membentuk Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Dalam rentetan sejarah ini, proses migrasi dalam kalangan kaum imigran dari negara luar ke negeri Sabah telah berlaku, yang mana terdiri daripada etnik Cina, India, Pathan dan lain-lain lagi (Azharudin Mohamed, 2003; D. S. Ranjit Singh, 2003).

Penghijrahan kaum India ke Nusantara, khususnya di Tanah Melayu dipercayai telah berlaku sejak berkurun tahun yang lalu. Namun demikian, waktu yang sebenarnya untuk menentukan kedatangan kaum India tidak dapat dipastikan dengan jelas. Hal ini kerana sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi terdapat catatan mengenai kedatangan kaum India ke negara ini, seperti pandangan yang diutarakan oleh R.O. Winstedt (1938) bahawa kaum India mula datang ke Tanah Melayu sejak kurun Ke-14 atau lebih awal mendahului kaum Cina.

Pada ketika itu, mereka terkenal sebagai penakluk, pedagang dan sebagai pekerja di bawah kuasa kolonial. Buktinya, pada sekitar tahun 1780-an hingga 1820-an, pihak British yang menguasai Negeri-negeri Selat, seperti Pulau Pinang, Melaka dan Singapura telah membuka pintu kemasukan kaum India ini sebagai sumber tenaga manusia dalam pelbagai aspek. Mereka terdiri daripada buruh, pedagang, supai, banduan yang telah terlibat secara langsung dalam bidang pembinaan, pertanian, pertahanan dan perdagangan. Perkembangan migrasi ini tidak hanya terhenti di Tanah Melayu, malah turut berlaku di Sabah. Dalam konteks negeri Sabah, mereka berketurunan daripada imigran secara langsung dari India semasa pemerintahan SBUB, seperti Sikh, Tamil, Malayalam dan lain-lain lagi (Siti Aidah, 2007).

Penghijrahan masyarakat India ini adalah berpunca daripada keperluan tenaga pekerja yang sangat mendesak di tanah jajahan British. Pihak British sangat memerlukan tenaga pekerja yang murah dalam pelbagai aspek dan untuk memudahkan segala pentadbiran mereka. Tindakan ini secara tidak langsung membuka ruang penghijrahan masuk masyarakat India dalam jumlah yang besar ke Borneo Utara pada ketika itu. Proses migrasi semasa zaman pemerintahan SBUB ini telah berlaku secara berperingkat. Masalah kekurangan pekerja tempatan ketika itu menyebabkan pihak British mula melakukan gerak kerja menganalisis dasar yang sesuai untuk tenaga pekerja. Seperti tanah jajahan British yang lain, masalah kekurangan pekerja telah diatasi dengan cara mengimport pekerja luar sebagai langkah penyelesaian. SBUB mula

melihat India sebagai satu jalan penyelesaian untuk masalah kekurangan tenaga pekerja yang mereka hadapi (Tate, 1966).

Proses migrasi dalam kalangan masyarakat India telah berlaku pada tahun 1882 dengan tertubuhnya satu agensi keselamatan yang dikenali sebagai *British North Borneo Constabulary*. Hal ini telah menyaksikan kedatangan masyarakat India ke Borneo Utara atas tuntutan keperluan tenaga manusia dalam aspek kepolisan dan ketenteraan. Migrasi pertama masyarakat India ke Borneo Utara pada 1882 adalah terdiri daripada etnik Punjabi Sikh, Punjabi Muslim dan Pathan. Mereka berkhidmat dalam bidang keselamatan. Proses migrasi awal ini telah membawa kepada pengembangan jumlah penduduk dalam kalangan masyarakat India di Borneo Utara dengan menjadikan faktor ekonomi, politik dan sosial sebagai elemen yang penting untuk proses ini berlaku (Sarjit S. Gill, 2008). Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa kedatangan masyarakat India ke Borneo Utara berlaku lebih awal, iaitu bermula pada tahun 1868. Migrasi masyarakat India ini telah bermula dengan penghijrahan yang dilakukan oleh Bhagat Singh Sandhu, yang berasal dari daerah Amritsar di Punjab. Beliau dipercayai berkhidmat sebagai Pegawai Keselamatan dengan sebuah syarikat arang batu di Labuan. Kemudian, beliau berhijrah untuk berkhidmat di Borneo Utara pada tahun 1848 hingga tahun 1923.

Jadual 1: Populasi Masyarakat India di Borneo Utara (1891-1951)

Tahun	Jumlah
1891	319
1901	442
1911	902
1921	1,185
1931	1,298
1951	1,692

Etnik India dari bahagian India Utara merupakan komuniti yang melakukan penghijrahan dalam bilangan yang besar ke Borneo Utara kerana pihak British sangat memberikan kepercayaan kepada mereka, khususnya etnik Punjabi Sikh yang mempunyai keupayaan, komitmen dan kesetiaan melaksanakan tugas mereka dalam aspek kepolisan dan ketenteraan (Rambler, 1966).

Hal ini disokong penulisan Tabret (1998) yang menerangkan tentang penglibatan orang Sikh dalam pasukan *Constabulary* bermula dari tahun 1883 hingga 1888. Penulisan tersebut telah memberikan beberapa maklumat secara terperinci tentang keterlibatan secara langsung orang Sikh yang bertugas sebagai anggota keselamatan dalam beberapa siri ekspedisi yang besar di Borneo Utara, seperti Ekspedisi Puroh pada tahun 1883; Ekspedisi The Kawang Amok pada tahun 1885; Ekspedisi Panassang Tuaran pada tahun 1886; Ekspedisi Ulu Tuaran pada tahun 1886; Ekspedisi Labuk-Kinabatangan pada tahun 1887; Ekspedisi Padas pada tahun 1887; Ekspedisi Padas-Ulu Kimanis pada tahun 1888, dan; Ekspedisi Padas Damit Menentang Pangeran Sabandar pada tahun 1888 (Tabret, 1988).

**Jadual 2: Jumlah Anggota Polis Punjabi Sikh,
Punjabi Muslim dan Pathan (1916-1940)**

Tahun	Sikh	Punjabi Muslim & Pathan
1914	163	313
1916	151	281
1918	130	234
1920	124	178
1922	129	216
1924	137	188
1926	128	176
1928	90	132
1930	68	80
1932	46	60
1934	40	56
1936	53	49
1940	49	38

Sumber: Annual Report on the Constabulary Department 1912-1940

Dalam konteks pentadbiran SBUB pada ketika itu, mengalami masalah di peringkat awal dalam mendepani keadaan ekonomi yang mundur dan majoriti penduduk di Borneo Utara yang masih lagi mengamalkan ekonomi sara diri. Oleh yang demikian, masalah tersebut telah mendorong pihak British untuk mencari jalan alternatif. Pada ketika itu, masalah kekurangan tenaga pekerja sangat ketara di Borneo Utara. Pihak pentadbiran SBUB mula melihat bahawa cara untuk menyelesaikan masalah ini ialah dengan membawa masuk imigran India ke Borneo Utara. Kedatangan masyarakat India ke Borneo Utara adalah

sama tujuan dan matlamat seperti kedatangan mereka ke Tanah Melayu, iaitu disebabkan keperluan sumber manusia (D. S. Ranjit Singh, 1993). Dapat disimpulkan bahawa kewujudan dan pertapakan masyarakat India ke Sabah pada tahap awal telah bermula pada semasa pentadbiran SBUB.

Bukan itu sahaja, menurut D. S. Ranjit Singh dalam penulisannya yang bertajuk *Indians in East Malaysia* (1993) memberikan penjelasan mengenai migrasi orang India di Borneo Utara sebelum dan selepas merdeka. Beliau menyatakan bahawa kedatangan masyarakat India ke Borneo Utara adalah disebabkan sektor perburuhan. Etnik Sikh, Punjabi Muslim dan Pathan telah dihantar ke kawasan Jesselton, Sandakan dan Tawau bagi tujuan tersebut. Hal ini turut difokuskan oleh Azharudin Mohamed (2003), menjelaskan tentang kehadiran dan pertapakan masyarakat India di Sabah pada tahap awal, iaitu semasa pentadbiran SBUB. Menurut beliau, kemasukan masyarakat India lebih berfokus kepada bidang perburuhan, khususnya di kawasan Ladang di Tanah Melayu. Manakala di Sabah mereka lebih tertumpu kepada jawatan urusan tadbir di bawah SBUB.

Migrasi Membawa kepada Perkahwinan Campur

Proses migrasi masyarakat India ke Sabah membawa kepada kesan sosial yang sangat besar terhadap komuniti India itu sendiri secara amnya dan masyarakat tempatan khususnya. Hal ini kerana masyarakat India yang menjadi pelaku kepada proses migrasi tersebut melalui fasa pengadaptasian hidup secara berperingkat terhadap persekitaran tempatan yang membawa perubahan kepada cara hidup mereka sendiri. Dalam konteks ini, perkara paling ketara yang berlaku dalam sudut sosial ialah perkahwinan campur. Fenomena perkahwinan campur ini berlaku disebabkan terdapatnya dua identiti pihak yang mempunyai latar belakang budaya, agama, kepercayaan, cara hidup dan bahasa pertuturan yang berbeza antara satu sama lain. Hakikatnya, proses migrasi masyarakat India ke Sabah membawa kepada satu fenomena baharu dalam sudut sosial bermasyarakat di Sabah. Perkahwinan campur ini berlaku antara masyarakat India dan penduduk tempatan Sabah yang mempunyai pelbagai etnik. Perkahwinan campur ini boleh berlaku sama ada pihak lelaki atau wanitanya mewakili etnik masing-masing, seperti lelaki India berkahwin dengan anak gadis tempatan yang mewakili sama ada etnik Dusun, Bajau, Murut dan sebagainya.

Pada tahun 1933, perkahwinan campur terawal antara masyarakat India dan masyarakat tempatan Sabah yang pernah berlaku di Sabah telah tercatat di antara etnik Punjabi Sikh dengan rakyat

tempatan. Diikuti oleh pasangan kedua, pada tahun 1935, iaitu etnik Tamil dengan penduduk tempatan Sabah. Proses migrasi ini membawa kepada perubahan kelas kepada kehidupan mereka sekali gus memberi kesan kepada identiti mereka sebagai orang India (Sarjit S. Gill, 2008).

Faktor Penggalak Perkahwinan Campur

Perkahwinan campur antara etnik India dan etnik tempatan Sabah terjadi disebabkan wujudnya faktor yang menggalakkan fenomena itu berlaku. Terdapat beberapa faktor utama yang menjadi penggalak kepada berlakunya fenomena perkahwinan campur antara dua pihak ini.

(a) Kepercayaan dan Agama

Budaya merujuk kepada tatacara hidup sesuatu kelompok atau kumpulan masyarakat yang mana dapat dilihat dari seluruh kehidupan dan persekitaran yang dibina oleh manusia hasil amalan dan hubungan manusia. Hal ini dalam lingkungan persekitaran yang meliputi budaya kebendaan dan budaya bukan-kebendaan. Faktor kebudayaan sesebuah kaum mendorong kepada berlakunya perkahwinan campur antara dua kelompok kaum. Hal ini terjadi apabila wujudnya persamaan kebudayaan sesebuah kaum yang mana terkadang dapat dilihat dalam aspek keagamaan, cara hidup dan lain-lain yang mendorong berlakunya perkahwinan campur. Contohnya, faktor persamaan kebudayaan yang meliputi agama dan nilai tradisi setempat, budaya dan tradisi yang hampir sama antara dua kelompok yang berbeza latar belakang etnik memudahkan lagi berlakunya proses perkahwinan campur. Hal ini adalah kerana, persamaan budaya, cara hidup, agama dan sebagainya memudahkan penggabungan budaya dan masyarakat dua kelompok yang berbeza. Misalnya, kedatangan kelompok India Muslim di Sabah ketika itu mempunyai latar belakang keagamaan yang sama dengan penduduk setempat. Persamaan latar belakang agama dan kepercayaan yang hampir sama memberikan ruang proses asimilasi itu mudah diterima antara dua kelompok. Dengan itu, proses perkahwinan campur dan penggabungan budaya antara dua kelompok ini sangat mudah berlaku sehingga melahirkan kaum kacukan India Muslim yang terhasil dari perkahwinan campur tersebut. Oleh yang demikian, perkahwinan campur yang terjadi membawa kepada penggabungan dan penerimaan budaya yang berterusan.

(b) Ketidakseimbangan Populasi Wanita India

Proses migrasi kaum India ke Sabah pada peringkat awal lebih di dominasi oleh golongan lelaki sahaja. Hal ini kerana pihak British lebih

menumpukan kepada keperluan tenaga kerja yang banyak dari golongan lelaki bagi memastikan kelancaran aktiviti ekonomi di Borneo Utara. Bukan itu sahaja, dalam proses migrasi ini berlaku, pada peringkat awalnya mereka hanya merancang kedatangan mereka di Borneo Utara bersifat sementara sahaja dan disebabkan itu mereka datang secara perseorangan tanpa anak dan isteri mereka. Jarak antara negara asal mereka dan Borneo Utara sangat jauh dan hal ini mengakibatkan banyak perkara yang terbatas untuk mereka berhubung dengan saudara mara etnik India, khususnya wanita. Bukan itu sahaja, bagi masyarakat India yang beragama Hindu terdapat pantang larang dan batasan adat yang melarang golongan wanita untuk menyeberang laut (Moorthy, 2009). Oleh yang demikian, kesan daripada keadaan tersebut telah menyebabkan nisbah jantina dalam kumpulan etnik India mengalami situasi yang tidak seimbang sekali gus menjadi salah satu faktor penggalak perkahwinan campur dengan masyarakat tempatan berlaku.

(C) Menetap Kekal

Golongan imigran India yang datang ke Borneo Utara membuat keputusan untuk menetap kekal setelah tamat kontrak. Mereka membuat keputusan untuk tinggal tetap di Borneo Utara disebabkan beberapa faktor, seperti merasa selesai dengan kehidupan sedia ada dan mula beradaptasi dengan persekitaran; konflik politik atau bencana yang selalu berlaku di tempat asal mereka dilahirkan; tidak mempunyai kos perbelanjaan yang mencukupi untuk pulang semula ke tempat asal, dan; tidak terkecuali telah mendapat pekerjaan yang lebih stabil untuk meneruskan kehidupan. Dalam aspek yang lain, mereka juga berasa untuk kekal di Borneo Utara adalah keputusan yang lebih baik jika dibandingkan balik semula ke tempat asal mereka kerana disebabkan terdapat segelintir daripada mereka yang telah mendapat gelaran atau status yang tinggi dalam masyarakat setempat (Koentjaraningrat, 1981).

Kesan Amalgamasi Terhadap Identiti antara India-Etnik Tempatan

Perkahwinan campur antara dua etnik berbeza tidak dinafikan akan wujudnya pelbagai konflik identiti antara satu sama lain. Konflik identiti antara pasangan perkahwinan campur ini sebenarnya merupakan cabaran besar untuk proses pengekalan identiti antara satu pihak dengan pihak yang satu lagi. Hal ini bermaksud, antara pasangan suami isteri yang berkahwin campur ini mempunyai konflik persaingan identiti yang mana satu lebih dominan dalam keluarga, bukan sahaja sebagai suami isteri tetapi kepada aspek lainnya. Aspek yang dimaksudkan lebih tertumpu kepada sudut sosial, seperti budaya, agama dan bahasa. Pihak yang menerima kesan ini bukan hanya tertumpu kepada pasangan yang

berkahwin sahaja, namun sekali gus kepada generasi mereka dalam jangka masa yang panjang. Hal ini bermaksud, anak hasil daripada perkahwinan campur ini akan mengalami kesan yang sangat besar.

Penyatuan dua pihak dalam perkahwinan campur boleh disifatkan sebagai permulaan kepada dua buah keluarga besar dari dua ras berbeza untuk bermulanya proses saling mengenali adat istiadat atau pola perilaku keluarga pihak yang satu lagi. Pasangan suami isteri yang berkahwin campur ini selalunya akan melalui fasa permulaan untuk saling mempelajari aspek kebudayaan keluarga antara pasangan sehingga akan wujud satu pengertian baharu terhadap budaya suami isteri tersebut. Hal ini yang dikatakan sebagai proses memahami identiti kedua-dua pasangan. Budaya menjadi suatu aspek yang penting dalam perkahwinan, yang mana pasangan tersebut tentu memiliki sesuatu nilai budaya yang menjadi pegangan, mengikut keyakinan dan kebiasaan, serta adat istiadat dan gaya hidup budaya. Dalam perkahwinan juga disatukan dua budaya yang berbeza, latar belakang yang berbeza dan kaum yang berbeza (Koentjaraningrat, 1981).

(i) Agama dan budaya

Kesan terbesar perkahwinan campur antara masyarakat India dan etnik tempatan Sabah ialah dari aspek agama dan budaya. Kesan ini membawa kepada pegangan identiti antara dua pihak yang berkahwin. Dalam erti kata yang lain ialah suami isteri yang berkahwin campur akan lebih mendominasi sama ada agama atau budaya yang diamalkan. Dalam proses ini berlaku, tiada paksaan antara mana-mana pihak untuk mengamalkan agama atau budaya yang mereka rasakan ingin dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini dapat difahami dengan perkahwinan campur yang telah berlaku antara dua pasangan pertama di Sabah pada tahun 1933, antara Sarban Singh, seorang kaum Punjabi Sikh dengan pasangannya Satya, yang mana merupakan orang tempatan yang berasal dari Kinarut, Sabah. Proses perkahwinan ini telah membawa kepada perubahan identiti agama dan budaya pasangan ini. Isterinya bersetuju untuk memeluk agama Sikh. Dalam proses memeluk agama Sikh tersebut, identiti asal isterinya bertukar bukan sahaja dari aspek pegangan agama tetapi turut dari sudut budayanya. Nama asalnya isterinya hanya Satya. Namun secara automatiknya bertukar kepada Satya Kaur (Sarjit S. Gill., 2008). Hal ini kerana dalam fahaman ajaran dan falsafah agama Sikh, individu yang memeluk agama Sikh secara automatiknya akan diberikan nama baharu, iaitu penambahan nama akhir, Singh bagi lelaki dan Kaur bagi wanita. Hasil daripada

perkahwinan campur ini, identiti baharu telah wujud apabila kemunculan etnik peranakan Punjabi Sikh di Sabah sehingga hari ini.

(ii) Bahasa

Perkahwinan campur membawa kepada kesan kepada pengalaman bahasa daripada kedua-dua etnik itu sendiri. Hal ini dapat digambarkan melalui kenyataan Lind (1938) dan Druchsler (1920), yang melihat terdapatnya kesan yang berlaku akibat pertembungan dua identiti etnik yang berbeza dan antaranya ialah dari aspek bahasa itu sendiri.

Justeru perkahwinan campur antara kaum India-etnik tempatan di Sabah juga memberikan kesan secara langsung kepada pengalaman bahasa itu sendiri. Sesuatu bahasa boleh bersifat statik atau fleksibel mengikut keadaan dengan melibatkan pengaruh persekitarannya. Keadaan seperti ini berlaku disebabkan terdapatnya situasi yang menuntut penutur untuk bersifat selektif dalam memilih bahasa antara kedua-dua etnik yang berkahwin campur ini. Perubahan ini boleh berlaku di kawasan asal dan juga di kawasan pindahan (Asmah Haji Omar, 1982), iaitu kawasan baharu bagi sesuatu bahasa atau dialek yang terhasil melalui penghijrahan penuturnya. Bahasa di kawasan asli atau asal juga boleh berubah akibat daripada pengaruh persekitaran atau terpengaruh dengan polisi pentadbiran bagi sesuatu kawasan, negeri atau negara. Keadaan seperti ini akan mewujudkan gejala bahasa tertentu, seperti pemeliharaan bahasa (*language maintenance*), penganjakan bahasa (*language shift*), pengubahan bahasa (*language displacement*), penghakisan bahasa (*language attrition*), bahasa mati (*language death*) dan sebagainya. Setiap bahasa yang mengalami gejala seperti ini, pada akhirnya akan menggunakan satu bahasa yang dominan sebagai pengganti.

Dalam catatan sejarah pada seawal abad Ke-14 telah menunjukkan bahawa bahasa yang terkenal sebagai bahasa perhubungan dan perdagangan antara penduduk di Nusantara ialah bahasa Melayu. Sehingga pada masa kini, bahasa Melayu masih lagi digunakan sebagai bahasa perhubungan utama antara penduduk yang sememangnya berlatar belakangkan pelbagai bahasa dan bangsa. Menurut Asmah (2003), walaupun semua penduduk Malaysia menggunakan bahasa Melayu, tetapi kedudukan bahasa Melayu ini berbeza dari komuniti ke komuniti kerana bahasa Melayu boleh merupakan bahasa ibunda (penutur asli) dan juga sebagai bahasa yang diperoleh kemudian, yakni melalui bahasa perhubungan sehari-hari atau melalui sistem pendidikan di sekolah. Oleh yang demikian, bukan

menjadi sesuatu yang janggal apabila terdapat segelintir penutur ini fasih berbahasa Melayu meskipun bukan lahir daripada latar belakang asli Melayu.

Memandangkan bahasa Melayu di Malaysia sekarang berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, maka bahasa ini telah menjadi milik semua rakyat Malaysia. Dalam pada itu, sejak beratus-ratus tahun dahulu bahasa Melayu sememangnya sudah dipakai sebagai bahasa pengantar perdagangan atau *lingua franca* di alam Melayu. Pedagang dari negara China, Arab dan India sejak abad Ketujuh sudah menggunakan bahasa Melayu dalam menjalankan perdagangan mereka (Asmah, 1982).

Hal ini turut berlaku dalam kalangan masyarakat India dan etnik tempatan Sabah yang berkahwin campur yang mana pertembungan dua identiti bahasa yang berbeza antara dua pihak telah mengakibatkan wujudnya satu bahasa dominan yang berfungsi sebagai alat komunikasi. Misalnya, suami yang berbangsa India tidak akan menuturkan bahasa ibunda mereka kepada isteri mereka yang merupakan orang tempatan yang juga mempunyai bahasa ibunda sendiri. Hal ini kerana kesukaran untuk memahami dan mengekspresikan identiti ketika bersama, mereka akan cenderung untuk menggunakan bahasa setempat yang dominan dan lebih mudah untuk menyampaikan maklumat.

Kajian Geertz (1972) berkaitan dengan pilihan sistem panggilan dan sapaan. Geertz telah mengkaji pilihan kata panggilan dan sapaan masyarakat Jawa di Indonesia. Selain Geertz, Brown dan Gilman (1972) juga telah mengkaji mengenai pilihan kata panggilan dan sapaan. Menurut Brown, Gilman dan Amat Juhari, sistem panggilan dan sapaan merupakan satu unsur penting semasa berkomunikasi dan berinteraksi. Sistem panggilan merupakan satu bentuk hormat yang perlu diketahui oleh para penutur sesuatu bahasa. Pilihan sistem panggilan dan sapaan yang betul dan sesuai akan dapat menjaga maruah dan status seseorang, apatah lagi dalam masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai bentuk sistem panggilan tertentu yang telah dibahagikan mengikut pangkat, status, anugerah, keturunan dan sebagainya.

Hal ini berlaku terhadap anak hasil perkahwinan campur India-etnik tempatan Sabah. Mereka mendapat kesan yang lebih dalam dari aspek identiti mereka. Bukan sahaja dari aspek budaya, tetapi bahasa pertuturan sehari-hari mereka juga turut terkesan. Anak perkahwinan

campur ini lebih cenderung untuk memilih dan menggunakan bahasa yang lebih membantu mengekspresikan identiti tempat dilahirkan atau yang mereka rasa mudah diterima oleh ramai mengikut persekitarannya. Buktinya, mereka akan lebih memilih dan menggunakan bahasa Melayu Sabah atau bahasa Inggeris ketika bertutur dengan orang lain. Namun, uniknyanya mereka masih menggunakan beberapa gelaran untuk ahli keluarga yang lebih tua, seperti nenek, datuk, ayah, ibu, mak cik, pak cik dengan menggunakan bahasa ibunda sebelah ayah atau ibu. Bukan itu sahaja, mereka juga menggunakan beberapa perkataan selektif untuk jenis makanan tradisional sebelah ayah yang merupakan etnik India.

Kesimpulan

Kedatangan imigran India ke Borneo Utara memperlihatkan satu sisi yang berbeza berbanding ke Tanah Melayu. Sejarah awal kedatangan mereka ke Borneo Utara merupakan salah satu elemen asas yang sangat penting bagi meneliti corak pendekatan yang digunakan untuk berhijrah. Hal ini sekali gus dapat meneliti corak penempatan mereka di Borneo Utara. Meskipun sehingga hari ini sudah terdapat kajian yang dilakukan secara menyeluruh untuk masyarakat India ini, tetapi ianya bukan satu penghalang untuk membuat penelitian semula secara rapi tentang sejarah awal kedatangan mereka ke Borneo Utara. Kajian ini perlu diberikan perhatian dan keutamaan kerana walaupun jumlah populasi masyarakat India ini agak kecil berbanding kaum yang lain di negara ini, namun tidak dapat dinafikan mereka salah satu entiti yang memainkan peranan yang sangat besar dan penting dalam lipatan sejarah pembentukan negara bangsa Malaysia sehingga hari ini.

Rujukan

Sumber Primer

Annual Report on the Constabulary Department for 1921, British North Borneo.

Rambler. The Story of Sikhs in Sabah. *Sabah Times*. 13 April 1966.

Buku dan Jurnal

Asmah Haji Omar. 1982. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 2003. *Language and Language Situation in Southeast Asia: With a focus on Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Azharudin Mohamed Dali. 2003. Sejarah Masyarakat India di Sabah Sebelum dan Selepas Merdeka: Satu Penelitian Umum. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Vol. 31. Hlm. 49-70.
- Azharudin Mohd Dali. 2012. *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azmah Abdul Manaf. 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Geertz, C. 1972. Linguistic Etiquette. Dalam Fishman, J. A. (ed.) *Reading in Sociology of Language*. Mouton: The Hague-Paris. Hlm. 282-295.
- Gill, S. S. 2008. Sejarah Sosial Penglibatan Orang Sikh dalam Pasukan Keselamatan di Borneo Utara 1882-1949, *Borneo Research Journal*. Vol. 2. Hlm. 97-110.
- Hall, K. R. 2011. *A History of Early Southeast Asia: Maritime Trade and Societal Development 100-1500*. USA: Rowman Wittlefield Publisher.
- Kaur, A. 2011. Sikh Migration and Settlement in Southeast Asia, 1870s-1950s: Social Transfromations, Homeland and Identity. Dalam Shamsul AB dan Arunajeet Kaur (ed.), *Sikhs in Southeast Asia: Negotiating an Identity*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies. Hlm. 17-42.
- Muhammad Azuan bin Azzeham. 2011. North Borneo Armed Constabulary 1881-1941. *Latihan Ilmiah*. Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Ramasamy, P. 1991. Pergerakan Buruh Ladang: Satu Tinjauan Sejarah. *Akademika*. Vol. 38 (1). Hlm. 73-86.
- Ramasamy, P. 1994. *Plantation Labour, Unions, Capital and the State in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rutter, O. 2008. *British North Borneo: An Account of Its History, Resources and Natives Tribe*. Kota Kinabalu. Opus Publication.
- Singh, D. G. S. 2001. Kedatangan Orang Sikh dan Penubuhan Gurdwara di Tanah Melayu, *Malaysia dari Segi Sejarah*. Vol. 29. Hlm. 31-42.
- Singh, D. S. R. 2000. *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Siti Aida Hj. Lokin. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah 1881-1863*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Tate, D. J. M. 1966. Planting in Ninenteenth Century Sabah and Sarawak. *Journal of the Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society*. Vol. 69. Hlm. 37-63.
- Tregonning, K. G. 1965. *A History Modern Sabah (North Borneo 1881-1963)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Wilson, A. 1984. Mixed Race Children in British Society: Some Theoretical Considerations. *The British Journal Sociology*. Vol. 35 (1). Hlm. 42-61.

Internet

Masyarakat India di Malaysia. <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/budaya/3243-masyarakat-india-di-malaysia.html>. 28 Desember 2018.

Pencerobohan dan Serangan Tentera Indonesia Terhadap Sarawak dan Sabah pada Tahun 1963

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang¹.

Bilcher Bala²

Ramli Dollah³

Manuskrip diterima: 5 Julai 2019

Diterima untuk penerbitan: 15 Oktober 2019

¹ Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Calon Ijazah Doktor Falsafah, Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: manabulrahman743@gmail.com

² Profesor Madya Dr. Bilcher Bala, Pensyarah, Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: bilcher@ums.edu.my

³ Dr. Ramli Dollah, Pensyarah, Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: ramlid@ums.edu.my

Abstract

The Indonesia-Malaysia Confrontation (1963-1966) was due to the policy of the Sukarno Regime to counter neo-colonialism in Southeast Asia. This contingent of Indonesia was apparent with the intrusion of her troops to thwart the formation of Malaysia, particularly subversive activities within the Sarawak and Sabah border areas with Kalimantan. This paper will describe a history of the Confrontation by focusing on the issue of military invasion on the borders of Sarawak and Sabah. The final part of this paper explains Malaysia's stand on Indonesian military attacks is to defend her sovereignty as a new nation.

Keywords: *Confrontation, Intrusion, Indonesia, Sabah, Sarawak*

Abstrak

Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) adalah disebabkan oleh dasar Rejim Sukarno untuk menentang unsur neo-kolonialisme di rantau Asia Tenggara. Respon yang lebih ketara dalam Konfrontasi ini ialah tindakan pencerobohan tentera Indonesia untuk menggagalkan pembentukan Malaysia, khususnya aktiviti subversif dalam kawasan sempadan Sarawak dan Sabah dengan Kalimantan. Makalah ini akan merungkaikan sejarah Konfrontasi dengan memfokuskan kepada isu pencerobohan tentera di Sarawak dan Sabah. Bahagian akhir makalah ini menjelaskan pendirian Malaysia terhadap serangan tentera Indonesia adalah mempertahankan kedaulatannya sebagai sebuah negara baharu.

Kata Kunci: Konfrontasi, Pencerobohan, Indonesia, Sabah, Sarawak

Pendahuluan

Tanah Melayu telah mengecapi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Enam tahun tahun berikutnya Tanah Melayu telah membentuk Malaysia pada 16 September 1963 yang terdiri daripada penggabungan wilayah, Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.¹ Pembentukan Malaysia telah membawa kepada penentangan negara tertangga Indonesia dibawah Rejim Sukarno.² Penentangan ini kemudiannya dikenali sebagai Konfrontasi yang berteraskan kempen 'Ganyang Malaysia'.³ Konfrontasi dalam politik Regim Sukarno telah melancarkan penentangan terhadap

¹ Kertas Putih, *Malaya-Indonesia Relations*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1963; *Anak Sabah*, 16 September 1963; *Sabah Times*, 16 September 1963.

² Kertas Putih, *Indonesian Intentions Towards Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1964; Kertas Putih, *Indonesian Aggression Against Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1965; James Harold, Small Shell, *The Underclared War*, London: Leo Cooper, 1991; Kunassalen Muniandi, *Hubungan Indonesia-Malaysia 1957-1969*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996; Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Indonesia-Malaysia*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

³ Departemen Penerangan Republik Indonesia, *Gelora Konfrontasi Mengganjang Malaysia*, Djakarta: Departemen Penerangan Republik Indonesia, 1964; J. A. C. Mackie, *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*, Oxford: University Press Oxford, 1974; Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Indonesia Malaysia*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000; Kunaseelan Muniandy, *Hubungan Malaysia Indonesia 1957-1970*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

pembentukan Malaysia melalui pendekatan politik dan ketenteraan.⁴ Malaysia yang baru terbentuk telah menerima ancaman hebat Konfrontasi sedaya upaya berusaha mempertahankan kedaulatannya sebagai sebuah negara yang berdaulat.⁵ Malaysia berdepan ancaman ketenteraan dari Regim Sukarno dan berusaha untuk mempertahankan kedaulatannya sebagai sebuah negara yang berdaulat menjadi penelitian kajian ini.

Bahan dan Kaedah

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara deskriptif. Awalnya, kajian ini turut menggunakan kajian perpustakaan dalam membuat penelitian. Penelitian dilakukan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Tun Fuad Stephen, Negeri Sabah, Kementerian Pertahanan Malaysia. Selain itu, kajian arkib turut digunakan dalam membuat penelitian khususnya di Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia dan Muzium Tentera Darat Malaysia. Kaedah temubual juga turut digunakan dalam kajian ini khususnya mendapatkan maklumat daripada veteran terpilih yang terlibat dan masih hidup yang dapat menjelaskan situasi yang berlaku pada ketika itu. Akhir sekali, kerja lapangan khusus untuk kaedah pemerhatian juga turut digunakan oleh pengkaji dalam membuat penelitian kajian ini. Pemerhatian ini penting dalam kajian ini khususnya untuk mendapatkan gambaran yang lebih dekat mengenai pencerobohan ketenteraan di lokasi yang menjadi tempat serangan itu bagi menjelaskan peristiwa sejarah itu berlaku.

Pencerobohan Ketenteraan Terhadap Sarawak dan Sabah

Konfrontasi adalah cabaran awal Malaysia pada tahun 1963.⁶ Realitinya, Indonesia menentang Malaysia melalui tindakan ketenteraan dengan

⁴ Kertas Putih, *Indonesian Intentions Towards Malaysia*; Kertas Putih, *Indonesian Aggression Against Malaysia*; Nick Van Der Bijl, *Confrontation War With Indonesia 1962-1966*, London: Pen & Sword, 2007; Justus M. Van Der Kroef, *Indonesia, Malaya, and the North Borneo Crisis*, *Asian Survey*, Vol. 3(4), 1963, hlm. 173-181; John O. Sutter, *Two Faces of Confrontation: Crush Malaysia and the Gestapu*, *Asian Survey*, Vol. 6(10), 1966, hlm. 523-546.

⁵ Kertas Putih, *Indonesian Intentions Towards Malaysia*; Kertas Putih.

⁶ Kertas Putih, *Malaya-Philippine Relations*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1963; Kertas Putih. P/PEN 3, *The Pattern off Indonesian Aggression by Dato' Mohd. Ghazali Bin Shafie*. Kuala Lumpur: Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri, 1965; Kertas Putih, *Indonesian Intentions Towards Malaysia*; E. D. Smith, *Counter-Insurgency Malaya and Borneo*, London: Ian Allan Ltd., 1985; Nick Van Der Bijl, *op.cit.*, hlm 90-103; Will Flower, *Britain's Secret War: The Indonesian Confrontation 1962-66*, London: Osprey, 2006, hlm 11-14.

tindakan agresif menceroboh dan menyerang pertahanan Malaysia di sempadan di Sarawak-Kalimantan Barat (Kalbar) dan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim), Indonesia seawal tahun 1963.⁷ Penyerangan ini membuktikan bahawa penentangan Malaysia bermula sebelum dan selepas penubuhan Malaysia.⁸

Sarawak

Pencerobohan ke atas Sarawak adalah yang terawal sebelum Malaysia terbentuk pada 16 September 1963.⁹ Sarawak adalah wilayah yang paling kerap menerima pencerobohan bagi wilayah Malaysia di Borneo. Terdapat tiga puluh siri penyerangan tentera Indonesia terhadap pasukan pertahanan British di Sarawak. Hal ini akan diperjelaskan dengan terperinci dalam Jadual 1.1 penelitian mendapati bahawa pencerobohan tentera Indonesia ke Sarawak dilakukan melalui hutan belantara yang bergunung ganang.¹⁰ Pertahanan Sarawak pada ketika itu dibawah perintah Pemerintah Tentera British Sarawak telah menghantar sepasukan anggota tentera ke Tebedu, Bahagian Pertama, bagi membantu pasukan Polis yang diserang oleh sekumpulan tentera penceroboh Indonesia pada 12 April 1963.¹¹ Hal ini merupakan aksi pencerobohan bersenjata pertama Indonesia ke atas Sarawak sebelum Malaysia ditubuhkan.¹² Serangan mengejut ke atas Pos Polis di Tebedu,

⁷ Roy Davis Linville Jumper, *Death Waits in the "Dark": The Senoi Praaq, Malaysia's Killer Elite*, Greenwood Publishing Group, 2001, hlm 137.

⁸ David Lee Watkins, *Confrontation: The Struggle For Northern Borneo*, Master Thesis, Military Arts and Science, U.S. Army Command and General Staff College, Fort Leavenworth, Kansas, 1978; Eugene Ng Wei Yang, *To What Extent did British Intelligence Have an Impact on Ending the Indonesia-Malaysian Confrontation of 1963-1966?*, Master Thesis, A in Intelligence and International Security. Department of War Studies, London: King's College, 2014.

⁹ Kertas Putih, *The Threat of Armed Communism in Sarawak*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1972; Kertas Putih, *Indonesian Intentions Towards Malaysia*; Kertas Putih, *Indonesian Aggression Against Malaysia*.

¹⁰ Syed Othman Syed Omar, *Tentera Malaysia dalam Konfrontasi*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999, hlm 41.

¹¹ J. A. C. Mackie, *op.cit.*, hlm 131.

¹² Kunaseelan Muniandy, *op.cit.*, hlm 103-104.

di Bahagian Satu, Sarawak oleh tentera Indonesia mengesahkan tindakan subversif Indonesia ke atas wilayah Sarawak.

**Jadual 1: Pencerobohan di Sarawak Pembentukan
Sebelum Malaysia 12 April -16 September 1963**

Lokasi	Bahagian	Tarikh	Penceroboh	Kemalangan
Tebedu	Satu	12 April	75	Balai polis diserang; dua SF terbunuh dan seorang cedera
Gumbang	Satu	23 April	10	Dua TNI terbunuh dan tiga cedera
Pang Ampat	Satu	4 Jun	8	Flare dinyalakan
Ensawang	Dua	6 Jun	30	Satu Iban dan 3 orang cedera
Wong Panjoi	Satu	17 Jun		Dibelokkan dengan pesawat udara suara
Kampung Enteboh	Satu	20 Jun	-	Bom bom dibuang
Kandai/Pan chau	Satu	3 Julai	4	Seorang warga Indonesia terbunuh dalam serangan hendap
Sungai Taping	Dua	4 Julai	25	Rumah panjang diserbu
Sungai Putting Lulu	Dua	6 Julai	20	Satu Indonesia dan satu orang awam terbunuh
Kampung Silik	Dua	8 Julai	2	Satu Indonesia dan satu orang awam terbunuh
Gua	Dua	4 Ogos	10	Serangan hendap SF
Tinting Lalang	Dua	8 Ogos	15	Hubungi TNKU
Song	Tiga	8 Ogos	70	Pegawai SF, 15 IBT terbunuh dan 3 ditangkap
Tinting Lalan	Dua	9 Ogos	6	TNI cedera
Kapit	Tiga	9 Ogos	9	TNI cedera dalam serangan hendap SF
Lubok Antu	Dua	10 Ogos	-	Serangan hendap SF
Tebakang	Satu	10 Ogos	3	Pertukaran

Gumbang	Satu	13 Ogos	35	Pertukaran
Stass	Satu	15 Ogos	1	Pengganggu SF boody-trap
Long Lopeng	Lima	19 Ogos	26	Pengganggu SF boody-trap
Long Akah	Empat	20 Ogos	1	Satu TNI ditangkap
Long Merarap	Lima	20 Ogos	8	SF terluka dan 5 TNI terbunuh
Gumbang	Satu	21 Ogos	30 -40	Satu SF kiled dan satu yang dibongkar.6 TNKU ditangkap
Gumbang	Satu	22/23 Ogos		SF terluka dan 5 TNI terbunuh
Gumbang	Satu	23 Ogos	2	Pertukaran dan kebakaran
Pang Tebang	Satu	23/24 Ogos	3	Pertukaran dan kebakaran
Long Lopeng	Lima	25 Ogos	3	3 IBT dari Long Bawan ditangkap
Long Merarap	Lima	26 Ogos	2-3	Pertukaran dan kebakaran
Stass Area	Satu	26 Ogos	3	2 IBT terbunuh dan satu ditangkap semasa perintah berkurung
Sungai Angkuah		30 Ogos	6	6 IBT terbunuh dan seorang cedera dalam jam malam
Sungai Angkuah	Tiga	2 Sept.	6	Tiga IBT terbunuh dan satu lagi terluka
Sungai Angkuah	Tiga	3 Sept.	1	Satu IBT terbunuh dan satu ditangkap
Kiek	Satu	7 Sept.	-	Badan Indonesia ditemui dengan risalah TNKU
Kuching	Satu	14 Sept.	1	Bom bom dilancarkan di rondaan SF di pasaran

Sumber: *Indonesia Involvement East Malaysia*, Kuala Lumpur, 1965.

Sabah

Pencerobohan tentera Indonesia ke atas Sabah berlaku selepas Malaysia.¹³ Sempadan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim), Indonesia pula menjadi sasaran tentera penceroboh Indonesia.¹⁴ Menurut rekod, terdapat tiga pencerobohan yang berlaku di sempadan Sabah-Kaltim pada tahun 1963, seperti yang diperincikan dalam Jadual 2. Pencerobohan tentera Indonesia di sempadan Sarawak telah dilakukan melalui hutan paya bakau dan laluan sungai.¹⁵ Manakala di Sabah, pos pertahanan di Kalabakan telah dikejutkan dengan serangan hendap oleh Tentera Indonesia pada 29 Disember 1963. Peristiwa ini telah dinamakan sebagai *Peristiwa Kalabakan* dalam sejarah pertanahan Malaysia.¹⁶

Jadual 2: Pencerobohan di Sabah Selepas Pembentukan Malaysia, 21 Disember – 30 Disember

Lokasi	Bahagian	Tarikh	Penceroboh	Kemalangan
Sungai Serudong	Residensi Tawau	21 Disember	-	Sebuah kedai Cina telah diserbu oleh tentera penceroboh Indonesia
Kalabakan	Residensi Tawau	29 Disember	30-40	Tentera Indonesia telah menyerang dua pos pertahanan Malaysia

¹³ Kertas Putih, *Malaya-Indonesia Relations*; *Anak Sabah*, 16 September 1963; *Sabah Times*, 16 September 1963; Kertas Putih, *Indonesian Intentions Towards Malaysia*.

¹⁴ Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Konflik Bersenjata di Sempadan Sabah-Kalimantan Timur pada Era Konfrontasi Indonesia - Malaysia 1963-1966, *Tesis Sarjana*, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 2012; Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Bilcher Bala, Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966: Satu Perspektif Sejarah Ketenteraan Malaysia, *Kertas Seminar*, Persidangan Sejarah Malaysia & Borneo, 15-17 Mei 2016, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.

¹⁵ Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, 1964, hlm 1-5; J. A. C. Mackie, *op.cit.*, hlm 131.

¹⁶ Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963, *Latihan Ilmiah*, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 2008.

Kalabakan	Residensi Tawau	30 Disember	-	SF meronda dan menembak tiga tentera penceroboh di sampun. Semua lolos. Bukti ditemui menyatakan musuh terkorban pada seorang tewas dan empat tercedera.
-----------	--------------------	----------------	---	--

Sumber: *P/PEN 10, Indonesia Involment In Eastern Malaysia*, hlm 67-75.

Pertempuran Kalabakan

Pertempuran Kalabakan merupakan satu peristiwa hitam dalam sejarah ketenteraan Malaysia.¹⁷ Tentera Malaysia yang terlibat dalam pertempuran kalabakan ialah Rejimen Askar Melayu DiRaja yang ketiga (RAMD Ke-3) menentang Tentera Indonesia. RAMD Ke-3 dengan kekuatan seramai 41 anggota tentera berhadapan dengan tentera penceroboh Indonesia dengan berkekuatan 128 anggota tentera dalam *Peristiwa Kalabakan* tersebut.¹⁸ Peristiwa atau pertempuran ini jelas memperlihatkan kualiti menentang kuantiti. Di pihak Malaysia, sumber akhbar melaporkan bahawa tentara RAMD Ke-3 telah terkorban dan tercedera.¹⁹

¹⁷ Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963, *op.cit.*; Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, *et al*, Reaksi Masyarakat Sempadan Sabah-Kalimantan Timur Terhadap Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963: Satu Persepektif Sejarah Sabah, *Kertas Seminar*, Konferensi Antara-Universiti Se-Borneo Kali-5, 15-17 Mei 2009, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu; Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Konflik Bersenjata di Sempadan Sabah-Kalimantan Timur Pada Era Konfrontasi Indonesia - Malaysia 1963-1966, *op.cit.*.

¹⁸ Syed Omar Syed Othman, *op.cit.*, hlm 93-100; Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein 1964, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1985; Will Flower, *op.cit.*, hlm 12-13; Zakaria Salleh, Biografi Seorang Jeneral Tan Sri Abdul Hamid Bidin, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm 118-120.

¹⁹ *Daily Express*, 30 Disember, 1963; Kertas Putih, *Indonesian Intentions Towards Malaysia*.

Perancangan

Maklumat mengenai pertahanan Malaysia telah dapat diketahui dengan baik oleh tentera elit Indonesia.²⁰ Mereka telah menyelusuri melalui jalan air dan hutan ke Kalabakan. Tentera elit tersebut mengetuai siri penyerangan dibantu tentera sukarelawan Indonesia. Siri penyerangan ini diketuai oleh Sarjan Rebani bersama empat unit kecil yang telah dipecahkan daripada keseluruhan kekuatan 128 orang.²¹ Maka empat unit kecil Tentera Indonesia tersebut telah berhasil melumpuhkan pos pertahanan Tentera Malaysia di Kalabakan. Justeru itu, pengalaman tersebut telah dikenangkan sebagai peristiwa hitam dalam sejarah ketenteraan Malaysia.²² Daripada 41 anggota RAMD Ke-3 yang bersiaga di pos Kalabakan, tujuh terkorban dan 18 yang lainnya tercedera. Salah satu yang terkorban ialah Mejar Zainal Abidin, yang merupakan Komandan Kompeni. Tapi ajal juga menghadang kepada Sarjan Rebani dan Subronto di saat pulang.²³ Pengepungan pos tentera Kalabakan dilakukan dengan begitu terperinci. Serangan dilakukan secara serentak ke arah Pos Tentera dan Balai Polis Hutan di Kalabakan.

Penyerangan

Tentera Indonesia telah merancang dengan begitu teliti sebelum menyerang Kalabakan.²⁴ Pasukan yang diaturgerakkan mengikut kedudukan kordinasi yang telah ditetapkan. Kekurangan pertahanan Tentera Malaysia di Kalabakan telah dapat dihidu dengan begitu baik oleh Tentera Indonesia. Serangan hendap ke oleh Tentara Indonesia akhirnya menghancurkan pertahanan Tentera Malaysia di Kalabakan.

²⁰ Suporduto Citrawijaya, *Kompeni X di Rimba Siglayan: Konfrontasi dengan Malaysia*, Jakarta: Kompas, 2007, hlm 197-198.

²¹ Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Bilcher Bala, *Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963: Patriotisme Mempertahankan Malaysia*, *op.cit.*; Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Bilcher Bala & Baszley Bee Basrah Bee, *Kalabakan Tawau Bukti Malaysia Mempertahankan Kedaulatannya ketika Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966*, *Kertas Seminar*, The 10th International Malaysian Studies Conference (MSC10), Globalization and Regionalisme: Malaysian in ASEAN Community Building, 15-17 Jun 2016, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.

²² Temubual bersama Mejar Zuraiman, Kurator Muzium Tentera Darat Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2017.

²³ *Tempoh*, 13 November 2006.

²⁴ Suporduto Citrawijaya, *op.cit.*, 197-198.

Pertahanan

Di Kalabakan, terdapat dua penempatan pasukan pertahanan dilakukan sebelum serangan dilancarkan.²⁵ Satu Pos Tentera Malaysia dan satu lagi adalah Balai Polis Hutan. RAMD Ke-3 tidak mempunyai kawalan keselamatan yang baik berbanding dengan Balai Polis Hutan yang lengkap dengan kawat berduri. Dalam Peristiwa Kalabakan, kedua-dua pasukan pertahanan Malaysia tersebut telah diserang serentak.²⁶ Kejayaan pihak Tentera Indonesia pula adalah didorong oleh satu semangat untuk menyerang berbanding pihak Tentera Malaysia lebih bersifat rutin mengawal sempadan tanpa memikirkan kemungkinan akan diserang. Situasi Konfrontasi yang semakin genting telah menyebabkan Indonesia untuk bertindak menggunakan kekuatan ketenteraan dalam keseriusannya untuk mengganyang Malaysia. Meskipun sebahagian daripada Tentera Indonesia merupakan pasukan sukarelawan *Pramukas* yang tidak mempunyai latihan ketenteraan. Tanpa mengambil kira kekurangan ini, pasukan *Pramukas* telah diaturgerakkan, termasuk 35 anggota tetap Tentera Indonesia. Kesemua pasukan Tentera Indonesia ini telah membentuk sebuah pasukan dan telah diaturgerakkan dalam empat unit atau detasmen. Unit pertama dikenali dengan kod N1, yang diperintah oleh Sarjan Benny. Unit N1 ini dianggotai oleh 36 anggota *Pramukas* termasuk lapan anggota Korps Komando Operasi (KKO). Unit kedua pula dikenali dengan kod N2, yang diperintah oleh Wayang. Ia terdiri daripada 36 anggota *Pramukas* termasuk 15 anggota KKO. Unit ketiga dikenali dengan kod W1, yang diperintah oleh Lasan. Unit ini mempunyai 34 anggota *Pramukas*. Manakala unit keempat dikenali dengan kod W2, yang diperintah oleh Sarjan Buronto daripada KKO. Unit ini terdiri daripada 22 anggota *Pramukas*. Berdasarkan maklumat perisikan, pihak RAMD Ke-3 sekadar mengetahui bahawa Tentera Indonesia telah meninggalkan kem latihan mereka di Kalimantan dan mereka telah membentuk empat unit yang dijangka akan menyeberangi sempadan Malaysia. Bahkan pihak RAMD Ke-3 juga tahu bahawa Tentera Indonesia telah tiba di Serudong pada 21 Disember, iaitu sebelum meneruskan pergerakan mereka ke Silimpopon. Walaupun telah dapat diketahui bahawa Tentera Indonesia

²⁵ Suporduto Citrawijaya, *op.cit.*, hlm 197-198.

²⁶ Suping Bin Ajak, 1Mei 2007, Ketua Kampung Kalabakan. Tawau, Sabah; Dewan Bin Hussein. 23 Julai 2014, 69 Tahun. Kampung Kalabakan. Tawau, Sabah; Antalai Anak Bangai, 80 Tahun. 23 Julai 2014, Kampung Kalabakan. Tawau, Sabah.

telah melepasi sempadan Malaysia, tetapi arah pergerakan yang spesifik masih gagal dikesan oleh pihak RAMD Ke-3.

Pertahanan Malaysia di Sarawak dan Sabah

Pertahanan Malaysia pada seawal tahun 1963 masih dalam proses pembentukan.²⁷ Jadual 3 menunjukkan pasukan pertahanan Malaysia di Sarawak dan Sabah pada ketika berhadapan tindakan pencerobohan oleh Tentera Indonesia. Kekuatan pertahanan Malaysia adalah dibantu oleh tentera British, tentera Gurkha dan tentera Australia, seperti pada Jadual 4. Sepanjang tempoh Konfrontasi, pasukan pertahanan Malaysia daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah berjumlah 12,000 anggota berbanding pasukan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) yang berjumlah 320,000 anggota. Dalam masalah Konfrontasi ini, Malaysia telah bernasib baik kerana menerima bantuan daripada kerajaan British dan sekutunya, iaitu Australia dan New Zealand.²⁸ Selain itu, pertahanan Malaysia turut diperkuatkan dengan pasukan paramiliter yang terdiri dari penduduk lokal di Sarawak dan Sabah, seperti *Border Scout*, *Sarawak Field Force*, *Iban Tracker* dan *Home Guard*, seperti pada Jadual 3.

Jadual 3: Pasukan Pertahanan Malaysia di Sarawak dan Sabah, 1963

Malaysia	Paramiliter
Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD1)	<i>Border Scout</i>
Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD2)	<i>Sarawak Field Force</i>
Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD3)	<i>Iban Tracker</i>
Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD4)	<i>Home Guard</i>
Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD5)	
Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD6)	
Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD7)	
Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD8)	
Renjer	
Polis Hutan	

Sumber: Nick Van Der Bijl (2007).

²⁷ Zakaria Salleh, *op.cit.*, hlm 115.

²⁸ Syed Othman, *op.cit.*, hlm 35-39.

**Jadual 4: Tentera British, Gurkha, Australia di
Sarawak dan Sabah, 1963**

Tentera	Unit
British	40 Commando Royal Marines
British	42 Commando Royal Marines
British	1st Battalion, Scots Guards
British	1st Battalion, King's Own Scottish Borders
British	1st Battalion, Gordon Highlanders
British	1st Battalion, Royal Ulster Rifles
British	1st Battalion, Durham Light Infantry
British	1st Battalion, Argyll and Sutherland Highlanders
British	2nd Battalion, Green Jackets
British	3rd Battalion, Green Jackets
British	2nd Battalion, Parachute Regiment
British	1st Battalion, Royal Hampshire Regiment
Gurkha	1st Battalion, 2nd Gurkha Rifles
Gurkha	2nd Battalion, 2nd Gurkha Rifles
Gurkha	1st Battalion, 6th Gurkha Rifles
Gurkha	2nd Battalion, 6th Gurkha Rifles
Gurkha	1st Battalion, 7th Gurkha Rifles
Gurkha	2nd Battalion, 7th Gurkha Rifles
Gurkha	1st Battalion, 10th Gurkha Rifles
Gurkha	2nd Battalion, 10th Gurkha Rifles
Australia	3rd Battalion, Royal Australian Regiment
Australia	4th Battalion, Royal Australian Regiment

Sumber: Nick Van Der Bijl (2007).

Dapatan Kajian

Situasi Konfrontasi di Sarawak dan Sabah jelas memperlihatkan Malaysia diserang oleh Tentera Indonesia. Penyerangan ke atas Balai Polis Tebedu, dan *Peristiwa Kalabakan* dapat memperlihatkan bahawa Malaysia telah diancam dengan tindakan ketenteraan dibawah Rejim Sukarno sebelum dan selepas pembentukan Malaysia. Bukti dan kesan penyerangan tersebut masih boleh dilihat hingga ke hari. Misalnya, di Balai Polis Tebedu dapat diitunjukkan melalui Foto 1, Foto 2, dan Foto 3 , yang dirakamkan semasa kerja lapangan ke lokasi kejadian.

**Foto 1: Balai Polis Tebedu yang Pernah Diserang,
12 April 1963**



Sumber: Kerja Lapangan, 2017

Foto 2: Kesan Tembakan di Pagar Balai Polis Tebedu



Sumber: Kerja Lapangan, 2017

Foto 3: Kesan Tembakan di Balai Polis Tebedu



Sumber: Kerja Lapangan, 2017

**Foto 4: Tangkapan dalam Operasi Menjejaki
Penyerang Kalabakan**



Sumber: <http://www.northborneohistory.com>

**Foto 5: Tangkapan dalam Operasi Menjejaki
Penyerang Kalabakan**



Sumber: <http://www.northborneohistory.com>

**Foto 6: Tangkapan dalam Operasi Menjejaki
Penyerang Kalabakan**



Sumber: <http://www.northborneohistory.com>

Manakala, penyerangan oleh Tentera Indonesia ke atas pos pertahanan di Kalabakan pula merupakan tindakan dan sikap yang lebih bersifat permusuhan oleh Indonesia terhadap Malaysia, terutamanya dengan niat untuk menggagalkan pelan penubuhan Persekutuan Malaysia.²⁹ Pihak Indonesia merasakan bahawa wilayah di Borneo tidak wajar bergabung dalam Malaysia. Setelah *Peristiwa Kalabakan* itu, Tentera Malaysia telah berusaha menjejaki saki baki Tentera Indonesia di sekitar Kalabakan dan menangkap beberapa orang tenteranya.³⁰ Dalam usaha ini, ada dalam kalangan Tentera Indonesia yang telah terkorban kerana cuba untuk melepaskan diri dari kawasan sempadan Malaysia ke kawasan Indonesia. *Peristiwa Kalabakan* menjadi satu peringatan penting dalam sejarah Malaysia, seperti Foto 7 dan Foto 8.

Foto 7: Major Sumari serahkan senjata



Sumber: Suporduto Citrawijaya, 2006.

²⁹ Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein 1964, Kuala Lumpur:Arkib Negara Malaysia,1985.

³⁰ Zakaria Salleh, *op.cit.*, hlm 118-120; Syed Othman Syed Omar, *op.cit.*, 93-100; temubual bersama Mejar Kamal Helmi Bin Majid, Pegawai Risik RAMD ke 3 di Markas RAMD Ke-7 di Semporna, Sabah. pada 1 Mei 2007.

**Foto 8: Perdana Menteri Malaysia Pertama Meletakkan
Batu Asas Peringatan Tugu Kalabakan**



Sumber: *DailyExpress*, 30 Disember 1966

Kesimpulan

Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia adalah episod penting dalam lipatan sejarah Malaysia pasca merdeka. Pencerobohan ketenteraan yang dilancarkan oleh Tentera Indonesia memperlihatkan tekad Regim Sukarno untuk menggagalkan pelan Malaysia dengan menggunakan tindakan ketenteraan. Di Malaysia, Konfrontasi dianggap terlalu sensitif. Sebaliknya bagi Indonesia, Konfrontasi dilihat sebagai satu perjuangan murni. Pencerobohan dan penyerangan di sempadan Sarawak dan Sabah pada tahun 1963 memberi cabaran getir buat Tentera Malaysia, yang dibantu oleh tentera sekutu British.

Rujukan

Rekod Kerajaan Malaysia

- Kertas Putih. 1963. *Malaya-Indonesia Relations*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Kertas Putih. 1963. *Malaya-Philippine Relations*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Kertas Putih. 1964. *Indonesian Intentions Towards Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Kertas Putih. 1965. *Indonesian Aggression Against Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan

- Kertas Putih. 1972. *The Threat of Armed Communism in Sarawak*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Kertas Putih. P/PEN 10. 1965. *Indonesian Involvement in Eastern Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Kertas Putih. P/PEN 3. 1965. *The Pattern of Indonesian Aggression by Dato' Mohd. Ghazali Bin Shafie*. Kuala Lumpur: Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri.

Akhbar

- Anak Sabah*, 16 September, 1963.
- Berita Harian*, 18 September, 1963.
- Daily Express*, 30 Disember, 1963.
- N.B.N. & Sabah Times*, 15 Febuari, 1963.
- Sabah Times*, 16 September, 1963.
- Tempoh*, 13 November 2006.

Buku

- Arkib Negara Malaysia. 1985. Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein 1964. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Cross, J. P. 1989. *Jungle Warfare Encounters*. London: Armour and Armour Press.
- Departemen Penerangan Republik Indonesia. 1964. *Gelora Konfrontasi Mengganjang Malaysia*, Djakarta: Departemen Penerangan Republik Indonesia.
- Dickens, P. 1991. *SAS The Jungle 22 Special Air Service Regiment in The Borneo Campaign 1963-1966*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.Publishing.
- Flower, W. 2006. *Britain's Secret War The Indonesian Confrontation 1962-66*. London: Osprey.
- James, H. & Sheil-Small, D. 1991. *The Underclared War*. London: Leo Cooper.
- Jumper, R. D. L. 2001. *Death Waits in the "Dark": The Senoi Praaq, Malaysia's Killer Elite*. Greenwood Publishing Group.
- Mackie, J. A. C. 1974. *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Muniandy, K. 1996. *Hubungan Indonesia Malaysia 1957-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. *Konfrontasi Indonesia Malaysia*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saravanamuttu. 1983. *The Dilenma Policy, Malaysia's Foregimma of Indepence: Two Decades of Malaysia's Foregin Policy, 1957-1977*. Penang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.

- Smith, E.D. 1985. *Counter-Insurgency Malaya and Borneo*. London: Ian Allan Ltd.
- Smith, N.C. 1999. *Nothing Short of War with the Australia Army in Borneo 1962-66*. Melbourne: Mostly Unsung Military.
- Syed Othman Syed Omar. 1999. *Tentera Malaysia dalam Konfrontasi*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj. 1980. *Pandang Balik*. Singapore: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Van Der Bijl, N. 2007. *Confrontation War with Indonesia 1962-1966*. London: Pen & Sword.

Jurnal

- David, E. 2001. British Intelligence and Propaganda During the "Confrontation", 1963-1966. *Intelligence and National Security*. 16 (2). Hlm. 83-102.
- Donald, H. 1964. Indonesia Confrontation With Malaysia. *Asian Survey*. 4 (6). Hlm. 904-913.
- Kahin, G. Mct. 1964. Malaysia and Indonesia'. *Pasific Affairs*. 37 (3). Hlm. 253-270.
- Sutter, J. O. 1966. Two Faces of Confrontation: Crush Malaysia And The Gestapu'. *Asian Survey*. 6 (10). Hlm. 523-546.
- Kroef, J. M. V. D. 1963). Indonesia, Malaya, and the North Borneo Crisis. *Asian Survey*. 3 (4). Hlm. 173-181.
- Zakaria Salleh. 1995. Biografi Seorang Jeneral Tan Sri Abdul Hamid Bidin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kertas Kerja

- Carlin, T. M. 1994. *Claret The Nature of War And Diplomacy: Special Operations In Borneo 1963-1966*. Carlisle Barracks: Pennsylvania. U.S. Army War College.
- Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Baszley Bee Basrah Bee dan Wan Shawaluddin Wan Hassan. 2009. Reaksi Masyarakat Sempadan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim) Terhadap Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963: Satu Perspektif Sejarah Sabah. *Prosiding Konfrensi Antara Universiti Se-Borneo Kali Ke-5: Pengalaman Modenisasi*. Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Rahman Mad Ali @ Abang dan Bilcher Bala. (2016). Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966: Satu Perspektif Sejarah Ketenteraan Malaysia. *Persidangan Sejarah Malaysia & Borneo 2016*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

- Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, Bilcher Bala dan Baszley Bee Basrah Bee. 2016. Kalabakan Tawau Bukti Malaysia Mempertahankan Kedaulatannya Ketika Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966. *The 10th International Malaysian Studies Conference (MSC10) Globalization And Regionalisme: Malaysian In ASEAN Community Building*. 15-17 Jun. Kota Kinabalu, Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Rahman Mad Ali @ Abang dan Bilcher Bala. 2017. Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963: Patriotisme Mempertahankan Malaysia, *Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan (PAPK)*, 24-25 Mei, Kota Kinabalu, Universiti Malaysia Sabah.

Latihan Ilmiah/ Tesis

- Abdul Rahman Mad Ali @ Abang. 2008. Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963. *Latihan Ilmiah*. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Rahman Mad Ali @ Abang. 2012. Konflik Bersenjata di Sempadan Sabah-Kalimantan pada Era Konfrontasi Indonesia 1963-1966. *Tesis Sarjana*. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.
- Ng, W. Y. E. 2014. To What Extent did British Intellegence Have An Impact on Ending the Indonesia-Malaysian Confrontation of 1963-1966? *Master Thesis*. Itelligence and International Security. Departmen of War Studies. London: King's College.
- Lee, W. D. 1978. Confrontation: The Struggle for Northen Borneo. *Master Thesis*. Military Arts and Science. U. S. Army Command and General Staff College. Fort Leavenworth, Kansas.

Temubual

- Antalai Anak Bangi. 24 Disember 2007. Veteran Home Guard. Kampung Kalabakan Tawau, Sabah.
- Dato' Mamun Ibni Almarhum Djalaluddin. 28 Julai 2010. Mantan Ketua Bultiken. Taman New Asia, Tawau, Sabah.
- Dato' Mamun Ibni Almarhum Djalaluddin. 9 Mac 2010. Mantan Ketua Bultiken. Kampung Muhibah, Tawau, Sabah.
- Dewan Bin Hussien. 23 Disember 2007. Veteran Home Guard. Kampung Kalabakan Tawau, Sabah.
- Lefternan Koloneal (B) Malakan Bin Kamaruddin. 3 Mac 2010. Veteran Konfrontsi Indonesia-Malaysia di Kalabakan dan Pulau Sebatik. Kampung Bonggek, Rembau, Negeri Sembilan.
- Mejar Kamal Helmi Bin Majid. 1 Mei 2007. Pegawai Risik RAMD Ke-3 di Markas RAMD Ke-7 di Semporna, Sabah.

*Pencerobohan dan Serangan Tentera Indonesia
Terhadap Sarawak dan Sabah Pada Tahun 1963*

*Abdul Rahman Mad Ali @
Abang, et. al.*

Mejar Zuraiman. 2016. Kurator Muzium Tentera Darat Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Staf Sarjan. 1 Mei 2007. Burhan Bin Mugayat. Ketua Pos Tentera Darat di Kalabakan.

Suping Bin Ajak. 1 Mei 2007. Ketua Kampung Kalabakan, Tawau, Sabah.

Perjanjian Malaysia 1963: Penelusuran Cabaran dan Kesan Terhadap Sistem Pendidikan di Sarawak (1963 – 1973)

Suzanne Atar¹

Manuskrip diterima: 30 April 2019

Diterima untuk penerbitan: 11 Julai 2019

¹ Suzanne Atar, Calon Doktor Falsafah, Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. Email: suzanneatar@yahoo.com.

Abstract

The Malaysia Agreement 1963 has greatly changed the fate and future of Sabah and Sarawak. The establishment of Malaysia 1963 sets out the protection to protect the rights and privileges of the people in Sarawak through a series of Inter-Governmental Committee (IGC) Reports which form the basis of the 1963 Malaysia Agreement and the Federal Constitution of Malaysia. Educational autonomy is one of the rights given to Sarawak to protect the education system through the Sarawak Education Ordinance since colonial times as well as official languages in Sarawak, namely English. However, a series of amendments to the Act involving the interests of children in the effort of providing quality education led many to see that this is what makes the education autonomy in the 1963 Malaysia Agreement irrelevant to be debated and championed. The findings of the paper discussion aim to prove that Sarawak's association in the Establishment of Malaysia 1963 has greatly benefited the Sarawak-based education system in line with other states in Malaysia in line with the education sector is a field set under the jurisdiction of the federal government of Malaysia.

Keywords: *Malaysia Agreement 1963, IGC Report, Autonomy, Education, Sarawak*

Abstrak

Perjanjian Malaysia 1963 telah banyak merubah nasib dan masa depan negeri Sabah dan Sarawak khasnya. Penubuhan Malaysia 1963 menetapkan perlindungan bagi melindungi hak dan keistimewaan rakyat di negeri Sarawak melalui siri Laporan IGC yang dijadikan asas kepada Perjanjian Malaysia 1963 dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Autonomi pendidikan adalah salah satu daripada hak yang diberikan kepada Sarawak bagi melindungi sistem pendidikan menerusi Ordinan Pelajaran Sarawak sejak dari zaman colonial dan juga bahasa rasmi di Sarawak iaitu bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, beberapa siri pindaan akta yang melibatkan kepentingan kanak-kanak dalam usaha memberikan pendidikan yang berkualiti menyebabkan ramai yang melihat bahawa perkara inilah yang membuatkan autonomi pendidikan di dalam Perjanjian Malaysia 1963 adalah tidak relevan untuk diperdebatkan dan diperjuangkan. Hasil dapatan perbincangan makalah bertujuan untuk membuktikan bahawa kebersamaan Sarawak di dalam Penubuhan Malaysia 1963 telah banyak memberi manfaat kepada sistem pendidikan yang digunapakai oleh Sarawak selari dengan negeri lain di Malaysia selaras dengan bidang pendidikan adalah bidang yang diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan Malaysia.

Kata Kunci: Perjanjian Malaysia 1963, Laporan IGC, Otonomi, Pendidikan, Sarawak

Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia pada hari ini banyak dipengaruhi oleh sistem kontrak sosial yang bertitik tolak daripada kepelbagaian masyarakat majmuk yang menghuni negara ini. Di Persekutuan Tanah Melayu, sistem pendidikan adalah mengambil kira daripada kepentingan tiga buah kaum yang utama di Tanah Melayu iaitu kaum Melayu, Cina dan India. Justeru, dalam usaha untuk mempertimbangkan keistimewaan daripada tiga kaum tersebut, maka diwujudkan pelbagai jenis laporan dan akta pendidikan. Setiap laporan dan akta yang dirangka mengandungi cadangan mengenai sistem pendidikan yang ingin diimplementasikan tanpa mengabaikan hak sesuatu kaum. Namun demikian, matlamat utama sistem pendidikan kebangsaan perlu diadakan bagi mengganti sistem pendidikan yang dibawa oleh penjajah. Dasar Pendidikan Kebangsaan yang pertama adalah melalui Penyata Razak 1957 dan termaktub dalam Ordinan Pelajaran, 1957.

Kemudiannya Laporan Rahman Talib yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 telah digunapakai setelah Penyata Razak disemak semula pada tahun 1960. Akta Pelajaran 1961 ini kemudiannya terpakai sehinggalah ke hari penubuhan Malaysia bagi Sarawak dan Sabah, namun tertakluk kepada Ordinan Pelajaran negeri masing-masing. Seperti juga Malaya (Tanah Melayu atau Semenanjung Malaysia), Sarawak mempunyai sejarah bahawa negeri mereka dijajah oleh British.

Corak pentadbiran yang dibawa membawa cerminan dan elemen British di kedua-dua wilayah tersebut. Meskipun Sarawak ditadbir oleh Dinasti Brooke yang asalnya merupakan warga British, justeru corak pemerintahan adalah mengikut corak pemerintahan di Britian. Dalam soal pendidikan tidak begitu dipentingkan oleh Dinasti Brooke. Namun pemerintah Dinasti Brooke tidak pernah menghalang mana-mana mubaligh dan juga orang perseorangan untuk membuka sekolah bagi menyediakan laluan kepada rakyat untuk mendapat pendidikan. Elemen mengenai peri pentingnya bahasa Inggeris yang digunakan oleh pentadbiran kerajaan Dinasti Brooke sehingga pada ketika Sarawak menjadi koloni mahkota British menjadi asas kekukuhan bahasa ini digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah sekaligus memberikan keistimewaan bagi negeri tersebut dan mengasingkan corak sistem pendidikan dengan Tanah Melayu. Bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar dan bahasa rasmi utama yang digunakan di Sarawak. Oleh yang demikian, dalam Laporan IGC bagi perkara 17 (a)(i) kepentingan bahasa Inggeris ditekankan agar dasar penggunaan bahasa tersebut diteruskan. Segala perubahan yang berlaku selepas penubuhan Malaysia telah memberi kesan kepada Sarawak sehingga ke hari ini.

Malahan sejak kebelakangan ini, isu otonomi berkaitan dengan pendidikan mulai didengari setelah lebih 56 tahun Sarawak merdeka dalam Malaysia. Oleh yang demikian, dalam makalah ini, akan diselitkan mengenai sejarah perjalanan sistem pendidikan yang telah dilalui oleh Sarawak. Sejarah perjalanan ini kemudiannya akan dibahagikan kepada dua fasa, iaitu sistem pendidikan pada zaman pemerintah Brooke dan selepas penubuhan Malaysia. Di samping itu, perbincangan juga akan melibatkan mengenai kepentingan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di Malaysia dan kesannya kepada Sarawak. Melalui agenda pendidikan yang diletakkan di bawah kerajaan Persekutuan, makalah ini juga akan menjelaskan lanjut mengenai perkembangan pertambahan bilangan sekolah dan bilangan kanak-kanak di Sarawak yang mendapat pendidikan selepas sepuluh tahun Sarawak berada dalam Malaysia.

Sistem Pendidikan pada Zaman James Brooke dan British

Semasa zaman pemerintahan Brooke selama 100 tahun di Sarawak, bidang pendidikan hanya bermatlamatkan untuk menyediakan tenaga kerja bagi kerajaan dan untuk melatih rakyat menjadi petani dan nelayan yang lebih baik berbanding ibubapa mereka. Malahan dapat dikatakan bahawa sistem pendidikan tidak bermatlamat untuk mengubah tradisi dan kehidupan masyarakat di negeri tersebut. Senario pendidikan di Sarawak pada masa itu dapat dibahagikan kepada tiga perkara yang utama. Pertama, kemunculan sistem persekolahan yang bersifat majmuk dengan pelbagai tujuan dan objektif, iaitu pendidikan bagi orang Melayu; pendidikan bagi orang peribumi; pendidikan bagi orang Cina; pendidikan bagi orang India, dan; pendidikan aliran Inggeris. Kedua, pendidikan yang disediakan oleh pihak berkepentingan yang berbeza, iaitu kerajaan Dinasti Brooke dan sektor swasta (mubaligh Kristian (Anglikan, Roman Katolik, Seven Day Adventist, Methodist); dan pihak berkuasa agama Melayu- Muslim, komuniti Cina). Ketiga, pembangunan yang tidak sama rata baik secara spatikal mahupun secara etnik, iaitu secara rasional seperti di bandar Kuching yang lebih progresif dalam pembangunan kemudahan pendidikan dan Sarawak luar bandar yang kurang maju dalam kemudahan pendidikan; secara etnik kerana kadar celik huruf yang lebih tinggi di kalangan Cina dan kadar celik huruf yang lebih rendah di kalangan orang asli.¹

Keadaan kemudahan pendidikan di Sarawak berada dalam keadaan yang daif setelah berakhirnya pemerintahan Jepun di Sarawak pada tahun 1945. Keadaan Sarawak pada ketika itu dikatakan sangat teruk akibat kemusnahan selepas perang. Pada ketika itu, Dinasti Brooke tidak sanggup lagi untuk mentadbir Sarawak atas sebab masalah pewaris untuk memerintah Sarawak dan juga masalah perbelanjaan yang besar yang terpaksa ditanggung oleh mereka, yang berada di luar kemampuan selepas perang. Oleh yang demikian, Rajah Charles Vyner Brooke telah bersetuju untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada 1 Julai 1947 sebagai jajahan mahkota British. Penyerahan Sarawak kepada pihak British bukan sahaja mendapat tentangan daripada rakyat malahan daripada ahli *Council Negri* (Majlis Negeri) sendiri atas desakan

¹ Ong Puay Liu, et.al., The Making of Malaysian Solidarity: A Historical Look at Education and Social Cojesion in Sarawak, *Malaysia Journal of Society and Space*, Vol. 10 (1), 2014, hlm. 40.

masyarakat yang berada di bawah kawasan yang mereka wakili. Namun demikian, ahli *Council* Negri dinasihatkan untuk tidak terpengaruh dengan sentimen rakyat malahan berfikir secara waras akan masalah utama yang ditanggung oleh kerajaan Dinasti Brooke. Perkara ini telahpun disebut oleh Mr. Kennedy dalam sidang DUN Sarawak pada tahun 1946 mengenai bebanan kewangan yang dihadapi oleh kerajaan Dinasti Brooke selain bergantung simpati kepada kerajaan kolonial British.²

Selepas tamatnya perang dan penjajahan Jepun, terdapat gesaan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang lebih formal, terutamanya di peringkat sekolah rendah. Bilangan kanak-kanak yang mendaftar untuk bersekolah meningkat dari 19,000 orang pada tahun 1940 kepada 30,000 orang pada tahun 1946.³ Dalam pada itu, kerajaan British mempunyai kesukaran dari segi bebanan kewangan dalam menubuhkan sekolah yang baharu. Sebaliknya apa yang boleh dilakukan oleh kerajaan British adalah dengan meneruskan polisi Dinasti Brooke dahulu, yang menggalakan mubaligh Kristian dan juga mana-mana pihak yang berminat untuk menubuhkan sekolah mereka sendiri. Jalan penyelesaian untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan British terhadap kemudahan pendidikan pada masa itu adalah dengan menubuhkan pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab untuk membina sekolah yang baharu, menyelenggara bangunan dan membiayai kewangan harian operasi sekolah. Sekitar tahun 1948, strategi kerajaan British adalah memperkenalkan kaedah 'self-help' akibat kekurangan kewangan selepas perang.⁴ Sekolah yang dibina oleh pihak berkuasa tempatan hanya terhad kepada sekolah rendah sahaja. Menurut Idrus (1990), bilangan sekolah yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa tempatan dan bilangan murid adalah seperti berikut; pada tahun 1957 terdapat 270 buah sekolah dengan bilangan murid seramai 17,182 orang; pada tahun 1958 terdapat 338 buah sekolah dengan bilangan murid 23,521 orang; pada tahun 1959, terdapat 386 buah sekolah dengan murid seramai 23,

² *Minutes of Council Negri Meeting*, 16 May 1946, hlm. 9.

³ Ong Puay Liu, et.al., *op.cit.*, hlm. 44.

⁴ Najihah Binti Abdul Mutalib, Pencapaian Masyarakat Melayu Sarawak dalam Bidang Pendidikan Sebelum dan Selepas Merdeka, *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 20, 2009, hlm. 230.

079 orang, dan; meningkat kepada 433 buah sekolah dengan 32, 240 orang murid pada tahun 1960.⁵

Keperluan untuk pembinaan sekolah menengah semasa zaman pemerintahan British telah banyak disediakan oleh mubaligh, dan sekolah Cina kebanyakan dibina di kawasan bandar utama. Sehingga tahun 1957, kerajaan British membina sekolah menengah di Tanjung Lobang, Miri. Pada tahun 1959 dua buah sekolah menengah telah dibina di Kanowit dan Kuching. Selain itu, pada tahun 1961, terdapat dua buah sekolah menengah dibina di Mukah dan Simanggang, dan kemudiaannya di Bau, Kuching dan Limbang. Laporan David McLellan yang telah dikeluarkan pada Februari 1960 dan telah diluluskan oleh *Council Negri* dan kerajaan British untuk menambah bilangan sekolah dan menambah baik kemudahan persekolah di negeri ini. Melalui kelulusan kerajaan British berdasarkan laporan David McLellan yang dipanjangkan sehingga 1964 ternyata memberi implikasi yang besar terhadap kewangan negeri Sarawak. Dalam siri laporan bermusim yang dikeluarkan pada tahun 1960 ada menyatakan;

*The normal expansion of the existing school system is likely to result in increased Recurrent Expenditure of \$1,000,000 per annum, bringing the total spent on Education in the Recurrent Budget from \$10,000,000 in 1960 to \$14,000,000 in 1964. The implementation of the proposal in this Sessional Paper will result in this total approaching \$15,000,000 per annum by 1964. This means the total percentage of total recurrent expenditure spend on Education will rise from 18% in 1960 to an estimated 22% in 1964.*⁶

Melalui pelaksanaan Laporan David McLellan ini adalah diharap sehingga 30% murid yang telah menamatkan persekolahan di darjah

⁵ Idrus Syed Ahmad Syed & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Siri Pendidikan, Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1990, hlm. 163.

⁶ Untuk keterangan lanjut sila rujuk *Sessional Paper No. 2 of 1960 Sarawak Council Negri Secondary Education Presented by Command of His Excellency the Governor*, 1960, hlm. 1.

enam akan dapat melanjutkan pengajian di peringkat sekolah menengah yang dibayai oleh derma orang awam.⁷

Beban kewangan negeri mengenai pendidikan yang ditanggung oleh kerajaan negeri pernah disuarakan dalam sidang perbahasan DUN pada tahun 1959.⁸ Pada awal tahun 1959 sahaja, Jabatan Pendidikan Sarawak menjangka akan membelanjakan sebanyak \$9,000,000 dalam peruntukan bajet yang diberikan kepada jabatan tersebut. Sejumlah \$7,000,000 diperuntukan dan diagihkan kepada sekolah jenis bantuan di bawah sistem geran yang telah diperkenalkan oleh Mr. Woodhead dan diluluskan oleh Majlis Penasihat berkenaan dengan sistem pembiayaan sekolah.⁹ Di samping itu, sistem persekolahan yang diwujudkan sejak zaman Dinasti Brooke dan sehingga pada zaman kerajaan British telah memisahkan murid mengikut aliran kaum dan juga sistem pendidikan dan pengajaran. Oleh kerana wujudnya banyak aliran persekolahan, satu mekanisme perlu diwujudkan. *The Blue Report* yang digubal pada tahun 1935 adalah antara contoh mekanisme yang telah diwujudkan untuk mengatasi masalah bahasa yang harus digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Laporan ini telah menyarankan agar bahasa Inggeris digunakan sebagai medium untuk kurikulum pengajaran kecuali di sekolah Cina.¹⁰ Selain itu, laporan ini juga menyarankan agar segala kelemahan yang wujud dalam kurikulum di sekolah menyarankan agar kualiti guru harus ditingkatkan melalui latihan perguruan yang lebih intensif.

Juga lebih banyak geran perlu diberikan oleh kerajaan kepada pertubuhan mubaligh dan sekolah Cina bagi membolehkan mereka memberikan pendidikan kepada rakyat. Antara geran yang disarankan ialah geran operasi dan geran kewangan. Program pendidikan yang dijalankan di Sarawak dilihat sangat bergantung kepada sokongan luar. Misalnya, Sarawak lebih banyak menerima bantuan dana daripada kerajaan luar dan juga melalui Rancangan Colombo. Dalam pada itu juga,

⁷ *His Excellency the Governor's Address to Council Negri on Tuesday, 6 December 1960*, hlm. 3.

⁸ Sila rujuk *Sarawak Council Negri Debates Official Report Eight Meeting of the First Session of the Third Council Negri Kuching*, 2nd, 3rd& 4th Jun 1959, hlm. 57 - 58.

⁹ *Ibid.*, hlm. 60.

¹⁰ Ong Puay Liu, et.al., *op.cit.*, hlm. 45.

Sarawak dilihat cukup bertuah kerana mendapat bantuan daripada kerajaan Australia dari segi memperpanjangkan khidmat pegawainya dan menghantar dua orang pegawainya ke Institut Perguruan Batu Lintang. Bantuan daripada New Zealand juga diterima oleh Sarawak, iaitu Pegawai Multimedia Sekolah (*School Broadcasting Officer*) dan sekumpulan Pengetua disalurkan kepada sekolah kaum Dayak. Kerajaan Canada juga pernah menghantar dua orang guru untuk sekolah di Kanowit. Sarawak juga telah menerima manfaat dan pertolongan melalui Skim Pendidikan Komanwel (*Commonwealth Education Scheme*) dengan memperolehi pengetua yang baru bagi sekolah menengah dengan beberapa syarat yang ditetapkan selain menghantar guru muda tempatan yang berkelayakan bagi mendapatkan latihan perguruan di United Kingdom.

The Asia Foundation pula mendermakan buku kepada sekolah di Sarawak dan menghadiahkan set penerimaan radio bagi skim *School Broadcasting*. Bantuan daripada kerajaan New Zealand juga tidak terhenti bagi Sarawak apabila tiga pakar dalam bidang pendidikan dihantar untuk meneliti semula silibus kurikulum sekolah yang diguna pakai di Sarawak, yang bertujuan untuk membantu dalam pembangunan pendidikan di negeri tersebut.¹¹ Selain itu, terdapatnya gesaan untuk mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan yang bersifat seragam.¹² Walaupun begitu banyak bantuan dan bentuk program diterima oleh Sarawak untuk memperbaiki sistem pendidikannya. Selepas tahun 1961, terdapat gesaan dalam *Council Negri* mengenai masalah kekurangan pengetua/pengetua sekolah. Masalah pertama, berpunca daripada kebergantungan terhadap pengetua daripada luar, dan hanya dapat berkhidmat dalam jangka masa yang pendek. Masalah kedua pula, Sarawak masih kekurangan guru tempatan yang boleh diunjurkan untuk membentuk kumpulan penyeliaan hanya selepas setahun menjadi guru besar/pengetua di sesebuah sekolah. Terdapat permintaan yang tinggi untuk perjawatan penyeliaan dalam sektor pendidikan di Sarawak namun begitu kebanyakan guru besar pada ketika itu terpaksa diunjurkan perjawatan penyelia sedangkan adalah

¹¹His Excellency the Governor's Address to Council Negri on Tuesday, 6 December 1960, hlm. 3.

¹² *Ibid.*, hlm. 3.

lebih baik sekiranya mereka menjadi guru besar di sekolah tersebut untuk tempoh beberapa tahun lagi.¹³

Guru besar/pengetua yang menunjukkan kebolehan khas terpaksa dinaikan pangkat untuk menjadi penyelia kepada pertambahan sekolah, dan juga melatih guru yang masih baru dan memerlukan bimbingan, melatih kakitangan yang baru dalam pembangunan multimedia sekolah atau dalam segala urusan perjawatan ketua, membangunkan sistem persekolahan seiring dengan pertumbuhan sistem sekolah yang baharu.¹⁴ Selepas menyertai penubuhan Malaysia, pendidikan di Sarawak mengalami masalah dari segi ketidaksamarataan dalam dari segi silibus pembelajaran di antara Sarawak dan Malaya. Contohnya, kes masalah ketidadaan buku teks yang memenuhi pawiain kurikulum buku teks sains dan matematik yang digunakan di sekolah menengah aliran Cina di Malaya, yang telah diluluskan menerusi Ordinan Pelajaran adalah tidak boleh digunakan di Sarawak.¹⁵ Selain itu, masalah peruntukan untuk sekolah rendah bantuan juga mengalami masalah dari segi pemberian geran yang mana pemberian geran tidak lagi diberikan secara konsisten, masalah pemansuhan Kelas Peralihan yang tidak lagi dijalankan telah mendatangkan masalah kepada murid Cina apabila turun ke Tingkatan Satu dari sekolah menengah bantuan Cina selepas menamatkan pendidikan di Tahun Enam yang tidak dapat mengikuti subjek yang diajar di sekolah menengah.¹⁶

Di samping itu, masalah layanan yang tidak sama rata di antara guru sekolah bantuan dan juga pihak berkuasa tempatan berbanding dengan guru yang bekerja di sekolah kerajaan.¹⁷ Sehingga tahun 1964, kekurangan guru besar/pengetua di sekolah kerajaan dalam kalangan anak Sarawak juga turut mendapat perhatian pihak kerajaan negeri

¹³ *Sarawak Council Negri Debates*, 5 Disember 1961, hlm. 122.

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 123.

¹⁵ Sila rujuk sesi perbahasan di Council Negri dalam *Sarawak Council Negri Debates Official Report Second Meeting of the Second Session of the Council Negri*, 24 Februari 1964, hlm. 85-87.

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 88.

¹⁷ Sila rujuk *Ibid.*, hlm. 89.

Sarawak.¹⁸ Namun satu perkara yang memberi kesan langsung kepada masa depan anak Sarawak pada ketika itu adalah perlanjutan sekolah ke alam sekolah menengah. Ramai dalam kalangan anak Sarawak yang telah menamatkan persekolahan di Sekolah Rakyat dan Sekolah Daerah telah terhenti hanya di peringkat rendah sahaja. Murid lepasan sekolah rendah mempunyai peluang yang agak terhad untuk melanjutkan ke peringkat menengah memandangkan bilangan sekolah yang terhad pada awal tahun 1950-an.¹⁹

Perubahan Struktur Pendidikan Selepas Penubuhan Malaysia

Penubuhan Malaysia memperlihatkan agenda pendidikan di Sarawak telah menjadi bidang kuasa kerajaan Persekutuan. Perkara tersebut boleh dirujuk dalam Laporan *Inter Governmental Committee* (IGC) pada Annex A, Jadual Sembilan, Senarai Bidang Kuasa Persekutuan, No.13.²⁰ Menurut Laporan IGC, meskipun pendidikan adalah dibawah bidang kuasa Persekutuan, polisi yang sudah sedia ada dan sistem pentadbiran pendidikan di Borneo Utara dan Sarawak (termasuk ordinan yang terkini) seharusnya tidak diganggu dan perlu dikekalkan di bawah kawalan kerajaan Negeri melainkan kerajaan tersebut bersetuju. Secara terperinci:

(i) The present policy in the Borneo States regarding the use of English should continue;

(ii) The knowledge of the Malaya language should not be required as a qualification for any educational oppourtunity until such time as the State Government concerned considers that sufficient provision has been made to teach Malay in all schools in the State;

(iii) There should be no application to the Borneo States of any Federal requirements regarding religious education;

¹⁸ Sila rujuk *Ibid.*, hlm. 90.

¹⁹ Najihah Binti Abdul Mutalib, *op.cit.*, hlm. 231.

²⁰ *Malaysia Report of the Inter - Governmental Committee*, Sabah: The Government Printing Department, hlm. 24.

(iv) State provision for the special position of the indigenous people should continue to apply;

(v) The Directors of Education in the Borneo States, who would be officers serving in the Federal post and responsible to the Federal Minister of Education through the Ministry of Education should carry out much the same duties as they do at present in consultation with the State Government concerned;

(vi) To enable local wishes to be fully consulted and taken into account as far as possible, the Director of Education of the Borneo States should continue to be advised by the respective existing Boards of Education and the local Education Committee; and

(vii) In the case of Sarawak the local authorities should continue to be use as agents for primary education; and

(viii) When expansion of higher education facilities was being considered by the Malaysian Government, the requirements of the Borneo States should be given special consideration and the desirability of locating some of the institutions in the Borneo States should be borne in mind.²¹

Situasi ini banyak dipacu dengan permasalahan dalaman yang dihadapi dalam sistem pendidikan yang berlaku di negeri Sarawak sendiri. Oleh yang demikian, kebanyakan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan di Sarawak pada hari ini adalah kerana adanya gesaan dan juga saranan daripada badan pemerintah kerajaan negeri sendiri. Misalannya, perkara pertama yang mulai mengubah otonominya dalam bidang pendidikan adalah gesaan untuk mengimplementasikan sekolah rendah percuma bagi murid di sekolah rendah selaras dengan di Malaya selepas tahun 1963 sejurus perkara pendidikan diletakkan di bawah kerajaan Persekutuan.²² Saranan untuk mengimplementasikan pendidikan percuma banyak dipacu oleh kesedaran bahawa bidang

²¹ *Ibid.*, hlm. 5.

²² Perkara ini pernah dibangkitkan dalam sesi perbahasan Council Negri. Sila rujuk *Sarawak Council Debates Official Report Second Meeting off the Second Session of the Council Negri*, 24 Februari 1964, *op.cit.*, hlm. 49 - 51; Rujuk juga sesi perbahasan *Sarawak Council Negri Debates Official Report Fourth Meeting of the Second Session of the Council Negri Kuching*, 23 Jun 1964, hlm. 3-4.

pendidikan menelan kos yang sangat tinggi dan membebankan saban tahun sejak dari zaman Brooke dan British lagi. Ini dibuktikan bahawa serahan perkara pendidikan kepada Persekutuan adalah satu langkah yang sangat baik dan diterima oleh pemimpin Sarawak. Ini dibuktikan melalui kenyataan yang dikeluarkan dalam Kertas Putih yang bertajuk *Malaysia and Sarawak* yang telah diterbitkan oleh pihak berkuasa kerajaan Sarawak pada 4 Januari 1962, seperti yang berikut;

*Education is a subject, which greatly exercise the people of Sarawak. It also the largest single item in budget of expenditure, and the item which is growing fastest. Education in Malaya is more advanced than in Sarawak but is developing on similar lines. The school-leaving age there is 15 and this year free universal primary education will introduced. It may be thought that the quickest way to achive parity, and to accelerate educational advance in Sarawak would be leave this as a Federal subject with such reservations as local circumstances may require. This would not affect the present Government policy on the language of instruction in schools.*²³

Tambahan lagi, perkara ini adalah berdasarkan oleh saranan Yang di-Pertuan Agong sebagai usaha untuk menyatukan pelbagai kaum melalui polisi pendidikan kebangsaan dan melalui tahap literasi peringkat kebangsaan dengan memperkenalkan satu sistem pendidikan yang dinamakan *Comprehensive School System* atau Sistem Sekolah Komprehensif.²⁴ Gesaan untuk segera mengetahui tentang usaha yang dilakukan oleh kerajaan Negeri dengan kerajaan Persekutuan mengenai sekolah rendah percuma sering dibangkitkan oleh Yang Berhormat (YB) dalam sidang DUN.²⁵ Walaupun ada kalangan YB menginginkan

²³ Wong, James Kim Min, *The Brith of Malaysia*, Second Edition, Kuching: UM Colour Printing, 1995, hlm. 110.

²⁴ Perkara ini telah dinyatakan oleh Abang Othman Bin Abang Haji Moasili, sila rujuk, *Sarawak Council Negri Debates Official Report Fourth Meeting of the Second Session of the Council Negri*, 23 Jun 1964, hlm. 90.

²⁵ Soalan daripada Mr.Leong Ho Yuen dan Mr Stephen Yong Kuet Tze kepada Ketua Menteri Sarawak, Stephen Kalong Ningkan. Sila rujuk, *Sarawak Council Negri Debates Official Report Third Meeting of the Second Session of the Council Negri*, 14 April 1964, hlm. 9-10.

pendidikan peringkat rendah dilaksanakan ke atas Sarawak supaya sama rata dengan Malaya, namun mereka gusar akan penggunaan bahasa Inggeris yang telah ditetapkan sebagai salah satu polisi pendidikan dalam Laporan IGC akan dimansuhkan. Kebimbangan dan keyakinan terhadap kerajaan Persekutuan untuk menangani kebimbangan tersebut juga pernah disuarakan oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak, James Wong Kim Ming pada ketika itu.²⁶

Suara kebimbangan adalah berikutan daripada kerajaan Persekutuan telah mengisytiharkan polisi bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan pada tahun 1967.²⁷ Oleh yang demikian, sehingga tahun 1968, adalah diketahui bahawa tidak terdapat sebarang perubahan ke atas sistem pendidikan kebangsaan di Sarawak meskipun penggunaan bahasa kebangsaan digunakan sebagai medium di negeri Malaya. Sarawak masih kekal menggunakan polisi dan pentadbiran yang telah digariskan dalam Laporan IGC sehinggalah ke hari penubuhan Malaysia dan selagi perkara tersebut masih dalam perhatian kerajaan.²⁸ Sebelum itu, pada tahun 1966 juga, adanya saranan dan gesaan juga dibuat kepada kerajaan Persekutuan untuk membolehkan mereka membuat pertimbangan bagi memberikan pendidikan sehingga sembilan tahun kepada kanak-kanak di Sarawak, yang sama dengan kanak-kanak di Malaya, kerana pendidikan yang hanya setakat enam tahun adalah dilihat tidak mencukupi.²⁹

Di samping itu, adanya gesaan dalam kabinet negeri kepada kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan sistem pendidikan

²⁶ *Therefore, I hope the hon. Member is really serious when he said that we should not treat it lightly and change the safeguard without very careful thought and consideration, because I cannot believe that the only way we can get free primary education which is one of the subject touched upon, is by our doing away with the provisions in the IGC. I do not believe that the Federal Government would do that, and I do not believe that the people would want that to happen.*" Rujuk, *Sarawak Council Negri Debates Official Report Fourth Meeting of the Second Session of the Council Negri*, 23 Jun 1964, hlm. 95.

²⁷ Ucapan perbahasan oleh Awang Hipni. Sila rujuk, *Penyata Dewan Undangan Negeri Sarawak 1st Meeting of the 3rd Session*, 24 Disember 1964, hlm. 7.

²⁸ Sesi perbahasan di antara En. Kadam Kiai dan Ketua Menteri Sarawak Dato Penghulu Tawi Sli mengenai Sistem Pendidikan Kebangsaan. Sila rujuk, *Sarawak Council Debates Official Report Second Meeting of the Sixth Session of the Council Negri Kuching*, 24 April 1968, hlm. 10.

²⁹ *Sarawak Council Negri Debates Official Report First Meeting of the Fifth Session of the Council Negri Kuching*, 13 Disember 1966, hlm. 26.

vokasional dilaksanakan di negeri Sarawak. Perkara ini adalah disebabkan daripada jumlah 30 peratus murid yang melanjutkan pendidikan ke sekolah menengah, ramai daripada mereka disingkirkan daripada Tingkatan III seperti contoh di peringkat Junior Secondary. Apabila murid terpaksa disingkirkan, mereka tidak mempunyai hala tuju untuk menyambung pendidikan akibat daripada tidak ada sekolah latihan vokasional di negeri Sarawak pada ketika itu.³⁰ Aliran kelas vokasional yang ingin dibuka melibatkan penempatan murid di institusi Sekolah Perdagangan, Sekolah Pertanian dan Sekolah Teknikal untuk menampung 70% lepasan sekolah rendah yang gagal dalam peperiksaan *Primary Six Common Entrance Examination* dan mereka yang tidak terpilih. Namun demikian, kerajaan Persekutuan jelas menunjukkan sikap tidak pernah berniat untuk mencampuri urusan pendidikan di Sarawak. Walau bagaimanapun, kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh Kementerian Pendidikan juga tidak pernah memaksa perlaksanaan sekolah vokasional ke atas Sarawak kerana mengambil kira Laporan IGC dalam perkara mengenai pendidikan. Pendirian ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1968;

*The question of opening up vocational classes in such institution as Trade Schools, Schools Of Agriculture and Technical Schools comes under "existing system and policy of administration of education in East Malaysia" and as such Federal Government is bound by the Inter-Governmental Committee Report which stipulates that it should be left undisturbed and should remain under the control of the Governments of the States of Sabah and Sarawak until they themselves otherwise agree.*³¹

Sarawak sedar akan tahap pendidikan yang dinikmati pada zaman penjajahan era Brooke, British dan juga polisi sistem pendidikan yang telah dilaksanakan oleh negeri sendiri. Selain mahu kerajaan

³⁰ *Parliamentary Debates Dewan Ra'ayat (House of Representatives) Official Report*, Vol. V, No. 34, 30 Disember 1963, hlm. 3641.

³¹ Jawapan balas dari Kerajaan Persekutuan terhadap pertanyaan Penghulu Jinggut Anak Attan. Sila rujuk *Sarawak Council Negri Debates Official Report Second Meeting of the Six Session of the Council Negri Kuching*, 23 April 1968, hlm. 99.

Persekutuan untuk mengimplementasikan sekolah rendah percuma di dalam negeri ini setelah penggabungan membentuk Malaysia, Sarawak juga mahu memastikan bahawa masa depan para murid setelah tamat pendidikan di peringkat rendah mampu menyediakan hala tuju ke atas murid tersebut. Oleh yang demikian, terdapat juga gesaan kepada kerajaan Persekutuan untuk mengadakan sekolah menengah percuma di negeri tersebut.³² Walau bagaimanapun, menerusi kenyataan balas daripada Kementerian Pendidikan Persekutuan, sistem pendidikan peringkat menengah di Malaya juga adalah tidak percuma dan tidak ada sebarang perancangan untuk mengadakan sekolah percuma. Bagi lepasan sekolah rendah, beberapa program pembangunan pendidikan telah dirancang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri.³³

Sehingga tahun 1968 juga diketahui bahawa sistem pendidikan di sekolah di Sarawak tidak diletakkan sebaris dengan sistem pendidikan di Malaya meskipun Jabatan Pendidikan diletakkan di bawah Kementerian Persekutuan. Menghormati prinsip dan juga polisi yang telah ditetapkan oleh Laporan IGC, satu perkara yang selari dengan sistem pendidikan di peringkat Persekutuan hanyalah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan seharusnya dimasukkan sebagai salah satu subjek sekolah di Sarawak. Polisi ini adalah bertepatan dengan kehendak kerajaan negeri sebagai menghormati bahasa tersebut diangkat sebagai bahasa kebangsaan tanpa mengabaikan Perkara 17 (a) dalam Laporan IGC.³⁴ Namun yang demikian, seiring dengan peruntukan perlembagaan yang memberikan kuasa kepada kerajaan Persekutuan untuk mengurus bidang pendidikan, Sarawak sebagai sebuah negeri dalam Malaysia perlu menerima perubahan sistem selaras dengan hasrat untuk menjadikan sistem pendidikan adalah bersifat kebangsaan.

Meskipun perkara mengenai pendidikan telah disebut dan perlindungan melalui Laporan IGC telah diperuntukan khas kepada

³² Pertanyaan ini diajukan oleh En. Chong Kiun Kong kepada Ketua Menteri Sarawak Dato Penghulu Tawi Sli. Sila rujuk, *Sarawak Council Negri Debates Official Report Third Meeting of the Sixth Session of the Council Negri Kuching*, 27 September 1968, hlm. 161.

³³ *Sarawak Council Negri Debates Official Report Third Meeting of the Sixth Session of the Council Negri Kuching*, 27 September 1968, hlm. 235.

³⁴ Jawapan balas dari pertanyaan dari Dato Abang Othman kepada Ketua Menteri Dato Penghulu Tawi Sli mengenai Sistem Pendidikan Sarawak. Sila rujuk *Sarawak Council Negri Debates Official Report First Meeting of the Seventh Session of the Council Negri*, 14 Disember 1968, hlm. 141-142.

Sarawak, namun perkara dalam laporan tersebut mulai tidak relevan sedikit demi sedikit malah telah menghapuskan kekebalan yang dimiliki oleh Sarawak. Namun yang demikian, pernyataan di atas mungkin boleh disalah-tafsirkan jika sekiranya tidak melihat kepada sejarah dasar pendidikan Persekutuan Tanah Melayu yang sehingga kini diwarisi oleh Sarawak dan negeri lain dalam Malaysia sebagai sebuah negara. Perlu diingat bahawa meskipun pembentukan Malaysia memberikan otonomi kepada Sarawak dalam beberapa perkara, namun bidang pendidikan adalah di bawah kerajaan Persekutuan. Perkara ini bukanlah otonomi mutlak sebagaimana yang diperolehi oleh Singapura dalam bidang pendidikan. Dasar pendidikan yang digunapakai oleh Sarawak pada tempoh yang tertentu adalah dasar yang telah diusahakan oleh Persekutuan Tanah Melayu. Citra pembuatan dasar pendidikan di Persekutuan Tanah Melayu adalah berdasarkan kepada kepentingan pelbagai kaum dan kebudayaan yang utama, seperti Melayu, Cina dan India serta kaum lain yang mendiami Malaya. Cerminan kepelbagaian kaum dan juga kebudayaan yang sama juga terdapat di Sarawak.

Namun yang demikian, perubahan yang terbesar dalam sistem pendidikan di Sarawak adalah merujuk kepada perkara yang berlaku pada tahun 1973 yang mana semua sekolah rendah telah diserahkan di bawah kelolaan kerajaan Persekutuan.³⁵ Implikasi kepada penyerahan sekolah rendah di bawah kelolaan kerajaan Persekutuan dan juga setelah peperiksaan bagi memasuki sekolah menengah dibatalkan di Sarawak pada tahun 1973 maka bilangan murid yang melanjutkan pendidikan ke sekolah menengah telah meningkat. Ini bagi membolehkan semua murid memasuki sekolah menengah dan memperolehi sembilan tahun pendidikan asas. Akibat daripada perlaksanaan ini bilangan murid bertambah ramai dan menimbulkan masalah kekurangan tempat, iaitu bangunan sekolah untuk menampung keperluan murid di Sarawak.³⁶ Oleh sebab itu, perlaksanaan dasar penghapusan peperiksaan Darjah Enam telah dijalankan secara beransur-ansur yang bertujuan bagi mengatasi masalah kekurangan tempat di sekolah menengah dan

³⁵ Malaysia, *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keempat Penggal Pertama*, Jilid I, Bil. 22, 5 Disember 1974, hlm. 1959.

³⁶ Malaysia, *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keempat Penggal Pertama*, Jilid I, Bil. 22, 5 Disember 1974, hlm. 2010.

kekurangan guru terlatih. Proses penghapusan peperiksaan ini telah mula dijalankan sejak awal tahun 1970-an dengan meninggikan lagi bilangan peratus murid yang dibenarkan memasuki Tingkatan 1. Pada tahun 1972 bilangan murid yang dibenarkan untuk memasuki Tingkatan 1 adalah sebanyak 62%; seterusnya sebanyak 65% pada tahun 1973; 75% pada tahun 1974; 80% pada tahun 1975; 85% pada tahun 1976; 90% pada tahun 1977, dan; 100% pada tahun 1978. Mengikut perancangan jadual yang ditetapkan, maka kerajaan menyasarkan bahawa dasar penghapusan peperiksaan Darjah Enam akan tamat sama sekali pada penghujung tahun 1977.³⁷ Giliran penghapusan peperiksaan ini sepenuhnya dijalankan di Sarawak hanya selesai pada tahun 1973 dan pada permulaan tahun 1974 murid meneruskan pendidikan naik ke sekolah menengah, iaitu ke Tingkatan 1 selaras dengan sistem yang dilaksanakan di Malaya.³⁸ Oleh yang demikian, perkara ini juga memberi implikasi tambahan kepada perbelanjaan daripada kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pendidikan bagi negeri Sarawak. Mengikut Anggaran Perbelanjaan Kertas Perintah 24 Negeri Sarawak adalah disediakan sebanyak \$4.38 juta sebagai membantu rancangan pembinaan bilik darjah dan bilik darjah tambahan serta lain-lain kemudahan pendidikan sekolah rendah di Sarawak. Manakala bagi sekolah menengah, wang yang diperuntukan adalah sebanyak \$13.4 juta pada tahun 1975.³⁹ Manfaat yang diperolehi juga apabila sistem pendidikan yang seragam dengan di Malaya ini membolehkan bantuan skim pinjaman buku teks meliputi keseluruhan murid di seluruh negeri tersebut. Skim pinjaman buku teks yang dilancarkan mulai tahun 1975 telah diperluaskan meliputi bantuan kepada murid di sekolah rendah dan menengah kerajaan serta sekolah rendah dan menengah jenis bantuan kerajaan.⁴⁰ Justeru itu, apabila Sarawak bersetuju untuk menukar taraf sekolah rendah ini kepada sekolah kerajaan persekutuan, Akta Pelajaran 1961 telah berkuatkuasa sepenuhnya, maka Sarawak

³⁷ Malaysia, *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keempat Penggal Pertama*, Jilid. I, Bil. 38, 4 April 1975, hlm. 4077.

³⁸ *Ibid.*, hlm. 4064.

³⁹ Malaysia, *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keempat Penggal Pertama*, Jilid I, Bil. 22, 5 Disember 1974, hlm. 1959.

⁴⁰ Malaysia, *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keempat Penggal Pertama*, Jilid 1, Bil.39, 7 April 1975, hlm. 4201.

mulai menggunakan bahasa kebangsaan dalam sistem pengajaran dan pembelajarannya.

Peningkatan Bilangan Sekolah dan Bilangan Murid di Sarawak

Melalui pelaksanaan sistem pendidikan yang diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan, kesan yang ingin diketengahkan di dalam makalah ini adalah menjurus kepada kesan positif berbanding kesan negatif. Pertamanya, kesan positif dari segi peningkatan bilangan sekolah selepas sepuluh tahun Sarawak bersama dalam Malaysia.

Jadual 1: Bilangan Sekolah*

Sehingga 30 September	Rendah	Menengah	Teknikal dan Voksional	Jumlah
1954	504	34	-	538
1955	549	34	-	583
1956	605	33	-	638
1957	676	36	-	712
1958	756	38	-	794
1959	809	36	1	846
1960	850	40	1	891
1961	887	48	1	936
1962	916	62	2	980
1963	981	68	2	1,050
1964	1,028	77	2	1,117
1965	1112	82	2	1196
1966	1168	93	2	1263
1967	1200	102	2	1304
1968	1213	108	2	1323
1969	1210	107	2	1,319
1970	1220	112	2	1334

* Dikekalkan oleh kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta.

Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak; *Annual Bulletin Statistic State of Sarawak*, 1970, hlm. 132.

Jadual 2: Bilangan Sekolah (a)

Sehingga 30 September	Rendah	Menengah	Teknikal dan Voksional	Jumlah
1961	887	48	1	936

1962	916	62	2	980
1963	981	68	2	1,050
1964	1,038	77	2	1,117
1965	1111	82	2	1196
1966	1171	92 (b)	2	1265 (b)
1967	1200	102	2	1304
1968	1213	107 (b)	2	1322 (b)
1969	1210	107	2	1,319
1970	1220	112	2	1,334
1971	1,219	110	2	1,331
1972	1,219	110	2	1,331
1973	1,215	109	2	1,326

(a) Dikekalkan oleh kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta.

(b) Dikemaskini.

Sumber: Jabatan Pendidikan Sarawak; *Annual Bulletin Statistic State of Sarawak*, 1973, hlm. 120.

Berdasarkan jadual di atas didapati sejak daripada tahun 1954 sehingga 1973, kebanyakan sekolah di Sarawak adalah masih di bawah selenggaraan kerajaan, bantuan kerajaan dan sekolah swasta. Namun yang demikian, tumpuan perubahan positif dapat dilihat daripada bilangan pertambahan sekolah sejak dari tahun 1963, iaitu tahun penubuhan Malaysia. Sejak tahun 1963, Sarawak mempunyai sejumlah 1,050 sekolah rendah, menengah, teknikal dan vokasional. Sementara itu sehingga pada tahun 1973 terdapat sebanyak 1,326 sekolah rendah, menengah, teknikal dan vokasional. Dalam tempoh masa sepuluh tahun sebanyak 276 sekolah telah dibina di negeri Sarawak. Peningkatan ini banyak dipengaruhi oleh kemampuan kerajaan Persekutuan untuk menyediakan prasarana fizikal, seperti bangunan sekolah dan peralatan kelas dan sebagainya setelah bidang kuasa pendidikan diletakkan di bawah kerajaan Persekutuan. Dalam memastikan bahawa pembangunan pendidikan menjadi agenda utama kerajaan bagi pembangunan sumber manusia, sejak tahun 1963 kerajaan Persekutuan secara konsisten memperuntukan perbelanjaan dari tahun 1969 sehingga 1973. Akaun perbelanjaan ke atas pendidikan negara pada setiap tahun adalah sebanyak 25.504; 27.377; 28.759; 32.034 juta.⁴¹

⁴¹ Sila rujuk, *Annual Bulletin of Statistic State of Sarawak 1969*, hlm. 113.

Kesan positif yang kedua pula adalah dari segi peningkatan jumlah murid mendapat pendidikan sekurang-kurangnya sehingga ke peringkat menengah.

Jadual 3: Jumlah Murid di Sekolah Rendah dan Sekolah

Sehingga 30 September	Sekolah rendah	Sekolah menengah	Jumlah	Peratus populasi di dalam sekolah
1951	39,734	2,550	42,284	7.34
1952	41,914	3,537	45,451	7.74
1953	44,499	4,573	49,027	8.20
1954	47,543	5,245	52,788	8.67
1955	53,257	6,271	59,528	9.61
1956	61,852	7,174	69,026	10.90
1957	71,414	7,993	79,407	12.25
1958	82,216	8,716	90,932	13.47
1959	88,587	8,556	97,143	13.81
1960	94,773	9,266	104,039	13.97
1961	97,577	11,244	108,821	14.31
1962	99,691	14,779	114,470	14.72
1963	105,885	17,727	123,612	15.45
1964	111,835	21,977	133,812	16.36
1965	122,513	26,066	148,579	17.73
1966	135,488	30,014	165,502	19.19

Sumber: Jabatan Pendidikan; *Annual Bulletin Statistic
State of Sarawak*, 1966, hlm. 75.

Jadual 4: Jumlah Murid di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah

Sehingga 30 September	Sekolah rendah	Sekolah Menengah	Jumlah
1967	140,388	32,947	173,335
1968	142,383	34,498	176,881
1969	144,606	35,240	179,846
1970	144,007	35,459	179,466
1971	147,117	35,911	183,028
1972	151,313	38,015	189,328
1973 (a)	157,867	42,098	199,965

(a) Permulaan.

Sumber: Jabatan Pendidikan; *Annual Bulletin Statistic
State of Sarawak*, 1973, hlm. 121.

Jika dilihat pada bilangan murid yang menerima pendidikan dari tahun 1954 sehingga 1962, peningkatan murid adalah perlahan. Selepas daripada tahun 1963 dan sehingga tahun 1973, lebih ramai kanak-kanak menerima pendidikan. Dua perkara yang boleh dilihat dan ditafsir daripada angka statistik mengenai bilangan murid seperti pada jadual di atas, iaitu pertamanya, pertambahan bilangan murid yang bertambah menunjukkan bahawa setiap murid berkemampuan untuk ke sekolah dan mendapat pendidikan. Selepas penubuhan Malaysia 1963, ramai dalam kalangan anak-anak Sarawak yang mampu untuk menyambung persekolahan ke peringkat menengah. Berdasarkan kepada statistik sehingga 1973, bilangan yang mendapat pendidikan adalah seramai 42,098 murid, iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 4,083 murid berbanding tahun sebelumnya, yang hanya berjumlah 38,015 murid. Namun secara keseluruhannya, dari tahun 1963 sehingga tahun 1973, jumlah murid yang mampu untuk sekurang-kurangnya mendapat pendidikan di peringkat rendah meningkat daripada 105,885 murid kepada 157,867 murid, iaitu peningkatan sebanyak 51,982 murid. Perkara kedua adalah pelaburan dari segi pembangunan pendidikan di negeri Sarawak sejak menyertai penubuhan Malaysia mengalami peningkatan permintaan seiring dengan pertambahan rakyat. Justeru, mengambil kira akan pertambahan permintaan terhadap keperluan bagi mendapat pendidikan yang asas semestinya memerlukan bebanan kos yang besar ditanggung oleh kerajaan Persekutuan bagi memberikan pendidikan bagi semua kanak-kanak di negeri ini. Jika sebelum penubuhan Malaysia, kanak-kanak di negeri ini tidak mampu untuk bersekolah ekoran daripada masalah, seperti kenaikan bayaran yuran, bilangan sekolah yang tidak mencukupi dan hanya berada di kawasan bandar. Malahan masalah seperti murid tidak mempunyai hala tuju ke mana mereka akan menyambung persekolahan selepas mendapat pendidikan di peringkat rendah ekoran daripada tidak adanya sistem pengulangan selepas murid gagal di peringkat rendah, dan kurangnya institusi sekolah di peringkat menengah menyebabkan ramai dalam kalangan murid di negeri ini hanya mampu mendapat pendidikan pada tahap peringkat rendah sahaja.

Perbincangan

Proses pembangunan pendidikan di Sarawak dilihat begitu unik. Kedatangan kuasa penjajah telah mencorakkan sistem pendidikan awalnya. Pada zaman Dinasti Brooke institusi pendidikan yang diwujudkan bukanlah bertujuan untuk pembangunan modal insan, sebaliknya hanya untuk melicinkan pentadbiran dan menyediakan tenaga kerja dalam urusan pentadbiran kerajaan. Walau bagaimanapun,

tiada sekatan dikenakan ke atas mana-mana individu atau kumpulan masyarakat yang ingin membina sekolah sekaligus memberikan pendidikan kepada rakyat di negeri Sarawak. Ekoran daripada itu, banyak sistem pendidikan yang telah dibawa ke dalam negeri ini mengikut kumpulan masyarakat masing-masing. Misalnya, orang Cina membawa sistem pendidikan dari negara China dan lebih banyak sekolah dibuka dengan menggunakan bahasa ibunda kaum mereka sendiri. Didapati juga bahawa pada masa itu Sarawak sendiri tidak mempunyai jaminan sistem pendidikan, iaitu sijil yang dikeluarkan selepas tamat persekolahan akan memberi peluang kepada murid untuk menggunakan sijil tersebut untuk mencari pekerjaan.

Hanya sesetengah sijil tamat persekolahan dan peperiksaan dari lulusan sekolah mubaligh sahaja yang mempunyai jaminan untuk memohon pekerjaan dalam sektor perjawatan awam. Di samping itu menghadapi masalah kekurangan penyediaan kemudahan infrastruktur pendidikan, pada ketika itu Sarawak juga bergelut dengan masalah kekurangan tenaga pengajar yang tidak mencukupi dan kemudahan kebajikan guru yang kurang memuaskan. Permasalahan ini berlarutan sehinggalah ke hari penubuhan Malaysia. Otonomi pendidikan telah diberikan dalam melindungi kepentingan polisi sedia ada dan sistem pentadbiran pendidikan di Sarawak (termasuk Ordinan). Dalam Laporan IGC, sistem pendidikan Sarawak tidak terganggu atau akan berada di bawah kawalan kerajaan negeri melainkan kerajaan negeri Sarawak sendiri yang bersetuju untuk mengubahnya. Walau bagaimanapun, perkara ini telah mengalami perubahan yang persetujui oleh kabinet kerajaan Sarawak sendiri. Arus perubahan dalam sistem pendidikan negeri adalah ekoran daripada keinginan untuk melihat lebih ramai dalam kalangan kanak-kanak di negeri Sarawak mendapat pendidikan yang sama dengan rakan mereka di Malaya.

Jaminan masa depan serta kebolehpasaran murid menjadi keutamaan dalam agenda pembangunan modal insan dalam negeri Sarawak. Bahkan menjadi keutamaan kepimpinan terdahulu dalam usaha meramaikan kanak-kanak celik ilmu di Sarawak. Dalam soal penggunaan bahasa Melayu pula, kerajaan Persekutan menghormati dasar penerusan bahasa Inggeris sehingga 10 tahun perlaksanaannya. Akta Pelajaran 1961 yang digunakan adalah bertujuan bagi menghormati dasar dan semangat penubuhan Malaysia yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan wajib diajar di sekolah dan

sebagai bahasa perpaduan dan penyatuan rakyat di Malaysia. Malahan memberikan peluang pendidikan asas selama sembilan tahun sekurang-kurangnya kepada kanak-kanak. Hal ini menjadikan Sarawak akur dengan faedah yang didapatkan menerusi Akta Pelajaran 1961 selepas bersama dengan penubuhan Malaysia. Berkemungkinan kerana Akta Pelajaran 1961 adalah asas kepada pengukuhan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di Sarawak. Namun terbukti bahawa selama lebih 10 tahun sistem pendidikan di Sarawak yang ingin menggunakan bahasa Inggeris, adalah tidak pernah dicabuli.

Malahan keputusan untuk menggunakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di Sarawak secara seragam adalah suatu keputusan bersama untuk kebaikan semua murid dan juga demi mengukuhkan perpaduan yang disasarkan oleh Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Bahasa Kebangsaan negara. Oleh yang demikian, berbalik kepada permintaan Sarawak pada hari ini yang ingin mengembalikan otonomi pendidikan berikutan dengan masalah prasarana yang kurang diberikan perhatian oleh kerajaan Persekutuan serta penguasaan bahasa Inggeris yang lemah dalam kalangan murid di Sarawak, permintaan negeri ini agak sukar dilaksanakan kerana berkait dengan pindaan perlembagaan yang telah lama disetujui. Namun perkara yang boleh dibuat adalah mengadakan perbincangan yang kerap di antara kerajaan Negeri dan kerajaan Persekutuan mengenai kemudahan prasaran sekolah yang daif di Sarawak. Agenda pembangunan pendidikan kebangsaan perlu terus diperkasakan dengan menyediakan kemudahan persekolahan yang mencukupi dan terurus. Selain itu, kebimbangan mengenai masa depan murid di negeri Sarawak bukan sahaja menjadi satu kebimbangan pihak kerajaan Negeri namun seharusnya menjadi kebimbangan bagi seluruh negara.

Setiap pemerintah di Malaysia wajar melihat kepentingan bahasa Inggeris sebagai bersifat keperluan global untuk mencapai jalan penyelesaian yang terbaik tanpa mengambil risiko yang melibatkan masa hadapan murid. Contoh terbaik adalah semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) pada tahun 2007, yang melibatkan keputusan daripada kerajaan Persekutuan. Meskipun perlaksanaannya dihentikan secara berperingkat mulai tahun 2012 berdasarkan kepada keputusan

Mesyuarat Kabinet pada 8 Julai 2009,⁴² kadar kerugian melalui cara pengimplementasian pengajaran dan pembelajaran dua subjek tersebut adalah ditanggung secara bersama. Malahan, di pihak murid, sudah tentunya keputusan yang dilakukan oleh kerajaan Persekutuan dengan memberikan keadilan kepada mereka dari segi kelayakan akademik yang perolehi, seperti penarafan sijil peperiksaan awam yang sama dari segi nilai penarafan sijil tersebut. Seharusnya, penubuhan Malaysia perlu diraikan kerana dari segi bidang pendidikan, kanak-kanak diberikan peluang yang sama rata untuk mendapat pendidikan.

Ini dibuktikan dengan Akta Pelajaran 1961 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang mewajibkan setiap warganya tidak tercicir dari mendapat pendidikan. Bilangan sekolah yang mulai meningkat saban tahun di Sarawak menunjukkan bahawa keperluan permintaan terhadap pendidikan adalah tinggi dan dari segenap pelosok negeri. Begitu juga dengan kadar bilangan kanak-kanak di Sarawak yang saban tahun jumlah mereka ke sekolah adalah meningkat kerana kemudahan pendidikan adalah percuma, kedekatan jarak untuk ke sekolah serta kesedaran bahawa pendidikan mampu mengubah nasib bangsa. Maka mereka turut sama untuk menerima arus pembaharuan yang baru di negeri Sarawak. Meskipun, Malaysia bukanlah negara yang berada di kedudukan yang paling teratas di dunia dari segi penyediaan kemudahan pendidikan yang terbaik, namun sekurang-kurangnya kerajaan Malaysia dari dahulu hingga kini tidak pernah gagal dalam menyediakan platform asas kepada rakyat untuk menjadi seorang warga yang celik huruf dan berilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, sebagai sebuah negara yang kemerdekaannya diperolehi dengan penuh rasa saling hormat menghormati, tolak ansur dalam banyak perkara tanpa melibatkan pertumpahan darah, adalah lebih molek kiranya dalam setiap keputusan yang diambil menerapkan elemen nilai murni untuk kebaikan bersama.

Kesimpulan

Penubuhan Malaysia 1963 telah banyak mencorakkan kehidupan bermasyarakat di Malaysia pada hari ini. Malahan kerana kepelbagaian

⁴² Kementerian Pendidikan Malaysia, Kenyataan Akhbar 2009 Perlaksanaan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Sains dan Matematik Bagi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, <https://www.moe.gov.my>. Diakses pada 7 Januari 2019.

masyarakat di Malaysia ianya telah mencorakkan sistem pendidikan di negara ini. Penubuhan Malaysia telah memberikan peluang kepada negeri Sarawak untuk menikmati manfaat daripada sistem pendidikan negara yang dirangka berdasarkan keperluan dan pemahaman kemanusiaan, keadaan fizikal dan sosial yang mengambil sensitiviti masyarakat. Penubuhan institusi pendidikan di Sarawak sebelum penubuhan Malaysia menampakkan bahawa adanya kesedaran pemerintah untuk memberikan pendidikan kepada rakyat di negeri tersebut. Namun perlaksanaannya lebih banyak bergantung kepada keperluan pengkhususan pekerjaan dan bukan bermatlamat untuk membuka peluang pendidikan kepada semua rakyat. Apabila Sarawak bersama dengan Persekutuan Malaysia, lebih banyak manfaat dalam bidang pendidikan diperolehi dan dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, kerana kesatuan pelbagai negeri di Malaysia pada hari ini, pembangunan modal insan menerusi pelaburan dalam bidang pendidikan untuk warganegara Malaysia telah mencungkil banyak bakat dalam diri setiap warganegaranya. Ramai bakat dan juga rakyat di negara ini telah mencipta nama di dalam dan luar negara hasil daripada sistem pendidikan yang mereka terima di negara ini. Meskipun ramai bakat tersebut lahir daripada negeri yang berlainan namun sebagai sebuah negara seharusnya kita perlu meraikan pencapaian yang dicipta atas nama kita adalah satu negara.

Rujukan

Sumber Primer

His Excellency the Governor's Address to Council Negri on Tuesday, 6 December 1960.

Jabatan Perbendaharaan. *Annual Bulletin of Statistic State of Sarawak 1969.*

Malaysia Report of the Inter - Governmental Committee. Sabah: The Government Printing Department.

Malaysia. *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keempat Penggal Pertama.* Jilid I. Bil. 22. 5 Disember 1974.

Malaysia. *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keempat Penggal Pertama.* Jilid. I. Bil. 38. 4 April 1975.

Minutes of Council Negri Meeting. 16 May 1946.

Parliamentary Debates Dewan Ra'ayat (House of Representatives) Official Report. Vol. V. No. 34. 30 Disember 1963.

Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keempat Penggal Pertama. Jilid 1. Bil. 39. 7 April 1975.

*Perjanjian Malaysia 1963: Penelusuran Cabaran
dan Kesan Terhadap Sistem Pendidikan di Sarawak
(1963 – 1973)*

Suzanne Atar.

- Sarawak Council Debates Official Report Second Meeting of the Sixth Session of the Council Negri Kuching. 24 April 1968.*
- Sarawak Council Negri Debates Official Report Eight Meeting of the First Session of the Third Council Negri Kuching. 2nd, 3rd & 4th Jun 1959.*
- Sarawak Council Negri Debates Official Report First Meeting of the Fifth Session of the Council Negri Kuching. 13 Disember 1966.*
- Sarawak Council Negri Debates Official Report First Meeting of the Seventh Session of the Council Negri. 14 Disember 1968.*
- Sarawak Council Negri Debates Official Report Fourth Meeting of the Second Session of the Council Negri Kuching. 23 Jun 1964.*
- Sarawak Council Negri Debates Official Report Second Meeting of the Second Session of the Council Negri. 24 Februari 1964.*
- Sarawak Council Negri Debates Official Report Second Meeting of the Six Session of the Council Negri Kuching. 23 April 1968.*
- Sarawak Council Negri Debates Official Report Third Meeting of the Second Session of the Council Negri. 14 April 1964.*
- Sarawak Council Negri Debates Official Report Third Meeting of the Sixth Session of the Council Negri Kuching. 27 September 1968.*
- Sarawak Council Negri Debates. 5 Disember 1961.*
- Sessional Paper No.2 of 1960 Sarawak Council Negri Secondary Education Presented by Command of His Excellency the Governor, 1960.*

Buku dan Jurnal

- Idrus Syed Ahmad Syed & Santhiram, R. 1990. *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*. Siri Pendidikan. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Najihah Binti Abdul Mutalib. 2009. Pencapaian Masyarakat Melayu Sarawak dalam Bidang Pendidikan Sebelum dan Selepas Merdeka. *Jurnal Pengajian Melayu*. Vol. 20 (1). Hlm. 219-240.
- Ong, P. L., *et.al.* 2014. The Making of Malaysian Solidarity: A Historical Look at Education and Social Cojesion in Sarawak. *Malaysia Journal of Society and Space*. Vol. 10. Issues 1. Hlm. 36-48.
- Wong, James Kim Min. 1995. *The Brith of Malaysia*. Second Edition. Kuching: UM Colour Printing.

Internet

- Kementerian Pendidikan Malaysia, <https://www.moe.gov.my>. Diakses 7 Januari 2019.

Sejarah Populasi Sabah: Impak Terhadap Sosioekonomi, 1960-an Hingga 2000-an

Sitti Rima Najir¹

Manuskrip diterima: 22 Mei 2019

Diterima untuk penerbitan: 11 Julai 2019

¹ Sitti Rima Najir, Calon Ijazah Sarjana, Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: najirsittirima@yahoo.com

Abstract

The population in Sabah has increased since post-independence until the 2000s. The situation is getting attention from various parties so it is urged to investigate the problem. As a result, the Royal Commission of Inquiry (RCI) was formed to investigate the reason for the sudden increase in population in Sabah. Hence, this paper will analyze the demographic and non-demographic aspects to identify the reason for the increase in population populations apart from the effects of excessive populations in Sabah. This study uses qualitative approaches by using disciplines approaches to other social sciences such as sociology, anthropology, political science and economics as auxiliary sciences. Based on the analysis used, this study found that there was a significant population surplus in Sabah around the 1970s as a result of population migration factors. Population surplus prevails causes various social impacts such as poverty and rising crime in Sabah.

Keywords: *Population, Demography, Socio-economics, Sabah*

Abstrak

Populasi di negeri Sabah telah mengalami peningkatan sejak pasca merdeka sehingga tahun 2000-an. Situasi ini mendapat perhatian daripada pelbagai pihak sehingga timbul desakan untuk membuat

siasaan terhadap permasalahan tersebut. Kesannya, *Royal Commision of Inquiry* (RCI) dibentuk bagi menyiasat sebab berlakunya pertambahan mendadak penduduk di Sabah. Justeru kertas kerja ini akan menganalisis aspek demografi dan non-demografi bagi mengenal pasti sebab berlakunya pertambahan populasi penduduk selain kesan setelah berlakunya lebihan populasi di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan pendekatan disiplin ilmu-ilmu sains sosial lain seperti sosiologi, antropologi, sains politik dan ekonomi digunakan sebagai ilmu bantu. Berdasarkan analisis yang digunakan, kajian ini mendapati berlaku lebihan populasi penduduk yang ketara di Sabah sekitar 1970-an akibat daripada faktor migrasi penduduk. Lebihan populasi yang berlaku menyebabkan pelbagai kesan sosial seperti kemiskinan dan jenayah yang meningkat di Sabah.

Kata Kunci: Populasi, Demografi, Sosioekonomi, Sabah

Pendahuluan

Berdasarkan arah aliran penduduk Malaysia untuk tempoh masa 60 tahun yakni bermula dari 1960 hingga 2000, ternyata jumlah pertumbuhan penduduk sangat perlahan. Sedangkan Yusuf Ismail pada 2006 menulis bahawa Malaysia masih mempunyai bilangan penduduk yang kecil sedangkan negara ini masih berkemampuan menghasilkan kekayaan bagi menampung penduduk yang ramai.¹ Pada 1960, jumlah penduduk Malaysia berjumlah seramai 6,919.1 juta, 1970; 10,881.8 juta – (pertumbuhan 3.6%), 1980; 13,879.2 juta – (pertumbuhan 2.6%), 1990; 18,102.4 juta – (pertumbuhan 2.5%), 2000; 23,494.9 juta – (pertumbuhan 2.5%) dan pada 2010 seramai 28,588.6 juta – (pertumbuhan 1.8%). Walau bagaimanapun sebaliknya bagi konteks pertumbuhan populasi penduduk di Sabah yang dinyatakan mengalami peningkatan yang mendadak. Sabah yang berkeluasan 73,613 KM persegi mempunyai penduduk pada 1960 seramai ; 454, 421, 1963; 519,518, 1970; 636,431, 1980; 929,299, 1991; 1,734,685, 2000; 2,468,246 dan pada tahun 2010 seramai 3,206, 700. Pertambahan mendadak populasi penduduk di Sabah mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk kumpulan parti politik tempatan. Parti Bersatu Sabah

¹ Yusuf Ismail (Peny.), *Dasar-Dasar Utama Kerajaan Malaysia*, Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 2006.

(PBS) pada 2007 menyuarakan kebimbangan mereka dengan peningkatan populasi penduduk sekitar 1970 hingga 2000 yang mencecah 301 peratus. Justeru timbul desakan agar pihak kerajaan bertindak membuat siasatan terhadap permasalahan ini.²

Oleh sebab itu pada 2012, *Royal Commission of Inquiry* (RCI) ditubuhkan. Berdasarkan laporan akhir RCI pada Disember 2014, didapati pertumbuhan populasi penduduk Sabah secara puratanya adalah tinggi iaitu sekitar 6.2 peratus setahun berbanding purata 2.7 peratus bagi keseluruhan pertumbuhan populasi penduduk seluruh Malaysia.³ Walau bagaimanapun fokus laporan RCI hanya tertumpu kepada hubungan migrasi sebagai sebab berlakunya lebihan populasi. Sedangkan dalam kajian populasi, selain faktor migrasi dalam angkubah demografi, faktor lain yang mempengaruhi jumlah populasi penduduk ialah kadar kelahiran dan juga kematian. Manakala bagi angkubah non-demografi ialah pembangunan ekonomi, kesihatan dan perubahan status masyarakat. Oleh hal yang demikian, sementara kajian oleh L. W. Jones pada tahun 1960 dan V. T. King pada tahun 1993 tidak menjelaskan bentuk populasi penduduk Sabah selepas 1960. Jones hanya menjelaskan secara ringkas bentuk populasi penduduk Sabah sehingga 1985.

Jelas di sini bahawa penyelidikan berkenaan dengan perkembangan populasi penduduk Sabah sekitar 1960-an hingga 2000-an tidak banyak dilakukan. Penyelidikan sebelum ini mementingkan kajian berkenaan populasi penduduk Malaysia secara umum, sedangkan perkembangan populasi penduduk Sabah juga dianggap tidak kurang pentingnya. Sekiranya ada kajian yang melibatkan populasi penduduk Sabah, fokus kajian penyelidikan cenderung kepada penelitian perkembangan penduduk Sabah sehingga 1960-an sahaja. Penelitian kajian lepas juga tidak memfokus kepada angkubah yang konsisten seperti faktor demografi dan non-demografi bagi mengenal pasti sebab berlakunya perkembangan populasi penduduk Sabah. Malahan penjelasan berkenaan dengan kesan dari berlakunya lebihan populasi penduduk di Sabah tidak dijadikan tema utama kajian pasca 1970-an. Justeru dengan andaian peningkatan jumlah populasi penduduk di Sabah yang tidak seiring dengan keperluan asas manusia menyebabkan berlaku

² Pertumbuhan Penduduk Sabah diakui 'luar biasa'. *Free Malaysia Today*, 4 Disember 2014.

³ Laporan RCI.

kesan sosioekonomi jangka panjang kepada negeri Sabah. Angkubah yang konsisten digunakan dalam menganalisis perkembangan populasi penduduk Sabah dari 1960-an hingga 2000-an ialah kelahiran, kematian, migrasi, perkembangan ekonomi, dan kesihatan bagi sebab peningkatan populasi penduduk. Manakala, angkubah bagi kesan berlakunya lebih populasi penduduk ialah kesan dari segi buruh, pendidikan, jenayah dan kemiskinan.

Oleh hal yang demikian, kertas kerja ini membincangkan berkaitan populasi penduduk di negeri Sabah sejak pasca merdeka sehingga tahun 2000-an. Kajian ini akan menganalisis faktor perubahan penduduk di negeri Sabah terdiri daripada demografi dan non-demografi. Seterusnya, menganalisis kesan perubahan populasi ini terhadap sosioekonomi negeri Sabah.

Populasi Penduduk Sabah

Pada tahun 1960, populasi di Sabah mencatat sebanyak 454,421 orang dengan 33.0 peratus perubahan daripada tahun 1951. Pasca merdeka pula populasi penduduk Sabah semakin pesat dengan mencatat 651,304 orang (39.5 peratus) pada tahun 1970 kepada 929,299 orang pada tahun 1980 (46.0 peratus).⁴ Jumlah ini terus meningkat kepada 1,498,689 pada tahun 1993, 3,136,600 pada tahun 2000 dan 3,206,700 pada tahun 2010. Secara keseluruhan, selama dua abad lalu (1991-2000), penduduk Sabah telah bertambah hampir 35 kali ganda dan dalam tempoh 60 tahun sahaja pasca merdeka (1960an-2000an), Sabah telah mengalami pertambahan penduduk sebanyak 301 peratus. Hal ini merupakan suatu angka penggandaan penduduk paling tinggi dan mengambil masa paling pendek berbanding tahun sebelum itu.

Demografi

Secara umumnya, demografi merupakan satu kajian berkaitan dengan kependudukan manusia yang melibatkan kelahiran, kematian (mobiliti) dan migrasi.⁵ Oleh hal yang demikian, penulisan ini akan cuba menganalisis setiap aspek dalam demografi tersebut yang bermula pada

⁴ Department Of Statistic Malaysia, *Annual Bulletin of Statistic 1983*.

⁵ Mohd. Shamsuddin Zahid Sopian, *Asas Analisis Demografi*, Kuala Lumpur, Malaysia: Perpustakaan Negara Malaysia, 1995, hlm. 1.

tahun 1960-an sehingga tahun 2000-an. Pada realitinya, pertambahan penduduk Sabah yang semakin pesat adalah dipengaruhi oleh tingkat kelahiran yang tinggi berbanding tingkat kematian yang sudah mencapai tahap terendah sejak pertengahan tahun 1960-an lagi.⁶ Berdasarkan laporan Banci Populasi Penduduk 2000, tingkat kelahiran di Sabah sejak pasca merdeka telah mengalami peningkatan yang positif, terutamanya dalam kalangan masyarakat Bumiputera. Pada Jadual 1.1 memuatkan data yang berkaitan tingkat kelahiran masyarakat di Sabah sejak tahun 1960-an sehingga 2000. Melalui jadual ini juga dapat dianalisis bahawa masyarakat Bumiputera yang terdiri daripada pelbagai etnik di Sabah telah mencatat peningkatan tertinggi sepanjang tahun 1960-an sehingga tahun 2000-an. Pada tahun 2000, Bumiputera di Sabah berjumlah 45, 592 orang berbanding kaum bukan-Bumiputera yang hanya berjumlah sebanyak 4, 570 orang. Berdasarkan Jadual 1.1 juga, dapat dianalisis bahawa sepanjang tahun 1960 sehingga tahun 1990 jumlah kelahiran bagi jantina lelaki lebih tinggi berbanding jantina perempuan bagi kedua-dua kumpulan etnik Bumiputera dan Cina. Namun begitu, data perangkaan kelahiran bagi tahun 2000-an tidak lagi mengelaskan jumlah kelahiran mengikut jantina. Hal ini kerana, jumlah kelahiran yang semakin tinggi telah menyebabkan kerja perangkaan tersebut menjadi semakin sukar. Melalui data statistik yang memaparkan peningkatan kelahiran bagi setiap tahun di Sabah ini juga membuktikan bahawa faktor kelahiran juga merupakan penyumbang jumlah populasi penduduk di Sabah.

Jadual 1.1 : Jumlah Kelahiran Mengikut Jantina dan Etnik di Sabah, 1960-2000

Tahun	Bumiputera dan Lain-lain		Cina	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
1960	15,794	14,499	2,270	2,173
1970	23,059	21,803	2,159	2,111
1980	18,944	17,445	2,512	2,317
1990	27,135	25,044	2,534	2,398
2000	45,592		4,570	
Jumlah	209,315		23,044	

Sumber: Jabatan Perangkaan, *Perangkaan Penting Sabah 1960-1970, 1980, 1990 dan 2000*.

⁶ Mustaffa Omar, *Pertumbuhan dan Perubahan Penduduk di Sabah: Cabaran Terhadap Pembangunan Ekonomi dan Sosial*, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994, hlm. 59.

Peningkatan jumlah kadar kelahiran populasi penduduk di negeri Sabah telah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti pembangunan tahap kesihatan penduduk negeri Sabah yang semakin baik di samping kesedaran ibu mengandung terhadap kesihatan ketika mengandung bagi memastikan kelahiran hidup bagi bayi yang baru dilahirkan. Dalam pada itu, kesedaran tersebut juga penting sebagai langkah dalam mengelakkan risiko keguguran kandungan ketika mengandung.

Kadar kematian di negeri Sabah pula berdasarkan laporan Perangkaan Penting Sabah 2000 telah merosot untuk tempoh 60 tahun iaitu bermula pada 1960-an sehingga tahun 2000. Jumlah kematian penduduk Sabah yang merundum telah menyumbang kepada peningkatan populasi tersebut. Jadual 1.2 menunjukkan kadar peratusan kematian mengikut kumpulan etnik di Sabah pada tahun 1963 sehingga tahun 2000. Walau bagaimanapun, statistik pada tahun 1981 dan 1990 tidak dapat memaparkan kadar peratusan kematian bagi kumpulan etnik Kadazandusun, Bajau, Murut, Melayu, dan Bumiputera lain. Perkara ini disebabkan oleh kesukaran liputan yang dialami oleh Jabatan Perangkaan pada ketika itu. Secara keseluruhannya, dapat dianalisis sepanjang tahun 1963 sehingga tahun 2000, kadar peratusan kematian di negeri Sabah mengalami pola menurun sepanjang tahun. Pada tahun 1963, kumpulan etnik bagi kategori Lain-lain telah mencatatkan kadar peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 103.2 peratus diikuti oleh kaum Bajau sebanyak 87.7 peratus. Manakala, kaum Cina mencatat kadar peratusan kematian sebanyak 40 peratus, iaitu lebih rendah daripada etnik Kadazandusun dan Murut yang masing-masing mencatat kadar peratusan sebanyak 78.7 dan 64 peratus pada tahun yang sama. Penurunan kadar kematian di negeri Sabah menjadi sangat ketara pada tahun 2000. Hal ini dapat diperhatikan pada Jadual 1.2, kategori Lain-lain telah mencatat jumlah kadar peratusan terendah berbanding tahun sebelumnya dan juga etnik yang lain, iaitu sebanyak 1.0 peratus. Pada tahun 2000, Kadazandusun pula merupakan pencatat kadar peratusan kematian tertinggi, iaitu sebanyak 4.7 peratus diikuti kaum Cina sebanyak 4.6 peratus.

**Jadual 1.2 : Kadar Peratusan Kematian Mengikut Kumpulan
Etnik di Sabah, 1963-2000.**

Kumpulan Etnik	1963	1970	1981	1990	2000
Kadazandusun	78.7	60.8	-	-	4.7

Murut	64.0	35.2	-	-	3.5
Bajau	87.7	75.7	-	-	1.8
Melayu	-	-	-	-	2.3
Bumiputera Lain	-	-	-	-	2.9
Cina	40.0	48.7	37.5	17.1	4.6
Lain-lain	103.2	56.8	31.4	23.9	1.0

Sumber : Jabatan Perangkaan, *Perangkaan Penting 1960-71, Perangkaan Penting 1970, Perangkaan Penting 1980 dan Perangkaan Penting 1990*, Kuala Lumpur, Malaysia.

Dalam bidang demografi kepentingan pengumpulan data perangkaan berkaitan kematian yang berlaku dalam populasi sesuatu kawasan adalah untuk mengenalpasti penyebab kematian sama ada penyakit mahupun kes lain, seperti kemalangan jalan raya atau jenayah.⁷ Dalam pada itu, pengumpulan data mortaliti dalam ilmu demografi ini adalah untuk pengelasan kepada jenis penyakit yang menjadi penyebab kepada kematian yang berlaku.⁸ Terdapat tiga tahap dalam aspek mortaliti yang dikaitkan dengan populasi penduduk. Tahap pertama, iaitu pada peringkat awal penyakit demam campak dan kelaparan yang teruk telah menular dalam sejarah manusia, iaitu lanjutan daripada pola penyakit pada abad pertengahan dan zaman pra-industri. Tahap kedua, iaitu peringkat pertengahan dengan berkurangnya penularan *Pandemik*.⁹ pada akhir abad ke-19. Tahap ketiga pula, iaitu pada abad ke-20, kematian adalah lebih banyak disebabkan oleh penyakit keturunan dan buatan manusia, seperti radiasi, kemalangan kenderaan dan industri, bahan tambahan pada makanan, risiko pekerjaan dan pencemaran alam sekitar.¹⁰

Di negeri Sabah, penyebab kematian yang dilaporkan adalah

⁷ Usman Haji Yaakob, *Prinsip Kajian Kependudukan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 169.

⁸ R. Mahathevan, *Health Status of the People of Sabah-Pattern of Morbidity and Mortality*, Dalam Mohd Yaakub Hj Johari Dan Mohd Ayub Amirdad, *Population and Health Issues in Sabah*, Sabah: Institute for Development Studies (Sabah), 1992, hlm. 131.

⁹ Pandemik adalah salah satu penyakit baru yang timbul disebabkan oleh virus yang merebak di seluruh dunia tanpa persediaan imunisasi populasi terlebih dahulu. Rujuk https://www.who.int/csr/disease/swineflu/frequently_asked_questions/pandemic/en/, diakses pada 22 Julai 2017.

¹⁰ Abdel R. Omran, *Transisi Epidemiologi*, Dalam Masri Singarimbun, *Kelangsungan Hidup Anak*, Indonesia: Gadjah Madah University Press, 1988, hlm. 6.

rangkuman bagi ketiga-tiga tahap penyebab kematian yang pernah dicatatkan dalam sejarah populasi dunia. Penyebab kematian di Sabah terbahagi kepada tiga jenis, iaitu penyakit, penyakit berjangkit (virus dan bakteria) dan kemalangan serta kecacatan. Menurut laporan tahunan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, sejak Sabah mencapai kemerdekaan pada 1963, kematian adalah disebabkan penyakit *Pneumonia*, penyakit jantung, *gastro-entritis*, *tuberculosis*, kesukaran ketika mengandung, *neoplasma*, penyakit awal bayi, kemalangan, *tetanus* dan kecacatan. *Pneumonia* merupakan penyakit paru-paru yang dijangkiti oleh bakteria, virus atau kulat. *Pneumonia* menyebabkan keradangan di kantung udara dalam paru-paru yang dipanggil *alveoli*. *Alveoli* mengisi dengan cecair atau nanah, menjadikan pesakit sukar untuk bernafas.¹¹

Pada banci tahun 1970 pula, punca kematian penduduk Sabah berpunca daripada penyakit *tuberculosis* selain daripada disebabkan oleh kemalangan.¹² *Tuberculosis* memberi kesan kepada semua kumpulan umur. Walau bagaimanapun, penyakit ini kebanyakannya menular dalam kalangan orang dewasa muda dan orang yang tinggal di negara membangun.¹³ Dalam konteks penduduk Sabah, ramai daripada mereka menghidap *Tuberculosis* aktif adalah dalam kalangan golongan dewasa sehingga tahun 1970-an. *Tuberculosis* merupakan penyakit yang tidak dapat dicegah, yang sering menimbulkan ancaman walaupun

¹¹ www.who.int/csr/disease/swineflu/frequently_asked_question/pandemic/en/, diakses pada 22 Julai 2017.

¹² *Tuberculosis* terbahagi kepada dua, iaitu Laten dan aktif. *Tuberculosis Laten* merujuk kepada bakteria yang kekal di dalam badan dalam keadaan tidak aktif. Keadaan ini tidak menyebabkan gejala dan tidak menular, tetapi ia boleh menjadi aktif. *Tuberculosis* aktif pula ialah bakteria yang boleh menyebabkan gejala dan boleh berjangkit dengan orang lain. Kira-kira satu pertiga penduduk dunia dipercayai mempunyai *Tuberculosis laten*. Terdapat 10 peratus kemungkinan *Tuberculosis laten* menjadi aktif, namun risiko ini jauh lebih tinggi pada orang yang mempunyai sistem imunisasi berisiko tinggi seperti orang yang hidup dengan HIV atau kekurangan zat makanan, atau orang yang merokok. www.who.int/csr/disease/swineflu/frequently_asked_question/pandemic/en/, diakses pada 22 Julai 2017.

¹³ Negara sedang membangun atau juga dikenali sebagai negara dunia ketiga merupakan satu kelompok negara yang terbesar dalam dunia. Pengiktiraaan dunia ketiga ini adalah berdasarkan kepada konsep pembangunan dalam negara dunia ketiga tersebut. Lazimnya, negara membangun ini diklasifikasikan sebagai negara yang tidak mempunyai sebarang industri sofistikated dan mempunyai pendapatan perkapita yang rendah. Negara ini meliputi hampir keseluruhan di benua Afrika, Asia dan negara Amerika Selatan. Sila rujuk, R. Chambers, *Rural Development: Putting the First Last*, London: Longman, 1983.

kawalan dan imunisasi telah dilaksanakan secara proaktif.¹⁴ Punca yang sama menjadi penyebab kematian yang sama sehingga tahun 2000.¹⁵

Menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, migrasi adalah suatu bentuk mobiliti ruang yang berlaku di antara satu unit atau kawasan yang melibatkan perubahan tempat tinggal, iaitu tempat tinggal asal atau tempat bertolak ke tempat yang dituju atau tempat yang baru.¹⁶ Migrasi terbahagi kepada dua jenis, iaitu migrasi dalaman dan antarabangsa.¹⁷ Migrasi dalaman dianggap sebagai mobiliti, tempat tinggal antara kawasan dalam negeri yang sama. Migrasi antarabangsa pula melibatkan migrasi dari sebuah negara ke negara lain.¹⁸ Migrasi yang berlaku di Sabah sekitar 1960 hingga 1970-an adalah jelas migrasi yang bersifat migrasi antarabangsa, iaitu kemasukan imigran dari luar negara, terutamanya daripada negara jiran yang berdekatan, seperti Indonesia dan Filipina. Migrasi Filipina dan Indonesia terdiri daripada tiga kumpulan, pertama ialah mereka yang terdiri daripada buruh asing, iaitu warga negara Indonesia dan Filipina yang masuk secara teratur ke negeri ini. Kumpulan kedua pula, ialah Pendatang Tanpa Izin (PTI)¹⁹ yang terdiri daripada warganegara Indonesia dan Filipina yang masuk tanpa dokumen perjalanan yang sah. Seterusnya kumpulan yang terakhir ialah pelarian Filipina yang terdiri daripada rakyat Filipina yang masuk ke Sabah untuk mendapatkan perlindungan politik di negeri Sabah.²⁰ Justeru dalam hal ini jumlah populasi penduduk Sabah mengalami peningkatan yang ketara. Pada tahun 1960, jumlah populasi penduduk

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Jabatan Perangkaan Malaysia, *Banci Penduduk 2000*, Malaysia.

¹⁶ Bangsa-Bangsa Bersatu, *Method of Measuring Internal Migration Manual VI, Population Studies*, No. 47, 1970, hlm. 24.

¹⁷ Usman Haji Yaakob, *Prinsip Kajian Kependudukan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 244-245.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ PTI akan digunakan selepas ini.

²⁰ Pasukan Pertugas Khas Persekutuan (S/L), *Pendatang Luar Negeri Sabah dan W.P Labuan: Fakta-fakta Asas yang Perlu Anda Ketahui*, Kota Kinabalu: Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, 1992.

Sabah adalah 454,421 orang meningkat kepada 651,304 orang pada tahun 1970. Perbezaan ini juga ketara dapat dibuktikan dengan jumlah populasi yang terdapat pada daerah-daerah yang lebih terdedah kepada migrasi berbanding daerah yang kurang terdedah terhadap migrasi tersebut. Buktinya pada tahun 1970 penduduk di Sandakan, 72,387 orang, Lahad Datu, 29,135 orang, Tawau, 59,778 orang, Semporna, 24,610 orang, Kudat, 66,253 orang, dan Kota Kinabalu, 60,382 orang. Jumlah ini berbeza dengan jumlah populasi penduduk di kawasan daerah pedalaman yang kurang terdedah dengan risiko migrasi daripada negara jiran Indonesia dan Filipina. Misalnya, Sipitang, 10,050 orang, Tambunan, 11,173 orang dan Pensiangan 5,746 orang pada tahun yang sama.

Pada akhir tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an, masyarakat Filipina dan Indonesia bermigrasi ke Sabah secara beramai-ramai, disebabkan faktor tarikan, iaitu prospek pekerjaan di sektor pembalakan, perladangan dan pembinaan. Perkembangan sektor perhutanan dan perladangan di Sabah pasca merdeka menyebabkan lebih ramai pekerja diperlukan. Justeru, buruh asing dari negara Indonesia dan Filipina sangat diperlukan bagi menampung kekurangan buruh Sabah sehingga 1970-an. Seterusnya di antara tahun 1972 sehingga tahun 1976, Sabah telah menerima masuk sejumlah besar pelarian dari Selatan Filipina kesan daripada pemberontakan Moro di Filipina. *United Nations High Commission for Refugees* (UNCHR) telah menganggarkan jumlah pelarian dari Selatan Filipina di Sabah berjumlah sebanyak 72,000 orang.²¹ Status pelarian ini hanya diberikan kepada mereka yang datang ke Sabah dan mendaftar sebelum tahun 1976. Namun begitu, perbezaan di antara pelarian Filipina dan PTI adalah tidak jelas dan mengelirukan disebabkan kedatangan PTI ini selepas tahun 1976 untuk mencari peluang pekerjaan. Pada tahun 1976, Semporna merekodkan jumlah pelarian seramai 20,000 orang. Jumlah ini diikuti oleh Sandakan seramai 17,000 orang, Lahad Datu 9,000 orang, Tawau 7,000 orang, Kudat dan Kunak masing-masing 2,000 orang. Kota Kinabalu juga mencatat jumlah populasi pelarian sebanyak 10,000 orang pada tahun yang sama. Pada tahun 1976, PBB telah menubuhkan sebuah Jabatan di Sabah bagi menyelia penempatan semula pelarian tersebut. Rumah pelarian telah didirikan di Semporna, Sandakan, Tawau dan Kota

²¹*Daily Express*, 30 June 1981.

Kinabalu atas biayaan UNCHR.

Migrasi di negeri Sabah semakin menjadi rancak semenjak tahun 2000-an berikutan dengan gagasan pembangunan yang dialami oleh negeri ini terutama dalam bidang sosioekonomi. Selari dengan pendapat beberapa golongan sarjana, migrasi yang berlaku mempunyai faktor penarik dan penolak. Pembangunan ekonomi merupakan faktor penarik dan penolak utama kepada berlakunya fenomena migrasi di Sabah sepanjang tahun 2000-an.²² Hal ini kerana, pada tahun 2000-an Sabah semakin berwawasan dalam mencapai pembangunan negeri selari dengan wawasan pembangunan negara. Begitu juga dengan rakyat negeri ini yang bermigrasi dengan tujuan untuk memperbaiki taraf kehidupan. Perkara ini sesuai dengan pendapat Forbes yang membahagikan kepada dua jenis migrasi kepada dua jenis iaitu, tingkah laku dan struktural. Selain ciri budaya dan faktor demografi, sesetengah teori tingkah laku juga menjadikan faktor ekonomi sebagai penjelasan kepada faktor yang menarik seseorang migran membuat keputusan untuk meninggalkan tempat asalnya. Aspek ekonomi dalam konteks ini lebih condong kepada pertimbangan memaksimumkan peluang diri migran itu sendiri.²³

Menurut Ubong Imang, jumlah sebenar imigran di Sabah keseluruhannya, terutama di Bandaraya Kota Kinabalu khususnya, sukar untuk ditentukan. Hal ini kerana, sebahagian daripada imigran ini memasuki Sabah tanpa dokumen yang sah.²⁴ Pasukan Petugas Khas Persekutuan pada umumnya membahagikan imigran di Sabah kepada tiga kategori iaitu pertama Golongan pelarian yang datang dari Selatan Filipina dan masuk ke Sabah bermula tahun 1972 ekoran kekacauan politik yang berlaku di wilayah tersebut. Mereka ini dibenarkan tinggal di Sabah tanpa had masa tetapi digalakkan kembali ke negara asal apabila keadaan mengizinkan mereka berbuat begitu. Status pelarian ini dinyatakan di bawah perintah passport (pengecualian)(2)(pindaan) 1972 yang ditandatangani oleh Menteri Dalam Negeri pada 12

²² Ubong Imang, *Imigran dan Pembandaran: Kesan ke atas Pola Ruang Mobiliti Penduduk di Pusat Bandaraya Kota Kinabalu*, Sabah: Universiti Malaysia Sabah, (tiada tahun).

²³ D. Forbes, *Asian: Urbanisation and the Southeast Asian City*, Melbourne: Oxford University Press, 1996, hlm. 16.

²⁴ Ubong Imang, *op.cit.*

September 1972. Kedua, buruh asing yang terdiri daripada warga Indonesia dan Filipina yang masuk dan bekerja dengan menggunakan dokumen perjalanan dan lawatan (kerja sementara) yang sah dan bekerja di sektor yang dibenarkan seperti sektor perladangan, pembuatan, pembinaan, perikanan dan pembantu rumah tempoh masa tertentu sehingga lima dan tujuh tahun. Ketiga, imigran yang masuk tanpa menggunakan dokumen yang sah atau dokumen perjalanan yang telah luput tempoh sah laku. Migrasi yang berlaku jelas sekali memberi kesan kepada perubahan jumlah populasi penduduk di Sabah. Rumah pelarian yang didirikan di Semporna, Sandakan, Tawau dan Kota Kinabalu juga menjadi bukti bahawa kawasan atau daerah berkenaan merupakan kawasan yang berpotensi dan berisiko tinggi sebagai destinasi migrasi para migran daripada negara luar, terutamanya Filipina. Selain itu, kedudukan geografi bagi daerah tersebut juga menjadi faktor bilangan migran bertambah saban tahun.

Non-Demografi

Dalam kajian ini faktor non-demografi terbahagi kepada dua aspek iaitu pembangunan ekonomi dan kesihatan yang akan memberi impak terhadap perubahan populasi penduduk di Sabah. Pembangunan ekonomi Malaysia adalah berpandukan kepada rancangan pembangunan ekonomi setiap lima tahun yang telah diperkenalkan sejak pasca merdeka lagi. Dalam tempoh 60 tahun terdapat enam penggal rancangan pembangunan ekonomi Malaysia yang telah diperkenalkan. Melalui rancangan ini, Sabah juga turut memperkenalkan rancangan pembangunan ekonomi bagi peringkat negeri. Selepas merdeka, pembangunan negeri Sabah lebih diperincikan melalui Rancangan Pembangunan Ekonomi Sabah di bawah Rancangan Malaysia Pertama, 1966-1970. Rancangan pembangunan Ekonomi Sabah mempunyai empat objektif utama termasuklah untuk menggalakkan pembangunan ekonomi selaras dengan yang dapat dilakukan oleh tenaga manusia di Sabah; memajukan tenaga manusia di Sabah dengan secepat mungkin selari dengan menitikberatkan pelajaran dan latihan untuk kehidupan moden serta kerja yang diperlukan di Sabah; menyediakan pelbagai perkhidmatan ekonomi dan sosial yang lebih moden menerusi sumber sedia ada dan membataskan dan mengurangkan ketidaksamaan ekonomi dan sosial; terutamanya melalui peningkatan dalam standard dan

elemen kebajikan penduduk Sabah yang hidup dalam keadaan paling miskin dan paling mundur.²⁵

Seterusnya, Rancangan Pembangunan Ekonomi Sabah Kedua dan Ketiga pula mempunyai objektif yang selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, iaitu yang bersifat serempang dua mata dengan mengatur semula masyarakat dan membasmi kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru(DEB) dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama(RRJP1). Seterusnya Rancangan Pembangunan Ekonomi Sabah yang Keempat dan Kelima pula merupakan rancangan pembangunan yang berperanan dalam memperkasa mutu ekonomi dalam sektor perindustrian dan teknologi. Rancangan Pembangunan Ekonomi Sabah yang Keenam pula merupakan permulaan kepada Dasar Pembangunan Negara.

Secara menyeluruh pembangunan ekonomi negeri Sabah dalam tempoh 60 tahun (1960-an hingga 2000) telah mencatat pencapaian yang memuaskan dengan mencatat peningkatan Kadar Pendapatan Per Kapita yang memberangsangkan. Perkara ini tidak dapat disangkal bahawa pembangunan ekonomi di bawah pemeritahan bijak dan dinamik oleh Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun adalah mencapai kejayaan dengan bukti setelah Sabah mendapat pujian dengan pencapaian Keluaran Negara Kasar (GNP) iaitu sebanyak 12 peratus bagi setiap tahun, sepertimana petikan ini:

Semenjak tahun 1967 Sabah telah menchapai kepujian yang luar biasa sa-bagai negeri yang tunggal di-dunia perkembangan keluaran negara kasar (GNP) yang hebat ia-itu 12 peratus tiap tahun. Ini ada-lah kira2 tiga kali dari kadar perkembangan yag diperlukan untuk memulakan usaha ekonomi dalam sa-barang negara yang sedang membangun.²⁶

²⁵ Kerajaan Perikatan Sabah, *Sejak Malaysia: Kemajuan dan Kejayaan dalam usaha Pembangunan (1963-1968)*, 1967, hlm. 1.

²⁶ *Ibid.*

Pembentukan Malaysia juga merupakan titik permulaan kepada pengurusan yang lebih sistematik dalam pembangunan bidang perubatan dan kesihatan. Perkara ini adalah merangkumi pembangunan dalam aspek komunikasi dan perhubungan, kemudahan peralatan, pengurusan infrastruktur perkhidmatan dan kesihatan. Pembangunan inilah yang telah menyumbang kepada status kesihatan populasi penduduk Sabah yang semakin baik dan berkualiti.²⁷ Peningkatan taraf kesihatan dalam kalangan penduduk negeri Sabah impak daripada peningkatan taraf kemudahan kesihatan, perubatan dan rawatan telah memberi kesan kepada perubahan jumlah populasi penduduk yang positif dengan merawat pelbagai penyakit yang berisiko mengundang kematian sekaligus menambah bilangan populasi penduduk negeri Sabah. Sejak pasca merdeka, Sabah telah mengalami perubahan dalam bidang kesihatan.

Sejak Malaysia mencapai status negara sedang membangun, taraf kesihatan populasinya juga turut mengalami perubahan positif. Hal ini seperti yang direkodkan dalam laporan tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia yang menyatakan bahawa Rakyat Malaysia hari ini adalah lebih sihat, mempunyai jangka hayat yang lebih panjang dan lebih produktif. Tahap kesihatan menyeluruh yang tercapai merupakan salah satu petunjuk kejayaan negara. Kesihatan yang baik membolehkan rakyat Malaysia mengecapi kehidupan yang produktif dan bermakna. Tambahan pula, kesihatan yang baik menyumbang kepada kemakmuran dan kestabilan sosial secara keseluruhan.²⁸ Perkara yang sama juga turut berlaku di negeri Sabah. Sejak tahun 2000-an, taraf kesihatan populasi penduduk negeri Sabah semakin bertambah baik.

Status kesihatan boleh diukur melalui penggunaan petunjuk status kesihatan. Petunjuk seperti jangka hayat semasa lahir, kematian dan morbiditi di negara ini adalah antara petunjuk yang boleh diukur, dan bertindak sebagai petunjuk keadaan kesihatan individu, dan seterusnya kesihatan penduduk secara keseluruhan. Kesihatan di negeri Sabah mengalami peningkatan ekoran pembangunan yang berlaku

²⁷ Mechiel K. C. Chan dan Goh Peng Peng, *Development in Health Service in Sabah, 1963-1988*, Dalam J. G. Kitingan dan M. J. Ongkili, *Sabah 25 Years Later, 1963-1988*, Sabah: Institute for Development Studies, 1989, hlm. 299.

²⁸ Kementerian Kesihatan Malaysia, *Laporan Tahunan 2010*, Hlm. 8.

dalam bidang kesihatan yang mempengaruhi tingkat fertiliti dan mortaliti sekaligus menjadi penggerak kepada perubahan populasi di Sabah.

Jadual 1.3, memaparkan bilangan hospital, klinik, institusi khas dan katil di Sabah sepanjang tahun 2000 sehingga tahun 2010. Berdasarkan jadual ini menunjukkan bahawa terdapat pertambahan kemudahan rawatan dan perubatan sepanjang tahun tersebut. Pada tahun 2000 sehingga tahun 2004, tiada pertambahan bilangan untuk semua kemudahan dan pusat rawatan kecuali bilangan klinik tetap yang meningkat kepada 82 buah pada tahun 2004 berbanding tahun 2000 yang hanya berjumlah sebanyak 76 buah. Pada tahun 2007, semua kemudahan berkenaan meningkat dan jumlah tersebut kekal sehingga tahun 2010 kecuali klinik tetap yang menurun kepada 77 berbanding tahun 2007 berjumlah 78 buah.

Jadual 1.3: Bilangan Hospital, Klinik, Institusi Khas dan Katil di Sabah Tahun 2000-2010

Perkara	2000	2004	2007	2010
Hospital Besar	3	3	6	6
Hospital Daerah	14	14	16	16
Institusi Khas	1	1	1	1
Klinik Tetap	76	82	78	77
Klinik Bergerak	8	8	8	1
Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	8	8	3	3
Bilangan Katil di Hospital Kerajaan	3,001	3,250	4,053	4,136

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, *Buku Perangkaan Tahunan 2000, 2007 dan 2010*, Kota Kinabalu, Sabah, 2001, 2008 dan 2011.

Kesan Populasi terhadap Sosioekonomi

Dalam kajian ini, pertambahan populasi penduduk negeri Sabah yang drastik diandaikan memberi kesan kepada sosioekonomi Sabah iaitu dalam aspek pendidikan, buruh, jenayah dan kemiskinan. Pertambahan penduduk sesebuah negara akan memberi kesan terhadap penawaran buruh. Secara umumnya, menurut laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980, tenaga buruh merujuk kepada individu yang berumur 10 tahun dan ke atas. Individu yang bekerja merujuk kepada individu yang bekerja untuk mendapat bayaran, keuntungan dan faedah keluarga. Individu yang menganggur pula terdiri daripada penganggur aktif iaitu individu yang mencari pekerjaan semasa banciaan dijalankan.

Penganggur tidak aktif pula merujuk kepada mereka yang tidak mencari pekerja disebabkan beberapa perkara tertentu.²⁹

Di negeri Sabah, tenaga buruh atau pekerja secara beransur-ansur telah mengubah gaya hidup dan ekonomi tradisional mereka serta menyelaraskan dengan kegiatan ekonomi yang lebih moden dan memenuhi pembangunan ekonomi negara umumnya, dan negeri khususnya. Hal ini jelas dibuktikan melalui Jadual 1.4 yang menunjukkan taburan penglibatan tenaga kerja berdasarkan status atau taraf pekerjaan sejak tahun 1960 sehingga tahun 2002. Berdasarkan Jadual 1.4, secara keseluruhannya, jumlah pekerja di Sabah telah meningkat dengan drastic, terutamanya pada tahun 1980 yang mencatat jumlah sebanyak 172,938 orang pekerja berbanding tahun 1970 sebanyak 1,154 orang pekerja. Jumlah pekerja di Sabah terus meningkat pada tahun 2002 iaitu sebanyak 1,061,700 orang. Pada tahun 1960, jumlah majikan di Sabah seramai 60,581 orang meningkat kepada 88,727 orang dan menurun secara mendadak kepada 14,011 orang pada tahun 1980. Manakala, tiada data yang dapat dirujuk pada tahun 2002 bagi jumlah majikan, bekerja sendiri dan pekerja keluarga. Penduduk Sabah yang bekerja sendiri telah mengalami pola meningkat sepanjang tahun 1960 sehingga 1980. Pada tahun, 1960 jumlah populasi yang bekerja sendiri sebanyak 58,224 orang meningkat kepada 62,120 orang pada tahun 1970 dan 88,822 orang pada tahun 1980. Pekerja keluarga pula, mengalami penurunan yang sedikit pada tahun 1970 sebanyak 55,061 orang berbanding 55,155 pada tahun 1960, dan meningkat semula kepada 67,106 orang pada tahun 1980. Bagi golongan pencari kerja pula terus mengalami pola meningkat sepanjang tahun iaitu sebanyak 65,500 orang pada tahun 2002 berbanding tahun 1980 sebanyak 5,875 orang. Secara keseluruhannya, tenaga buruh di Sabah telah mengalami peningkatan sepanjang tahun 1960 sehingga tahun 2000-an.

²⁹ Sebab-sebab penganggur tidak aktif : (1)Percaya tidak ada kerja yang sesuai. (2)Terhalang daripada mencari kerja kerana cuaca buruk, sakit atau bersalin semasa banci penduduk dijalankan. (3)menunggu kerja baru. (4) sedang menunggu jawapan permohonan kerja atau telah mencari kerja sebelum minggu rujukan(bancian). (5)menganggap diri mereka sebagai tidak berkalayakan. Sila rujuk, Khoo Teik Huat, J.S.M, *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980 : Laporan Penduduk Negeri Sabah*, Jabatan Perangkann Malaysia, Oktober 1983, Hlm. xvi.

**Jadual 1.4: Tenaga Buruh berdasarkan Status Pekerjaan,
1960-2002**

Status Pekerjaan	1960	1970	1980	2002
Pekerja	2, 620	4, 154	172, 938	1,061,700
Majikan	60, 581	88, 727	14, 011	n.a
Bekerja Sendiri	58, 224	62, 120	88, 822	n.a
Pekerja Keluarga	55, 155	55, 061	67, 106	n.a
Pencari Kerja	n.a	2, 652	5, 875	65,500
Jumlah	176, 626	212, 714	348, 752	1,127, 200

Sumber: Malaysia Government, *Populations Cencus Reports*, 1960, 1980 and 2005.

Menurut Zulkipli Omar, kemiskinan merupakan masalah sosioekonomi yang dihadapi oleh semua negara. Malahan negara maju juga tidak terlepas daripada mempunyai rakyat yang hidup dalam kemiskinan. Sebuah isi rumah dikira miskin sekiranya pendapatan mereka di bawah pendapatan garis kemiskinan (PGK). PGK ditentukan berdasarkan kos keperluan asas yang meliputi tiga komponen iaitu keperluan makanan, keperluan bukan makanan dan ciri isi rumah itu sendiri.³⁰ Di Malaysia, anggaran PGK ini dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. PGK yang ditentukan itu adalah satu jumlah pendapatan minimum untuk membolehkan sesebuah isi rumah secara purata dapat menikmati makanan berzat yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti harian dan membuat perbelanjaan lain bagi mengekalkan satu tingkat taraf hidup yang mencukupi.³¹ Sepanjang sejarah kemiskinan di Malaysia, dapat dinyatakan bahawa masalah kemiskinan juga turut menyebabkan pelbagai isu yang melibatkan pelbagai aspek ekonomi dan sosial. Era pasca merdeka, terdapat ramai rakyat Malaysia yang hidup dalam serba kemiskinan. Buktinya, insiden kemiskinan pada tahun 1970 mencatat

³⁰Zulkipli Omar, *Kemiskinan Bandar*, Institusi Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), hlm. 1-4.

³¹Harun Hashim, Konsep dan pengukuran Kemiskinan, *Kertas Kerja*, Seminar Kebangsaan Mengenai Kemiskinan anjuran Kementerian Pertanian, Langkawi, 13-15 Mei 1991.

sebanyak 49.3 peratus, bermakna hampir dari seluruh rakyat Malaysia hidup dalam keadaan miskin.³²

Dalam kajian kes di negeri Sabah, walaupun negeri ini mengalami kadar pertumbuhan ekonomi yang agak pesat sejak tahun 1960-an dan separuh pertama tahun 1970-an, namun negeri ini masih menghadapi masalah kemiskinan yang serius pada tahun 1960-an.³³ Pada tahun 1970-an sehingga tahun 1980-an pula kadar kemiskinan di negeri Sabah adalah sederhana. Menurut hasil kajian *World Bank's 2010 Malaysia Economic Monitor*, rakyat miskin yang paling ramai boleh ditemui di kawasan luar bandar terutama dalam kalangan etnik Rungus, orang Sungai dan Etnik Suluk. Hal ini kerana, kebanyakan penduduk bumiputra di Sabah menetap di kawasan luar bandar.

Berdasarkan statistik bilangan isirumah miskin tegar berdaftar pada tahun 1995/1996 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah, daerah seperti Kudat, Kota Marudu, Pitas, Kota Belud dan Tawau dikategorikan sebagai daerah yang mempunyai bilangan isirumah miskin tegar yang paling ramai. Walau bagaimanapun, bilangan ini bertambah pada tahun 2001 dan 2004 dan melibatkan lingkungan daerah yang lebih banyak seperti Kudat, Kota Marudu, Pitas, Kota Belud, Nabawan, Tawau, Papar, Tenom, Sandakan, Tuaran, Tongod, Beluran dan Kunak (lihat Jadual 1.5).

Dalam laporan Pemantauan Ekonomi Malaysia (MEM) yang dikeluarkan 10 November 2010, Bank Dunia mendedahkan Sabah yang mewakili 10 peratus daripada penduduk Malaysia mempunyai 40 peratus daripada rakyat yang dikategorikan sebagai miskin. Walaupun sebelum ini kerajaan telah berusaha bagi mengurangkan kadar kemiskinan iaitu sejak penggubalan Dasar Ekonomi Baru, namun di negeri Sabah usaha yang dijalankan adalah masih di tahap sederhana. Hal ini merupakan salah satu masalah sosioekonomi yang dialami oleh masyarakat tempatan kesan daripada pertambahan populasi penduduk.

³² Zulkifly Omar, *Kemiskinan Bandar*, Institusi Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), hlm. 1-4.

³³ *Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1981.

Jadual 1.5 : Bilangan Isirumah Miskin Tegar Mengikut Daerah Di Sabah, 1996, 2001 & 2004

Daerah	Berdaftar 1995/1996	13 Mac 2001	13 Mei 2004
Kudat	1,286	1,861	1,441
Kota Marudu	1,518	1,583	1,583
Pitas	1,284	3,272	3,581
Kota Belud	1,625	3,315	3,581
Nabawan	973	1,833	1,833
Tawau	1,000	1,033	1,030
Papar	232	2,258	2,703
Tenom	868	1,214	1,249
Ranau	637	411	1,055
Tambunan	257	503	814
Sandakan	583	2,280	2,283
Tuaran	651	2,337	2,523
Semporna	440	738	744
Tongod	536	1,499	2,548
Beluran	232	2,019	2,685
Kuala Penyu	427	113	118
Penampang	167	390	703
Kinabatangan	418	130	400
Beaufort	286	466	548
Keningau	326	453	304
Kunak	282	1,880	1,599
Kota Kinabalu	39	88	490
Lahad Datu	184	140	337
Sipitang	109	73	166
Jumlah	14,362	29,889	34,589

Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Sabah.

Rumusan

Secara kesimpulannya, faktor demografi dan non-demografi telah memberi impak kepada perubahan populasi penduduk negeri Sabah dalam tempoh masa 60 tahun terdahulu (1960-an hingga 2000-an). Perubahan populasi ini pula telah memberi implikasi kepada sektor sosioekonomi Sabah. Perkara ini dapat dirumuskan bahawa faktor migrasi dan peningkatan kelahiran merupakan faktor demografi yang

paling dominan dalam menyumbang kepada peningkatan populasi penduduk negeri Sabah. Sementara itu, faktor pembangunan ekonomi pula merupakan faktor non-demografi yang utama penyebab kepada perubahan populasi penduduk Sabah. Dalam segi kesan terhadap sosioekonomi negeri Sabah, aspek kemiskinan, jenayah dan buruh merupakan aspek yang sangat terkesan daripada peningkatan populasi tersebut.

Rujukan

Akhbar

Daily Express. 30 June 1981

Department of Statistic Malaysia. 1984. *Annual Bulletin of Statistic 1983*.

Dokumen/Fail/ Jabatan Kerajaan

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Banci Penduduk 2000 Malaysia*.

Kementerian Kesihatan Malaysia. *Laporan Tahunan 2010*.

Kerajaan Perikatan Sabah. 1967. *Sejak Malaysia: Kemajuan dan Kejayaan dalam Usaha Pembangunan (1963-1968)*.

Khoo, T. H. 1983. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980: Laporan Penduduk Negeri Sabah*. Jabatan Perangkann Malaysia. *Labuan: Fakta-fakta Asas yang Perlu Anda Ketahui*, Majlis Keselamatan Negara. Jabatan Perdana Menteri. Kota Kinabalu.

Laporan RCI.

Pasukan Pertugas Khas Persekutuan (S/L). 1992. *Pendatang Luar Negeri Sabah dan W.P*

Pertumbuhan Penduduk Sabah Diakui 'Luar Biasa'. *Free Malaysia Today*. 4 Disember 2014.

Rancangan Malaysia Keempat. 1981. 1981-1985. Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara.

United Nations. 1970. *Manuals on Methods of Estimating Population. Manual VI: Methods of Measuring Internal Migration. Population Studies*. No. 47. Departments of Economic and Social Affairs. New York: United Nations Publications.

Buku

Abdel R. Omran. 1988. *Transisi Epidemiologi*. Dalam Masri Singarimbun. *Kelangsungan Hidup Anak*. Indonesia: Gadjah Madah University Press.

Chambers, R. 1983. *Rural Development: Putting the First Last*. London: Longman.

- Forbes, D. 1996. *Asian: Urbanisation and the Southeast Asian City*. Melbourne : Oxford University Press.
- Mohd. Shamsuddin Zahid Sopian. 1995. *Asas Analisis Demografi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mustaffa Omar. 1994. *Pertumbuhan dan Perubahan Penduduk di Sabah: Cabaran Terhadap Pembangunan Ekonomi dan Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ubong Imang. Tiada Tahun. *Imigran dan Pemandaran: Kesan Ke Atas Pola Ruang Mobiliti Penduduk di Pusat Bandaraya Kota Kinabalu*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Usman Haji Yaakob. 1989. *Prinsip Kajian Kependudukan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf Ismail (peny.). 2006. *Dasar-Dasar Utama Kerajaan Malaysia*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen

Bab Buku

- Mahathevan, R. 1992. *Health Status of the People of Sabah-Pattern of Mordibidity and Mortality*. Dalam Mohd Yaakub Hj Johari Dan Mohd Ayub Amirdad. *Population and Health Issues in Sabah*. Sabah: Institute for Development Studies (Sabah).
- Mechiel, K. C. C. dan Goh, P. P. 1989. *Development in Health Service in Sabah, 1963-1988*. Dalam Kitingan, J.G. dan Ongkili, M. J. *Sabah 25 Years Later 1963-1988*. Sabah: Institute for Development Studies.

Kertas Kerja

- Harun Hashim. 1991. Konsep dan pengukuran Kemiskinan. *Kertas Kerja*. Seminar Kebangsaan Mengenai Kemiskinan anjuran Kementerian Pertanian. Langkawi. 13-15 Mei.

Internet

- What is a Pandemic? www.who.int/csr/disease/swineflu/frequently_asked_question/pandemic/en/. Akses 22 Julai 2017.
- Zulkifly Omar. *Kemiskinan Bandar*. Malaysia. Institusi Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Hlm.1-4. https://www.mier.org.my/old/newsarticles/archives/pdf/DrZul22_08_2016.pdf. Akses 22 Julai 2017.

Sejarah Sosial Komuniti Eropah di Borneo Utara (1881-1941)

Siti Noor Soffera Zainuddin¹
Maureen De Silva²

Manuskrip diterima: 13 Ogos 2019

Diterima untuk penerbitan: 15 Oktober 2019

¹ Siti Noor Sofera Zainuddin, Calon Ijazah Sarjana di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, E-mail: sofferazainudin@gmail.com

² Dr. Maureen De Silva, Pensyarah Kanan di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. Email: maureend@ums.edu.my

Abstract

This paper discusses the social history of the European community in North Borneo during the British North Borneo Company (BNBC) era from 1881 to 1941. The presence of the European community in North Borneo was greatly influenced by the administrative and economic development of the administration and investors in the industry such as mining, logging and plantation. Northern Borneo's far from the other British's administration has made life in Northern Borneo a very challenging one for the European community. Thus, they have sought to create a cozy atmosphere by organizing various social activities in the form of sports, entertainment, recreation and association as a mechanism to deal with everyday life in North Borneo. Based on primary sources of documents, newspapers and secondary sources, this study aims to identify the forms of social activity undertaken by the European community during the SBUB administration. It also assesses the extent to which these social activities are carried out merely as a means of interacting, filling leisure time and entertainment or having other motives.

Keywords: Social activities, European community, BNBC, North Borneo

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan tentang sejarah sosial komuniti Eropah di Borneo Utara semasa era pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB) dari tahun 1881 hingga 1941. Kehadiran komuniti Eropah di Borneo Utara banyak dipengaruhi oleh perkembangan pentadbiran dan ekonomi, iaitu golongan pentadbir dan juga pelabur dalam industri perlombongan, pembalakan dan perladangan. Keadaan Borneo Utara yang jauh dan masih kurang maju menyebabkan kehidupan di Borneo Utara sebagai suatu yang amat mencabar bagi komuniti Eropah. Justeru, mereka telah berusaha untuk mewujudkan suasana yang selesa dengan menganjurkan pelbagai aktiviti sosial dalam bentuk sukan, hiburan, rekreasi dan persatuan sebagai mekanisme untuk berhadapan dengan kehidupan seharian di Borneo Utara. Berpandukan kepada sumber primer berbentuk dokumen, akhbar dan sumber sekunder, kajian ini bertujuan untuk mengidentifikasikan bentuk aktiviti sosial yang dilakukan oleh komuniti Eropah dalam tempoh pentadbiran SBUB. Juga menilai sejauh mana aktiviti sosial yang dilaksanakan ini sekadar berperanan untuk berinteraksi, mengisi masa lapang dan hiburan semata-mata atau mempunyai motif lain.

Kata Kunci: Aktiviti sosial, Komuniti Eropah, SBUB, Borneo Utara

Pengenalan

Sejarah Borneo Utara umumnya sangat terkenal dengan kekayaan sumber ekonomi dan pentadbiran politiknya yang pernah dijajah oleh pihak British dan Jepun. Kekayaan ekonominya mendorong pihak kapitalis meneroka hasil kekayaan. Apabila pihak British berjaya mendapatkan piagam Diraja daripada kerajaan British di London, maka pentadbiran SBUB mula digerakan pada tahun 1881. Sehubungan itu, kerancakkan ekonomi Borneo Utara membawa kepada kemasukan pelabur daripada komuniti Eropah, bahkan telah membuka ruang migrasi lebih luas seperti dari Jawa, Kepulauan Indonesia, India, Cina dan Filipina. Pemerintahan SBUB pada awal tahun 1882, sangat sibuk menguruskan hal berkaitan pentadbiran dan menyusun sistem yang lebih sistematik. Kita sedia maklum bahawa sebahagian besar wilayah Borneo Utara masih dilitupi hutan tebal dan keadaan bentuk muka bumi yang masih belum diterokai menjadikan wilayah ini mempunyai sistem

perhubungan yang agak terbatas dengan dunia luar.¹ Oleh itu, kehidupan yang agak berbeza dengan kehidupan asal yang lebih moden telah mempengaruhi tindakan komuniti Eropah. Bagi tujuan menyesuaikan diri di kawasan baru dengan mengadaptasi kehidupan sosial seperti di negara asal. Apakah bentuk aktiviti sosial yang diwujudkan oleh komuniti Eropah di Borneo Utara dan adakah ia berperanan sekadar untuk bersuka-ria, atau ada motif disebaliknya.

Komuniti Eropah

Komuniti Eropah di Borneo Utara adalah minoriti yang terdiri daripada dua kelas masyarakat iaitu kelas atasan dan kelas pertengahan. Komuniti Eropah yang terdiri daripada kelas atasan bekerja sebagai penjawat awam.² Bagi kelas pertengahan pula terdiri daripada ahli perniagaan dan pelabur yang melabur di Borneo Utara.³ Terdapat juga yang bekerja dalam bidang profesional seperti jurutera, doktor dan perbendaharaan kerajaan.⁴ Selain itu, terdapat juga kakitangan Eropah separa professional misalnya pengurus di kawasan estet dan perladangan. Kedatangan mereka di Borneo Utara adalah bagi memenuhi bidang profesion dalam jentera pentadbiran SBUB pada ketika itu.⁵

Menarik Minat pegawai British berkhidmat di Borneo Utara: Tennis dan Billiard

Pihak SBUB bertindak mewujudkan aktiviti sukan, rekreasi dan hiburan sebagai satu cara untuk menarik minat pegawai SBUB terus berkhidmat dalam struktur pentadbiran SBUB.⁶ Hal ini demikian, kebanyakan

¹ Notes on Forest Exploitation and the Forestry Service in B.B. and Dutch North East Borneo by L. J Van Dijk. ANS/KNS/NBCA/F/99/49, hlm. 3-5.

² ANS/KNS/NBCS/99/302 No. 180/33, North Borneo Central Archive, Administration Report for 1932, Jesselton, 30th January 1933.

³ North Borneo Central Archive, *Chinese Settler Land For*, Secreteriat Office No. 1239/25, Jesselton, B.N.B 12th June 1925.

⁴ North Borneo Central Archive, No. 846/25, Report on the Administration of the state e.t.c by the Hon M.W Elphinstone, Jesselton 15th July 1925, hlm. 3.

⁵ North Borneo Central Archive, *Chinese Settler Land For*, Secreteriat Office No. 1239/25, Jesselton, B.N.B 12th June 1925.

⁶ Surat daripada D.D.Daly, Penolong Residen bagi wilayah Dent kepada Editor BNBH, BNBH, 1 July 1885, hlm. 11.

pegawai tidak mahu ditempatkan di Borneo Utara disebabkan mempunyai bentuk muka bumi bergunung-ganang dan keterbatasan jaringan perhubungan dengan dunia luar.⁷ Sebagai contoh, daerah Tambunan dan Ranau digerakkan tanpa pemantau pegawai SBUB.⁸

Seawal pemerintahan tahun 1883, bilangan kakitangan komuniti Eropah adalah terhad. Pada tahun 1891, dianggarkan seramai 245 orang Eropah di Borneo Utara tetapi berkurang pada tahun 1901 iaitu seramai 195 orang sahaja.⁹ Hal ini demikian kerana, terdapat dalam kalangan pegawai British yang tidak ingin berkhidmat terus di Borneo Utara disebabkan keterbatasan sistem perhubungan dengan dunia luar. Hal ini berbeza dengan keadaan di tempat asal mereka yang lebih moden. Untuk mencapai zon keselesaan sepanjang memerintah Borneo Utara, pihak pentadbir mewujudkan aktiviti sukan dan hiburan sebagai suatu kehidupan sosial bagi komuniti mereka. Ia juga menjadi daya penarik kepada pegawai British untuk terus berkhidmat di Borneo Utara. Dengan itu, aktiviti permainan tenis telah diwujudkan. Gelanggangnya menggunakan rumput hijau yang dibuat berdekatan dengan rumah kerajaan sebagai gelanggang untuk melakukan permainan tenis.¹⁰

Bagi menarik minat pegawai SBUB, pihak SBUB menganjurkan pertandingan tenis sekitar tahun 1928 hingga tahun 1941 yang meliputi daerah seperti Sandakan dan Jesselton. Nama yang sering mengikuti pertandingan tenis ini antaranya C.F.C Macaskie, G.F.C Wollett, R.B Lutter dan E.W Morell.¹¹ Di samping itu, komuniti Eropah juga sering terlibat dalam aktiviti *billiard* di Borneo Utara. Bagi menarik minat pegawai British terus berkhidmat dalam kerajaan SBUB, pihak SBUB mengadakan

⁷ State of North Borneo, Official Gazette, 1st Nov 1919 Annual Report, 1918, hlmn 215, boleh rujuk The Tambunan District Officers, BNBH, 20 Oktober 1899, hlm. 295.

⁸ *Ibid.*

⁹ PRO: CO874/646. Census 1910-1929; Hcpp: Cmd. 4393. Statistical Abstract for the Several British Overseas Dominions and Protectorates, hlm. 19.

¹⁰ Agnes Newton Keith, *Three Came Home*, Kota Kinabalu: Natural History Publication, 1981, hlm. 59.

¹¹ *Kinabalu News Bulletin*, 1951, hlm. 11.

perlawanan aktiviti billiard kepada pegawainya. H Walker, J.H Walker, Barnett F.J Moysey, F. Beeston, W.R Flint, R.S Atkinson, Gabenor, F.E Lease, G.J Altman, R.G.L Horton, Harrison, A.B.C Francis, B.McEnroe dan kapten Welch serta Beeston misalnya sering terlibat dalam perlawanan ini di Borneo Utara.¹² Hal ini membuktikan bahawa, kewujudan aktiviti tenis dan *billiard* mampu menarik minat pegawai British untuk terus berkhidmat di Borneo Utara. Hal ini jelas melalui bilangan komuniti Eropah yang mencatatkan peningkatan sekitar tahun 1911, iaitu seramai 354 orang dan meningkat lagi pada tahun 1921 iaitu seramai 415 orang.¹³

Hobi dan Masa Terluang: Menembak, Tarian, Kriket dan Ping Pong

Kerajaan SBUB bertindak mengisytiharkan bahawa pada hari Sabtu dan Ahad sebagai cuti umum di Borneo Utara. Kesannya, rata-rata komuniti Eropah yang terdiri daripada lelaki dan wanita sering menghabiskan masa terluang dan hobi bagi melakukan aktiviti hiburan pada hujung minggu. Komuniti Eropah gemar memasuki kawasan hutan dengan melakukan aktiviti memburu. Sebagai contoh, haiwan liar yang ditemui di Borneo Utara antaranya gajah, Babi Hutan, monyet, kijang, rusa dan Orang Utan. Misalnya, pada hari Ahad J. Scott dan J. Gordon Grant melakukan aktiviti menembak Seladang. Aktiviti memburu dilakukan pada sebelah malam kerana pada waktu ini haiwan tersebut berkeliaran untuk mencari makanan. Aktiviti menembak ini juga turut dipertandingkan di Borneo Utara apabila adanya acara keramaian mialnya ketika menyambut perayaan Hari Raya Haji. Aktiviti menembak ini diadakan antara wakil pasukan dari Labuan dan Borneo Utara.

Komuniti Eropah juga sering mengunjungi kelab atau rumah kerajaan untuk ke acara tarian. Aktiviti tarian ini diwujudkan bagi tujuan merayakan kemenangan atau menyambut tetamu terhormat di Borneo Utara. Acara tarian selalunya dibuat di rumah milik kerajaan dengan menjemput pegawai dan komuniti Eropah. Kawasan tiap sudut ruang rumah dihias cantik, di samping menyediakan ruang untuk acara tarian dan ruang makan dan minum.¹⁴ Selain itu, terdapat juga sebuah badan

¹² *British North Borneo Herald*, 1903, hlm. 5.

¹³ PRO: C0874/646. Census 1910- 1929; Hcpp: Cmd. 4393. Statistical Abstract for the Several British Overseas Dominions and Protectorates, hlm. 19.

¹⁴ *British North Borneo Herald*, 1902, hlm. 4.

persatuan melaksanakan acara tarian seperti yang diadakan di Sandakan semasa menyambut kedatangan Residen Eropah, pengunjung dari bahagian Pantai Timur, kapten, pegawai serta orang kuat Cina di Borneo Utara. Kelainan dalam acara tarian ini adalah dengan menjemput ahli kumpulan konstabulari bagi memeriahkan lagi suasana tarian. Kelelahan dan kebosanan ini bukan sahaja diisi dengan meriahnya acara tarian, bahkan acara makan malam dan minum arak serta bergelak ketawa dan bercerita.¹⁵

Komuniti Eropah juga melakukan aktiviti bermain kriket pada hujung minggu bagi menghabiskan waktu cuti mereka.¹⁶ Pada tahun 1902, pertandingan kriket pernah diadakan antara Persatuan Rekreasi Sandakan berlawan dengan pasukan *Beeston Eleven* dan pada tahun 1903 pasukan bertanding adalah antara *Birch's XI* dengan pasukan *S.R.C.*¹⁷ Tambahan lagi, aktiviti bermain ping pong juga menjadi aktiviti hujung minggu yang sering dilakukan dalam kalangan mereka. Misalnya, Wilson iaitu merupakan pegawai SBUB memiliki kawasan kediaman yang dibina dengan kelengkapan tempat rehat, ruang pejabat dan mempunyai alatan khas ping pong.¹⁸ Hal ini membuktikan bahawa komuniti Eropah menjadikan aktiviti menembak sebagai hobi dan mengisi masa lapang mereka setelah habis waktu bekerja.¹⁹

Meningkatkan Produktiviti Ekonomi Borneo Utara: Boxing

Pada awalnya, pentadbir SBUB sahaja yang melakukan aktiviti sosial yang disediakan di dalam kelab. Walau bagaimanapun, keterlibatan masyarakat tempatan berlaku apabila SBUB bertindak mewar-warkan acara pertandingan dalam akhbar. Malahan, terdapat majikan yang ingin menarik minat buruh untuk berseronok dengan menyediakan tempat hiburan berdekatan dengan kawasan estet dan ladang di Borneo Utara.

¹⁵ *British North Borneo Herald*, 1910, hlm. 163.

¹⁶ *British North Borneo Herald*, 1912, hlm. 56.

¹⁷ *British North Borneo Herald*, 1903, hlm. 24.

¹⁸ *British North Borneo Herald*, 1901, hlm. 392.

¹⁹ *British North Borneo Herald*, 1902, hlm. 5.

Langkah SBUB lebih proaktif menekankan isu produktiviti agar pengeluaran sumber ekonomi sentiasa berjalan dengan lancar dan sistematik. Salah satu langkah SBUB adalah meningkatkan keselamatan dan kebajikan golongan buruh. Pada hujung minggu, pihak pentadbir SBUB berusaha untuk memastikan buruh merasai keseronokan dalam pelbagai anjuran aktiviti sosial seperti sukan dan hiburan. Dengan adanya aktiviti sosial berbentuk sukan dan hiburan, maka golongan buruh tidak merasa bosan dan mendapat tekanan kerja sebaliknya mereka bersemangat untuk melakukan kerja. Sebagai contoh, Boxing pertama kali yang dihadiri oleh Gubenor adalah Constabulary Boxing yang rata-rata penyertaannya dalam kalangan orang Melayu seperti Amat, Madis Dandan dan Edris. Dengan adanya aktiviti rekreasi dan hiburan ini maka produktiviti ekonomi seperti emas, getah, kayu, projek penanaman dan pembinaan tidak terabai. Hal ini terbukti sepertimana yang dijelaskan dalam akhbar *British North Borneo Herald* 1911, hasil keuntungan eksport dan import masing-masing mencatatkan sebanyak \$2,754,788 dan \$4,572,011. Estet Sekong menunjukkan peningkatan yang cemerlang dalam menjamin produktiviti ekonomi berjalan lancar. Begitu juga pada tahun 1908, estet tembakau mencatatkan keuntungan hasil eksport sebanyak \$17,564.

Pengikat Hubungan Baik Komuniti Eropah dengan Masyarakat Borneo Utara: Bola Sepak

Komuniti Eropah turut mewujudkan aktiviti permainan bola sepak dan bertindak menganjurkan perlawanan aktiviti bola sepak kepada masyarakat di Borneo Utara. Pendekatan ini di ambil oleh pihak SBUB adalah disebabkan oleh sokongan yang sangat besar datangnya daripada sukan bola sepak. Pertama kali aktiviti bola sepak dilakukan adalah pada tahun 1901 di Jesselton. Semasa perlawanan ini berlangsung, ia menghimpunkan pelbagai lapisan bangsa dan agama yang merentasi sempadan wilayah Borneo Utara, seperti Cina, Melayu, Sulu, Bajau, India dan Jawa.²⁰ Seterusnya, tertubuhnya pasukan bola sepak seperti Tanjong Aru Football Club, Victoria Valley, P.W.D & Telco, Chinese Football Club, Rovers Football Club, Recreation Club, Tanjong Aru, Malays, dan Chinese yang menghimpunkan pelbagai bangsa dalam sebuah pasukan.²¹ Hal ini merupakan suatu mekanisme kawalan sosial bagi mewujudkan suasana

²⁰ *Kinabalu News Bulletin*, 1951, hlm. 15.

²¹ *Ibid.*

dan hubungan yang baik antara komuniti Eropah dengan masyarakat Borneo Utara. Keadaan ini sekaligus mampu menjamin kedudukan pemerintahan SBUB di Borneo Utara. Hal ini lebih jelas lagi dalam ucapan Sir M. P. Anderson iaitu pernah menyandang jawatan sebagai pegawai politik di bawah kerajaan India. Beliau menyatakan bahawa buruh di estet dan ladang Borneo Utara bukan sahaja memiliki kemegahan dalam industri penanaman, bahkan hubungan baik buruh dengan kerajaan SBUB.²² Selain itu, melalui kenyataan pihak SBUB juga yang menyatakan bahawa sekiranya masyarakat Borneo Utara boleh mematuhi peraturan bola sepak, sekaligus boleh mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak SBUB.²³

Medan Perhimpunan: Sambutan Tahun Baru, Tahun Baru Cina, Hari Krismas dan Lumba Kuda

Aktiviti sukan dan hiburan ini juga sangat berpotensi dijadikan sebagai medium perhimpunan lebih-lebih lagi ia berada di bawah kawalan pihak pentabir SBUB. Kawasan aktiviti sosial dan trak perlumbaan dianggap sebagai medium pertemuan umum. Sebagai contoh, sambutan Tahun Baru yang diadakan di kawasan rumah milik kerajaan dianggarkan seramai 50 orang yang datang memeriahkan keramaian tersebut. Tambahan lagi, terdapat juga pengunjung yang datang termasuk orang kuat Cina, komuniti Eropah dan isteri mereka turut sama hadir.²⁴ Terdapat juga pengunjung dari luar datang misalnya dari daerah Sipitang, Beaufort, Kudat dan Labuan.²⁵ Selalunya akibat keadaan cuaca yang kurang menentu menyebabkan acara keramaian ditangguh pada sebelah petang, tetapi keadaan ini tidak mematahkan semangat pengunjung yang datang pada ketika itu.²⁶

Dalam sambutan Hari Krismas di estet Tuaran, dianggarkan seramai 130 orang buruh estet yang menghadiri keramaian termasuk

²² *British North Borneo Herald*, 1992, hlm. 36.

²³ *Kinabalu Magazine*, 1951, hlm. 25.

²⁴ *British North Borneo Herald*, 1927, hlm. 153.

²⁵ *Ibid.*, hlm. 62.

²⁶ *British North Borneo Herald*, 1922, hlm. 9.

lelaki, perempuan, kanak-kanak dan orang dewasa terdiri daripada bangsa Dusun dan Bajau masing-masing merasai keseronokan sambutan hari Kristmas.²⁷ Tidak ketinggalan dengan perayaan setiap tahun seperti sambutan Tahun Baru Cina. Sambutan ini sering diadakan di kawasan pekan dan pusat bandar seperti Sandakan. Perayaan ini berlangsung di sepanjang Kuil Sam Sing King dan Kuil Koom Yan. Kawasan pekan Sandakan sangat meriah kerana dipenuhi orang ramai tidak terkecuali wanita, kanak-kanak dan lelaki.²⁸

Selain itu, dalam acara lumba kuda juga menghimpunkan masyarakat di kawasan "Veranda" atau pondok yang berbeza longhat pertuturan dan pakaian.²⁹ Ketika acara perlumbaan berlangsung, tidak ketinggalan juga yang datang merupakan kapal dan pengunjung dari luar atas undangan SBUB.³⁰ Di samping itu, ahli politik yang datang atas urusan perniagaan juga turut bersama-sama menikmati acara perlumbaan kuda.³¹ Hal ini membuktikan bahawa, sambutan perayaan dan acara perlumbaan kuda yang dinyatakan sebentar tadi menjadi medan perhimpunan umum di Borneo Utara.

Menjana Sumber Pendapatan SBUB: Perjudian

Komuniti Eropah turut memperkenalkan aktiviti judi iaitu aktiviti perlawanan atau pertarungan yang berlandaskan kepada wang.³² Aktiviti perjudian ini bukan sahaja dilakukan dalam komuniti mereka, bahkan menggalakkan aktiviti ini dilakukan dalam kalangan buruh estet dan ladang di Borneo Utara.³³ Pada tahun 1890, kawasan perjudian semakin banyak iaitu beroperasi secara haram atau tidak. Misalnya, syarikat milik

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *British North Borneo Herald*, 1911, hlm. 30.

²⁹ *Ibid.*, hlm. 49.

³⁰ *British North Borneo Herald* 1927, hlm. 62.

³¹ *Ibid.*

³² G.S.O.N0377-34, Sandakan British North Borneo 27 August 1934, Prot: No: 681/129 (20), hlm. 67.

³³ Maureen De Silva, *Javanese Indentured Labourers in British North Borneo, 1914-1932*, Tesis Ph.D., University of London, 2009, hlm. 216.

kaum Cina seperti Bun Hin Long, Tin Hong, Neo Chin Ting di Kudat, Kwong Hong di Sandakan termasuk Sungai Kinabatangan, Labuk dan Sugut.³⁴ Ekoran daripada itu, kerajaan SBUB bertindak membuka tender penjualan tanah dan lesen agar aktiviti perjudian terus berkembang di daerah Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Kudat, Jesselton, Papar dan Beaufort. Motif utama kerajaan SBUB mewujudkan aktiviti perjudian adalah sebagai sumber pendapatan kerajaan. penjualan lesen menyumbang kepada kadar tertinggi dalam sumber pendapatan kerajaan SBUB iaitu sebanyak \$39,553 berbanding sumber hasil penjualan tanah iaitu hanya sebanyak \$14,508.³⁵

Aktiviti perjudian ini bukan sahaja sebagai langkah untuk mendapatkan keseronokan selepas bekerja, bahkan untuk menyekat golongan buruh di Borneo Utara melalui pinjaman berbentuk kewangan. Menurut Maureen De Silva, akibat daripada pinjaman berbentuk kewangan menyebabkan golongan buruh terpaksa meminjam daripada SBUB. Bebanan hutang ini adalah sebagai pengikat golongan buruh bagi menyambung kontrak perkhidmatan di Borneo Utara kerana mereka terpaksa melunaskan hutang piutang sebelum menamatkan kontrak buruh.³⁶ Walau bagaimanapun, aktiviti perjudian ini turut membawa kepada berlakunya pergaduhan yang kerap di kawasan tapak perjudian disebabkan tidak dapat membayar hutang akibat kalah dalam judi.³⁷

Terdapat segelintir penjudi juga bertindak menjual anak perempuan mereka ke rumah pelacuran untuk dijadikan sebagai pelacur. Di samping itu, akhlak buruk juga ditonjolkan oleh penjudi dengan meminta pertolongan di kawasan kubur untuk meminta kemenangan dan nombor loteri bertuah di depan kubur.³⁸ Sehubungan itu, terdapat pertubuhan iaitu *Chinese Chamber Commerce* di Sandakan yang

³⁴ *British North Borneo Herald* 1981, hlm. 284.

³⁵ *State of North Borneo Annual Report*, 1924, hlm. 189.

³⁶ Maureen De Silva, *op. cit.*, hlm. 94-96.

³⁷ Ian Black, *Gambling Sytle of Govenment: The Establishment of the Chartered Company's Rules in Sabah, 1878-1915*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1963, hlm. 25.

³⁸ *British North Borneo Herald*, 1909, hlm. 11.

bertindak menghantar petisyen melalui Gabenor berhubung pengharaman aktiviti perjudian yang terkenal pada ketika itu iaitu Wah-Weh Loteri. Ia menyebabkan masalah kewangan kepada pelakunya iaitu bebanan hutang akibat pembelian loteri di kedai tersebut.³⁹ Walau bagaimanapun, aktiviti perjudian ini terus dilakukan di kawasan premis kedai yang di kawal oleh peraturan Ordinan 1914 dan di bawah kawalan pihak polis di Borneo Utara.⁴⁰

Kesimpulan

Komuniti Eropah terbukti mampu mengadaptasi kehidupan sosial seperti di negara asal dan juga mampu menerima budaya baru masyarakat di Borneo Utara. Kewujudan aktiviti riadah berbentuk sukan dan hiburan adalah bagi mencapai zon keselesaan sepanjang mentadbir di Borneo Utara. Walau bagaimanapun, motif kewujudan aktiviti perjudian adalah sebagai sumber pendapatan SBUB. Pembukaan tender dan penjualan lesen perjudian kepada komuniti Cina telah memberi keuntungan paling tinggi kepada SBUB, berbanding sumber pendapatan yang lain seperti cukai.

Rujukan

Sumber Arkib

ANS/KNS/NBCS/99/302. No. 180/33, North Borneo Central Archive, Administration Report for 1932, Jesselton, 30th January 1933.

British North Borneo Herald 1882.

British North Borneo Herald 1899.

British North Borneo Herald 1902.

British North Borneo Herald 1903.

British North Borneo Herald 1909.

British North Borneo Herald 1911.

British North Borneo Herald 1922.

British North Borneo Herald 1927.

British North Borneo Herald 1981.

British North Borneo Herald 1901.

G. S. O. NO377-34. Sandakan British North Borneo 27 August 1934. Prot: No: 681/129 (20).

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ G.S.O.NO377-34 Sandakan British North Borneo 27 August 1934, Prot: No: 681/129 (20), hlm. 67.

Kinabalu News Bulletin. 1951.

Kinabalu News. 1911.

North Borneo Central Archive. *Chinese Settler Land For*. Secreteriat Office No. 1239/25. Jesselton. B. N. B. 12th June 1925.

North Borneo Central Archive. No. 846/25. *Report on the Administration of the State e.t.c by the Hon M.W Elphinstone*. Jesselton 15th July 1925.

PRO: C0874/646. Census 1910-1929. Hcpp: Cmd. 4393. *Statistical Abstract for the Several British Overseas Dominions and Protectorates*.

State of North Borneo Annual Report. 1924.

State of North Borneo, Official Gazette, 1st Nov 1919 Annual Report. 1918.

Surat daripada D. D. Daly, Penolong Residen bagi Wilayah Dent kepada Editor, B. N. B. H. 1 July 1885.

Buku

Black, I. 1963. *Gambling Sytle of Govenment: The Establishment of The Chartered Cmpany's Rules in Sabah, 1878-1915*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Leong, C. 1982. *Sabah: The first 100 years*. Kuala Lumpur: Percetakan Nan Yang Muda.

Keith, A. N. 1981. *Three Came Home*. Kota Kinabalu: Natural History Publication.

Tesis

De Silva, M. 2009. *Javanese Identured Labourers in British North Borneo, 1914-1932. Tesis Ph.D.* University of London.

**Ritual Adat Kematian dalam Masyarakat Iban di Sarawak:
Artifak Irian *Tukang Sabak***

Gregory Kiyai¹

Manuskrip diterima: 23 Mei 2019

Diterima untuk penerbitan: 11 Julai 2019

¹ Gregory Kiyai, Calon ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak. E-mail: Gregory_kiyai@yahoo.com

Abstract

*The life-long cultures make people to believe in the existence of other after life. For the Iban community in Sarawak they believe in the nature of death after the so-called after life of nature. The universe was told for generations by the Iban older generation, and they had to follow the custom and taboo set by the creator called the petara. *Tukang sabak* plays an important role in sending the dead soul to the suitable place where it is supposed to be. This study will focus on the role of the *Tukang sabak* and the artifacts used during the *Nyabak* ceremony.*

Keywords: *Artifacts, Customs, Culture, Iban, Sarawak*

Abstrak

Pegangan hidup berbudaya menyebabkan manusia mempercayai akan wujudnya alam lain selepas kehidupan. Bagi masyarakat Iban di Sarawak mereka percaya akan alam kematian selepas kehidupan yang disebut sebagai alam *sebayan*. Dalam *sebayan*, diceritakan secara turun temurun oleh generasi Iban, dan mereka perlu mengikuti adat dan pantang larang yang telah ditetapkan oleh pencipta yang dipanggil sebagai *petara*. *Tukang sabak* memainkan peranan penting bagi menghantar roh si mati ke tempat yang sepatutnya dengan lancar. Kajian ini akan memfokuskan peranan *Tukang sabak* serta artifak yang digunakan semasa upacara.

Kata Kunci: Artifak, Adat, Budaya, Iban, Sarawak

Pengenalan

Unsur animisme telah membuatkan manusia percaya akan adanya kehidupan di alam lain selepas kematian. Idea tentang alam kematian ini sudah wujud beribu ribu tahun dahulu, bagi masyarakat purba, alam kematian adalah kemuncak dalam hidup mereka yang penuh dengan pemikiran mistik dan *supernatural*. Dalam Tamadun India dan Mesir Purba (2000 SM) melihat bahawa alam kematian adalah hari pengadilan akan perbuatan mereka semasa masih hidup. Dalam masyarakat Iban, mereka percaya akan kehidupan selepas kematian. Kepercayaan ini di gambarkan dengan konsep kewujudan dunia lain yang disebut sebagai *sebayan*.

Sabak Kenang, Journey to the Land of the Dead, is about the first category of Iban ritual dirges. It highlights the significance of Iban's dead rituals and the extra-ordinary expert knowledge of Tukang sabak reciting her chant using poetic language of the Sabak which are very moving and emotionally powerful of all forms of Iban ritual poetry (Robert Menua, 2016).

Pada 13 hingga 25 September 2016 melalui Yayasan Tun Jugah telah mengangkat satu budaya Iban ke peringkat dunia apabila telah menghantar *tukang sabak*, iaitu Siah ak Tutong yang berasal dari Rumah Nabau, di Entawau, Baleh, Kapit ke *Thomsom Drill Hall*, New York. Beliau telah berkongsi budaya Iban dengan mempersembahkan adat meratapi orang mati atau dikenali sebagai *sabak kenang*. Kemasukan penjajah Eropah lewat abad Ke-19 telah menghakis banyak budaya ketara dan tidak ketara masyarakat Iban. Hal ini disebabkan oleh pengaruh kemasukan agama Kristian telah menyebabkan masyarakat Iban meninggalkan separuh cara hidup mereka yang lama. Kertas penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengetengahkan semula unsur *nyabak* dalam budaya masyarakat Iban serta artifak dan fungsinya dalam adat kematian masyarakat Iban di Sarawak.

Satu siri penyelidikan telah dilakukan oleh penyelidik di Bahagian Kelima, Negeri Sarawak, iaitu di Nanga Medamit, Limbang. Di mana penyelidik telah melengkapkan penyelidikan ini dengan menemubual bekas *tukang sabak* yang kini telah bersara setelah memeluk agama Kristian. Bagi memenuhi kajian ini, pengkaji telah menemu ramah bekas *tukang sabak* di Rumah Panjang Tr. Asan Kampung Semena, Nanga Medamit. Temu ramah ini telah dilakukan pada

Isnin 15 Januari 2018 pada pukul 7.01 P.M. Nama sebenar beliau adalah Biah ak Temenggung Ngang (67 Tahun) namun apabila sudah dibaptis dalam Kristian nama beliau ditambah menjadi Elizabeth Biah ak Temenggung Ngang. Menurut beliau, ilmu *nyabak* ini dipelajari ketika umurnya berusia 40 tahun, iaitu dengan menghafal buku yang ditulis oleh Bennedict Sandin yang bertajuk *sabak buah*. Bagi medalami dan menghafal setiap bait dan belajar melenggokan rima *leka sabak*, beliau mengambil masa setahun setengah untuk belajar. Minatnya untuk mempelajari seni meratapi orang mati atau *tukang sabak* banyak dipengaruhi oleh mendiang ayahnya.

Peta 1: Kampung Tr. Assan Semena, Nanga Medamit, Limbang



Sumber: Google Maps, 2018

Metodologi Penyelidikan

Secara keseluruhannya penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Penyelidikan kualitatif merupakan satu kaedah sistematik bagi menerangkan, memerhati, mendokumentasi, temubual, dan memahami dan menyelidiki corak hidup serta budaya sesebuah masyarakat. Di mana penyelidik telah turun ke lapangan, iaitu di Kampung Tr. Assan Semena dan Tr. Tan Rantau Kiran, Nanga Medamit Limbang bagi mendapatkan temubual bersama dengan seorang bekas *tukang sabak*. Penyelidikan ini adalah bersifat empirikal, iaitu menggunakan temubual sebagai data primer bagi penyelidikan ini, disokong dengan pengdokumentasian menggunakan kamera bagi mendapatkan gambar semasa berlangsungnya proses penyelidikan ini.

**Foto 1: Penyelidik Bersama *Tukang sabak*,
Biah ak Temengung Ngang**



Sumber: Koleksi Penyelidik, 2017

Peta 2: Kampung Tr. Tan Rantau Kiran, Nanga Medamit, Limbang



Sumber: Google Maps, 2018

Objektif Penyelidikan


Objektif Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk:

- i) Memahami peranan *tukang sabak* dalam kepercayaan masyarakat Iban di Sarawak.
- ii) Menerangkan kegunaan artifak yang digunakan dalam upacara *nyabak*.

Alam Selepas Kematian Menurut Masyarakat Iban

Menurut Clifford Sather (2012) masyarakat Iban percaya bahawa dunia ini diciptakan oleh semangat yang dipanggil sebagai *petara*. Mereka percaya bahawa *petara* inilah yang mengawal dunia dan alam semesta. Dunia kosmologi masyarakat Iban dibahagi kepada tiga, iaitu *panggau libau*, *mandai idup* dan *mandai mati*.

Rajah 1: Kosmologi Masyarakat Iban, 2018



Konsep kepercayaan hidup selepas kematian bukan hanya berlaku dalam budaya masyarakat Iban sahaja, bahkan telah dipercayai sejak tamadun awal lagi. Ahli akademik menyebut terma kepercayaan ini sebagai *afterlife* ataupun kehidupan selepas kematian. Dalam kosmologi masyarakat Iban, terdapat tiga tahap persinggahan kehidupan, iaitu peringkat atas (A) adalah dunia *pangau* (Kayangan) yang menempatkan para dewa dewi. Para dewa dewi akan memerhatikan kehidupan masyarakat Iban melalui sebuah tajau besar untuk mengetahui perkembangan mereka di dunia. Peringkat yang kedua (B) adalah *mandai idup*, iaitu dunia manusia dan dunia. Peringkat yang paling

bawah (C) adalah *mandai jenuh/mati* (dunia akhirat) yang menempatkan roh orang Iban yang sudah mati.

Mereka percaya sekiranya masyarakat Iban meninggal dunia, roh mereka akan balik ke suatu tempat yang disebut sebagai *sebayan*. Walau bagaimanapun, sekiranya si mati merupakan seorang bomoh atau *manang* rohnya akan balik ke puncak bukit yang disebut *Bukit Rabong*. Lokasi Bukit Rabong ini tumbuh di tebing Batang Ketugau, iaitu berhampiran dengan Batang Kapuas, Indonesia. Bukit ini digambarkan dalam kedudukan yang tinggi dan curam dan sukar dinaiki oleh manusia biasa yang tiada kekuatan ghaib. Manakala dunia yang dipanggil sebagai *sebayan*, iaitu *mandai mati* terletak di Batang Kapuas, Kalimantan Barat. Roh masyarakat Iban yang mati akan melalui suatu jalan yang sukar sebelum sampai ke *batang mandai*. Perjalanan mereka merentasi pelbagai benua termasuklah melalui titian tinggi atau disebut sebagai *Andau Titi Rawan*. Titi ini menurut cerita orang dahulu digambarkan sebuah titian yang halus, seperti meniti selembur rambut.

Ritual Tukang sabak

Sabak (dirges) ialah *derog* atau lagu ratapan yang perlahan, kadang-kala disebut sebagai lagu roh. *Leka sabak* dilagukan khusus untuk mengiringi semangat si mati ke *sebayan* atau *otherworld*. Dalam *leka sabak* masyarakat Iban terdapat dua jenis *sabak*, iaitu *sabak bebuah*, dan *sabak kenang*. *Tukang sabak* ini hanya dilakukan oleh wanita Iban yang sudah berlatih selama bertahun untuk menghafal setiap bait yang terdapat dalam *leka sabak*.

i) Sabak Bebuah

Sabak bebuah dilafazkan untuk menangi pemergian seseorang yang telah meninggal dan menceritakan secara terperinci tentang perjalanan si mati ke dunia *sebayan* sebelum pengembumiannya. Arti *Sabak bebuah* adalah sebuah cerita yang berurutan mengenai perjalanan yang akan dilalui oleh roh si mati dari rumah panjang sehinggalah melalui *titi andau rawan* dan ke *sebayan*. Menurut Chemaline Osup (2013) mengatakan *sabak bebuah* hanya boleh dinyanyikan oleh *tukang sabak* yang mahir, mereka akan duduk dalam *sapat*, iaitu berhampiran dengan si mati. *Sapat* adalah tempat untuk meletakkan si mati yang dilindung dengan *pua kumbu*. Tujuan mendirikan *sapat* adalah untuk memastikan roh si mati memahami bahawa dunianya sekarang sudah terpisah di antara alam hidup dan alam kematian.

Semasa menyanyi, *tukang sabak* akan memegang kain *pua* dengan tangan kiri untuk menutup mukanya, manakala tangan kanannya berpahut pada orang di sebelahnya (selalunya kaum perempuan atau kerabat perempuan keluarga si mati) untuk menyokongnya. Kakinya diletakkan pada sebatang besi atau *duku ilang* untuk menguatkan semangatnya supaya tidak *alah ayu*.

Foto 2 : *Tukang sabak* Sedang Melakukan Upacara *Nyabak* (Posisi Pertama)



Sumber: Koleksi Penyelidik, 2017.

Konsep *alah ayu* sangat ditakuti oleh masyarakat Iban. *Alah ayu* bermakna sesuatu petanda yang buruk akan menimpa individu ataupun seluruh isi rumah panjang. *Alah ayu* selalunya dikaitkan dengan sakit tenat sehingga boleh menyebabkan berlakunya kematian. Dalam melakukan upacara *nyabak*, terdapat tiga posisi kedudukan *tkang sabak* semasa proses *nyabak*, iaitu duduk mengunjur, duduk di bangku ataupun duduk di ayunan. Sekiranya duduk di ayunan, tangan mereka akan memegang tali ayunan untuk mengengam *semangat*, kerana masyarakat Iban percaya *tukang sabak* akan menemani roh si mati ke *sebayan*, dari situ dia akan menceritakan perjalanan dan persinggahan yang dilalui

oleh si mati untuk perkhabaran keluarga yang masih hidup dan orang rumah panjang yang berada di *ruai* rumah si mati.

ii) Sabak Kenang

Sabak kenang adalah bertujuan untuk mengenang si mati. Selalunya *Sabak kenang* dilakukan ketika perayaan *Gawai Antu*. *Sabak* jenis ini tidak memanggil *sebayan*. Ianya bertujuan untuk mengingat semua orang yang sudah mati bahawa keluarga mereka yang masih hidup masih merindukan mereka. Selalunya dalam *sabak kenang* akan menyebut memori yang pernah dilakukan oleh si mati ataupun bersama si mati.

**Foto 3: Tukang Sabak Sedang Melakukan Upacara
Nyabak (posisi kedua)**



Sumber: Koleksi Penyelidik, 2017

Perjalanan untuk si mati ke dunia *sebayan* adalah sangat mencabar dan sukar, jadi dalam adat kematian masyarakat Iban. Keluarga yang masih hidup akan mengupah seseorang yang mahir dan pandai bagi membantu mengiringi serta memudahkan perjalanan si mati dengan lancar. Orang yang diupah tersebut dipanggil sebagai *tukang sabak*. Tugas *tukang sabak* adalah mengalukan mantera yang di sebut sebagai *sabak kenang* atau *sabak bebuah*. Mantera tersebut adalah

berkisar tentang riwayat hidup si mati semasa dia masih hidup sehinggalah ke alam kematiannya.

Menurut Edward Until (2009) sebelum memulakan proses *nyabak*, *tukang sabak* akan menyebut tangkal atau *pengaroh* yang akan digunakan oleh beliau ketika upacara *nyabak* supaya beliau dan orang yang berada di sekeliling ketika berlangsungnya upacara tersebut dihindari daripada malapetaka. *Pengaroh* atau tangkal yang disebut tadi dipercayai akan melindungi dirinya dan juga seluruh rumah panjang agar tidak petanda buruk yang di bawa oleh roh dari alam *sebayan*. *Pengaroh* biasanya berupa batu, kayu ataupun helaian rambut, yang mana pengamalnya percaya akan kuasa *supernatural* yang boleh melindungi diri mereka dari unsur kejahatan. Menjadi seorang *tukang sabak* bukanlah sesuatu perkara yang mudah, mereka perlu menempuhi beberapa ujian dan cabaran sebelum melayakan diri untuk menjadi *tukang sabak*. *Tukang sabak* bukanlah sesuatu pekerjaan yang diwarisi tetapi sebaliknya dipelajari dengan minat dan ketekunan. Dalam heriaki sosial masyarakat Iban, *tukang sabak* dipandang tinggi, seperti mana status bomoh dan *manang*. *Tukang sabak* selalunya sinonim dengan kaum perempuan, bagi menjadi seorang *tukang sabak* pelbagai pantang larang yang perlu di ikuti, antaranya:

- i) Mereka perlu mencari seorang guru yang berpengalaman untuk menurunkan ilmu meratapi kematian. Selalunya guru adalah veteran yang sudah bersara dari melakukan ritual meratapi tersebut.
- ii) Apabila hendak belajar, mereka perlu membayar harga pembelajaran tersebut yang dipanggil *enselan*. *Enselan* tersebut perlu dilakukan bagi mengelakan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku kepada pengajar dan juga yang belajar. *Enselan* tersebut selalunya terdiri daripada *pua kumbu*, *duku ilang* dan *piring*.
- iii) Kematian adalah sesuatu benda yang negatif dalam masyarakat Iban, mereka akan sedaya upaya untuk mengelakan bala tersebut datang kepada keluarga dan rumah panjang. Oleh sebab itu, proses pembelajaran tersebut mesti dilakukan jauh dari rumah panjang dan tidak boleh didengari oleh orang lain kecuali yang belajar sahaja. Sekiranya didapati *tukang sabak* belajar mengalunkan rima *sabak* dalam rumah panjang atau berdekatan rumah

panjang, maka dia boleh dikenakan denda dan harus membayar *enselan* kepada *tuai rumah*.

- iv) Setiap kali sebelum memulakan proses pembelajaran *nyabak*, *piring* akan disediakan dahulu bagi menenangkan para dewa. Selepas itu *duku ilang* akan digigit dan diletakkan dibawah telapak kaki. Tujuannya adalah untuk menguatkan roh mereka yang belajar supaya tidak ditimpa bencana atau disebut *alah ayu*. Mereka percaya sebaik sahaja rima sabak dialunkan, roh mereka berada ditengah-tengah dunia manusia dan dunia *sebayan*.

Artifak Iringan Tukang sabak

Dalam menjalankan upacara *nyabak*, terdapat beberapa artifak yang digunakan oleh *tukang sabak* untuk membantu dia menjalankan upacara *nyabak*, artifak yang digunakan adalah dipercayai memiliki semangat *supernatural* yang tersendiri. Artifak tersebut adalah merangkumi:

i. Kebuk dan Pinggai

Kebuk merupakan sebuah tempayan kecil yang digunakan oleh orang Iban untuk menyimpan garam, perkasam dan segala jenis makanan yang cepat rosak. Penyimpanan makanan dalam kebuk bertujuan untuk memelihara kesegaraan makanan tersebut agar tahan lama. Kebuk diibaratkan seperti peti ais pada zaman sekarang. Manakala *pinggai* pula adalah pinggan yang dieprbuat daripada seramik. Menurut Othman Mohd. Yatim (1981) mengatakan bahawa kedatangan spesimen ini adalah dari Negara China, dibawa oleh pedagang China yang belayar ke Santubong sampai ke Saribas sehinggalah ke Kota Batu di Brunei Darusalam. Spesimen ini dianggap skaral dalam masyarakat Iban. Kesakaralan spesimen ini diberitahu oleh *petara* dalam mimpi.

Masyarakat Iban yang masih menganuti kepercayaan *animisme* sangat percaya kepada mimpi, mereka percaya hanya yang terpilih sahaja diberikan keistimewaan oleh petara dan keistimewaan ini disebut sebagai *penemu*. *Penemu* yang di anugerahkan ini adalah merangkumi keupayaan mengubati orang sakit, pembaca mantera sehinggalah kepada *tukang sabak*.

Foto 4: Kebuk Milik Biah Ak Anji

Sumber: Koleksi Penyelidik, 2017.

Dalam adat kematian orang Iban, *kebuk* dan *pinggai* adalah salah satu artifak iringan yang digunakan *tukang sabak* dalam proses *nyabak*. Menurut Helga Chermay ak Iri (58 tahun) mengatakan orang Iban percaya bahawa alam kematian merupakan suatu pekara yang serius dan harus dilakukan dengan penuh adat istiadat. Oleh sebab itu, pelbagai pantang larang harus dipatuhi bagi memastikan keseimbangan diantara dunia orang hidup dan dunia *sebayan*. Tujuan penggunaan *kebuk* adalah bagi mengurung roh *kukang sabak* supaya tidak *alah ayu* semasa membaca mantera mengiring si mati ke Dunia *sebayan*. *Alah ayu* bermaksud tidak akan panjang umur. Kepercayaan ini telah menjadi taboo dalam masyarakat Iban.

ii. Pua Kumbu

Pua kumbu sudah menjadi identiti dan budaya dalam masyarakat Iban. Menurut Noria Tuggang (2014) mengatakan kain *pua* dianggap sebagai lambang identiti atau pengenalan diri masyarakat Iban sama ada di antara masyarakat Iban sesama sendiri atau masyarakat Iban dengan *petara*, iaitu tuhan kepada masyarakat Iban. Kain *pua* dipercayai mempunyai kuasa ghaib dan ini merupakan keistimewaan utama budaya benda masyarakat Iban. Menurut beliau lagi, selain menjadi selimut untuk kegunaan harian, kain *pua* mempunyai makna yang simbolik dalam ritual adat tertentu.

Kain *pua kumbu* dikenali sebagai *dreaming woven* disebabkan pembuatan adalah diberitahu oleh *petara* melalui mimpi. Menurut Welyne Jeffrey Jehom (2015) proses pembuatan *pua* sangat rumit dan mengambil masa yang lama untuk ditenun. Wanita Iban percaya

proses menenun *pua kumbu* merupakan satu perjalanan spiritual yang mendekatkan diri mereka dengan *petara*. Motif dan corak yang ditentun ke atas *pua kumbu* berdasarkan corak flora dan fauna serta figura *petara*. Setiap penghasilan corak adalah berdasarkan kepada status sosial wanita Iban. Menurut Noria Tugang (2016) mengatakan status sosial yang paling tinggi dalam budaya menenun *pua kumbu* dikenali sebagai *Indu Nenkebang Indu Muntang, Indu Nakar Indu Ngar* atau *Indu Pandai Indu Julai Tau Nacai Gajai Lebor Api*.

Foto 5: Pua Kumbu Milik Biah ak Anji



Sumber: Koleksi Penyelidik, 2017

Dalam adat kematian masyarakat Iban, *tukang sabak* akan menggunakan *pua kumbu* dalam melakukan ritual. Dua helai *pua kumbu* akan diserahkan oleh kaum keluarga si mati dengan tujuan, sebagai upah dan *genselan* kepada *tukang sabak* dan *pua kumbu* yang kedua akan digunakan oleh *tukang sabak* untuk menutupi fizikalnya. Menurut tradisi lisan orang tua Iban, *pua kumbu* bertujuan sebagai alat untuk *tukang sabak* merentasi alam *sebayan* dan berfungsi melindungi beliau dari malapetaka semasa melakukan ritual *nyabak*. *Tukang sabak* akan menggunakan *pua kumbu* sebagai sayapnya untuk mengiringi perjalanan si mati ke dunia *sebayan*, dari situ dia akan menceritakan apa yang lihatnya di dunia *sebayan* kepada keluarga si mati dan seluruh rumah panjang yang berkumpul ketika upacara *nyabak* dijalankan.

iii. Duku Ilang

Paran *Ilang* atau *nyabur* merupakan senjata perang yang berupa parang panjang yang dihiasi dengan pelbagai ukiran bagi Masyarakat Iban untuk mempertahankan diri dan komuniti. Penggunaan ini digunakan secara meluas semasa musim *ngayau* dan Perang Dunia II. *Ilang* ini mempunyai nilai yang amat signifikan dalam masyarakat Iban. Menurut Amee Joan (2012) mengatakan *Ilang* adalah warisan tradisional masyarakat Iban di Sarawak. *Ilang* digunakan semasa era penjajahan. Selepas berakhirnya Perang Dunia II, ia digunakan oleh masyarakat Iban untuk menjalankan aktiviti harian. Pada zaman dahulu proses pembuatan *Ilang* memerlukan tahap kesabaran yang tinggi, doa dan upacara adalah perlu dalam mengiringi proses pembuatan *Ilang*.

Foto 6: Duku Ilang



Sumber : Koleksi Penyelidik, 2017

Dalam tradisi *nyabak*, *Ilang* dijadikan untuk berinjak kaki, hal ini percayai sebagai tanda kepada *tukang sabak* supaya tidak *alah ayu*. Besi yang terdapat pada *Ilang* akan memberi mereka semangat yang teguh dan keras serta kuat sama seperti sifat besi. Bagi memasuki dunia *sebayan* memerlukan mereka untuk berpahut pada sesuatu yang keras, seperti besi. Selalunya keluarga si mati akan memberikan *duku Ilang* beserta *manuk* (ayam) sebagai *enselan* kepada *tukang sabak* untuk mententeramkan roh *sebayan*. Masyarakat Iban percaya semasa berlakunya kematian di rumah panjang, roh *sebayan* akan bekeliaran di sekitar halaman rumah panjang kerana gembira menyambut saudara baharu yang akan menyertai mereka dan membawa rohnya ke dunia *sebayan*.

iv. Manuk

Dalam setiap upacara ritual masyarakat Iban, *manuk* ataupun ayam kampung perlu ada untuk mengiringi kelancaran majlis tersebut.

Signifikan haiwan ini adalah dijadikan sebagai korban yang diberikan kepada *sebayan* sebagai *genselan*. Menurut Elizebeth Biah (67 tahun) beliau mengatakan untuk membolehkan *tukang sabak* memasuki dunia *sebayan*, mereka telah meminta darah haiwan sebagai kebenaran masuk. *Manuk* digunakan sebelum dan selepas memulakan upacara *nyabak*. Selain itu, temubual bersama Kiyai @ Keai ak Uri (60 tahun) mengatakan pengorbanan *manuk* adalah bertujuan sebagai petanda kepada hubungan manusia dan *sebayan*.

Foto 7: Upacara Biau Manuk



Sumber: Clifford Sather, *Recaling the Dead, Revering the Ancestors: Multiple Forms of Ancestorship in Saribas Iban Society*, 2012.

Sekiranya kedatangan *sebayan* itu dialukan di Rumah Panjang maka *manuk* akan dikorbankan di dalam rumah, sekiranya kedatangan mereka tidak dialu-alukan, *manuk* akan dikorbankan di luar rumah panjang. Ini adalah bagi membolehkan upacara *nyabak* ini berjalan dengan lancar serta melindungi seluruh rumah panjang dari terkena musibaaah yang tidak dingini. Upacara ini dilakukan oleh kaum lelaki yang dikenali sebagai *Tuai Adat*.

v. *Miring*

Miring merupakan adat dan upacara penting dalam budaya masyarakat Iban. Menurut Bibiana Motey Bilon, etc (2016) mengatakan *adat miring* masih lagi di amalkan sehingga kini oleh masyarakat Iban terutamanya di Bahagian Betong, Sarawak. Upacara *miring* dijalankan adalah bertujuan untuk memberkati, melindungi, membawa kebahagiaan, kedamaian dan keharmonian dalam masyarakat Iban. Biasanya upacara *miring* dilakukan selepas atau sebelum berlakunya aktiviti penting di rumah panjang seperti perayaan *Gawai Dayak*, *ngayau* (berperang), membuka tanah baru, mendirikan rumah panjang baru dan kematian.

Foto 8: Upacara *Miring* (*Piring Lima*)



Sumber: Ehsan Bibiana Montey, 2016.

Dalam upacara *nyabak*, adat *miring* perlu dilakukan terlebih dahulu bagi memberkati perjalanan *tukang sabak* ke dunia *sebayan*. Isi dalam *piring* selalunya mengandungi tujuh jenis barangan makanan yang berbeza iaitu nasi putih, nasi pulut hitam, nasi pulut putih, rokok apung, tembakau, telur yang telah direbus, sirih, buah pinang, garam, minyak masak, sagun, dan bertih jagung. Bahan ini perlu disiram dengan air *tuak* terlebih dahulu sebelum diletak dalam bakul khas yang diperbuat daripada buluh. Bakul tersebut akan diletakan di sebelah *tukang sabak* bagi menambat hari *sebayan* dengan memberi mereka jamuan.

Perbincangan

Peralihan zaman telah menyebabkan unsur budaya *nyabak* semakin dilupai oleh generasi muda, hal ini di sebabkan masyarakat Iban sekarang sudah memeluk agama Kristian dan Islam maka mereka telah

meninggalkan adat lama kerana perbuatan itu dianggap bertentangan dengan amalan mereka. Walau bagaimana, sebahagian kawasan di Sarawak, seperti Kapit, Sri Aman, Lubuk Antu dan Betong masih mengekalkan tradisi *nyabak* ini apabila berlakunya kematian di rumah panjang. Menurut Elizebeth Biah, biarpun dia sudah masuk Kristian, upacara *nyabak* ini masih diteruskan cuma melalui asimilasi dengan menerapkan unsur ajaran Kristian. Menurutnya lagi beliau sudah tidak menggunakan *sabak bebuah* untuk meratapi orang mati tapi sebaliknya menukar kepada *sabak kenang*, iaitu mengenang riwayat serta segala kebaikan si mati semasa hayatnya. *Sabak bebuah* adalah satu proses mengiringi roh si mati ke dunia *sebayan*, jadi ini amat bertentangan dengan ajaran agama Kristian mahupun agama Islam.

Selain itu faktor kesihatan juga menyebabkan ramai *tukang sabak* tidak melakukan upacara ini. Hal ini kerana, upacara meratapi orang mati dilakukan semalaman. Jadi secara klinikalnya, manusia memerlukan masa untuk tidur iaitu lebih dari 8 jam sehari. Aktiviti berjaga sepanjang malam akan memudaratkan lagi kesihatan tubuh badan manusia. Pelbagai implikasi penyakit boleh menyerang *tukang sabak*, seperti tinggi darah, sakit kepala dan lenguh sendi. Tambahan pula, masyarakat Iban kini lebih moden, gaya hidup lebih mempercayai hal yang realistik sahaja, iaitu hanya percaya akan bukti dan fakta. Hal ini kerana, proses globalisasi melahirkan ramai golongan muda orang Iban yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan mereka berfikir tentang perkara yang rasional.

Kematian adalah unsur negatif yang sangat dikhuatari oleh penduduk di rumah panjang. Namun pada masa akan datang, kebudayaan tidak ketara ini akan pupus jika tidak dipelihara secara kolektif. Jadi cadangan penyelidik adalah untuk masukan warisan tidak ketara ini dalam bentuk dokumentasi visual supaya boleh dirujuk atau dikenang oleh generasi yang akan datang. Salah satu usaha penyelidik adalah juga menerangkan artifak yang digunakan oleh *tukang sabak* semasa ritual bagi membantu melestarikan tradisi *nyabak* ini secara bertulis.

Kesimpulan

Masyarakat Iban sememangnya kaya dengan keindahan bahasa, adat serta budaya, peribahasa Iban selalu menyebut *bejalai betungkat ke adat, tinduk bepanggal ke pengingat* yang membawa maksud, berjalan bertongkatkan adat, tidur harus mengingati budaya yang membawa

maksud di mana kita berada, adat dan budaya jangan lupa supaya tidak lapuk dek telan zaman. Memang tidak dinafikan bahawa perubahan zaman telah menghakis banyak budaya masyarakat Iban, salah satunya adalah upacara *nyabak* atau seni meratapi orang mati. Oleh itu, melalui penyelidikan ini diharap dapat membantu melestarikan unsur budaya *nyabak* ini dengan kaedah dokumentasi secara bertulis bagi penyimpanan arkib di masa akan datang.

Rujukan

- Amee, J. 2015. Seni Pembuatan *Ilang* dan *Nyabur*: Kebanggaan dan Simbol Masyarakat Iban di Sarawak. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Chemaline, O. 2013. Folklor Suku Kaum Iban: Distinktif, Ekstensif, Unik dan Tersendiri: Sang Budiman (Sebuah *Festchrift* bagi Menghormati Khidmat Profesor Emeritus Abdullah Hassan di Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris sedasawarsa, 2001-2011). Selangor: PTS AKADEMIA.
- Clifford. S. 2012. Recaling the Dead, Revering the Ancestors: Multiple Forms of Ancestorship in Saribas Iban Society. Dalam Couderc, P. dan Sillander K. (ed.). *Ancestors in Borneo Studies: Death, Transformation, and Social Immortality*. Copenhagen: Nordic Institue of Asian Studies Press. Hlm. 114-152.
- Edward, U. 2009. *Leka Main Iban*. Kuching: Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sarawak.
- Jeffrey, J. W. 2015. *Memories of Textiles Narratives: Iban Weavers Restoring Pua Kumbu Knowledge in Sarawak*. Gender Studies, FSS, University Malaya.
- Motey, B. B. dan Noria, T. 2016. *Ritual Miring dalam Masyarakat Iban di Sarawak*. Fakulti Seni dan Gunaan Kreatif: Universiti Malaysia Sarawak.
- Noria, T. 2014. *Pua Indentiti dan Budaya Masyarakat Iban*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Noria, T. 2016. *Nakar: Ritual Peralihan Status Penenun Pua Iban*. *Borneo Research Journal*. Vol.10. Hlm. 68-92.
- Othman Mohd. Yatim. 1981. *Penggunaan Tempayan Tembikar di Sabah dan Sarawak: Penggunaan tembikar dalam Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium

Informan

Encik Kiyai @ Keai ak Uri, Tr. Tan Rantau Kiran Nanga Medamit Limbang, pada tarikh 15 Januari 2018, pada pukul 8.15 pm.

*Artifak Iringan Tukang Sabak dalam Ritual Adat
Kematian bagi Masyarakat Iban di Sarawak*

Gregory Kiyai

Puan Elizebeth Biah Ak Temenggung Ngang, Tr. Assan Semena, Nanga Medamit Limbang Sarawak, Pada tarikh 15 Januari 2018, jam 7.15pm, merupakan bekas *Tukang sabak*.

Puan Helga Chermai ak Iri, Tr. Tan Rantau Kiran Nanga Medamit Limbang, pada tarikh 15 Januari 2018, pada pukul 6.15 pm.

Perjanjian Malaysia 1963: Kerangka Perundangan dalam Gagasan Malaysia dan Proses Dekolonialisasi Sabah dan Sarawak

A Rahman Tang Abdullah¹
Bilcher Bala²
Pandikar Amin Mulia³

Manuskrip diterima: 3 Oktober 2019

Diterima untuk penerbitan: 15 Oktober 2019

¹ Professor Madya Dr. A Rahman Tang Abdullah, Pensyarah, Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. Email: dr.harta@gmail.com/art@ums.edu.my

² Profesor Madya Dr. Bilcher Bala, Pensyarah, Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: bilcher@ums.edu.my

³ Tan Sri Datuk Seri Pandikar Amin Haji Mulia merupakan mantan Speaker Dewan Rakyat (Parlimen) Malaysia, April 2008 – Mei 2018.

Abstract

The history of the foundation of the Federation of Malaysia had symbiotic relations with the independence of two Borneo states of Sabah and Sarawak. This is because the proclamation of the Federation of Malaysia on 16th of September 1963 would not have been realized without the participation of those two states together with Singapore. Nevertheless, the Constitution of the Federation of Malaysia which went into effect on that day was actually the amendment of the Federation of Malaya of 1957, not a new constitution. This means that the Federation of Malaysia is not a new entity but actually the enlargement of the Federation of Malaya through the incorporation of Sabah and Sarawak into the federation. This legal framework is also recognised under international law, as its legality is sanctioned by the United Nations. Hence, this article discusses the legal framework of the foundation of Malaysia that has been applied to the process of decolonisation, which led to the independence of Sabah and Sarawak in 1963. The discussion on the the subject is based on the

provisions stipulated in the Malaysia Agreement of 1963 and other related documents.

Keywords: *Malaysia Agreement of 1963, Formation of Malaysia, Sabah, Sarawak, Decolonisation*

Abstrak

Sejarah penubuhan Persekutuan Malaysia sememangnya mempunyai hubungan simbiotik dengan kemerdekaan dua buah negeri di Borneo, iaitu Sabah dan Sarawak. Ini kerana perisytiharan Persekutuan Malaysia pada tanggal 16 Haribulan September tahun 1963 tidak akan dapat direalisasikan tanpa penyertaan kedua-dua buah negeri tersebut berserta Singapura. Namun begitu, dari segi perundangan, Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang telah mula berkuatkuasa pada tarikh tersebut sebenarnya merupakan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957, bukannya satu perlembagaan baharu. Ini bermakna Persekutuan Malaysia bukanlah satu entiti baru tapi sebenarnya merupakan penambahan keluasan Persekutuan Tanah Melayu melalui percantuman Sabah dan Sarawak kepadanya. Status quo ini yang didasarkan kepada kerangka perundangan seperti yang termaktub dalam perlembagaan Persekutuan Malaysia telah juga diperakukan keabsahannya di bawah perundangan antarabangsa apabila ia diiktiraf oleh PBB. Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan untuk membincangkan kerangka perundangan dalam Gagasan Malaysia yang diaplikasikan kepada proses dekolonialisasi yang membawa kepada kemerdekaan Sabah dan Sarawak pada tahun 1963. Perbincangan ini akan merujuk kepada provisi yang terkandung dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan dokumen lain yang berkaitan dengannya.

Kata Kunci: Perjanjian Malaysia 1963, Gagasan Malaysia, Sabah, Sarawak, Dekolonialisasi

Pengenalan

Dalam konteks Sejarah, penubuhan Persekutuan Malaysia sememangnya mempunyai hubungan simbiotik dengan kemerdekaan dua buah negeri di Borneo, iaitu Sabah dan Sarawak. Nama rasmi Sabah sebelum merdeka ialah Borneo Utara. Malahan, terdapat tanggapan bahawa

Malaysia sebagai satu entiti tidak akan wujud tanpa penyertaan Sabah dan Sarawak bagi menubuhkannya. Ini kerana perisytiharan Persekutuan Malaysia pada tanggal 16 haribulan September tahun 1963 tidak akan dapat direalisasikan tanpa penyertaan kedua-dua buah negeri tersebut berserta Singapura. Namun begitu, tafsiran kepada perkara di atas tidak boleh disandarkan kepada pandangan umum. Perkara ini memerlukan satu kefahaman yang merujuk kepada aspek yang lebih kompleks yang berhubung kaitkan dengan perundangan atau undang-undang perlembagaan.

Secara prinsipnya, perisytiharan yang membawa kepada penubuhan Persekutuan Malaysia perlu didasarkan kepada proses undang-undang perlembagaan yang membawa kepada peristiwa bersejarah tersebut. Ini kerana perisytiharan itu tertakluk kepada terma rujukan dan aplikasi perundangan yang telah digariskan dalam Perjanjian Malaysia tahun 1963 (*the Malaysia Agreement of 1963*). Oleh kerana perjanjian ini telah digunapakai secara meluas dalam kalangan pemimpin, dan rakyat Sabah dan Sarawak sebagai MA63.¹

Dari segi perundangan, Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang telah mula berkuatkuasa pada tarikh tersebut bukannya satu perlembagaan baharu. Ia sebenarnya merupakan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957. Ini bermakna Persekutuan Malaysia bukanlah satu entiti baharu tapi sebenarnya merupakan penambahan keluasan kawasan kewilayahan bagi Persekutuan Tanah Melayu melalui percantuman Sabah dan Sarawak kepadanya. Fakta ini telah dipersoalkan oleh sebilangan tokoh kepimpinan di Sabah dan Sarawak yang masih berpendapat bahawa Perlembagaan Persekutuan Malaysia mestilah satu perlembagaan baru dan bukannya perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang dipinda. Namun begitu, status quo ini yang didasarkan kepada kerangka perundangan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah juga diperakukan keabsahannya di bawah perundangan antarabangsa. Ini kerana status quo dan prinsip perundangan sebagaimana yang diaplikasikan kepada Gagasan Malaysia ini telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

¹ Kata singkatan ini seterusnya akan digunakan untuk sebutan bagi perjanjian tersebut dalam makalah ini.

Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan untuk membincangkan kerangka perundangan dalam Gagasan Malaysia yang diaplikasikan kepada proses dekolonialisasi yang membawa kepada kemerdekaan Sabah dan Sarawak pada tahun 1963. Perbincangan ini akan merujuk kepada provisi yang terkandung dalam MA63 dan dokumen lain yang berkaitan dengannya. Bagi mencapai tujuan ini, ia akan didahului dengan perbincangan berkenaan Gagasan Malaysia sebagai dasar dekolonialisasi British. Kemudiannya, aspek dekolonialisasi ini akan dikaitkan dengan cadangan kerangka perundangan Sabah dan Sarawak dalam Gagasan Malaysia. Ia seterusnya akan menjurus kepada perbincangan berkenaan Gagasan Malaysia dan proses keterikatan undang-undang perlembagaan yang juga akan dikaitkan dengan legitimasi keterikatan perundangan dalam perspektif undang-undang antarabangsa. Aspek akhir akan menjelaskan tentang kekeliruan yang dikaitkan dengan isu kesamaan taraf sebagai rakan sekutu (*equal partners*) yang hanya merupakan isu politik semasa dan tiada kaitan sama sekali dengan MA63.

Gagasan Malaysia sebagai Dasar Dekolonialisasi British

Secara asasnya, Gagasan Malaysia yang diaplikasikan kepada kemerdekaan Sabah dan Sarawak sebenarnya bertitik tolak dari keputusan politik yang diterjemahkan kepada dasar pentadbiran pihak British yang diberi istilah dekolonialisasi (*decolonisation*) oleh para sarjana. Dasar ini sebenarnya merujuk kepada fenomena penguncupan atau pengakhiran empayar kuasa Eropah yang membawa kepada pemberian kemerdekaan kepada wilayah di bawah hegemoni politik mereka, terutama sekali di Asia dan Africa (Rothermund 2006: 43). Sehingga pertengahan abad ke-20, United Kingdom yang juga dikenali dengan nama Britain sebenarnya merupakan sebuah negara yang mempunyai hegemoni ke atas wilayah lain di seberang laut. Dari segi terma perundangan, terdapat dua jenis wilayah yang dikelaskan sebagai tanah jajahan (*colony*) dan negeri naungan (*protectorate*). Hegemoni kewilayahan ini meletakkan Britain sebagai sebuah empayar (Fhlathuin 2007: 21-31). Oleh yang demikian, berdasarkan kepada realiti hegemoni kewilayahan, terma kolonialisme diaplikasikan bukan sahaja kepada tanah jajahan tapi juga kepada negeri naungan.

Sesebuah wilayah yang merupakan tanah jajahan adalah apabila kedaulatannya terletak kepada kuasa yang menjajahnya. Ini adalah kes yang terdapat kepada Sabah dan Sarawak yang merupakan dua tanah

jajahan Britain sebelum hari perisytiharan Malaysia (*Malaysia Act 1963*). Sementara itu, sesebuah wilayah yang merupakan negeri naungan pula ialah apabila ia sebenarnya mempunyai kedaulatannya sendiri tetapi kuasa eksekutif dikuasai oleh negara yang menaunginya. Di sudut undang-undang antarabangsa pula, kuasa eksekutif bagi hal-ehwal luar dan pertahanan wilayah tersebut adalah di bawah bidang kuasa negara yang menaunginya. Hal ini dapat dilihat dalam kes Persekutuan Tanah Melayu. Walaupun ia telah memperoleh kuasa pemerintahan dalaman sendiri pada tahun 1955, ia masih merupakan sebuah negeri naungan sebelum hari kemerdekaannya pada 31 haribulan Ogos 1957 (*Federation of Malaya 1957*).

Begitu juga dengan status quo Singapura yang bertukar daripada tanah jajahan kepada negeri naungan pada tahun 1959 tetapi hanya merdeka pada 16 September 1963 dalam Malaysia. Merujuk kepada kes Singapura ini, perpindahan status daripada tanah jajahan kepada negeri naungan sepatutnya sudah boleh dianggap sebagai dekolonialisasi. Tetapi istilah ini tidak mencerminkan realiti konsep pemerintahan sendiri (*self-government*) yang lebih membawa pengertian kemerdekaan. Ini kerana ia masih dibayangi oleh hegemoni politik kuasa metropolitan ke atasnya, iaitu Britain yang menguasai hal-ehwal luar dan pertahanannya.

Sehubungan dengan itu dari sudut hegemoni politik dan perundangan, sesebuah wilayah memperoleh taraf merdeka apabila ia mempunyai kedaulatannya secara bersendirian dan bebas dari ciri sebagai tanah jajahan dan negeri naungan. Dalam hal ini, apabila Britain telah memutuskan untuk memberi kemerdekaan kepada Sabah dan Sarawak, ini bermakna Britain melepaskan kedaulatannya ke atas dua tanah jajahan tersebut. Dengan perkataan lain, Britain bersedia melepaskan pegangan mereka ke atas dua wilayah tersebut yang bertaraf tanah jajahan. Keputusan Britain untuk memberikan kemerdekaan kepada dua buah wilayah tersebut merupakan dasar eksekutif yang dikenali umum sebagai dekolonialisasi dan perlu diterjemahkan kepada undang-undang.

Maka, proses dekolonialisasi ini telah mula direncanakan melalui cadangan peringkat eksekutif yang dikenali sebagai *Greater Malaysia* yang kemudiannya Gagasan Malaysia pada 1 Disember 1960 (*CO 1030/978 1/12/1960*). Dari segi dasarnya, pihak Kerajaan British telah membuat satu ketetapan rasmi yang muktamad berkenaan penubuhan satu entiti politik tunggal yang akan menggabungkan Tanah Melayu, Singapura dan tiga wilayah Borneo di bawah kepimpinan Tanah Melayu

(CAB 134/1560 18/4/1961). Gagasan Malaysia ini kemudiannya telah diumumkan secara rasmi oleh Tunku Abdul Rahman (yang seterusnya akan dirujuk dengan singkatan Tunku) selaku Perdana menteri Semenanjung Tanah Melayu di Singapura pada 27 Mei 1961 (Ghazali Shafie, 1998: 112-16; Lee Kuan Yew 1998: 365). Seterusnya, Gagasan Malaysia ini kemudiannya telah diumumkan oleh Tunku dalam sesi Parlimen Tanah Melayu pada 16 Oktober 1961 (*Penyata Dewan Rakyat* 16/10/1961; *Utusan Melayu*, 17/10/1961).

Cadangan Kerangka Perundangan Sabah dan Sarawak dalam Gagasan Malaysia

Sementara itu, pihak Kerajaan Britain melalui Pertubuhan Parlimen Komanwel (*Commonwealth Parliamentary Association*) telah menganjurkan satu siri perbincangan rasmi yang dikelolakan di bawah Jawatankuasa Perpaduan dan Permesyuaratan Malaysia (*Malaysia Solidarity Consultative Committee*). Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Donald Stephens (kemudiannya Tun Fuad Stephens) dari Borneo Utara (Sabah). Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat kali dari bulan Ogos 1961 hingga Februari 1962.

Dalam siri mesyuarat jawatankuasa ini, terdapat tiga perkara penting yang perlu diberi perhatian berkenaan siri mesyuarat jawatankuasa ini. Perkara pertama adalah merujuk kepada terma pencantuman dua wilayah Borneo itu dalam Gagasan Malaysia yang menolak sistem kesatuan atau *unitary*. Penolakan sistem kesatuan ini adalah untuk menerima sistem persekutuan bagi menjamin dan memelihara kuasa otonomi setiap negeri (*Cmnd 1794*, 3/2/1962: para 7). Ini menunjukkan bahawa Gagasan Malaysia mestilah berdasarkan kepada sistem persekutuan sejak dari awal lagi.

Sehubungan itu, perkara kedua yang menjadi asas kepada perbincangan dalam jawatankuasa ini adalah formula pencantuman yang berdasarkan kepada sistem persekutuan. Isu berkenaannya merujuk kepada cadangan pihak perwakilan Borneo Utara yang mahukan terma mesyuarat jawatankuasa tersebut merujuk Borneo Utara dan Sarawak sebagai menyamai taraf keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu, bukannya dua buah negeri seperti setiap negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Namun begitu, jawatankuasa tersebut akhirnya telah mencapai satu resolusi bahawa taraf dua wilayah Borneo tersebut akan menjadi

negeri sama seperti negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu apabila digabungkan di bawah Gagasan Malaysia (*Ibid.*: para 8). Dengan ini, persoalan taraf dua wilayah Borneo tersebut yang dikatakan menyamai taraf keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu sudah tidak relevan lagi sebagaimana yang termaktub dalam cadangan akhir jawatankuasa tersebut sejak awal Februari 1962.

Walau bagaimanapun, jawatankuasa ini tidak dapat mencapai satu keputusan akhir berkenaan satu isu penting dan paling asas. Ini merujuk kepada perkara ketiga berkenaan dengan cadangan pihak Borneo Utara supaya Perlembagaan Persekutuan itu akan merupakan satu perlembagaan yang baharu, yang bermakna bukannya perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang dipinda (*ibid.*: para 9). Oleh yang demikian, cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa itu kemudiannya telah diperhalusi oleh pihak Britain melalui penubuhan Suruhanjaya Cobbold. Suruhanjaya itu telah menjalankan tinjauan di Borneo dari bulan Februari hingga April 1962 dan akhirnya telah menghantar laporan akhir pada bulan Jun 1962.

Sebagaimana yang telah diketahui umum, laporan tersebut menyatakan terdapat satu pertiga penduduk di kedua-dua wilayah Borneo menyokong penyertaan ke dalam Malaysia tanpa sebarang syarat; satu pertiga penduduk menyokong penyertaan dalam Malaysia dengan syarat hak dan keistimewaan penduduk Borneo dijamin. Namun terdapat satu pertiga lagi penduduk yang terbahagi kepada dua, iaitu yang tidak menyokong kemasukan ke dalam Malaysia dan mahu merdeka dahulu secara bersendirinya; dan yang mahu British meneruskan pemerintahan lagi (*Cmd 1794 1962*: para 144).

Oleh yang demikian, laporan Suruhanjaya Cobbold membuat kesimpulan dengan menyatakan bahawa majoriti penduduk di Borneo Utara dan Sarawak bersetuju menyertai Gagasan Malaysia. Menurut laporan itu, penyertaan ini akan berpandukan satu prinsip asas yang menjamin beberapa hak istimewa dan seterusnya membawa kepada kewujudan hak otonomi dalam perkara tertentu kepada dua wilayah tersebut (*Ibid.*: para 145). Provisi ini meletakkan Sabah dan Sarawak mempunyai lebih banyak kuasa otonomi dalam bentuk hak istimewa dan jaminan perlembagaan berbanding dengan negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Laporan itu juga menyarankan bahawa pemindahan kedaulatan kedua-dua wilayah tersebut kepada Persekutuan Malaysia dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh laporan tersebut (*Ibid.*: para 148(B)).

Dari satu sudut, keabsahan pernyataan laporan tersebut yang menyatakan majoriti rakyat di dua wilayah Borneo itu boleh dipersoalkan. Namun dari sudut yang lebih menyeluruh, ia dengan jelas menunjukkan pihak Britain tidak mahu mempertimbangkan saranan supaya dua wilayah tersebut diberikan kemerdekaan secara bersendirian terlebih dahulu sebelum menyertai Malaysia. Selain itu, pihak Britain juga tidak mahu lagi meneruskan pemerintahan mereka di kedua-dua tanah jajahan tersebut walaupun terdapat saranan sedemikian. Ini kerana dasar Gagasan Malaysia yang ingin memberikan kemerdekaan dengan memindahkan kedaulatan dua wilayah tersebut kepada Persekutuan Malaysia dianjurkan oleh Britain selaku kuasa metropolitan yang mempunyai kedaulatan mutlak ke atas dua tanah jajahan mereka di Borneo pada ketika itu. Hal ini mungkin berlainan sekiranya dua wilayah Borneo tersebut merupakan negeri naungan.

Sehubungan dengan itu, laporan Suruhanjaya Cobbold telah mengemukakan saranan yang paling penting, iaitu Perlembagaan Persekutuan Malaysia akan berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang sedia ada (*Ibid.*: para 150). Dalam erti kata yang lain satu perlembagaan baru tidak akan digubal bagi Gagasan Malaysia. Sebaliknya, perlembagaan itu nanti hanya merupakan pindaan kepada perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957. Berdasarkan kepada kerangka perundangan ini, laporan itu meletakkan taraf dua wilayah Borneo tersebut sebagai dua negeri seperti negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, bukannya menyamai keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu. Ini juga jelas menunjukkan bahawa cadangan yang dikemukakan dalam laporan ini juga adalah sama dengan resolusi yang terdapat dalam cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Perpaduan dan Permesyuaratan Malaysia sebagaimana yang telah disebut sebelum ini.

Walau bagaimanapun, laporan ini pada dasarnya bukan merupakan dokumen perundangan dan saranan yang dikemukakan di dalamnya masih tidak mempunyai keterikatan undang-undang (*legal binding*). Akan tetapi dokumen ini mengandungi saranan yang akan dijadikan sebagai kerangka utama dalam aspek perundangan dalam proses penubuhan Malaysia. Langkah pertama ke arah ini sebenarnya telah bermula apabila Majlis Perundangan Borneo Utara (*the North Borneo Legislative Council*) dan Majlis Negeri Sarawak (*the Sarawak Council Negri*) telah meluluskan usul menyokong penubuhan

Persekutuan Malaysia pada bulan September 1962 atas jaminan hak istimewa di bawah Perlembagaan yang diberikan kepada kedua-dua wilayah itu nanti (*Cmnd 1954 1963*: para 6 dan 7). Ini bermakna status quo dua wilayah Borneo yang akan menjadi dua buah negeri dalam Persekutuan Malaysia telah diluluskan oleh dewan perundangan di kedua-dua wilayah tersebut seperti yang dicadangkan oleh Laporan Cobbold itu.

Pihak Britain kemudiannya telah menubuhkan Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Inter-governmental Committee*) yang bertugas sebagai Jawatankuasa Perlembagaan dan mempunyai beberapa Jawatankuasa kecil Perlembagaan di dalamnya. Jawatankuasa ini telah mengadakan siri mesyuarat dengan para pemimpin di kedua-dua wilayah Borneo dari bulan Oktober hingga Disember 1962. Akhirnya, laporan jawatankuasa tersebut telah disiapkan pada 27 Februari 1963. Ia kemudiannya telah diterima dan disahkan oleh Majlis Negeri Sarawak pada 8 Mac 1963 dan Majlis Perundangan Borneo Utara pada 13 Mac 1963. Kelulusan oleh majlis perundangan ini membolehkan laporan itu diwartakan.

Laporan tersebut memutuskan bahawa Perlembagaan Persekutuan Malaysia nanti merupakan pindaan kepada Perlembagaan Tanah Melayu tahun 1957 (*Cmnd 1954 1963*: para 11 (A)). Provisi ini dengan jelas menunjukkan persamaan sebagaimana yang telah disarankan oleh Laporan Suruhanjaya Cobbold sebelum ini. Selanjutnya, laporan ini menetapkan bahawa kedudukan Borneo Utara dan Sarawak merupakan dua buah negeri yang menyamai 11 negeri di Tanah Melayu. Namun begitu, laporan ini memperuntukkan hak otonomi yang lebih komprehensif yang merangkumi 14 Perkara dan akan dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Di antara provisi yang memberikan hak keistimewaan kepada dua wilayah Borneo tersebut apabila menyertai Gagasan Malaysia nanti ialah dalam bidang pelajaran, bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi negeri, kedudukan Islam yang tidak dijadikan agama rasmi negeri, Borneonisasi dalam perkhidmatan awam, kuasa autonomi bagi imigresen dan kuasa autonomi dalam menguruskan kewangan dan percukaian. Saranan hak otonomi yang diberikan kepada kedua-dua buah wilayah ini akan meletakkannya lebih istimewa dari negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu (*Cmnd 1954 1963*: ch. 3).

Gagasan Malaysia dan Proses Keterikatan Undang-undang Perlembagaan

Walau bagaimanapun, proses merangka perundangan yang telah diwartakan dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan ini masih merupakan keputusan eksekutif. Dari keputusan eksekutif ini, ia kemudiannya diabsahkan melalui proses perundangan yang memerlukan proses perbincangan dan mesyuarat yang melibatkan pihak berkepentingan untuk mencapai satu keputusan yang boleh diterima oleh semua pihak yang terlibat. Keputusan akhir yang dicapai ini kemudiannya dilengkapi dan diabsahkan melalui pendokumentasian undang-undang.

Oleh kerana perkara itu merupakan status quo kemerdekaan wilayah, aspek perundangan ini merupakan undang-undang perlembagaan. Dalam hal ini, ia melibatkan bukan sahaja Perlembagaan Persekutuan Malaysia tapi juga Perlembagaan United Kingdom atau Britain. Namun begitu, hal ini lebih kompleks untuk diaplikasikan kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia kerana ia merupakan sebuah perlembagaan bertulis sedangkan Britain sebenarnya tidak mempunyai perlembagaan yang bertulis.

Perlembagaan Britain sebenarnya bukanlah satu dokumen tunggal dalam bentuk dokumen bertulis yang rasmi sebagaimana yang terdapat pada perlembagaan di Malaysia. Perlembagaan Britain merupakan himpunan statut (peraturan berkanun), undang-undang kes (*case law*), konvensi politik (*political convention*) dan permuafakatan sosial (*social consensus*) yang tidak terkandung dalam satu dokumen bertulis yang diwartakan sebagai satu dokumen tunggal yang rasmi. Justeru, ia sebenarnya mengandungi ratusan akta parlimen, kes mahkamah dan konvensi yang telah didokumenkan (Barendt 1997: 137-46).

Seandainya konsep ini diimajinasikan di Malaysia dengan ketiadaan perlembagaan bertulis yang ada sekarang, ia hanya akan merupakan satu himpunan akta dan ordinan di Parlimen, dan enakmen di Dewan Undangan Negeri. Oleh yang demikian, persoalan berkenaan versi perlembagaan bertulis yang baharu atau lama ini tidak timbul dalam konteks Britain. Ini kerana prosedur di Britain hanya melibatkan proses penggubalan akta berkenaannya.

Sebaliknya, perkara ini menjadi isu yang paling asas dalam konteks undang-undang Perlembagaan Malaysia kerana ia melibatkan penggubalan versi perlembagaan yang sedia ada. Sehubungan itu, Laporan Jawatan Kuasa Antara Kerajaan telah memutuskan supaya Perlembagaan Persekutuan Malaysia itu akan merupakan pindaan kepada Perlembagaan Tanah Melayu 1957. Namun begitu, ia masih memerlukan sesuatu penggubalan akta berkenaannya yang kemudiannya perlu dipadankan dengan versi perlembagaan yang sedia ada. Tambahan pula, kes penyertaan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia ini melibatkan dua buah negara, iaitu Persekutuan Tanah Melayu dan Britain yang perlu juga diperakui di peringkat antarabangsa.

Oleh yang demikian, prosedur perundangan ini telah diratifikasikan dalam satu perjanjian Gagasan Malaysia yang dikenali sebagai MA63 pada tanggal 9 Julai 1963. MA63 ini mengandungi 11 perkara dan 11 lampiran. Terma Perjanjian ini dengan jelas merujuk kemasukan Sabah dan Sarawak sebagai dua negeri seperti yang tertera dalam perkara I seperti berikut:

Tanah-Tanah Jajahan Borneo Utara dan Sarawak dan Negeri Singapura hendaklah disekutukan dengan Negeri-Negeri Persekutuan Tanah Melayu yang ada sekarang sebagai Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Singapura mengikut surat-surat perlembagaan yang dikembarkan kepada Perjanjian ini dan Persekutuan itu kemudian daripada itu hendaklah dinamakan <Malaysia> (MA63: 5).²

Perkara yang paling asas dan terpenting dalam konteks perbincangan makalah ini ialah prosedur undang-undang perlembagaan yang diaplikasikan kepada penyertaan dua wilayah Tanah Jajahan Britain di Borneo ke dalam Persekutuan Malaysia. Perkara kedua perjanjian ini menyatakan bahawa

² Untuk tujuan perbincangan, teks bahasa Melayu akan digunakan bagi merujuk segala perkara berkenaan MA63.

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan mengambil langkah-langkah yang sesuai dan yang terbuka kepadanya menentukan bahawa Parlimen Persekutuan Tanah Melayu akan meluluskan suatu Undang-Undang mengikut cara yang ditetapkan dalam Kembaran A kepada Perjanjian ini, dan bahawa Undang-Undang itu dijalankan kuat kuasanya pada 31 haribulan Ogos, 1963 (dan tarikh Undang-Undang tersebut dijalankan kuat kuasanya itu selepas ini digelar <Hari Malaysia>) (MA63: 5).

Sebagaimana yang disebut dalam syarat ini, ia menghendaki Parlimen Persekutuan Tanah Melayu meluluskan suatu Undang-undang seperti yang dikembarkan sebagai Lampiran A kepada perjanjian ini. Lampiran A ini sebenarnya merupakan Rang Undang-Undang Malaysia (RUU Malaysia) yang telah siap digubal untuk dimasukkan ke dalamnya. RUU Malaysia ini perlu diluluskan di Parlimen Persekutuan Tanah Melayu supaya ia akan berkuatkuasa sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Oleh yang demikian, ia kemudiannya telah diluluskan sebagai Akta Parlimen No. 26, dan ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong pada 26 Ogos 1963 (*FMA*, 1963).

Sehubungan dengan itu, secara literalnya dari sudut perundangan, perkara kedua dalam perjanjian ini telahpun ditunaikan oleh Persekutuan Tanah Melayu pada tarikh 26 Ogos 1963. Ini kerana RUU Malaysia yang diluluskan di bawah akta ini sebenarnya merupakan teks bahasa Inggeris seperti yang terdapat pada Lampiran A kepada MA63. Dalam proses perundangan penggubalan akta tersebut, satu teks rasmi bahasa Melayu telah diwartakan sebagai pelengkap kepada teks RUU Malaysia tersebut.³

Prosedur ini menunjukkan bahawa percantuman di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Tanah Melayu bagi membentuk Persekutuan Malaysia adalah menggunakan pindaan kepada

³ UNDANG-UNDANG MALAYSIA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN 1963 ini masih menggunakan system ejaan Melayu Lama.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, bukannya satu perlembagaan baharu. Sebenarnya, perkara ini pernah menjadi isu perlembagaan ketika itu apabila ia dibangkitkan oleh Sultan Kelantan. Pihak baginda berhujah bahawa penubuhan Persekutuan Malaysia perlu mendapat perkenan dan ditandatangani oleh baginda, seperti mana prosedur pada tahun 1957 dahulu.

Tuntutan undang-undang Sultan Kelantan ini telah gagal di mahkamah kerana prosedur pindaan ini dilakukan berdasarkan kepada dua sebab. Pertama, prosedur pindaan ini dilakukan hanya bagi memasukkan Borneo Utara, Sarawak dan Singapura ke dalam Persekutuan Malaysia. Kedua, bagi memenuhi tuntutan Perlembagaan Tanah Melayu yang perlu dipinda kerana melibatkan hak dan kedudukan raja Melayu sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 38 dan 153 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Jayakumar 1964: 183-7).

Keputusan kerangka perundangan yang dibuat supaya Perlembagaan Malaysia bukanlah perlembagaan baharu adalah perlu bukan semata-mata bagi mengelakkan krisis perlembagaan di Semenanjung Tanah Melayu itu sendiri. Tapi, ia telah diputuskan atas dasar bahawa Persekutuan Malaysia hanya memakai nama baharu dan masih mengguna pakai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang dipinda. Formula dan kerangka ini bukanlah menjadi satu perkara rahsia dalam kalangan para pemimpin dari Borneo Utara dan Sarawak yang terlibat dalam rundingan Gagasan Malaysia sejak dari awal lagi. Malahan ketika isu itu dibangkitkan oleh Sultan Kelantan, formula percantuman dua wilayah tersebut dengan Semenanjung Tanah Melayu telahpun diputuskan. Pada ketika itu, pertimbangan utama yang menjadi punca kepada keputusan ini ialah pihak Britain sendiri ingin melepaskan kedaulatan dua wilayah tersebut dan mereka juga memikirkan formula yang paling praktikal untuk memberikan kemerdekaan kepada dua wilayah tersebut.

Keterikatan Perundangan dalam Perspektif Undang-undang Antarabangsa

Keputusan berkenan formula undang-undang perlembagaan ini juga mempunyai implikasi undang-undang antarabangsa. Ini kerana pertukaran nama dari 'Malaya' kepada 'Malaysia' juga perlu mengambil kira sama ada Malaysia adalah entiti lama atau baharu dalam PBB. Oleh yang demikian, prosedur undang-undang perlembagaan yang meminda Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah menepati implikasi undang-undang antarabangsa bahawa Malaysia hanya

merupakan nama baharu, bukannya anggota baharu dalam PBB. Maka pada ketika itu, langkah ini adalah tepat kerana ia memberikan pengertian hakiki bahawa kewujudan Persekutuan Tanah Melayu tidak pernah berakhir tapi masih terus wujud dengan pertukaran nama sahaja untuk menerima kemasukan dua negeri baharu. Secara realitinya, langkah mengguna pakai prosedur pindaan kepada perlembagaan yang sedia ada telah memberi prospek bahawa taraf dua wilayah tersebut akan dinaik taraf dari tanah jajahan kepada dua negeri yang merdeka dalam sebuah negara yang telah wujud.

Justeru pada ketika itu juga, formula percantuman dua wilayah Borneo tersebut dalam Persekutuan Malaysia adalah diiktiraf berdasarkan prosedur undang-undang antarabangsa. Formula percantuman ini adalah mengikut formula yang digunapakai dalam Resolusi 1541 Perhimpunan Umum Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang telah diwartakan pada 15 Disember 1960 (*Resolution 1541*, 1960). Berdasarkan tarikh pewartaan resolusi PBB ini, secara realitinya, prosedur ini telahpun diiktiraf sebelum keputusan Laporan Suruhanjaya Cobbold (1962) dan Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (1963). Prinsip VI dalam resolusi PBB ini menggariskan bahawa sesebuah wilayah boleh bebas dari taraf sebagai tanah jajahan dan memperoleh pemerintahan sendiri melalui tiga cara:

- (1) Muncul sebagai wilayah merdeka yang berdaulat secara bersendirian;
- (2) Percantuman bebas dengan sesebuah negara yang merdeka;
- (3) Diserapkan ke dalam sesebuah negara merdeka.

Berpandukan kepada ketiga-tiga syarat seperti yang tertera dalam resolusi 1541 itu, ia dapat dirumuskan seperti berikut:

- (A) Kes pertama merujuk kepada kemerdekaan sesebuah wilayah itu yang boleh berlaku apabila ia muncul sebagai wilayah merdeka yang berdaulat secara bersendirian. Kes ini merujuk kepada kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai Malaya pada tahun 1957 dan kemerdekaan Singapura pada tahun 1965.

- (B) Kes kedua pula merujuk kepada kemerdekaan sesebuah wilayah melalui percantuman bebas dengan sesebuah negara yang merdeka yang mengamalkan sistem federalisme atau persekutuan. Dalam hal ini, ia merujuk kepada penyertaan Borneo Utara dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia.
- (C) Kes ketiga, iaitu apabila sesebuah wilayah itu diserapkan ke dalam sesebuah negara merdeka yang mengamalkan sistem kesatuan atau *unitary*. Ia merujuk kepada kemasukan Wilayah Irian Barat ke dalam Indonesia pada tahun 1962. Kes ketiga ini jelas tidak mempunyai perkaitan dengan Gagasan Malaysia yang merupakan persekutuan.

Berpandukan kepada tiga syarat tersebut, ia jelas menunjukkan bahawa percantuman dua wilayah Borneo dengan Tanah Melayu bagi membentuk Persekutuan Malaysia adalah berpandukan kepada prinsip percantuman kedua dalam Resolusi 1541. Ini dengan sendirinya bermakna kerangka undang-undang perlembagaan yang diaplikasikan kepada kemasukan dua negeri Borneo tersebut dalam Persekutuan Malaysia melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah sah. Ini kerana kerangka ini telahpun dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang menanda tangani MA63, iaitu Persekutuan Tanah Melayu dan Britain bagi memindahkan kedaulatan kedua-dua wilayah tersebut daripada Britain kepada Persekutuan Tanah Melayu. Sehubungan dengan itu, satu perlembagaan baharu untuk percantuman Sabah dan Sarawak adalah tidak perlu.

Selain itu, percantuman ini juga telah mematuhi prinsip VII (A) Resolusi PBB 1541. Prinsip ini menyatakan bahawa ia perlu dilakukan secara suka rela dan bebas dalam proses demokrasi. Prinsip ini lazimnya dikaitkan dengan Suruhanjaya Cobbold 1962 dan juga Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 14 September 1963 (*United Nations Malaysia Mission Report 1963: Annex 3*). Resolusi 1541 ini sangat relevan dalam konteks Gagasan Malaysia dan kemerdekaan Sabah dan Sarawak. Ini kerana resolusi ini sebenarnya digubal khusus untuk diaplikasikan kepada kemerdekaan wilayah yang merupakan tanah jajahan seperti dua wilayah Borneo tersebut, bukannya negeri naungan.

Sementara itu, berdasarkan saranan Suruhanjaya Cobbold seperti mana yang telah disebutkan sebelum ini, satu jawatankuasa perlembagaan, iaitu Jawatankuasa Antara Kerajaan telah dibentuk bagi mengkaji dan melaksanakan perkara berkenaan penggubalan perlembagaan yang menyerupai Suruhanjaya Reid 1957. Namun, ia perlu menurut prinsip VII (B) dalam Resolusi PBB 1541 yang menyatakan bahawa proses kemerdekaan yang melibatkan percantuman perlu menggubal perlembagaan dalaman yang tidak dipengaruhi oleh elemen luar, ini diwartakan melalui Perlembagaan Negeri Sabah dan Perlembagaan Negeri Sarawak yang dimasukkan sebagai Lampiran B dan Lampiran C kepada MA63.

Sehubungan itu, pihak Britain telah memastikan bahawa prosedur ini mengikuti proses perundangan yang dapat diterima di peringkat antarabangsa. Pada hari MA63 ditandatangani pada 9 Julai 1963, Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963 masih belum diwartakan dan hanya bertaraf Rang Undang-undang. Ia hanya akan diwartakan menjadi perlembagaan yang berkuatkuasa pada hari Malaysia. Ini juga bermakna RUU Malaysia yang tertera sebagai Lampiran A dalam MA63 ini yang kemudiannya telah disahkan pada 26 Ogos 1963 juga telah mematuhi syarat penggubalan perlembagaan dalaman walaupun ia hanya merupakan pindaan. Berpanduan syarat dan prosedur ini, pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 untuk menjadi Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963 adalah sah dan tidak memerlukan satu perlembagaan yang baharu.

Seterusnya, terdapat prinsip VIII dalam Resolusi PBB ini yang menyatakan bahawa percantuman ini mesti berdasarkan kepada kesamarataan dalam kalangan semua penduduk negara tersebut dari segi perundangan. Kesamarataan perundangan ini bermaksud Sabah dan Sarawak merupakan dua buah negeri yang sama dengan negeri lain dalam Persekutuan Malaysia. Oleh yang demikian, meletakkan Sabah dan Sarawak sebagai sama taraf dengan keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu hanya akan memberikan implikasi Sabah dan Sarawak lebih dari negeri lain dan bercanggah dengan konsep persekutuan. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, cadangan ini pernah dikemukakan dan kemudiannya tidak diterima dalam Jawatankuasa Perpaduan dan Permuafakatan Malaysia pada awal tahun 1962 (*Cmnd 1794, 3/2/1962: para 8 dan 9*). Namun begitu, kedudukan Sabah dan Sarawak juga tidak boleh lebih rendah dari sebuah negeri di Semenanjung Tanah Melayu

kerana ia akan melanggar konsep sama taraf dengan negeri lain yang telah sedia ada sebagaimana yang digariskan dalam resolusi tersebut.

Selain itu, perlu difahami di sini bahawa MA63 sebenarnya ditandatangani dalam perspektif undang-undang antarabangsa. Namun, ia akan hanya menjadi satu perjanjian dalaman setelah Hari Malaysia. Ini berkait dengan pembahagian kategori negeri kepada A dan B dalam perlembagaan asal. Fakta ini sering dikelirukan dengan status wilayah kepada dua negeri Borneo ini. Berdasarkan kepada Bahagian 2 Perkara 1 (2), dalam RUU Malaysia, dinyatakan bahawa semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu disenaraikan dalam kategori A sedangkan Sabah dan Sarawak diletakkan dalam kategori B (MA63: 19).

Sekiranya diambil-kira keseluruhan MA63 ini, pengkelasan negeri borneo dalam kategori B dengan sendirinya meletakkan Sabah sebagai negeri ke-12 dan Sarawak sebagai negeri ke-13 pada masa itu. Pengasingan kategori ini dilakukan kerana kedua-dua negeri tersebut masih belum lagi berada dalam Persekutuan Malaysia. Tambahan pula, pengasingan ini dilakukan untuk memberi manifestasi bahawa kedua-dua negeri tersebut masih berstatus tanah jajahan yang berbeza dengan negeri lain di Semenanjung Tanah. Oleh sebab itulah Singapura diletakkan dalam kategori C, yang pada masa itu masih berstatus negeri naungan. Maka berdasarkan konsep dan kerangka perundangan ini, seandainya Brunei menyertai Gagasan Malaysia, ia akan diletakkan dalam kategori C bersama Singapura, bukan diletakkan bersama Sabah dan Sarawak seperti dalam kategori B.

Kerangka perundangan ini perlu diambil kira kerana ia berkaitan dengan konsep kolonialisasi dan dekolonialisasi yang masih diiktiraf oleh undang-undang antarabangsa. Walaupun PBB pada dasarnya menggalakkan dekolonialisasi sebagaimana yang termaktub dalam Resolusi 1541, dasar ini hanya boleh dilaksanakan dalam suasana dan cara yang aman. Akhirnya, terpulanglah kepada negara metropolitan sama ada melaksanakan dekolonialisasi ke atas wilayah kekuasaannya atau tidak. Ini dapat dilihat dalam kes Britain yang mempunyai kedaulatan ke atas Sabah dan Sarawak. Britain dengan jelas mahu melepaskan kedaulatan kedua-dua wilayah Borneo tersebut dan dipindahkan kepada Persekutuan Malaysia. Sebagaimana yang diketahui umum, proses pemindahan kedaulatan ini telah dilakukan secara aman dan dipersetujui oleh perwakilan dari dua wilayah tersebut.

Dalam hal ini, Resolusi 1541 ini dengan jelas memperakui keabsahan status quo wilayah yang masih merupakan tanah jajahan dan negeri naungan walaupun ia menggalakan pemberian kemerdekaan secara mutlak kepada wilayah tersebut. Justeru, kesemua kategori dalam MA63 ini akan terhapus apabila Sabah dan Sarawak berserta Singapura menyertai Persekutuan Malaysia. Ini kerana taraf Sabah dan Sarawak sebagai tanah jajahan Britain berserta Singapura sebagai negeri naungan Britain akan bertukar menjadi tiga negeri merdeka pada hari perisytiharan Malaysia. Maka, boleh diandaikan bahawa kepelbagaian status bagi semua entiti politik yang menyertai Gagasan Malaysia ini tidak akan timbul sekiranya perjanjian ini ditandatangani pada hari Malaysia, iaitu sama ada 31 Ogos 1963 seperti yang dirancang pada asalnya atau 16 September 1963.

Isu Kesamaan Taraf sebagai Rakan Sekutu

Oleh itu, tidak timbul sebarang kekeliruan tentang status dan kedudukan perundangan Sabah dan Sarawak sebagai dua buah negeri dalam Persekutuan Malaysia. Malahan, pengkelasan dua buah negeri tersebut sebagai kategori B pada Perkara 1 (2) dalam Perlembagaan Malaysia boleh dihapuskan melalui proses pindaan perlembagaan selepas perisytiharan Malaysia.

Sehubungan dengan itu, pindaan ini telah dilakukan pada tahun 1976 apabila proses pindaan kepada Perlembagaan Malaysia dilakukan. Dalam hal ini, ia melibatkan Perkara 1 (2). Pindaan ini telah meletakkan Sabah sebagai negeri pada senarai ke-11 dan Sarawak sebagai negeri pada senarai ke-12 yang kemudiannya diikuti oleh Terengganu. Pada ketika itu, pindaan ini dilakukan untuk mewujudkan semangat perpaduan dalam kalangan negeri Malaysia. Ini kerana Sabah dan Sarawak selalu dianggap sebagai negeri asing oleh pengunjung asing sebelum itu (*Penyata Rasmi Parlimen Malaysia 1976: 2068*).

Namun demikian, perkara ini telah dikelirukan dengan dakwaan bahawa pembentukan negara Malaysia, iaitu Sabah, Sarawak dan Semenanjung Tanah Melayu, yang merupakan suatu kesatuan negara Malaysia sebagai sebuah Persekutuan berdasarkan prinsip perundangan MA63 yang telah dipersetujui bersama. Kepercayaan sedemikian sangat menebal dalam kalangan ahli politik termasuk kepimpinan kerajaan, terutama sekali di Sarawak (*Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak, 2017: 49*). Pandangan ini juga mendakwa

pindaan pada tahun 1976 ini telah menurunkan taraf Sabah dan Sarawak daripada dua rakan sekutu yang sama taraf dengan keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu kepada taraf dua negeri sahaja seperti 11 negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Oleh yang demikian, fakta yang mengelirukan ini telah dijadikan isu politik oleh pihak yang bertekad mahu mengembalikan kedudukan Sabah dan Sarawak ke tempat yang sebenar, selaras dengan semangat MA63 (*Buku Harapan*, 2018: 111). Berdasarkan kepada kepercayaan dan dakwaan ini, Pakatan Harapan berjanji untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak dan melaksanakan MA63 (*Buku Harapan*, 2018: 112-13).

Sehubungan dengan itu dalam mesyuarat Kabinet Kerajaan Persekutuan Malaysia pada 6 Mac 2019, satu persetujuan telah dicapai untuk membawa usul pindaan perlembagaan ke atas Perkara 1(2) ke Parlimen. Pindaan ini adalah berasaskan kepada dakwaan mereka untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai sama taraf dengan Semenanjung Tanah Melayu dalam Persekutuan Malaysia sebagaimana yang tertera dalam MA63. Penyataan ini telah diumumkan oleh Datuk Liew Vui Keong, Menteri Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri, pada 8 Mac 2019. Beliau menjelaskan bahawa selepas pindaan ini, Sabah dan Sarawak tidak akan lagi dikenali sebagai 'negeri' (*The Star Online*, 8 March 2019).

Perlu ditegaskan bahawa persoalan di sini bukanlah kewajaran pindaan perlembagaan tersebut yang mahu mewujudkan kategori A dan B dalam Perkara 1(2) bagi memisahkan Sabah dan Sarawak dari senarai 11 negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Apa yang menjadi isu dalam konteks perbincangan ini adalah justifikasi yang diberikan untuk melegitimasikan pindaan tersebut yang kononnya untuk mengembalikan kedudukan dua negeri tersebut kepada status quo MA63. Ia merujuk kepada implikasi undang-undang terhadap pindaan tersebut yang bertujuan akan menggugurkan perkataan 'negeri' bagi nama rasmi Sabah dan Sarawak dan akan meletakkan kedua-duanya sama taraf dengan keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu, bukannya dua negeri dalam Persekutuan Malaysia.

Apa yang merupakan fakta sebenar adalah kedua-dua perkara ini tidak terdapat dalam keseluruhan dokumen MA63. Penelitian ke atas keseluruhan dokumen MA63 merujuk terma kemasukan Sabah dan Sarawak sebagai dua negeri yang sama taraf dengan 11 negeri lain di dalam Persekutuan Malaysia. Apa yang jelas adalah tidak terdapat sebarang fakta yang secara langsung dan tidak langsung, atau terang-

terang atau samar-samar merujuk Sabah dan Sarawak adalah dua entiti yang menyamai keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu. Akhirnya, pindaan ini telah gagal kerana tiada mendapat sokongan majoriti dua pertiga daripada kalangan ahli Parlimen dalam sesi persidangan Dewan Rakyat pada 9 April 2019 (*New Straits Times*, 9 April 2019,).

Kesimpulan

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa idea dan usul kemerdekaan Sabah dan Sarawak adalah satu perencanaan pihak Britain yang dimulakan melalui dasar dekolonialisasi British yang dimobilisasikan di bawah Gagasan Malaysia. Ia bermakna kemerdekaan Sabah dan Sarawak adalah melalui percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu kerana dasar mereka adalah jelas untuk tidak memgberikan kemerdekaan kepada dua negeri tersebut secara bersendirian.

Oleh kerana taraf kedua-dua negeri tersebut masih merupakan tanah jajahan, pihak Britain sebagai kuasa metropolitan telah mengawal selia aspek perundangan bagi merealisasikan kemerdekaan dasar dekolonialisasi mereka. Oleh yang demikian, mereka telah terlibat bagi mencadangkan kerangka perundangan Sabah dan Sarawak dalam Gagasan Malaysia. Kerangka perundangan ini sebenarnya tidak berbeza dengan apa yang diaplikasikan kepada kemerdekaan Tanah Melayu sebelum itu, iaitu penubuhan sebuah entiti politik yang mengikut sistem federalisme. Malah, hampir semua proses dekolonialisasi Britain yang membawa kepada kemerdekaan wilayah yang sebelumnya merupakan tanah jajahan dan negeri naungan direalisasikan dengan menggunakan pakai sistem federalism, kecuali wilayah yang kecil.

Justeru dalam kes kemerdekaan Sabah dan Sarawak, pihak Britain sejak dari awal lagi telah mempunyai kecenderungan untuk menggunakan pakai kerangka undang-undang perlembagaan yang sedang berkuatkuasa di Persekutuan Tanah Melayu ketika itu walaupun pihak Persekutuan Tanah Melayu mengalu-alukan idea ini. Oleh yang demikian, kerangka yang dipersetujui adalah melalui proses pindaan ke atas Perlembagaan Tanah Melayu 1957 dan bukannya perlembagaan baharu. Idea dan kerangka ini telah disarankan oleh Suruhanjaya Cobbold dan kemudiannya digunapakai oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan yang merupakan suruhanjaya perlembagaan yang serupa dengan Suruhanjaya Reid sewaktu merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada

tahun 1957. Ini bermakna Sabah dan Sarawak adalah dua negeri dalam Persekutuan Malaysia sebagaimana yang disebut dengan jelas dalam MA63 tetapi kedua-dua negeri ini diberikan hak istimewa dan jaminan perlembagaan yang merupakan kuasa otonomi yang lebih berbanding negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu.

Kerangka perundangan ini juga menepati keterikatan perundangan dalam perspektif undang-undang antarabangsa yang merujuk kepada Resolusi PBB 1541. Percantuman dua negeri tersebut sebagai dua negeri dalam Persekutuan Malaysia adalah berpadanan dengan syarat yang terdapat pada klausa kedua bagi Prinsip VI dalam resolusi tersebut. Ini kerana provisi ini mengiktiraf kemerdekaan wilayah melalui percantuman dengan sesebuah negara yang sedia ada mengikut sistem federalisme. Kerangka undang-undang perlembagaan yang hanya menggunakan prosedur pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang sedia ada juga menepati prinsip VII (B) dalam Resolusi 1541. Ini kerana ia merupakan proses penggubalan perlembagaan dalaman yang tidak dipengaruhi oleh unsur luar.

Oleh yang demikian, segala kefahaman terhadap perkara penting dalam segala dokumen yang berkaitan dengan MA63 perlulah dirujuk melalui penelitian teks itu sendiri. Sepatutnya isu kesamaan taraf sebagai rakan sekutu tidak timbul sama sekali. Ini kerana idea yang menunjukkan bahawa kedudukan Sabah dan Sarawak adalah sama taraf dengan keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan bukan hanya bertaraf dua negeri dalam Persekutuan Malaysia sebagaimana yang tertera dalam MA63 hanya merupakan dakwaan yang tidak berasas sama sekali. Idea ini hanya timbul di peringkat awal tapi telah menjadi tidak relevan sejak awal Februari 1962.

Malahan pindaan perlembagaan Perkara 1(2) juga tidak mempunyai sebarang perkaitan dengan idea dan tujuan menurunkan taraf Sabah dan Sarawak daripada wilayah kepada negeri. Oleh yang demikian, usaha untuk meminda Perkara 1(2) hanyalah untuk mengembalikan pengkelasan asal A dan B dan tidak berkaitan dengan menaikkan taraf Sabah dan Sarawak melebihi negeri yang kononnya tertera dalam MA63.

Rujukan

Sumber Primer

- Cmnd 1794. Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, 1962. National Archive at Kew, (yang dirujuk sebagai Cobbold Report yang dihantar oleh Lord Cobbold kepada Harold MacMillan, Perdana Menteri Britain, 21 Jun 1962.
- Cmnd 1954. 1963. Malaysia, Report of the Inter-Governmental Committee. London.
- Penyata Dewan Rakyat. 16 Oktober 1961. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia.
- Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak. 2017. Mesyuarat Kedua bagi Penggal Kedua 9 Nov. 2019.
- Resolusi 1541. 1960. United Nations General Assembly Resolution 1541. 15 Disember 1960.
- FMA, 1963: Federation of Malaya, Act of Parliament No. 26 of 1963.
- MA63. UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND and FEDERATION OF MALAYA, NORTH BORNEO, SARAWAK and SINGAPORE Agreement relating to Malaysia, 9 July 1963, London, United Nations--Treaty Series No. 10760, 1970.
- United Nations Malaysia Mission Report. Final Conclusions of the Secretary-General. 14 September 1963.
- Utusan Melayu*, 17 Oktober, 1961.
- Federation of Malaya. Ch. 60, Independence Act, 31 July 1957. London: Her Majesty's Stationary Office.
- CO 1030/978. 1/12/1960. Proposed State of Greater Malaysia, Office of The High Commissioner for The United Kingdom, Kuala Lumpur to Secretary of State for Commonwealth Relations. 1 December 1960.
- CAB 134/1560, 18/4/1961. The possibility of an Association of the British Borneo Territories with the Federation of Malaya and the State of Singapore. 18 April 1961. Cabinet Colonial Committee Minutes. CPC 4 (61).
- Cmnd 1794, 3/2/1962. Memorandum on Malaysia, the Malaysia Solidarity Consultative Committee. 3 February 1962. Lampiran kepada Laporan Suruhanjaya Cobbold. 21 Jun 1962.
- Malaysia Act 1963. CHAPTER 35. 31 July 1963. London: Her Majesty's Stationary Office.
- Penyata Rasmi Parlimen Malaysia. 1976. Jil. 21. Bil. 19. 12 Julai 1976.

Buku dan Jurnal

- Barendt, E. 1997. Is there a United Kingdom Constitution? *Oxford Journal of Legal Studies*. Vol. 17. Issue 1. Spring 1997. Hlm. 137-146.
- Flathu, M. 2007. The British Empire. Hlm. 21-31 dalam John McLeod (pnyt.), *The Routledge Companion to Postcolonial Studies*, Abingdon: Routledge.
- Ghazali Shafie. 1998. *Ghazali Shafie's Memoir on the Formation of Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM, Siri Memoir Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lee Kuan Yew. 1998. *The Singapore Story: Memoir of Lee Kuan Yew*. Singapore: Times Edition Pte Ltd.
- Jayakumar, S. 1964. Admission of New States: The Government of the State of Kelantan vs The Government of the Federation of Malaya and Tunku Abdul Rahman al-Haj. *Malaya Law Review*. Jil. 6. No. 1. Hlm. 181-198.
- Rothermund, D. 2006. *The Routledge Companion to Decolonization*, Abingdon: Routledge.

Internet

- Buku Harapan, 2018, 8 March, https://kempen.s3.amazonaws.com/pdf/Buku_Harapan.pdf. Akses 20 September 2019.
- New Straits Times*. 2019. No Two-thirds Majority Support to Amend Constitution. 9 April 2019. <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/04/no-two-thirds-majori>. Akses 20 September 2019.
- The Star Online*. Liew: Cabinet Agrees to Amend Constitution, Restore Sabah, Sarawak as Equal Partners. 8 March 2019. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/03/08/liew-cabinet-agrees-to-amend-constitution-restore-sabah-sarawak-as-equal-partners/>. Akses 20 September 2019.

Keselamatan Insan dan Akses Pendidikan Kanak-kanak Warga Indonesia di Sabah

Amir Shah Noor Ahmad¹

Manuskrip diterima: 3 Oktober 2019

Diterima untuk penerbitan: 15 Oktober 2019

¹ Calon Ijazah Sarjana, Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: dunia_shah@yahoo.com

Abstract

Traditional security is heavily influenced by scholars of realism in the context of International Relations. Security studies emphasize national security against any military threat from foreign countries. The onset of the cold war has changed the landscape of security studies and the birth of new concepts of universal security including human security. Human beings is an object exposed to various threats such as human smuggling, persecution, crime of personal harassment, infectious disease, famine, poverty and social disorder. There is a new phenomenon of migration of foreign children to other countries. This study has three objectives, namely; First, examining the factors of the presence of foreign children in Tawau. Second, the efforts of the government and non-governmental organizations in providing educational facilities. Third, the threat to human security faced by foreign children in Sabah. This study used interview method in the fields and with agencies. Also use observation method in the study area. Studies have found that parents are a major contributor to the existence of foreign children in Sabah as they are brought together in migration as well as those born in Sabah. Foreign children need to gain educational rights to prevent them from being left behind in the fast-growing development of Sabah.

Keywords: Human security, Foreign Children, Education, Sabah

Abstrak

Keselamatan tradisional yang banyak dipengaruhi oleh sarjana fahaman realisme dalam konteks Hubungan Antarabangsa. Kajian keselamatan amat menitikberatkan keselamatan negara daripada sesuatu ancaman ketenteraan daripada negara luar. Berakahirnya perang dingin telah mengubah landskap kajian keselamatan dan lahirnya konsep baharu berkenaan keselamatan yang lebih menyeluruh termasuk keselamatan Insan. Insna merupakan objek yang terdedah kepada pelbagai ancaman seperti penyeludupan manusia, penganiayaan, jenayah gangguan peribadi, penyakit berjangkit, kebuluran, kemiskinan dan gangguan sosial. Wujud fenomena baharu migrasi kanak-kanak asing ke negara lain. Kajian ini bertujuan Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu; pertama, melihat faktor kewujudan kanak-kanak warga asing di Tawau. Kedua, usaha kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam menyediakan kemudahan pendidikan. Ketiga, ancaman keselamatan insan yang dihadapi oleh kanak-kanak asing di Sabah. Kajian ini menggunakan kaedah temubual di di kawasan ladang dan agensi. Juga mengguna kaedah pemerhatian di kawasan kajian. Kajian mendapati ibu bapa adalah penyumbang utama kepada kewujudan kanak-kanak asing di Sabah kerana dibawa bersama dalam migrasi dan juga yang dilahirkan di Sabah. Kanak-kanak asing perlu mendapatkan hak pendidikan bagi mengelakkan mereka tertinggal dengan arus pembangunan yang semakin pesat di Sabah.

Kata Kunci: Keselamatan Insan, Kanak-kanak asing, Pendidikan, Sabah

Pengenalan

Freedom from Want dan *Freedom from Fear* merupakan komponen utama dalam konsep keselamatan insan. Keselamatan insan merupakan konsep yang telah diperkenalkan oleh United Nation Development Program (UNDP) pada tahun 1994 sebagai salah satu konsep baharu terhadap keselamatan *non-traditional*. Konsep keselamatan tradisional yang sinonim dengan mempertahankan negara semata-mata, non-tradisional merupakan pelengkap kepada konsep keselamatan agar lebih menyeluruh (Bajpai, 2000).

Ramli & Kamarulnizam (2017) dalam kajian terhadap pekerja asing di Malaysia menjelaskan bahawa migrasi warganegara Indonesia (WNI) ke Sabah telah berlaku sejak dahulu lagi hingga mencapai pada

satu tahap kemasukan warga asing ke Sabah sudah tidak dapat dibendung lagi. Maka Pasukan Petugas Khas Persekutuan untuk Sabah dan Labuan (PPKP) telah ditubuhkan pada 19 Oktober 1989 bagi membendung kemasukan warga asing yang tidak terkawal ini. Kemasukan warga asing ke Sabah dipicu oleh permintaan yang tinggi terhadap sektor pertanian dan perladangan sebelum Sabah masuk bergabung dengan Malaysia. Kemasukan warga asing yang tidak terkawal ini pada akhirnya membawa isu lain, iaitu lambakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

Ancaman bukan ketenteraan seperti bencana alam, kebuluran, pemerdagangan wanita dan kanak-kanak, kemiskinan dan penyeludupan dadah dan migrasi manusia merupakan isu yang hangat diperkatakan di peringkat negara dan antarabangsa. Isu migrasi manusia yang berlaku setiap hari sama ada dalam keadaan aman mahupun disebabkan konflik merupakan isu utama yang mendapat perhatian dalam konteks keselamatan insan di seluruh negara. Faktor tolakan di negara asal dan faktor tarikan di negara yang dituju telah mendorong kepada penghijraan manusia dari satu negara ke negara yang lain demi meneruskan kelangsungan hidup (OECD, 2014). Dalam konteks kajian ini, pengkaji cuba melihat akses pendidikan kanak-kanak Indonesia di Sabah terutamanya kanak-kanak Indonesia di Ladang-ladang.

Kajian literatur

Kanak-kanak Warga Indonesia di Sabah

Kebanjiran warga asing di Sabah bukanlah suatu perkara yang baharu, hal ini kerana penghijraan buruh asing dari Filipina dan Indonesia di Malaysia dan, Sabah khususnya telah berlaku sejak awal tahun 1990an untuk memenuhi keperluan buruh terhadap pembangunan ekonomi negeri Sabah (Ramli & Kamarulnizam, 2017). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, jumlah warga asing di Sabah adalah 27 peratus atau 889,779 orang. Berdasarkan statistik tersebut, Tawau merupakan daerah yang menyumbang kepada jumlah warga asing yang paling ramai di negeri Sabah, iaitu 171,409 orang atau 41 peratus daripada jumlah penduduk di daerah tersebut. Namun data ini merangkumi semua warga asing tidak mengira sama ada PATI mahupun warga asing sah. Daripada 889,779 orang warga asing di Sabah, jumlah daripada lingkungan umur bayi hingga 19 tahun adalah seramai 46,539 orang. Daripada jumlah tersebut, kanak-kanak WNI adalah lebih ramai berbanding kanak-kanak warga asing lain, iaitu seramai 112,099 orang berbanding kanak-kanak Filipina

seramai 82,404 orang dan lain-lain seramai 99 orang. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan daerah Tawau sebagai kawasan kajian dan kanak-kanak WNI dijadikan responden kajian.

Secara geografi, Sabah dikelilingi oleh 3 buah negara yang berkongsi sempadan, di bahagian utara Sabah bersempadan dengan Filipina, di bahagian barat bersempadan dengan Brunei dan di bahagian barat dan selatan bersempadan dengan Indonesia. Oleh yang demikian, proses migrasi rentas sempadan dengan mudah akan berlaku sama ada melalui laut, darat mahupun udara. Migrasi terbesar di Sabah adalah daripada Indonesia dan Filipina. Migrasi Filipina paling ketara pada tahun 70-an apabila berlaku konflik berpanjangan dan masalah kemiskinan di selatan Filipina telah menyebabkan migrasi menuju ke Sabah (Buendia, 2005; Rachgan dan Dorall, 1981).

Jumlah warganegara Filipina dianggarkan seramai 73,000 orang hingga 100,000 orang telah menjadi pelarian di Sabah. Bagi WNI pula, migrasi awal ke Sabah adalah disebabkan oleh faktor ekonomi yang didominasi oleh kaum Bugis yang telah melakukan hubungan perniagaan dengan Sabah sebelum kedatangan British ke Borneo (Suraya, 2013).

Kehadiran warga asing ke Sabah dapatlah dibahagikan kepada dua secara umumnya, iaitu warga asing sah dan PATI. Warga asing sah di Malaysia dapatlah dibahagikan kepada dua kategori (Intan Suria & Sity, 2016). Kategori pertama, pekerja “ekspatriat” yang merujuk kepada pegawai dagang. Ciri pegawai dagang adalah berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal, professional dan pengurusan, menerima gaji yang tinggi dengan minimum RM5 ribu sebulan dan menandatangani kontrak sekurang-kurangnya 2 tahun. Pas yang digunakan oleh ekspatriat ini adalah pas penggajian. Manakala kategori kedua adalah pekerja berkemahiran rendah, yang terlibat dalam 6 sektor yang dibenarkan oleh kerajaan Malaysia iaitu, perladangan, pertanian, pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan pembantu rumah. Kategori kedua ini menggunakan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) (*Jabatan Imigresen Sabah*, 2018). Bagi PATI pula dapatlah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu PATI yang masuk secara tidak teratur ke Malaysia dan PATI yang pada asalnya adalah warga asing sah namun melanggar peraturan serta akta imigresen 1959/63 seperti tinggal lebih masa atau menyalahgunakan pas. Kebanjiran pendatang asing ini telah membuka ruang kepada para aktivis yang selalu menyalahkan pihak kerajaan terhadap kegagalan kerajaan menangani eksploitasi pekerja asing PATI, pengaliran wang

asing, dan kegagalan kerajaan memberikan perlindungan kepada warga asing daripada penganiayaan (*Women's Refugee Commission*, 2012). Kebanjiran PATI dan warga asing sah telah mengundang fenomena baru iaitu kanak-kanak tanpa dokumen (KKTD) di Sabah.

Konsep Keselamatan Insan

Keselamatan insan lahir daripada konsep keselamatan non-tradisional yang telah mengubah paradigma baru terhadap kajian keselamatan yang sebelumnya amat sinonim dengan keselamatan tradisional yang didominasi oleh fahaman realisme. Antara perbezaan konsep keselamatan tradisional dan keselamatan non-tradisional adalah dari segi objek yang harus dilindungi, iaitu manusia. Konsep keselamatan insan ini juga merupakan pendekatan keselamatan yang lebih komprehensif (Shinoda & Jeong, 2004). Menurut Buzan (1991) terdapat lima sektor keselamatan yang tidak boleh terpisah dan saling berkait, iaitu keselamatan ketenteraan yang memberi fokus kepada kebolehan menyerang dan bertahan, keselamatan politik iaitu merujuk kepada kestabilan organisasi politik, sistem kerajaan dan ideologi yang berkesan. Keselamatan ekonomi pula merujuk kepada kebolehan untuk akses kepada sumber, kewangan dan saham yang perlu dalam mengekalkan kesejahteraan negara. Keselamatan sosial pula tertumpu kepada kebolehan sosial untuk mempertahankan identiti nasional, seperti budaya, bahasa agama dan adat istiadat dan yang terakhir adalah keselamatan alam sekitar bagi mengekalkan kestabilan ekosistem alam sekitar terjaga dengan baik.

Menurut Newman, (2010) keselamatan tradisional sememangnya amat perlu namun tidak cukup untuk menjaga kesejahteraan manusia. Kehadiran konsep non-tradisional ini telah mencabar hujahan golongan realist yang selama ini mempertahankan negara sebagai objek yang harus dilindungi dan tentera merupakan ancaman bagi golongan ini. Kemunculan pendekatan non-tradisional ini telah membuka konsep keselamatan yang lebih luas dengan mengetengahkan ancaman lain selain ketenteraan, seperti HIV, dadah, terorisme, senjata kecil dan pemerdagangan manusia. Keselamatan insan pula meletakkan apa-apa yang boleh mengancam keselamatan individu adalah sebuah ancaman keselamatan, seperti kemiskinan, keburluran, penyebaran penyakit, kemerosotan alam sekitar sebagai ancaman (Shinoda & Jeong, 2004; Newman, 2010).

Di penghujung Perang Dingin isu perjuangan terhadap keselamatan insan sudah mula ditunjukkan melalui gerakan serta usaha

oleh pelbagai badan antarabangsa, antaranya adalah *Brant Commission*, *Bruntland Commission* pada 1987, dan kemudiannya *Commision on Global Governance*. Tiga suruhanjaya ini telah banyak membantu dalam mengubah fokus keselamatan daripada keselamatan negara kepada keselamatan individu (Acharya, 2001). Namun konsep ini mula popular pada tahun 1994 selepas dibentangkan dalam laporan *Human Development Report*. Istilah keselamatan insan ini mula digunakan pertama kali oleh Setiausaha Agung bagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), iaitu Boutros-Boutros Ghali dalam laporan *Agenda for Peace* (1992) sebagai tindakan kepada akar permasalahan terhadap konflik, ekonomi, sosial dan isu politik. Konsep tersebut diteruskan oleh Kofi Annan pada penghujung 90-an menggunakan istilah keselamatan insan dalam beberapa siri laporan dan persidangan, seperti *Millennium Declaration* (1999), *United Nations Trust Fund for Human Security* (1999), *Human Security Network* (1999). Usaha memperkasakan keselamatan insan diteruskan dengan penubuhan *Human Security Commission* (HSC) pada tahun 2001 dan kemudian HSC ini berjaya menerbitkan laporan akhir *Human Security Now* 2003 dengan memberikan definisi baharu kepada keselamatan insan. HSC telah menubuhkan *Human Security Unit* di bawah *Secretariat in the Office for the Coordination of Humanitarian affair* (UNOCHA) (2004). HSC juga menubuhkan *Friend of Human Security* (2006) dan mendapat pengiktirafan dengan dijadikan tema pada persidangan agung PBB (2008) dengan tajuk *Thematic Debate on Human Security*.

Dalam kajian keselamatan terhadap manusia, konsep keselamatan insan amat sesuai untuk digunakan bagi memahami fenomena serta ancaman terhadap manusia. Konsep yang sama telah digunakan oleh Vietti & Scribner (2013) yang mengetengahkan perspektif keselamatan insan bagi memahami migrasi antarabangsa dan keselamatan insan terhadap pendatang asing yang tidak sah (*irregular migrants*) (Koser, 2005). Justru dalam kajian ini pengkaji turut mengangkat konsep keselamatan insan bagi kanak-kanak warga asing dari perspektif kemudahan pendidikan.

Malaysia-Indonesia dalam Usaha Menyediakan Pendidikan

Usaha bilateral telah dilaksanakan bagi menyelesaikan isu kanak-kanak WNI di Malaysia. Dalam *Annual Consultation* 2004, Perdana Menteri Malaysia Ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi bersama dengan Presiden Indonesia Ke-5, Megawati Sukarno Putri telah memeteraikan perjanjian persefahaman berkenaan dengan penghantaran guru Indonesia ke

Malaysia bagi menyediakan peluang pendidikan kepada kanak-kanak WNI di Malaysia. Perkara ini disusuli dengan *Annual Consultation* 2006 antara Presiden Indonesia Ke-6, iaitu Susilo Bambang Yudhoyono dan Tun Abdullah Ahmad Badawi yang telah menghasilkan *join statement* (kenyataan bersama) yang salah satunya adalah Pembinaan Sekolah Indonesia Kota Kinabalu (SIKK). Sebagai kesinambungan kepada usaha tersebut Mesyuarat Joint Commission for Bilateral Cooperation (JCBC) yang ke-13 telah dilaksanakan di Jakarta pada 2 Disember 2013. Antara keputusan daripada mesyuarat tersebut adalah kerajaan Malaysia memberikan kebenaran untuk menubuhkan *Community Learning Centre* (CLC) di Sabah untuk kanak-kanak pekerja WNI.

Hasil pemerhatian di kawasan kajian, pengkaji mendapati bahawa masih terdapat kesedaran ibu bapa dan kanak-kanak dalam pendidikan meskipun segelintir ibu bapa masih membiarkan anak mereka membesar tanpa bersekolah dengan alasan kos yuran yang amat membebankan (Zahid, 08 Jun 2018). Peranan kerajaan Indonesia serta kerajaan Malaysia telah membuka lembaran baharu dalam dunia pendidikan kanak-kanak asing di Malaysia. Terdapat beberapa pusat pembelajaran bukan kerajaan di kawasan kajian yang beroperasi atas usaha pihak swasta, NGO dan Kedutaan. Antaranya adalah CLC, Pusat Kegiatan Belajar Masyarakat dan Humana serta sekolah swasta lain, seperti sekolah agama rakyat. Beberapa jenis pusat pembelajaran ini ditubuhkan bagi memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak warga asing di ladang termasuklah kanak-kanak yang tidak berdokumen.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian kes. Menurut Cresswell (2009) kajian kes merupakan sebuah pendekatan yang mencari dan memahami suatu kes secara spesifik. Kajian kualitatif juga sesuai digunakan bagi memahami masalah sosial atau masalah manusia melalui gambaran yang menyeluruh dan kompleks serta kajian ini dijalankan semula jadi dan sebenar. Kajian ini menggunakan data primer, iaitu temubual bersama kanak-kanak warga negara WNI di ladang terpilih. Responden yang dipilih adalah secara rawak tanpa mengira umur. Dalam masa yang sama pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian di sekitar ladang dan kampung terpilih di Daerah Tawau. Untuk menyokong hujah pengkaji, data sekunder, seperti dokumen dan penyelidikan bercetak yang terpilih, seperti buku, laporan serta tesis menjadi rujukan. Atas permintaan responden nama sebenar adalah dirahsiakan untuk tujuan keselamatan.

Rekabentuk penyelidikan kajian kes adalah bersesuaian apabila pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian terhadap suatu kumpulan atau unit, keluarga, kelas masyarakat atau peristiwa. Pengkaji menggunakan kajian kes agar memudahkan pengkaji fokus kepada satu isu dalam kelompok manusia yang digelar kanak-kanak warga asing. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, pengkaji turun sendiri ke lapangan dengan menemubual 10 orang responden, yang memadai dalam membantu analisis kajian ini.

Hasil Kajian

Latar Belakang Pendidikan Kanak-kanak WNI di Sabah

Pendidikan merupakan termasuk dalam salah satu perkara wajib bagi kanak-kanak, dan sebuah kewajiban kepada ibu bapa untuk memastikan anak mereka mendapat pendidikan pada usia kanak-kanak lagi. Dalam konteks Malaysia peraturan pendidikan adalah wajib dan terkandung dalam Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 dimana seksyen 29A(2) memperuntukkan bahawa setiap ibu bapa warganegara Malaysia yang tinggal di negara ini untuk memastikan anak mereka yang berumur 6 tahun pada hari pertama bulan Januari untuk didaftarkan sebagai murid sekolah rendah. Bahkan sekiranya gagal berbuat demikian ibu bapa boleh dikenakan hukuman dibawah seksyen 29A(4) yang membawa denda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali (Akta Pendidikan 1996, 2012).

Sama halnya dengan undang-undang Republik Indonesia Nomor 20 tahun 2003 yang memperuntukkan Pasal 7 Nombor 2 yang menyatakan bahawa setiap orang tua berkewajiban memberikan pendidikan dasar kepada anaknya serta Pasal 6 Nombor 1 yang menyebutkan bahawa setiap warganegara yang berumur tujuh hingga 15 tahun wajib mengikuti pendidikan dasar. Ini menunjukkan keseriusan dan betapa pentingnya pendidikan kepada kanak-kanak di usia muda. Dalam konteks kanak-kanak warga asing di Malaysia termasuklah kanak-kanak tidak berdokumen ini, mereka tidak tertinggal dengan arus pendidikan meskipun mereka tidak berstatus warganegara kerana banyak pihak telah memainkan peranan dalam kelangsungan pendidikan kanak-kanak asing di Malaysia. Dalam *Universal Declaration of Human Right* 1984, pada Artikel 26 disebutkan juga berkenaan setiap orang mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan. Ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan merupakan sesuatu yang wajib kepada semua orang tanpa mengira latar belakang kewarganegaraan.

Community Learning Centre (Kedutaan Indonesia)

CLC merupakan inisiatif daripada kerajaan Indonesia bagi memberikan kemudahan pembelajaran kepada kanak-kanak Indonesia di ladang bagi memastikan kanak-kanak Indonesia di ladang tidak ketinggalan dalam arus pendidikan semasa. Kokurikulum dan silibus pendidikan yang diajarkan di CLC adalah selaras dengan sistem pendidikan di negara Indonesia. Dengan itu kanak-kanak yang bersekolah di CLC kelak akan dapat melanjutkan pelajaran di negara asal mereka tanpa harus mengulang dan tidak perlu mengambil ujian khas ataupun tapisan yang lain (Khair, 24 Jun 2018). Di CLC, kanak-kanak diberi pendidikan bermula dari Kelas 1 hingga Kelas 6 yang dikenali sebagai Sekolah Dasar (SD), kemudian diteruskan dengan Sekolah Menengah Pertama (SMP). Seterusnya, bagi yang ingin melanjutkan pelajaran Sekolah Menengah Atas (SMA), boleh meneruskan pengajian di Sekolah Indonesia yang terletak di Kota Kinabalu ataupun menyambung pelajaran di negara asal.

Salah satu sekolah CLC yang terdapat di Daerah Tawau adalah CLC Pekan Kalabakan. Sekolah ini asalnya merupakan pusat tuisyen namun kemudiannya telah bekerjasama dengan pihak CLC bagi menempatkan pelajar SD yang hampir kesemuanya tidak mempunyai sebarang dokumen. Atas kesedaran guru yang melihat kanak-kanak tidak bersekolah dan berkeliaran, maka guru pusat tuisyen ini mengambil inisiatif untuk menyekolahkan kanak-kanak tidak berdokumen ini. Walaupun hanya menumpang di pusat tuisyen namun guru yang mengajar merupakan guru daripada CLC dan kokurikulum serta mata pelajaran adalah sama dengan apa yang diajar seluruh CLC Sabah. Pelajar ini akan turut menduduki ujian nasional (ujian paket A) pada Kelas 6 SD.

Antara alasan membuka cawangan CLC di pusat tuisyen ini adalah kerana CLC induk terletak jauh dari kawasan ini (Cikgu Musdalifah, 2 April 2018). Walau bagaimanapun, pusat tuisyen ini tidak mendapatkan peruntukan kewangan dari pihak kedutaan berbanding CLC yang lain. Oleh hal yang demikian, yuran dikenakan kepada pelajar yang belajar di pusat tuisyen ini. Manakala bagi pelajar yang belajar di pusat CLC induk, sebarang yuran tidak dikenakan kecuali terdapat keperluan tambahan mengikut cawangan CLC masing-masing (Khair, 24 Jun 2018). Guru di CLC terbahagi kepada dua, iaitu guru yang didatangkan khas daripada Indonesia melalui Konsulat Jendral Indonesia (KJRI) dan Guru Lantikan Ladang.

Pusat Kegiatan Belajar Masyarakat (Yayasan Peduli Insan Nusantara)

Pusat Kegiatan Belajar Masyarakat (PKBM) pula merupakan sebuah pusat pendidikan di ladang yang ditubuhkan oleh sebuah NGO yang dikenali sebagai Yayasan Peduli Insani Nusantara (YAPINUS) lantaran kesedaran pendirian yayasan tersebut terhadap nasib kanak-kanak di ladang. PKBM ini merupakan suatu tindak balas terhadap banyaknya kejadian penganiayaan serta keterabaian kanak-kanak di ladang termasuklah kes rogol terhadap kanak-kanak di bawah umur (Firdaus, 19 Mac 2018). Idea penubuhan PKBM ini dicetuskan oleh Encik Firdaus sendiri pada tahun 2006, namun hanya mula beroperasi pada tahun 2008 di Kampung Biaring, Keningau. PKBM berkembang di beberapa ladang di Lahad Datu dan Tawau. Sistem pendidikan yang diperkenalkan di sekolah ini adalah selaras dengan sistem pendidikan Indonesia dan pelajar layak menduduki ujian nasional mengikut paket A, B dan C, seperti amalan pendidikan di Indonesia.

Kanak-kanak Kelas 1 sehingga 6 SD dan SMP belajar dalam satu kelas yang sama disebabkan kekurangan guru dan pelajar. Guru menggunakan kreativiti dalam memastikan penyampaian pembelajaran dalam satu kelas sama kepada tingkat pelajar yang berbeza. Kelas yang ditempati oleh pelajar ini merupakan bekas stor baja yang telah diubah suai menjadi kelas. Pelajar Kelas 6 akan menduduki ujian paket A. Manakala SMP Kelas 3 akan menduduki ujian paket B dan SMA akan menduduki ujian paket C. Kelulusan bagi setiap ujian ini adalah diiktiraf oleh kerajaan Indonesia dan ujian ini akan dilakukan secara serentak dengan ujian nasional di Indonesia.

Pelajar di PKBM ini memakai pakaian seragam sekolah Indonesia berwarna merah putih serta buku pembelajaran juga didatangkan khas dari Indonesia. Setiap pelajar yang bersekolah di sini dikenakan yuran sebanyak RM15 per murid. Bayaran yuran tersebut dikenakan bagi setiap pelajar untuk tujuan menampung gaji guru dan buku tambahan serta hal petadbiran. Walau bagaimanapun, yuran tersebut menjadi alasan sebahagian warga asing untuk tidak menghantar anak mereka bersekolah di PKBM.

Humana

Tujuan utama Humana adalah bagi memastikan kanak-kanak mendapatkan pendidikan yang sempurna dan tidak tertinggal daripada arus pendidikan. Dengan adanya sekolah ini, maka kanak-kanak tidak

menghabiskan masa dengan perkara yang tidak berfaedah dan menjadi buruh kanak-kanak. Pelajar di sekolah ini akan menduduki peperiksaan mengikut Paket A untuk Darjah 6, Paket B untuk SMP dan Paket A untuk SMA. Semua ujian ini akan dilaksanakan serentak dengan ujian nasional di Indonesia.

Humana merupakan salah sebuah pusat pembelajaran alternatif kepada kanak-kanak asing di kawasan kajian. Humana ditubuhkan bagi memberikan kemudahan pembelajaran kepada kanak-kanak asing di ladang. Kokurikulum yang dilaksanakan di Humana adalah berdasarkan kokurikulum pendidikan Malaysia meskipun pelajar terdiri daripada kanak-kanak asing WNI dan Filipina. Humana memberikan pendidikan kepada kanak-kanak bermula dari Darjah 1 sehingga Darjah 6. Bagi pelajar WNI, mereka diberi peluang untuk menduduki Paket A apabila Darjah 6 bagi melayakkan mereka untuk menyambung pelajaran ke SMP Kelas 1 di CLC yang berdekatan.

Faktor Mendorong Kepada Kewujudan KKTD

Menurut Morehouse & Blomfield (2011) terdapat lapan asas kepada kewujudan *irregular migrants* antaranya adalah, masuk secara haram melalui pintu masuk yang tidak diwartakan, penggunaan dokumen palsu, pemalsuan maklumat, tinggal lebih masa, lahir secara tidak teratur, dan gagal meninggalkan negara apabila diarahkan meninggalkan negara. Berikut merupakan kes biasa dilanggar oleh kebiasaan migran dewasa. Namun bagi kes kanak-kanak tidak berdokumen di kawasan kajian pula didapati ada beberapa faktor yang mendorong kepada kewujudannya.

Ibu Bapa PATI dan Anak tidak berdokumen

Salah satu penyumbang kepada kewujudan kanak-kanak tidak berdokumen di kawasan kajian adalah disebabkan oleh status orang tua yang sememangnya PATI. Kemudian secara tidak langsung kanak-kanak juga menyandang status PATI. Terdapat dua keadaan yang membolehkan wujudnya kanak-kanak tidak berdokumen yang disebabkan oleh ibu bapa PATI itu sendiri;

a. Kelahiran di Malaysia

Walaupun kanak-kanak Indonesia lahir di Malaysia, namun kerana disebabkan status orang tua yang sememangnya PATI telah menyebabkan kanak-kanak tersebut secara tidak langsung adalah kanak-kanak PATI. Keadaan ini bertambah parah apabila kanak-kanak tersebut tidak mempunyai sebarang dokumen kerana kekhuatiran orang tua untuk mendaftarkan bayi di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

berdekatan mahupun pejabat Konsulat Jeneral Republik Indonesia (KJRI) yang berdekatan bagi tujuan mewujudkan pengenalan peribadi. Jika dibiarkan pada akhirnya kanak-kanak akan membesar dengan identiti yang tidak jelas dan akan menyukarkan pihak berkuasa untuk mengenalpasti kewarganegaraan sebenar apabila ditahan atau sekiranya berurusan dengan pihak KJRI. Seperti yang diceritakan oleh Aris (17 Tahun) yang lahir di Kalabakan namun membesar tanpa sebarang dokumen kerana orang tua yang juga berstatus *irregular migrant*.

*Aku lahir di Kalabakan, orang tuaku ndak urus
dokumenku dari aku kecil (Aris, 7 Mac 2018).*

Aris telah ditahan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) atas kesalahan tidak mempunyai dokumen dan kini dalam proses untuk menunggu perintah usir dan proses pendataan daripada pihak KJRI. Aris telah ditahan oleh pihak polis kerana positif dadah jenis syabu. Dia telah berjinak-jinak dengan syabu sejak umurnya 16 tahun atas sebab pengaruh kawan yang sama-sama tidak bersekolah. Kerana tiada dokumen dan tinggal di ladang maka masa kecil dihabiskan tanpa mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Sehingga umur 15 tahun barulah dibenarkan untuk bekerja sebagai “tukang spray” dengan gaji RM600 sebulan di sebuah ladang di Kalabakan. Selama 17 tahun di Malaysia tanpa dokumen Aris telah beberapa kali berulang alik ke Indonesia secara *illegal* melalui Sungai Kalabakan ke Nunukan.

Sama halnya dengan yang diceritakan oleh tahanan PTS lain iaitu Saripah (27 Tahun). Saripah telah melahirkan anak di Sin Onn, anaknya dilahirkan di rumah dengan bantuan bidan kampung. Saripah memilih untuk melahirkan di rumah kerana berstatus PATI dan takut untuk berurusan di hospital kerajaan. Saripah telah masuk ke Tawau melalui “batu-batu” dari Aji Kuning Indonesia dengan bantuan orang tengah. Anaknya yang kini berusia 4 tahun (Nursafikah) tinggal dengan suaminya semenjak dia menjalani hukuman penjara atas kesalahan tidak memiliki sebarang dokumen (PATI). Dia ditangkap ketika serbuan daripada pihak berkuasa kerana tidak memiliki sebarang dokumen sah (Saripah, 7 Mac 2018).

Keadaan ini menunjukkan bahawa, status orang tua PATI secara tidak langsung menyebabkan anak mereka tidak mempunyai sebarang dokumen dan tidak didaftarkan untuk tujuan mewujudkan pengenalan peribadi. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak membesar tanpa

pengenalan diri yang pada akhirnya akan menyusahkan anak itu sendiri dan juga pihak penguatkuasa dalam urusan pengenalpastian kewarganegaraan.

b. Lahir di Negara Asal

Terdapat juga kes dimana kanak-kanak tersebut lahir di negara asal namun pada usia muda dibawa bersama oleh orang tua ke Malaysia dengan cara tidak teratur, iaitu melalui pintu masuk yang tidak diwartakan dan masuk tanpa menggunakan sebarang dokumen, seperti pasport. Berdasarkan maklumat daripada responden yang ditemubual, terdapat kanak-kanak yang dibawa masuk oleh orang tua melalui "samping", iaitu tidak melalui CIQS sebaliknya melalui jalan yang tidak diwartakan, seperti Jumasni (18 Tahun) yang telah masuk ke Malaysia pada umur 10 tahun bersama orang tua melalui "batu-batu" Tawau, seperti yang dituturkan oleh kedua responden berikut.

Aku lahir di Bone, umur 10 tahun aku masuk dari samping limpas batu-batu, ada yang atur sampai Lahad Datu, kami bayar saja (Jumasni, 7 Mac 2018).

Sama halnya dengan Aslan, (16 Tahun) yang merupakan salah seorang tahanan di PTS:

Aku lahir di Kalaka, Sulawesi Tenggara, aku masuk dengan mamaku limpas batu-batu waktu umurku 14 tahun (Haris, 7 Mac 2018).

Aslan ditahan bersama makciknyanya dalam satu Operasi Bersepadu. Kanak-kanak ini ditangkap kerana telah memasuki Malaysia pada usia 14 tahun secara haram bersama ibunya melalui pintu masuk yang tidak diwartakan yang dipanggil 'batu-batu'. Dengan menggunakan khidmat orang tengah maka mereka dibawa masuk dan diberi jaminan akan sampai ke tempat yang dituju. Selama berada di Malaysia sebagai PATI kanak-kanak, Aslan telah bekerja sebagai buruh yang ditugaskan untuk menyabit yang dilakukan secara pajak dengan pendapatan RM 1,400 hingga RM 1,500 perbulan. Pendapatan yang diperolehinya akan dikirim ke kampung (Sulawesi) untuk membeli motor (Aslan, 7 Mac 2018).

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh kedua-dua responden di atas, didapati bahwa kewujudan kanak-kanak tidak

berdokumen ini juga turut dipicu oleh sikap orang tua yang mana turut melibatkan kanak-kanak mereka ketika masuk secara haram ke negara. Kanak-kanak didedahkan dengan risiko dengan cara masuk ke Malaysia secara haram tanpa sebarang dokumen yang pada akhirnya kanak-kanak hidup dalam kesusahan kerana tidak mempunyai dokumen yang membolehkan mereka hidup seperti kanak-kanak lain.

Ibu Bapa Berdokumen Sah Tetapi Anak Tidak Berdokumen

Bagi kes lain pula, terdapat keadaan dimana kanak-kanak tidak berdokumen walaupun ibu atau bapa atau kedua-dua orang tuanya adalah warga asing yang sah, namun anak-anak dibiarkan tanpa sebarang dokumen yang sah. Keberadaan warga asing di Malaysia dan kemudian melahirkan anak di Malaysia adalah tidak menjadikan anak tersebut automatik menjadi warganegara sebaliknya akan mengikut status semasa orang tua.

a. Lahir di Malaysia

Selaras dengan peraturan imigresen yang terkandung dalam Pekeliling Imigresen Malaysia Bil. 24 Tahun 1998 yang berkuatkuasa di Sabah, pekerja asing yang memegang PLKS di Sabah tidak dibenarkan berkahwin dan membawa tanggungan, dan bagi mana-mana wanita yang berstatus buruh atau PLKS atau Pembantu Rumah Asing yang didapati mengandung, maka buruh asing tersebut tidak dinyatakan sihat (*unfit*) dan disyorkan untuk keluar dari negara ini dengan cara mendapatkan *Check Out Memo* (COM) daripada jabatan imigresen terdekat. Ini menunjukkan bahawa sistem pengurusan pekerja asing di Sabah tidak membenarkan pekerja asing untuk melahirkan anak di negara ini untuk tujuan pencegahan daripada wujudnya ramai kanak-kanak tidak berdokumen.

Namun hasil daripada temubual, didapati terdapat pekerja asing yang status pasnya masih sah namun telah melahirkan anak di Sabah, seperti halnya Ramadani (19 Tahun). Ramadani telah dilahirkan di Malaysia namun tidak pernah mempunyai sebarang dokumen sedangkan orang tuanya merupakan pekerja asing yang sah di sebuah ladang di Sabah. Sehingga dia berkahwin dan melahirkan anak, kemudian anaknya juga turut tidak mempunyai dokumen yang sah walaupun suaminya merupakan warganegara. Namun suaminya juga tidak mahu menguruskan dokumennya, maka dia dan anaknya hidup sebagai PATI. Antara sebab yang mendorong ketiadaan dokumen yang sah terhadap

anak yang dilahirkannya adalah dia dipaksa berkahwin pada usia 16 tahun (Ramadani, 7 Mac 2018).

b. Lahir di Negara Asal

Penyebab lain kepada kewujudan kanak-kanak tidak berdokumen ini adalah walaupun orang tua mempunyai dokumen yang sah, namun ibu bapa nekad membawa masuk anak mereka ke Malaysia secara tidak sah. Seperti yang diakui oleh Nursiah, sebelum ditahan di PTS Tawau, Nursiah masuk ke Malaysia secara sah dan pernah bekerja sebagai perbantu rumah asing yang sah sehingga 2017. Nursiah telah membawa sekali anaknya yang berumur 13 tahun (Randi) pada tahun 2012 melalui CIQS Tawau seperti kenyataannya:

Anakku umur 13 tahun aku bawa masuk limpas kastom, cop paspor di imigresen tapi anakku tidak ada passport dan ndak kedapatan (Nursiah, 7 Mac 2018).

Ini menunjukkan bahawa kelemahan sistem di pintu masuk telah menyebabkan kanak-kanak tidak berdokumen ini tidak diperiksa dan berjaya membolosi kawalan pintu masuk. Kanak-kanak kemudiannya tinggal dan membesar di Sabah dan menyandang status tidak berdokumen atau PATI.

Aris bin Bacho yang berumur 17 Tahun telah ditahan dan ditangkap di Kalabakan kerana didapati menggunakan dadah jenis syabu, kanak-kanak ini telah berjinak-jinak dengan syabu ketika berumur 16 tahun. Setelah menjalani hukuman penjara selama 3 bulan, kanak-kanak ini diserahkan ke Jabatan Imigresen untuk dideportasi ke negara asal. Kanak-kanak ini lahir di Kalabakan namun tidak pernah memiliki sebarang dokumen pengenalan diri. Oleh kerana itu juga Aris tidak pernah bersekolah kerana masalah tiada dokumen dan belum ada fasiliti pendidikan di ladang tempatnya membesar. Pada usia 15 tahun kanak-kanak ini telah menjadi buruh yang ditugaskan sebagai penyembur racun dengan digajikan sebanyak RM600. Oleh kerana ibu dan bapanya telah bercerai maka dia bergantung hidup dengan ibunya yang juga merupakan pekerja yang berstatus PATI. Dengan membesar dengan status kanak-kanak PATI tidak menghalangnya untuk beberapa kali berulang alik ke Indonesia secara haram melalui Sungai kalabakan (Aris, 7 Mac 2018).

Keperluan Kanak-Kanak Bersama Ibu Bapa

Keputusan orang tua untuk membawa kanak-kanak dalam migrasi merupakan suatu keputusan yang amat berat kerana beban dan risiko yang dihadapi amatlah berat. Namun begitu, keperluan biologi dan psikologi, maka ramai pekerja asing berkahwin seterusnya melahirkan anak di Malaysia meskipun syarat melanggar peraturan yang telah ditetapkan kepada pekerja asing. Tidak kurang juga pekerja asing yang membawa anak mereka berhijrah bersama-sama ke Malaysia kerana tidak mahu meninggalkan anak mereka di negara asal tanpa jagaan sama ada melalui jalur sah mahupun jalan tikus yang tidak diwartakan.

Kanak-Kanak Terbiar Tanpa Ibu Bapa di Negara Asal

Membawa bersama kanak-kanak dalam proses migrasi merupakan suatu keputusan yang amat berat kerana warga asing yang membawa anak ke Sabah sememangnya mengetahui risiko yang akan dihadapi, iaitu kanak-kanak akan menjadi PATI sebaik sahaja pas meraka tamat, begitu juga bagi mereka yang datang dan masuk melalui pintu masuk yang tidak diwartakan. Antara alasan yang ibu bapa sanggup membawa anak mereka bersama ketika bermigrasi adalah ketiadaan keluarga di kampung halaman yang mahu atau rela menanggung beban untuk menjaga anak mereka. Keadaan ini yang menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk membawa bersama anak bagi mengelakkan anak mereka terbiar di kampung halaman tanpa jagaan. Tambahan pula berpisah dengan orang tua meyebabkan kanak-kanak berasa takut hidup bersedirian (Meir *etl all*, 2012). Seperti yang dituturkan oleh Asmuni (8 Jun 2018) bahawa faktor utama yang mendorongnya untuk membawa 2 orang anaknya ke Malaysia adalah kerana umur anaknya yang masih kecil ketika awal perantauan dan tiada siapa yang boleh menjaga anaknya di kampung asal. Asmuni telah masuk ke Malaysia melalui pintu masuk sah bersama anaknya, namun anaknya berjaya masuk tanpa menggunakan sebarang pas.

Ancaman dan Cabaran KKTD

Walaupun terdapat usaha oleh pelbagai pihak sama ada kerajaan, bukan kerajaan bahkan kedutaan masing-masing namun masih terdapat kanak-kanak yang tercicir dari pendidikan disebabkan oleh kesedaran oleh ibu bapa yang kurang, terdapat KKTD di ladang yang sepatutnya bersekolah, namun sebaliknya ditugaskan oleh ibu bapa menjaga adik mereka memandangkan kedua ibu bapa turut bekerja sebagai buruh ladang. Akibatnya kanak-kanak tersebut tidak dibenarkan bersekolah. Selain daripada itu, terdapat juga ibu-bapa yang menggalakkan dan merelakan

anak mereka bekerja sebagai buruh kanak-kanak bagi membantu menambahkan pendapatan keluarga. Antara kerja yang dilakukan oleh kanak-kanak adalah seperti mengutip biji buah sawit dengan upah yang akan dibayar berdasarkan perguni yang penuh.

Selain daripada itu antara pekerjaan lain adalah sebagai penyembur racun di ladang. Secara tidak langsung apa yang dilakukan oleh ibu-bapa dan syarikat adalah bertentangan dengan Undang-Undang Buruh Menurut ILO (1998), buruh kanak-kanak adalah suatu bentuk penafikan hak kepada pendidikan dan peluang untuk mencapai hak secara fizikal dan pertumbuhan psikologikal (ILO, 2002). Manakala menurut Chandra (2009) bahawa buruh kanak-kanak merupakan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti yang menjana pendapatan sama ada dilakukan sendiri ataupun mendapat sokongan keluarga yang secara mahupun tidak langsung berkonflik dengan perkembangan dan pendidikan kanak-kanak terbabit.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya dapatlah kita fahami bahawa pendidikan merupakan hak bagi setiap insan di sebuah negara. Dalam konsep keselamatan insan, setiap manusia haruslah bebas dalam mendapatkan apa yang dikehendakinya dan haruslah bebas daripada perasaan takut. Namun dalam konteks KKTD, pelbagai cabaran yang harus dihadapi oleh KKTD dalam memenuhi keperluan pendidikan. Keterbatasan dokumentasi menjadi halangan bagi mereka untuk bebas bergerak sepertimana kanak-kanak tempatan. Usaha pihak KJRI dalam menyediakan pendidikan merupakan suatu perkara yang harus dipuji dalam usaha memastikan setiap rakyatnya mendapat pendidikan meskipun memegang status tanpa dokumen di Malaysia. Usaha kerajaan Malaysia bagi memberi kebenaran pihak KJRI membuka SIKK,CLC, Humana serta PKBM merupakan tanda komitment kerajaan dalam memenuhi Akta Pendidikan 1996, Undang-undang Sistem Pendidikan Indonesia dan Konvensyen Hak Anak oleh PBB. Namun begitu, selain daripada usaha kerajaan dan NGO dalam memastikan kanak-kanak tidak tertinggal dari segi pendidikan, ibu bapa hendaklah memainkan peranan penting dan menanamkan kesedaran terhadap pentingnya pendidikan bagi anak-anak mereka meskipun tidak memiliki dokumen.

Rujukan

Acharya, A. 2001. Human Security: East Versus West. *International Journal*. Vol. 56(3). Hlm. 442-460. <https://doi.org/10.1063/1.2978249>.

- Akta Pendidikan 1996. 2012. Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.
- Bajpai, K. P. 2000. Human Security: Concept and Measurement. *Kertas Kerja*. Kroc Institute Occasional Paper #19:OP:1.
- Buendia, R. G. 2005. The State-Moro Armed Conflict in the Philippines Unresolved National Question or Question of Governance? *Asian Journal of Political Science*. Vol. 13(1). Hlm. 109-138.
- Buzan, B. 1991. New Patterns of Global Security in the Twenty-first Century. *International Affairs*. Vol. 67(3). Hlm. 431-451. <https://doi.org/10.2307/2621945>.
- Chandra, A. 2009. Child Labor-A Study from Anthropological Perspective with Special Reference to Glass Industry, Firozabad. *The Anthropologist*, Vol. 11(1). Hlm. 15-20.
- Creswel, J. W. 2009. Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches. Los Angeles: University of Nebraska-Lincoln.
- Grootaert, C., & Kanbur, R. 1995. Child Labour: An Economic Perspective. *International Labour Review*. Vol. 134. No. 2.
- ILO (International Labour Organization). 2002. *Annotated Bibliography on Child Labour*. Geneva: International Labour Organization.
- Intan Suria, H., & Sity, D. 2016. Implikasi Kemasukan Pekerja Asing Di Malaysia : Suatu Tinjauan Awal. *Sains Insani*. Vol. 1. Hlm. 69-77.
- Koser, K. 2005. Irregular Migration, State Security and Human Security. *Kertas Kerja*. Global Commission on International Migrant. University College London.
- Meir, Y., Slone, M., Levis, M., Reina, L., & Livni, Y. B. D. 2012. Crisis intervention with children of illegal migrant workers threatened with deportation. *Professional Psychology: Research and Practice*. Vol. 43(4). Hlm. 298-305. <https://doi.org/10.1037/a0027760>.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Ibno Azli Ibrahim & Azizah Kassim. 2016. Impak Migrasi Pelarian Muslim Filipina Terhadap Survival Politik Muslim Sabah (1963-2013). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Vol. 3(2).
- Newman, E. 2010. Critical human security studies. Review of International Studies, 36(01), 77. <https://doi.org/10.1017/S0260210509990519>.
- OECD. 2014, *International Migration Outlook 2014*. OECD Publishing: Paris.
- Othman Lebar. 2014. Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod. Tanjung Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Rachagan, S. S., & Dorall, R. F. 1981. The Conflict in Mindanao: Perspective from South of the Border. *Agham-Tao*. Vol. 4(2).
- Ramli Dollah, & Kamarulnizam Abdullah. 2017. Wacana Hegemoni dan Dasar Pekerja Asing di Malaysia: Kajian Kes ke atas Persaingan Elit Pemerintah dan Towkays di Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Vol. 5. Hlm. 63-81.
- Suraya Sintang. 2013. Sejarah dan Budaya Bugis di Tawau, Sabah. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/02/393911/3477-pati-diusir-dari-sabah-tahun-ini>. Diakses pada 16 Nov 2018.
- Shinoda, H., & Jeong, H. 2004. Introduction: Conflict, Human Security and Peace-building. IPSHU English Research Report Series No.19, (19), 1-4.
- Vietti, F., & Scribner, T. 2013. Human Insecurity: Understanding International Migration from a Human Security Perspective. *Journal on Migration and Human Security*, 1(1), 17-31.
- Women's Refugee Commission. 2012. Children in Immigration Detention in the U.S., (September), 1-3. Retrieved from womensrefugeecommission.org.

Sejarah Penyelidikan dan Inventori Data Arkeologi Sabah

Zainuddin Baco¹

Nelly Majinus²

Manuskrip diterima: 13 Oktober 2019

Diterima untuk penerbitan: 15 Oktober 2019

¹ Pensyarah di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: zainuddinbaco@gmail.com

² Graduan Ijazah Sarjana, Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: nellymajinus89@gmail.com

Abstract

This study examines the history of archaeological research and archaeological data in Sabah from 1952 to 1972. The historical research of archaeological research will be examined based on three main phases. The subdivision of this phase is in line with the objectives, methodologies and practices of archaeological research. In terms of archaeological data, the distribution of data is based on two important stages, the cultural level and the level of archaeological data. Methods of collecting archaeological data were conducted through library studies, interviews, and fieldwork at archaeological sites. The method of archaeological data analysis is to make a comparative analysis and content analysis of all available sources. The results of this study are expected to highlight an archaeological data inventory system in Sabah and assist the Sabah Museum Department in providing a specialized inventory or database for assessing and preserving archaeological sites.

Keywords: Archaeological Data, Inventory Data

Abstrak

Kajian ini mengupas tentang sejarah penyelidikan arkeologi dan penginventorian data arkeologi di Sabah dari tahun 1952 sehingga 1972. Penelitian sejarah penyelidikan arkeologi akan diteliti berdasarkan tiga fasa utama. Pembahagian fasa ini adalah selaras dengan objektif, metodologi dan pihak yang melaksanakan penyelidikan arkeologi. Manakala dari segi inventori data arkeologi, pembahagian data dibuat berdasarkan dua tahap penting iaitu tahap kebudayaan dan tahap kelengkapan data arkeologi. Kaedah pengumpulan data arkeologi dilakukan menerusi kajian perpustakaan, temu bual dan kerja lapangan di tapak arkeologi. Kaedah analisis data arkeologi pula adalah dengan membuat analisis pebandingan dan analisis kandungan ke atas kesemua sumber yang telah diperolehi. Hasil kajian ini diharap dapat mengetengahkan sebuah system inventori data arkeologi di negeri Sabah dan membantu Jabatan Muzium Sabah dalam menyediakan sebuah inventori atau pangkalan data khusus untuk menilai dan melindungi tapak arkeologi.

Kata Kunci: Data Arkeologi, Inventori Data

Pengenalan

Data arkeologi merupakan asas kepada sebuah penyelidikan arkeologi. Data ini juga merupakan salah satu bentuk data primer kerana belum ditafsir, diubah, dimanipulasi atau dianalisis. Data arkeologi yang diperolehi akan mempengaruhi kuantiti dan keberkesanan kualiti sebuah penyelidikan (Manohar, 2004:3). Secara umumnya terdapat dua ciri data arkeologi iaitu data ruangan dan juga data atribut (Tarmiji dan Mokhtar, 2015:178). Data ruangan merupakan data yang merujuk kepada maklumat lokasi, seperti lokasi tapak dan artifak. Manakala data atribut pula adalah data berkaitan artifak, fitur dan ekofak.

Inventori data merupakan satu proses penyenaian data atau item secara terperinci yang menyokong mana-mana organisasi (Kerbel dan Dreckshage, 2011:108; Bronack, 2012:5). Penginventorian ini dilakukan terhadap sejumlah data atau maklumat yang banyak (Gallego, *et. al.*, 1996: 580). Dalam arkeologi, inventori penting untuk merekod sebarang material, objek atau data arkeologi (Bedell, 2000: 223). Segala data mengenai tapak arkeologi yang diperolehi diterjemahkan menjadi maklumat dalam satu inventori (*US Department of Transportation*, 2013: 4). Inventori dapat memberikan maklumat yang mana ianya boleh

disimpan, diproses dan dianalisis. Inventori yang sistematik merupakan gabungan komponen bagi mengumpul maklumat, merancang, menganalisis, pengurusan yang lebih cekap dan berkesan (Tarmiji dan Mokhtar, 2015:178). Tuntasnya penginventorian data arkeologi ini akan membantu organisasi dalam usaha memantau, mengira, mengawal, mengelola, dan merancang dengan lebih berkesan, teratur dan cekap, membantu mencapai matlamat agar dapat menjadikan kerja lebih teratur, sistematik dan efisien sekaligus memberikan maklumat keseluruhan mengenai jumlah dan kondisi data arkeologi (Yi Wen, 2011: 181).

Setelah hampir seabad penyelidikan arkeologi di Sabah, masih belum terdapat sebarang bentuk pangkalan data atau penginventorian data dilakukan oleh Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS). Oleh itu, kertas kerja cuba mengetengahkan sebuah inventori data arkeologi di negeri Sabah berdasarkan dua tahap kriteria iaitu tahap kebudayaan dan tahap kelengkapan data arkeologi.

Sejarah Penyelidikan Arkeologi di Sabah

Sejarah penelitian dan penyelidikan arkeologi di Sabah adalah seiring dengan perkembangan institusi permuziuman. Ekoran keterbatasan sumber kewangan dan kepakaran yang dialami oleh JMNS, menyebabkan perkembangan kajian dan penyelidikan lebih perlahan berbanding kajian lain. Malah, kajian arkeologi terawal yakni bermula pada tahun 1952 menerusi survei dan ekskavasi yang dilakukan oleh Tom dan Barbara Harrison dengan kerjasama JMNS dan Jabatan Muzium Sarawak sebenarnya dilakukan dalam konteks bidang geologi (Jeffrey, 2013). Hanya sekitar tahun 1980-1984, penyelidikan dalam konteks arkeologi mula dilakukan dengan kaedah yang lebih sistematik dan saintifik. Tuntasnya, kajian dan penyelidikan arkeologi di Sabah dapat dibahagikan kepada tiga fasa utama, iaitu; Fasa 1: 1952-1972; Fasa 2: 1972-1992; dan, Fasa 3: 1993-2005.

Jadual 1: Kronologi Penyelidikan Arkeologi berdasarkan Fasa

Fasa I: 1952-1971	
1952	▪ Penyelidikan arkeologi Sabah bermula pada tahun 1952 dengan penglibatan Tom dan Barbara Harrison terhadap penerokaan Gua di Sabah. Penerokaan terhadap tapak arkeologi yang berpotensi ini merupakan kajian kesinambungan daripada hasil ekskavasi gua yang terdapat di Sabah

(Harrison, 1965:244).	
1960an	▪ Kajian dan penyelidikan lebih berfokus kepada arkeologi. ▪ Tom dan Barbara mula menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan arkeologi. Data arkeologi dikumpulkan menerusi survei dan ekskavasi tapak, penelitian ke atas artifak, dokumentasi cerita dan tradisi lisan, teks dan lain-lain. Antara tapak arkeologi yang direkodkan oleh Tom dan Barbara adalah seperti tapak terbuka estet Temenggong, Gua Tapadong, Sungai Segama, Gua Madai dan Baturong (Harrison, 1967:146; Chong, 1966: 172).
1971	▪ Pada tahun 1971 dengan terbitnya hasil kajian iaitu <i>The Prehistory of Sabah</i> dalam monograf yang diterbitkan oleh Muzium Sabah.
Fasa II: 1972- 1992	
1972	▪ JMNS telah meneruskan kajian dan penelitian data dan tapak arkeologi di Sabah. Individu penting yang meneruskan penyelidikan arkeologi adalah Madeleine Piper (Jabatan Muzium Sabah, 1983;1989). Beliau telah mengajar dan membantu para staf JMNS menjalankan aktiviti penyelidikan arkeologi yang lebih sistematik.
1978	▪ JMNS telah mula menjalankan penyelidikan arkeologi sendiri. Antara tapak penyelidikan yang terlibat adalah Tingkayu, Darvel Bay, Gua Madai, Gua Baturong dan Batu Berukir Tomani, Batu Tulug, Gua Tapadong (Jabatan Muzium Sabah, 1978; 1979; Borneo Mail, 9 Jun 1993).

1980an	▪ Aktiviti penyelidikan diteruskan oleh Peter Bellwood. Bermula dengan kerjasama JMNS dengan Australia National University, Canberra (ANU) di Tingkayu. Penyelidikan arkeologi yang dijalankan oleh beliau dengan bantuan daripada staf JMNS lebih tertumpu di kawasan Pantai Timur Sabah (Gua Madai dan Baturong). Kajian beliau <i>Archaeological Research in South-Eastern</i> telah diterbitkan dalam monograf JMNS pada tahun 1988.
Fasa III: 1993- 2015	
1993	▪ Penglibatan Universiti Sains Malaysia (USM) oleh Mokhtar Saidin di Tingkayu dan Stephen Chia dengan kerjasama JMNS di Bukit Tengkorak. ▪ Kajian dan ekskavasi tapak arkeologi yang melibatkan kerjasama antara USM dengan JMNS seterusnya dilakukan di Tingkayu dan Gua Baturong. Kajian yang dilakukan adalah susulan kajian terdahulu yang dilakukan oleh Peter Bellwood. Hasil kajian berjaya menemui dan membuktikan bengkel pembuatan alatan batu Paleolitik yang berusia 72,000 tahun dahulu (Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, 2014:6).
1994 - 1995	▪ Kajian di Bukit Tengkorak diteruskan oleh USM dengan kerjasama JMNS (Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, 2014:5). Hasil ekskavasi dan analisis artifak di kawasan ini berjaya menemui beberapa bukti kesan peninggalan manusia zaman prasejarah (Borneo Mail, 7 Julai 1994). Antara yang ditemui adalah abu daripada pembakaran, serpihan tembikar, peralatan batu, kulit kerang dan sisa makanan tulang ikan dan binatang (Daily Express, 6 Jun 1995). ▪ Kerja-kerja ekskavasi fasa II ini merupakan projek Muzium Sabah yang mendapat kerjasama daripada USM dan dijalankan mulai 7 - 24 April 1995 (Daily Express, 6 Jun 1995). ▪ Kajian tapak arkeologi Bukit Tengkorak yang bermula pada tahun 1994 masih dijalankan sehingga kini dengan kerjasama daripada JMNS, Jabatan Warisan Negara (JWN), Pusat Penyelidikan

Arkeologi Global (PPAG).	
2003 - 2004	▪ Kajian arkeologi bawah air di Tanjung Simpang Mengayau oleh kumpulan penyelidik daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama JMNS, Jabatan Muzium dan Antikuiti (JMA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
2004-2015	▪ Penglibatan Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo (UPArk) Ums, di Pulau Bangi (2007), Pulau Balambangan (2010), Ulu Tomani (2013), Kimanis (2014), dan Long Pasia (2016) (Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo, 2015).

Sumber: Harrison, 1965:244; Harrison, 1967:146; Chong, 1966: 172; Jabatan Muzium Sabah, 1978; 1979; 1983;1989; *Borneo Mail*, 9 Jun 1993; Mokhtar, 2014:6; Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, 2014; *Borneo Mail*, 7 Julai 1994; *Daily Express*, 6 Jun 1995.

Jika diamati, perkembangan kajian dan penyelidikan arkeologi di Sabah sememangnya perlahan berbanding dengan negeri lain. Isu keterbatasan sumber, karenah birokrasi dan pelbagai isu dalaman JMNS telah menyebabkan kajian dan penyelidikan arkeologi di Sabah hanya dilakukan menerusi menerusi kerjasama dengan institusi dan agensi daripada dalam dan luar negara. Tuntasnya, sejarah kajian dan penyelidikan arkeologi di Sabah dapat ditelusuri menerusi tiga fasa utama. Kajian dan penyelidikan arkeologi semasa fasa pertama (1952-1971) yang dijalankan oleh Tom dan Barbara Harrison. Meskipun kajian yang dijalankan tidak menyeluruh dan tidak sistematik dalam konteks penyelidikan arkeologi. Namun, hasil kajian yang telah dilakukan oleh mereka merupakan data dan rekod arkeologi terawal berkaitan pengetahuan zaman prasejarah di Sabah. Kajian dan penyelidikan semasa fasa kedua (1972-1992) yang diketuai dan dijalankan oleh Peter Bellwood merupakan asas kepada kajian arkeologi yang lebih sistematik dan saintifik berbanding fasa sebelumnya. Penemuan dan hasil kajian yang telah dilakukan telah didokumentasikan dan secara tidak langsung menyumbang kepada pengetahuan, perekodan data arkeologi serta input kepada proses penginventori data arkeologi. Fasa terakhir (1993-2015) merupakan fasa yang memperlihatkan penglibatan institusi dan pakar penyelidikan tempatan dalam kajian arkeologi. Kajian yang dilakukan juga lebih sistematik dan saintifik.

Inventori Tapak Arkeologi di Sabah

Dalam konteks penginventorian data arkeologi di Sabah, belum terdapat sebarang model atau alat kajian khusus bagi meneliti atau menyusun data arkeologi secara sistematik dan efisien. Hasil temu bual dan pemerhatian terhadap data arkeologi yang disimpan di JMNS mendapati bahawa data arkeologi yang disimpan hanya dalam bentuk dokumen bertulis yang tidak lengkap dan tidak tersusun. Ekoran daripada hal ini, set penginventorian data arkeologi Sabah yang bersifat digital dan dalam bentuk pangkalan data perlu diketengahkan untuk memastikan maklumat dan data arkeologi tersebut tidak hilang. Lantaran itu, penginventorian yang bakal dilakukan akan menekankan dua aspek penting iaitu hubungan data arkeologi berdasarkan tahap kebudayaan zaman (Jadual 3) dengan lokasi tapak. Kedua, hubungan data arkeologi berdasarkan tahap kelengkapan data (Jadual 4). Maklumat daripada hasil inventori ini diharap menjadi asas untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pengurusan data arkeologi sedia ada dan mempelajari kaedah penambahbaikan untuk mencapai suatu bentuk pengurusan data arkeologi yang berkesan dan menyeluruh. Set inventori data arkeologi yang bakal dikemukakan juga dapat memperkukuhkan pengurusan data dan tapak arkeologi di Sabah dan seterusnya mampu mencapai matlamat yang telah digariskan oleh JMNS. Berdasarkan hasil penelitian kajian perpustakaan ke atas rekod arkeologi dan dokumentasi penerbitan data arkeologi oleh para penyelidik terdahulu dan kerja lapangan yang dilakukan oleh Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo dengan kerjasama daripada JMNS dan Jabatan Warisan Negara (JWN), mendapati terdapat 274 tapak arkeologi dikenal pasti di 21 buah daerah di Sabah (Jadual 2).

Jadual 2: Data Tapak Arkeologi berdasarkan Daerah di Sabah

Daerah	Jumlah	Daerah	Jumlah
Lahad Datu	14	Spitang	25
Kunak	7	Tenom	6
Kinabatangan	31	Beaufort	2
Tawau	7	Tambunan	19
Semporna	10	Kota Belud	12
Sandakan	25	Pitas	2
Pensiangan	2	Kota Marudu	6
Papar	28	Kudat	12
Keningau	8	Tuaran	6
Kota Kinabalu	27	Ranau	5
Penampang	20		
Jumlah Keseluruhan Data Arkeologi			274

Sumber: (Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo, 2015)

Berdasarkan Jadual 2, Kinabatangan merupakan daerah yang mempunyai tapak arkeologi yang tertinggi iaitu 31 tapak (11%), diikuti Papar iaitu sebanyak 27 tapak (10%), Kota Kinabalu sebanyak 26 tapak (9.5%), Sipitang sebanyak 25 tapak (9%) Sandakan sebanyak 23 tapak (8.4%), Tambunan sebanyak 20 tapak (7.3%), Penampang dengan jumlah 18 tapak (7%), Lahad Datu sebanyak 14 tapak (5%), Kudat dan Kota Belud masing-masing sebanyak 12 tapak (4.4%), Semporna sebanyak 10 tapak (4%), Keningau dan Tenom juga mempunyai jumlah yang sama sebanyak 8 tapak (3%), Tawau sebanyak 7 tapak (2.5%), Kota Marudu dan Tuaran sebanyak 6 tapak (2.2%), Kunak sebanyak enam tapak (1.9%), Ranau sebanyak 5 tapak (2%), Pensiangan, Beaufort dan Pitas adalah sebanyak 2 tapak (0.7%). Jumlah keseluruhan tapak arkeologi yang adalah sebanyak 274 buah tapak dan melibatkan 21 buah daerah yang terdapat di Sabah.

Hasil analisis taburan tapak arkeologi di negeri Sabah jelas memperlihatkan bahawa sebahagian besar tumpuan pengkaji terdahulu adalah di bahagian pantai timur Sabah. Sebanyak 94 atau 34% tapak arkeologi direkodkan di enam daerah seperti Lahad Datu, Kunak, Kinabatangan, Tawau, Semporna dan Sandakan. Hal ini adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Peter Molijol (2014), iaitu kebanyakan tapak prasejarah lebih tertumpu di bahagian pantai timur Sabah terutamanya di bahagian perbukitan batu kapur di sepanjang sungai Kota Kinabatangan, Sungai Segama dan beberapa kawasan lain di bahagian pantai timur Sabah. Manakala di bahagian pendalaman dan pantai barat Sabah, tapak arkeologi lebih tertumpu kepada tapak daripada tahap kebudayaan megalitik, zaman Kesultanan Brunei dan pemerintah bebas. Sebagai contoh, 19 buah tapak megalitik yang terdapat di Tambunan. Hanya dua buah tapak prasejarah dikenal pasti dikawasan ini iaitu batu kapur di Keningau dan Batu Tinagas di Sapulut. Bahagian Kota Kinabalu dan Sandakan yang dahulunya merupakan bandar perlabuhan yang didirikan semasa zaman BNCC telah menyebabkan tinggalan tapak di kedua-dua kawasan ini lebih banyak kepada jenis tapak monumen (bangunan kolonial, Jepun dan tempatan). Di bahagian utara Sabah pula, hanya dua tapak arkeologi prasejarah dikenal pasti, manakala selebihnya merupakan tapak arkeologi bawah air, tapak megalitik dan tapak monument semasa zaman Kolonial (Jadual 4).

Jadual 3: Kategori Tahap Kebudayaan

Tahap	Ciri
Zaman Prasejarah	Terbahagi kepada tiga zaman, iaitu Paleolitik Neolitik dan Logam.
Zaman Tradisional	zaman semasa era dinasti China.
Zaman Kesultanan Brunei dan Pemerintah Bebas	Tempoh masa antara tahun 1600 sehingga 1881.
Tradisi Megalitik	Anggaran jangka masa tradisi ini wujud sekitar tempoh antara 3000 hingga 500 tahun SM
Zaman Kolonial	Tempoh masa antara tahun 1881 sehingga 1963

Sumber: Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo, 2015.


Jadual 4: Jumlah Tapak Arkeologi berdasarkan Tahap Kebudayaan

Tahap	Jumlah	Peratus
Paleolitik	17	6
Neolitik	8	3
Logam	3	1
Tradisional	29	11
Tradisi Megalitik	83	30
Brunei dan pentadbiran bebas	36	13
Kolonial	98	36
Jumlah	274	100%

Sumber: (Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo, 2015)

Rajah 1 menunjukkan jumlah keseluruhan data tapak arkeologi mengikut tahap kebudayaan. Zaman paleolitik mempunyai 17 buah tapak iaitu sebanyak 6% daripada jumlah keseluruhan tapak, zaman neolitik mempunyai 8 buah tapak (3%), zaman logam sebanyak tiga tapak (1%), zaman tradisional sebanyak 28 tapak (11%), tradisi megalitik sebanyak 82 tapak (30%), zaman kesultanan Brunei dan pentadbiran bebas sebanyak 36 tapak (13%) manakala zaman kolonial pula sebanyak 98 tapak iaitu bersamaan dengan 36% daripada 272 jumlah keseluruhan tapak.

Rajah 1: Data Tapak Arkeologi Mengikut Tahap Kebudayaan



Sumber: Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo, 2015.


Jadual 5: Tahap Kelengkapan Data

Tahap	Kriteria
Tahap 1 (Tidak Lengkap)	Penemuan Tidak Dilaporkan atau Sumber Lisan. Tapak hanya diketahui melalui maklumat daripada penduduk sekitar tapak dan belum terdapat sebarang proses tinjauan.
Tahap 2 (Kurang Lengkap)	Penemuan Dilaporkan dan Sumber Lisan Tapak telah dilaporkan kepada JMNS dan terdapat proses tinjauan. Namun, belum terdapat sebarang penyelidikan dilakukan ke atas tapak.
Tahap 3 (Sebahagian Lengkap)	Penemuan Dilaporkan dan Dokumentasi Penyelidikan Tapak telah dilaporkan kepada JMNS, terdapat penyelidikan dilakukan dan mempunyai rekod dokumentasi seperti laporan penyelidikan (data mentah).

Tahap 4 (lengkap)	Penerbitan Dokumentasi Penyelidikan Penerbitan Tapak yang ditemui telah dilaporkan kepada JMNS, mempunyai penyelidikan, terdapat dokumentasi penyelidikan dan terdapat penerbitan hasil penyelidikan dalam bentuk buku, jurnal, monograf dan juga artikel.
--------------------------	--

Sumber: Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo, 2015.

Rajah 2: Data Tapak Arkeologi Mengikut Tahap Kebudayaan dan Tahap Kelengkapan Data



Sumber: Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo, 2015.

Rajah 2 menunjukkan jumlah tahap skala pengukuran mengikut tahap kebudayaan. Tahap kebudayaan Paleolitik mempunyai 17 tapak dan Neolitik mempunyai lapan tapak, kesemuanya berada pada tahap pengukuran 4. Demikian juga Zaman Logam yang mempunyai tiga tapak yang semuanya berada pada tahap 4. Zaman tradisional pula mempunyai satu tapak pada tahap 1 dan 27 tapak di tahap 4 daripada 28 jumlah keseluruhan tapak zaman tradisional. Bagi zaman tradisi megalitik pula, enam tapak berada pada tahap 2, 16 tapak pada tahap 3 dan 60 tapak pada tahap 4 daripada 82 tapak jumlah keseluruhan. Daripada 36 jumlah keseluruhan tapak pada Zaman Kesultanan Brunei dan Pentadbiran Bebas, tiga tapak berada pada tahap 1, sembilan tapak pada tahap 2, tiga

tapak pada tahap 3 dan 21 tapak tahap 4. Pada zaman colonial, empat tapak berada di tahap 1, 24 tapak di tahap 2, 41 tapak di tahap 3 dan 29 tapak di tahap 4 daripada 98 tapak jumlah keseluruhan yang terdapat di Sabah.

Tuntasnya, hasil data yang dilakukan telah dikategorikan mengikut tahap kebudayaan iaitu Zaman Prasejarah (Paleolitik, Neolitik dan Logam), Zaman Tradisional, Zaman Tradisi Megalitik, Zaman Kesultanan Brunei dan Pentadbiran Bebas, dan Zaman Kolonial. Pembahagian ini bertujuan untuk memudahkan proses penginventorian tapak arkeologi berdasarkan konsep yang diaplikasikan oleh JMNS. Data arkeologi dari inventori kemudiannya dikategorikan kepada empat tahap mengikut kriteria (Rujuk Jadual 3.8). Hasil daripada pengukuran dan penilaian tahap-tahap data arkeologi, mendapati bahawa terdapat lapan tapak dikategorikan pada tahap 1, 39 tapak pada tahap 2, 60 tapak pada tahap 3 dan 165 tapak pada tahap 4 daripada 272 tapak jumlah keseluruhan. Dengan maklumat data lengkap dan tidak lengkap ini maka penyelidik dapat mengambil inisiatif bagi melengkapkan data dengan membuat lebih banyak penyelidikan dan penerbitan. Perkara ini penting kerana penginventorian ini membawa kepada potensi pengaplikasian AIS yang secara langsung membawa kepada bentuk` pengurusan arkeologi yang lebih efisien, sistematik dan selamat.

**Jadual 6: Tapak Arkeologi di Sabah Mengikut Tahap
Kebudayaan dan Pengukuran**

No.	Daerah	Tapak Arkeologi Tahap Kebudayaan Paleolitik	Tahap Pengukuran
1.	Lahad Datu	Tapak Mansuli	Tahap 4
2.	Lahad Datu	Gua Samang Buat	Tahap 4
3.	Lahad Datu	Estet Temenggong	Tahap 4
4.	Lahad Datu	Pusu Lumut, Gua Tapadong	Tahap 4
5.	Lahad Datu	Menteri	Tahap 4
6.	Lahad Datu	Makua	Tahap 4
7.	Lahad Datu	Permai	Tahap 4
8.	Kunak	Tingkayu	Tahap 4
9.	Kunak	Madai	Tahap 4
10.	Kunak	Hagop Bilo, Gua Baturong	Tahap 4
11.	Kudat	Tapak Gua Batu Sireh, Pulau Balambangan	Tahap 4
12.	Kota Marudu	Bukit Sagang	Tahap 4
13.	Keningau	Tapak Bingkor	Tahap 4
14.	Keningau	Apin- Apin	Tahap 4

15.	Kinabatangan	Agop Keruak III, Hulu Kinabatangan	Tahap 4
16.	Kinabatangan	Suluk I, Batu Puteh	Tahap 4
17.	Kinabatangan	Agop Lungun, Gua Gomantong	Tahap 4
No.	Daerah	Tapak Arkeologi Tahap Kebudayaan Neolitik	Tahap Pengukuran
18.	Semporna	Bukit Tengkorak	Tahap 4
19.	Semporna	Segarong	Tahap 4
20.	Semporna	Melanta Tutup	Tahap 4
21.	Semporna	Bukit Kamiri	Tahap 4
22.	Pitas	Pulau Supirak/ Spirak Pitas	Tahap 4
23.	Kinabatangan	Batu Tulug	Tahap 4
24.	Kinabatangan	Batu Supu	Tahap 4
25.	Lahad Datu	Pusu Lumut, Tapadong	Tahap 4
No.	Daerah	Tapak Arkeologi Tahap Kebudayaan Logam	Tahap Pengukuran
26.	Kudat	Bukit Timbang Dayang, Pulau Bangi	Tahap 4
27.	Kunak	Bukit Kamiri	Tahap 4
28.	Lahad Datu	Samang Buat	Tahap 4
No.	Daerah	Tapak Arkeologi Tahap Kebudayaan Tradisional	Tahap Pengukuran
29.	Kudat	Tanjung Simpang Mengayau Wreck	Tahap 4
30.	Kudat	Pantai Tanjung Tiga Papan	Tahap 4
31.	Kudat	Skull Wreck	Tahap 4
32.	Kudat	Coral Wreck	Tahap 4
33.	Kudat	Kalamuniam Wreck	Tahap 4
34.	Kudat	Canon Wreck	Tahap 4
35.	Kota Kinabalu	Tapak Tuaran	Tahap 1
36.	Kota Kinabalu	Sauh Purba, Pulau Mengalum	Tahap 4
37.	Kinabatangan	Suluk Caves, Batu Puteh	Tahap 4
38.	Kinabatangan	Sipit Cave	Tahap 4
39.	Kinabatangan	Tobi Dayang, Gomantong	Tahap 4
40.	Kinabatangan	Agop Keruak,	Tahap 4
41.	Kinabatangan	Agop Sarupi,	Tahap 4
42.	Kinabatangan	Miasias, Sungai Lokan	Tahap 4
43.	Kinabatangan	Miasias Darat, Sungai Lokan	Tahap 4
44.	Kinabatangan	Batu Blas, Segama	Tahap 4
45.	Kinabatangan	Agop Sawat	Tahap 4
46.	Kinabatangan	Agop Lintanga	Tahap 4
47.	Kinabatangan	Agop Dimunduk	Tahap 4

48.	Kinabatangan	Batu Supu Kecil 1	Tahap 4
49.	Kinabatangan	Batu Supu Kecil 2	Tahap 4
50.	Kinabatangan	Batu Supu Besar	Tahap 4
51.	Kinabatangan	Sapa Tareng	Tahap 4
52.	Kinabatangan	Agop Sarupi	Tahap 4
53.	Lahad Datu	Mandang Awan, Tapadong	Tahap 4
54.	Lahad Datu	Samang Itay, Tapadong	Tahap 4
55.	Lahad Datu	Bagdapo, Tapadong	Tahap 4
56.	Kunak	Pusu Samang Alag, Madai	Tahap 4
57.	Kunak	Baturong	Tahap 4
No.	Daerah	Tapak Arkeologi Tahap Kebudayaan Tradisi Megalitik	Tahap Pengukuran
58.	Tenom	Batu Naunggak	Tahap 4
59.	Tenom	Batu Lumuyu	Tahap 4
60.	Pensiangan	Batu Punggul	Tahap 4
61.	Pensiangan	Batu Intok Ampator	Tahap 4
62.	Papar	Batu Tumbuh/Hidup	Tahap 4
63.	Papar	Lubang Mandou	Tahap 4
64.	Papar	Batu Mandou	Tahap 4
65.	Papar	Gua Mandou	Tahap 4
66.	Papar	Batu Tujuh Perigi	Tahap 4
67.	Papar	Batu Bertudung	Tahap 4
68.	Papar	Batu Bekajang	Tahap 4
69.	Papar	Tapak Papar	Tahap 3
70.	Papar	Sininggazanak, Kg. Tampasak, Kinarut	Tahap 4
71.	Papar	Tapak Kapal, Sungai Kinarut	Tahap 4
72.	Papar	Sininggazanak, Tanga, Kinarut	Tahap 4
73.	Spitang	Ulung Buayeh Rebaruh Rauan (UB01)	Tahap 3
74.	Spitang	Ulung Buayeh Pekung Butoi (UB02)	Tahap 3
75.	Spitang	Ulung Buayeh Lu'puluh 1 (UB03)	Tahap 3
76.	Spitang	Ulung Buayeh Lu'puluh 2 (UB04)	Tahap 3
77.	Spitang	Ulung Buayeh – (UB06)	Tahap 3
78.	Spitang	Ulung Buayeh Onol (UB07)	Tahap 3
79.	Spitang	Ulung Buayeh Long Magut (UB08)	Tahap 3
80.	Spitang	Ulung Tawak Pueg Marit (UB09)	Tahap 3
81.	Spitang	Ulung Buayeh- Berkembar (UB10)	Tahap 3

82.	Spitang	Ulung Buayeh Buaya dan Gong (UB11)	Tahap 3
83.	Spitang	Ulung Buayeh Natad Tawak (UB12)	Tahap 3
84.	Spitang	Ulung Buayeh (UB13)	Tahap 3
85.	Spitang	Ulung Buayeh (UB14)	Tahap 3
86.	Spitang	Batu Angan (D01)	Tahap 4
87.	Spitang	Kubur Batu Kepingan (SG01)	Tahap 4
88.	Spitang	Batu Tenam (SG02)	Tahap 4
89.	Spitang	Batu Teng (A01)	Tahap 4
90.	Spitang	Lepo Liang Batu (G01)	Tahap 4
91.	Spitang	Lengayan (L01)	Tahap 4
92.	Spitang	Batu Narit (P01)	Tahap 4
93.	Spitang	Petroglif (p02)	Tahap 3
94.	Spitang	Tang Peu Long Midang, Ulu Sungai Matang (KP01)	Tahap 4
95.	Spitang	Long Melabit (KP02)	Tahap 3
96.	Spitang	Perupun Adaa “Timbunan Hantu” (LB01)	Tahap 2
97.	Penampang	Batu Megalitik, Kg. Pogunon, Kinarut	Tahap 4
98.	Penampang	Gintutan Do Mohoing, Kg. Kandazon, Kinarut	Tahap 4
99.	Penampang	Sinogindai, Kg. Kandazon	Tahap 4
100.	Penampang	Batu Tungaang, Kg. Nabangkung, Nosoob, Kinarut	Tahap 4
101.	Penampang	Gumantung’s Stone, Kinarut	Tahap 4
102.	Penampang	Kg. Kituau, Kinarut	Tahap 4
103.	Penampang	Kg. Gunsing, Kinarut	Tahap 4
104.	Penampang	Gunsolong, Kg. Kurai, Kinarut	Tahap 4
105.	Penampang	Bolitus, Kg. Sondina’an	Tahap 4
106.	Penampang	Monsopiad	Tahap 4
107.	Penampang	Sansaabon, Sugud	Tahap 4
108.	Penampang	Kg. Sinoton	Tahap 4
109.	Penampang	Sininggazanak (<i>wooden craved</i>), Kg. Baru, Putatan	Tahap 4
110.	Penampang	Sininggazanak, Kg. Kopuian, Putatan	Tahap 4
111.	Penampang	Sininggazanak To Bidin, Sodomon, Putatan	Tahap 4
112.	Penampang	Tinomboizu, Kg. Bahang	Tahap 4

113.	Penampang	Sininggazanak Tondou, Kodundungang Nosoob	Tahap 4
114.	Penampang	Sininggazanak, Tombovo	Tahap 4
115.	Tambunan	Masatan (Gahai), Kg. Tebilang	Tahap 4
116.	Tambunan	Batu Bajau	Tahap 4
117.	Tambunan	Sabatan, Kg. Tebilang	Tahap 4
118.	Tambunan	Sopihok (Sabihok), Kg. Tebilang	Tahap 4
119.	Tambunan	Lobo (Indik), Kg. Tebilang	Tahap 4
120.	Tambunan	Cyclops (Siawan) Kg. Tebilang	Tahap 4
121.	Tambunan	Unjuk, Kg. Tebilang	Tahap 4
122.	Tambunan	Tumbio	Tahap 4
123.	Tambunan	Tondugu	Tahap 4
124.	Tambunan	Boniok	Tahap 4
125.	Tambunan	Motinggam	Tahap 4
126.	Tambunan	Tingolig, Kg. Piasau	Tahap 4
127.	Tambunan	Batau Daratau Bin Dolinting, Survey Kg. Sukong	Tahap 4
128.	Tambunan	Batu Gombongan, Kg. Ragkam	Tahap 4
129.	Tambunan	Watu Tinuridung, Kg. Sunsuran	Tahap 4
130.	Tambunan	Batu Bubanau	Tahap 4
131.	Tuaran	Tamu, Tuaran	Tahap 2
132.	Tuaran	Tulug Mondou, Tenghilan	Tahap 4
133.	Keningau	Tugu Pembentukan Malaysia, Apin-Apin	Tahap 2
134.	Keningau	Aru Kelasan, Sapulut	Tahap 4
135.	Keningau	Batu Bogu, Kg. Kepayan Baru	Tahap 4
136.	Keningau	Batu Bobolian, Kg. Kepayan Baru	Tahap 4
137.	Kota Belud	Pulau Usukan	Tahap 2
138.	Kota Belud	Sungai Damit, Kota Belud	Tahap 2
139.	Kota Kinabalu	Teningkianak, Kg. Dambai, Menggatal	Tahap 4
140.	Kota Kinabalu	Tamu, Inanam	Tahap 2
No.	Daerah	Tapak Arkeologi Tahap Kebudayaan Zaman Kesultanan Brunei dan Pentadbiran Bebas	Tahap Pengukuran
141.	Papar	Makam Pengiran Yusof, Bukit Kupang	Tahap 4
142.	Papar	Makam Pengiran Yakub, Bukit Kupang	Tahap 4
143.	Papar	Kubur Imam Syed Ahmad Sharif/Sharif Mohammad	Tahap 4
144.	Papar	Pusara Badar Bin Muhammad	Tahap 4

145.	Papar	Makam Sultan Hakul Mubin, Kinarut	Tahap 1
146.	Papar	Kubur Kerabat Kesultanan Brunei, Kinarut	Tahap 1
147.	Spitang	Makam-makam lama Raja Malai, Bongawan	Tahap 1
148.	Tuaran	Makam Almarhum Pengiran Besar Abdullah Ibnu Pengiran Abdul Rauf, Mengkabong Karambunai	Tahap 4
149.	Tuaran	Kubur Waris Kesultanan Brunei, Mengkabong	Tahap 4
150.	Putatan	Makam Dumpil, Meruntum	Tahap 4
151.	Kota Kinabalu	Kubur Sharif, Pulau Gaya	Tahap 2
152.	Kota Kinabalu	Makam Lama/ Kubur Panjang, Pulau Udar	Tahap 3
153.	Kota Kinabalu	Makam Lama Pengiran Jalaluddin, Pulau Sepanggar	Tahap 2
154.	Kota Kinabalu	Makam Pengiran Raub, Pulau Sepanggar	Tahap 2
155.	Kota Marudu	Kubur Keturunan Sharif Osman	Tahap 2
156.	Kota Marudu	Kota Sharif Osman	Tahap 4
157.	Sandakan	Masjid Jamek (Masjid Jamik As-Sheikh Hasabollah At-Tohiri (1980)	Tahap 2
158.	Sandakan	Kubur Sultan Sandakan	Tahap 3
159.	Sandakan	Kubur waris Sultan Brunei	Tahap 2
160.	Sandakan	Kg. Jerman, Pulau Timbang	Tahap 3
161.	Semporna	Hagop Bilo (Madai)	Tahap 4
162.	Semporna	Melanta Tutup	Tahap 4
163.	Semporna	Kubur Lama Bajau, Pulau Omodal	Tahap 4
164.	Kinabatangan	Batu Supu	Tahap 4
165.	Kinabatangan	Agop Dimunduk (Batu Tulug)	Tahap 4
166.	Kinabatangan	Agop Sawat (Batu Tulug)	Tahap 4
167.	Kinabatangan	Lintanga (Batu Tulug)	Tahap 4
168.	Kinabatangan	Agop Sampi	Tahap 4
169.	Kinabatangan	Makam Kerabat Kesultanan Brunei	Tahap 4
170.	Kota Belud	Makam Kerabat Kesultanan Brunei dari Mengkabong	Tahap 4
171.	Kota Belud	Kubur Sharif, Belut Melangka	Tahap 2
172.	Kota Belud	Kubur Raja Tua Mengkabong, Sanorop	Tahap 4
173.	Kota Belud	Tapak Peperangan Sepanyol-	Tahap 2

		Mengkabong	
174.	Kota Belud	Kubur/ Makam lama Kerabat Sultan Brunei di Beberapa Pulau	Tahap 2
175.	Kota Belud	Tapak Pertempuran 1915, Pandasan	Tahap 4
176.	Kota Belud	Makam Raja-Raja Iranun	Tahap 4
No.	Daerah	Tapak Arkeologi Tahap Kebudayaan Kolonial	Tahap Pengukuran
177.	Kota Kinabalu	Dewan Masyarakat Kota Kinabalu	Tahap 3
178.	Kota Kinabalu	Padang Merdeka/ Padang Bandar Jesselton (1937)	Tahap 3
179.	Kota Kinabalu	North Borneo War Memorial/ Tugu ANZAC (1923)	Tahap 3
180.	Kota Kinabalu	Bangunan Pejabat Pos Lama (1918)	Tahap 3
181.	Kota Kinabalu	Menara Jam Atkinson (1902)	Tahap 4
182.	Kota Kinabalu	Tugu Peringatan Perang Petagas (1944)	Tahap 3
183.	Kota Kinabalu	Tinggalan Pejabat Kebajikan (Old Welfare Building) (1913)	Tahap 3
184.	Kota Kinabalu	Taman Prince Philip	Tahap 3
185.	Kota Kinabalu	Bangunan Stesen Kereta Api (1900)	Tahap 4
186.	Kota Kinabalu	Rumah Kedai Jalan Gaya (1900)	Tahap 4
187.	Kota Kinabalu	Hotel Jesselton (1954)	Tahap 3
188.	Kota Kinabalu	Pelabuhan dan Dermaga Lama (1897)	Tahap 4
189.	Kota Kinabalu	Tugu Peringatan Perang Dunia Pertama, Jalan Gaya (1923)	Tahap 4
190.	Kota Kinabalu	Hospital Queen Elizabeth (1957)	Tahap 3
191.	Kota Kinabalu	Tugu Double Ten (Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua) (1944), Petagas	Tahap 3
192.	Kota Kinabalu	Kuil Sikh Gurdwara (1924)	Tahap 3
193.	Kota Kinabalu	Kubu Mat Salleh, Inanam	Tahap 4
194.	Kota Kinabalu	Tapak Pusat Pentadbiran BNBCC, Pulau Gaya	Tahap 4
195.	Papar	Kubur Thomas Bradley Harris, Kimanis	Tahap 4
196.	Papar	Runtuhan Villa Thomas Bradley Harris, Kimanis	Tahap 4

197.	Papar	Tapak Pelabuhan Koloni Ellena, Kimanis	Tahap 4
198.	Papar	Rumah Kedai Pekan Kimanis	Tahap 4
199.	Papar	Banglo Keluarga Harley, Kimanis	Tahap 4
200.	Papar	Runtuhan Banglo Pengurus dan Kuarters Pekerja Ladang Kimanis Rubber Estate, Kimanis	Tahap 4
201.	Papar	Tugu Peringatan Captain De Fontaine (1885), Kinarut	Tahap 4
202.	Papar	Rumah Besar Kinarut (1910)	Tahap 4
203.	Papar	Kuburan Pahlawan (Kandurong dan 6 orang pengikutnya disemadikan semasa menentang Captain De Fontaine) 1885, Kinarut	Tahap 3
204.	Papar	Rumah Kedai Pra WWII, Bongawan	Tahap 2
205.	Kudat	Tapak Kolonial British, Pulau Balambangan	Tahap 4
206.	Kudat	Tapak Penempatan Kolonial British, Matunggong	Tahap 4
207.	Kudat	Bangunan dan kedai lama Kolonial British, Matunggong	Tahap 4
208.	Kudat	Tinggalan North Borneo Fishing Company (1945-1963), Pulau Bangi	Tahap 4
209.	Tawau	Menara Loceng (Belfry)	Tahap 3
210.	Tawau	Rumah Api Tinagat (1916)	Tahap 3
211.	Tawau	Peace Memorial (1918)	Tahap 3
212.	Tawau	Kubur Tomi Terada	Tahap 3
213.	Tawau	Tapak Pembakaran Mayat Kanak-Kanak	Tahap 3
214.	Tawau	Tapak Pembakaran Mayat Orang Dewasa	Tahap 3
215.	Tawau	Penempatan di Wallace Bay, Tapak Syarikat Pembalakan North Borneo Trading di Pulau Sebatik (1950)	Tahap 3
216.	Sandakan	Monumen William Pryer	Tahap 3
217.	Sandakan	Agnes Keith's House	Tahap 4
218.	Sandakan	Gereja St. Micheal and All Angels (1888)	Tahap 4
219.	Sandakan	St. Mary's Boy's School (1887)	Tahap 4
220.	Sandakan	Tokong Kun Yam (1893)	Tahap 3

221.	Sandakan	Tokong Puu Jin Shih (1987)	Tahap 3
222.	Sandakan	Tokong Sam Sing King (1887)	Tahap 3
223.	Sandakan	Japanese Cemeteries	Tahap 3
224.	Sandakan	Sandakan War Memorial	Tahap 4
225.	Sandakan	Stairs with Hundred Steps/ Tangga Seribu	Tahap 3
226.	Sandakan	Tinggalan Tangga Lama (1880)	Tahap 3
227.	Sandakan	Pejabat Harrison & Crosfield	Tahap 3
228.	Sandakan	Tokong Tham Kung (1885)	Tahap 3
229.	Sandakan	Masjid Bandar (1887)	Tahap 3
230.	Sandakan	Bangunan Pejabat Pentadbiran Kerajaan (Bangunan Warisan)/ Muzium Warisan Sandakan (1950an)	Tahap 3
231.	Sandakan	Bangunan Hospital Duchess of Kent (1952)	Tahap 3
232.	Sandakan	'Light House' Pulau Berhala (1951)	Tahap 3
233.	Sandakan	'Light House' Tanjong Terang (1920)	Tahap 3
234.	Sandakan	Bekas Tapak Khemah Tahanan Perang dan Tugu 100 Hari Perjalanan Maut	Tahap 4
235.	Sandakan	Tinggalan Bangunan Kelab Rekreasi	Tahap 2
236.	Kinabatangan	Tugu Peringatan Perjanjian Kerjasama Antara Kaum Romanau dan Kaum Mankaak Kiandungu, Kuala Tongod. (1953)	Tahap 2
237.	Kinabatangan	Siren Isyarat Tongod	Tahap 2
238.	Kinabatangan	Kedai Meng Chiang, Tongod	Tahap 2
239.	Kinabatangan	Dispensari (Rumah Sakit) Tongod	Tahap 2
240.	Kinabatangan	Bangunan Gereja Anglikan lama, Gereja Epiphany, Tongod	Tahap 2
241.	Tuaran	Tugu peringatan Prebet J.W.N Hau	Tahap 2
242.	Tuaran	Tokong Ling San	Tahap 2
243.	Kota Belud	Pelabuhan Mampakul	Tahap 2
244.	Kota Belud	Masjid Jamek	Tahap 2
245.	Kota Belud	Tapak Kapal Karam British	Tahap 2
246.	Semporna	Tugu Peringatan, 6 orang Mangsa Lanun (1954)	Tahap 2

247.	Semporna	Kilang Sardin, Pulau Si Amil	Tahap 4
248.	Semporna	Kapal Perang Jepun WWII, Pulau Denawan	Tahap 2
249.	Kota Marudu	Tinggalan Landasan Kereta Api	Tahap 2
250.	Kota Marudu	Tinggalan Lombong Arang Batu, Tandek	Tahap 3
251.	Kota Marudu	Tapak Pelabuhan Tandek	Tahap 2
252.	Tenom	Tinggalan Kereta Api Melalap	Tahap 4
253.	Tenom	Rundum (pusat pentadbiran British yang diserang oleh Survey Antanom)	Tahap 4
254.	Tenom	Tapak Perang Rundum, Kg. Rundum	Tahap 4
255.	Tenom	Kubu Tentera Jepun, Kg. Mosolog	Tahap 2
256.	Tenom	Serpihan Kapal Australia	Tahap 1
257.	Ranau	Masjid, Kg. Nalapak (1984)	Tahap 2
258.	Ranau	Tugu Pemberontakan Mat Salleh, dalam kawasan Gereja SIB Ranau	Tahap 3
259.	Ranau	Tugu Peringatan Peringatan Perjalanan Maut 100 hari, dalam kawasan Gereja SIB Ranau	Tahap 1
260.	Ranau	Kundasang War Memorial (1950an)	Tahap 3
261.	Ranau	Tapak Khemah Persinggahan Perjalanan Maut 100 hari, di Kg. Paginatan	Tahap 2
262.	Tambunan	Kota Mat Sator, Kg. Kepayan Lama	Tahap 3
263.	Tambunan	Tugu Mat Salleh, Kg. Tibabar	Tahap 4
264.	Tambunan	Guritom, Kg. Sunsuran (tempat penyimpanan tengkorak manusia yang terkorban semasa peperangan zaman lalu)	Tahap 3
265.	Keningau	Rumah OKK Sodomon (1937)	Tahap 3
266.	Keningau	Kota Selangit, Bukit Selangit (1915)	Tahap 2
267.	Lahad Datu	Observation Spot (H.M.S Wonderer & H.M.S Ereria), 1890	Tahap 2
268.	Lahad Datu	Lombong Arang Batu, Selimpohon	Tahap 2
269.	Labuk/Sugut/	Tapak Laluan Perjalanan Maut 100 Hari/ Tangkol Crossing, Kg.	

	Beluran	Ranpek	Tahap 1
270.	Penampang	Gereja St. Micheal	Tahap 3
271.	Penampang	Bangunan Balai Polis Lama, Kg. Dabak Penampang	Tahap 2
272.	Beaufort	Pelabuhan lama, Weston	Tahap 2
273.	Beaufort	Terowong Tinggalan Jepun, Kg. Lumat	Tahap 1
274.	Kunak	Terowong tinggalan Jepun, WWII	Tahap 3

Sumber: Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo, 2015.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, rekod inventori yang dilakukan pada tahun 2015 telah berjaya menyenaraikan sebanyak 274 tapak arkeologi dan sejarah di seluruh negeri Sabah. Tidak dinafikan bahawa, rekod tapak tersebut masih tidak lengkap kerana banyak bersandarkan kepada rekod dokumentasi yang dilakukan oleh para penyelidik terdahulu dan rekod daripada JMNS. Namun penginventorian data arkeologi ini merupakan satu inisiatif terawal yang dilakukan untuk merekodkan data mengenai jumlah dan tahap kelengkapan setiap tapak arkeologi di Sabah. Menerusi pembahagian maklumat atau data arkeologi seperti lokasi daerah, jenis data, nama tapak, sumber, penerbitan, laporan kajian, penemuan yang dilaporkan serta penemuan yang tidak dilaporkan dan sumber lisan maka ianya dapat memberi satu garis panduan dan penambahan maklumat mengenai penyelidikan arkeologi Sabah dari tahun 1960 sehingga tahun 2015. Penginventorian data ini bukanlah bersifat mutlak kerana penyelidikan lain yang sedang dijalankan dan masih dalam perancangan akan mengubah jumlah data terdahulu. Namun sekurang-kurangnya ianya merupakan panduan penting kepada penyelidik akan datang. Perlu ditekankan bahawa kepentingan penginventorian data arkeologi di negeri ini bukan sahaja mampu menjadi panduan terhadap maklumat tentang jumlah data arkeologi, malah ianya juga berpotensi untuk dibangunkan sebagai sistem maklumat arkeologi Sabah (AIS). AIS memainkan peranan penting dalam membantu arkeologis membuat pengurusan data dan maklumat penyelidikan yang bermula daripada proses pengutipan, pemprosesan dan juga pengaksesan maklumat arkeologi. Menurut Abdullah Embong (2000), AIS merupakan pengaplikasian pangkalan data dalam arkeologi yang berfungsi untuk mengumpul, menyimpan, menyusun, menganalisa, menilai, mencetak dan mengagihkan maklumat arkeologi yang diperlukan dengan tepat dan cepat. Ianyanya merupakan integrasi komputer dengan bidang

arkeologi untuk membentuk satu sistem pengurusan data arkeologi. Penggunaan AIS dalam bidang arkeologi pada masa kini sangat relevan dan begitu digalakkan bagi menjamin keselamatan, penyimpanan dan penyebaran maklumat yang efisien dan sistematik. Jika sebelum ini, segala butiran maklumat mengenai data arkeologi hanyalah disimpan dalam bentuk salinan seperti fail, lukisan dan foto. Bentuk salinan ini mempunyai risiko kerosakan dan kehilangan yang tinggi. Jika Salinan tersebut rosak, maka segala maklumat mengenai kajian yang telah dilakukan khususnya projek ekskavasi tapak akan hilang. Projek ekskavasi sinonim dengan pemusnahan tapak kajian dimana tapak yang dikaji itu perlu digali untuk mendapatkan data dan jika tapak itu telah digali, sudah semestinya ianya tidak dapat kembali kepada bentuk yang asal. Oleh itu, ekskavasi tidak dapat dijalankan berulang kali pada tapak yang sama dengan skop kajian yang sama. Dengan itu, penting untuk memastikan segala maklumat dapat disimpan dengan baik. Berbanding dengan bentuk *hardcopy*, penyimpanan dalam bentuk *softcopy* dapat mengelak risiko kerosakan dan kehilangan seperti kebakaran, kecurian dan kemusnahan.

Rujukan

Sumber Primer

- Borneo Mail*. 7 Julai 1994. Stone Age Find.
- Borneo Mail*. 9 Jun 1993. *Museum Bid to Protect Historical Site*.
- Daily Express*. 6 Jun 1995. Penemuan Baru di Bukit Tengkorak: Kesan Kehidupan Manusia Purba Ditemui.
- Jabatan Muzium Sabah. 1979. *Sabah Museum: Annual Report, 1978*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah.
- Jabatan Muzium Sabah. 1980. *Sabah Museum: Annual Report, 1979*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah.
- Jabatan Muzium Sabah. 1984. *Sabah Museum: Annual Report, 1983*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah.
- Jabatan Muzium Sabah. 1990. *Sabah Museum: Annual Report, 1989*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah.
- Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo. 2015. Laporan Survei dan dokumentasi Tapak Arkeologi di Sabah. Kerjasama Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo (UPark), Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Muzium Sabah. (Tidak Diterbitkan)
- US Department of Transportation. 2013. Model Data Inventory Approach. US Department of Transportation, Office of the Chief Information Officer. Hlm. 1-5.

Buku dan Jurnal

- Awang Asbol Haji Mail. 2002. *Kesultanan Brunei Abad Kesembilan Belas: Sistem Politik dan Struktur Pentadbiran*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Malaya. (Tidak Diterbitkan).
- Bala, B. 2005. *Thalassocracy: A History of the Medieval Sultanate of Brunei*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Baszley Bee Basrah Bee. 2011. Komuniti Perbatasan Sempadan Prasejarah Sabah dalam Konteks Kebudayaan Awal Utara Kepulauan Borneo. *BUMANTARA*. Vol. 1(2). Hlm. 1-15.
- Bedell, J. 2000. Archaeology and Probate Inventories in The Study of Eighteenth-Century Life. *Journal of Interdisciplinary History*. 31(2): 223-245.
- Bronack, T. 2012. *Inventory Management System*. New York: McGraw Hill.
- Brown, D. E. 1970. Brunei: The Structure and History of Bornean Malay Sultanate. *Monograf of The Brunei Museum Journal*. Vol . 2(2). Hlm. 325-326.
- Chong, M. A. 1966. Fine Trapezoidal Gouge and Associated Items from North Borneo. *JMBRAS*. Vol. 39(2). Hlm. 172-173.
- Harrisson, T. 1965. Recent Archaeological Discoveries in Malaysia 1964. *JMBRAS*. Vol. 38(1). Hlm. 244-247.
- Harrisson, T. 1967. Recent Archaeological Discoveries in East Malaysia And Brunei. *JMBRAS*. Vol. 40(1). Hlm. 40-148.
- Jeffrey Abdullah. 2013. *Lembah Mansuli, Lahad Datu, Sabah dalam Prasejarah Asia Tenggara*. Pulau Pinang: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia.
- Kerber, B. dan Dreckshage, B. J. 2011. *Lean Supply Chain Management Essentials: A Framework for Materials Managers*. United States: Taylor & Francis Group.
- Manohar Pawar. 2004. *Data Collecting Methods and Experiences, A Guide for Social Researchers*. India: New Dawn Press Group.
- Molijol, P. 2014. Sejarah Penyelidikan Arkeologi di Sabah. Dalam, Jeffrey Abdullah. *Sumbangan Sabah kepada Arkeologi Asia Tenggara: Hasil Penyelidikan 20 Tahun (1993-2013)*. Monograf Muzium Sabah. Vol. 12. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Sabah.
- Pusat penyelidikan Arkeologi Borneo. 2014. *25 Tahun Penyelidikan USM di Sabah*. Pulau Pinang: Pusat Penyelidikan Arkeologi Borneo.
- Sauders, G. 1994. *A History of Brunei*. New York: RoutledgeCurzon, Taylor & Francis Group.
- Tarling, N. 1971. *Britain, The Brookes and Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Tarmiji Masron dan Mokhtar Saidin. 2015. *Teknologi Maklumat Ruangan Dalam Arkeologi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Yi, W. 2011. Input and Output Inventory Dynamics. *American Economic Journal: Macroeconomics*. Vol. 3(4). Hlm. 181-212.

Ulasan Buku

Bilcher Bala, *Thalassocracy: A History of the Medieval Sultanate of Brunei Darussalam*, Kota Kinabalu: Sekolah Sains Sosial, UMS, 2005, Kulit Lembut, 211 Muka Surat.

Yusry Sulaiman¹

Manuskrip diterima: 5 Julai 2019

Diterima untuk penerbitan: 15 Oktober 2015

¹ Calon Ijazah Sarjana, Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: yusryjason@gmail.com

Thalassocracy adalah daripada perkataan *Thalassokratos* dalam bahasa Greek. *Thalassa* bermaksud laut dan *Kratos* adalah kuasa. Justeru itu, *Thalassocracy* bermaksud kuasa laut atau empayar maritim, seperti empayar tamadun Yunani yang menguasai seluruh kawasan Laut Mediterranean melalui hubungan perdagangan berasaskan maritim. Secara keseluruhannya buku ini menjelaskan tentang sejarah dan perkembangan semasa Kesultanan Brunei yang mewujudkan sebuah kerajaan *thalassocracy* yang berbeza dengan empayar maritim lain sebelumnya, seperti Kesultanan Melaka, Srivijaya dan Majapahit. Kajian buku ini cuba menganalisis sebuah kerajaan yang dikenali sebagai *sea-born* yang berbeza dengan *Tellulocracy* yang berteraskan kawasan daratan. Buku ini mempunyai enam bab yang akan menyentuh secara epistimologi sejarah Kesultanan Brunei dari abad ke-15 hingga ke-18.

Dalam bab satu menjelaskan tentang sejarah Kesultanan Brunei dari perspektif sebelum pra-modern. Kerajaan Brunei terawal diasaskan oleh pribumi Melayu-Berunai. Buku ini menggunakan sumber primer untuk menjelaskan tentang maklumat sejarah awal Kesultanan Brunei. Kesultanan Brunei merupakan sebuah kerajaan yang mengutamakan dalam bidang pengeksporth bagi kapur barus yang sudah lebih seribu tahun tertubuh. Tambahan pula, kemunculan pusat perdagangan yang

dikenali sebagai Kota Batu menyumbang kepada pengembangan sebuah kerajaan empayar perdagangan pada tahun abad KE-15. Pada masa yang sama, Kesultanan Brunei adalah sebuah kerajaan Islam yang terkuat di Asia Tenggara, terutamanya selepas kemerosotan Kesultanan Melaka dan Kesultanan Aceh. Kota Batu mengalami pembangunan pesat dari segi politik dan ekonomi. Empayar Kesultanan Brunei semakin maju serta tidak dapat ditandingi sekitar Asia Tenggara pada abad Ke-16. Terdapat sarjana asing yang menyumbang penulisan tentang Kesultanan Brunei, seperti Robert Nicholl, Graham Saunders, Tom Harisson, D. E. Brown, David Leake dan Ranjit Singh. Manakala sejarawan tempatan, seperti Pehin Jamil Awang Al-Sufri, Sabihan Osman, Haji Zaini Haji Ahmad, Pengiran Haji Mohammad Haji Pengiran Haji Pengiran Abdul Rahman, Muhammad Hadi Abdullah, Sabullah Haji Hakip dan Jaswin Sindhu. Bab satu ini berjaya menggarap pandangan daripada semua kajian lepas tentang persoalan kewujudan dan pengasasan Kerajaan Kesultanan Brunei pada abad ke-15.

Bab 2 membincangkan tentang kemunculan Sultan dan Islam di Brunei pada abad ke-15. Bab ini cuba menggarap pandangan sarjana mengenai pengislaman Brunei dari pelbagai sumber sejarah. Sumber Arab menyatakan kawasan persekitaran geografi di Brunei sebagai *Abode of Peace*, iaitu tempat yang aman. Sumber tempatan, *Syair Awang Semaun* mengaitkan hubungan keluarga dengan Johor, Jawa, Sumatera, China dan Arab. Pada padangan Richard Olar Winsted, kerajaan Brunei mempunyai ikatan keluarga di Kepulauan Melayu. Hughess Hallet mengatakan bahawa kerajaan Brunei bermula dengan kewujudan Kota Batu sebagai pelabuhan kecil dan berkembang pada abad Ke-15. Pandangan ini dipersetujui oleh Tom Harrison yang mengatakan Kota Batu sudah wujud lebih seribu lima ratus tahun yang lalu dengan berasaskan sumber arkeologi.

Bab 3 membincangkan kesan unsur kedatangan budaya Hindu yang dipercayai membangun kerajaan awal di rantau Asia Tenggara. Perkataan 'kerajaan' awal adalah tidak melibatkan kuasa ke atas sempadan politik dalam mengikut konteks moden, tetapi lebih kepada kuasa terhadap manusia. Menurut Hall, ketua kaum merupakan sebuah 'kerajaan' di kawasan Asia Tenggara. Pada abad pertama, budaya Hindu berjaya menyebarkan di seluruh Asia Tenggara. Paul Wheatley menyimpulkan bahawa penyebaran budaya Hindu dari India bermula melalui perdagangan dan mereka bermigrasi untuk mencari kekayaan semata-mata. Mereka terdiri golongan pendeta, pedagang, dan pelayaran. Kemudian mereka menguasai ekonomi perdagangan

tempatan. Kesan berlaku proses indianisasi ke atas masyarakat tempatan, terutamanya kaum Melayu di kawasan pantai. Sungguhpun begitu, dalam bab ini mempertikaikan kewujudan indiansasi masyarakat tempatan di Brunei, terutamanya sebelum kedatangan migrasi kaum Melayu-Islam daripada Sumatera pada abad Ke-15. Brown menjelaskan bahawa satu legenda tempatan berunsur *egg-born god*, yang menguasai di kawasan Brunei. Cerita legenda ini dikaitkan dengan mitos Hindu yang dikenali *Hiranyagrbha*. Menurut Tom Harrisson bahawa kaum Bisaya merupakan penduduk peribumi asli yang telah berhijrah daripada Kepulauan Filipina. Kewujudan bahasa Sanskrit dalam budaya Melayu Brunei adalah bukan secara langsung dari India tetapi dibawa bersama oleh migran Melayu yang menubuhkan Kesultanan Brunei pada abad Ke-15.

Bab 4 membincangkan penubuhan sebuah empayar perdagangan yang berpusat di Kota Batu, yang merupakan bandar purba Brunei yang dibina pada tahun abad Ke-16. Kesultanan Brunei menganjurkan hubungan perdagangan dengan segenap kawasan pinggir pantai Borneo serta Kepulauan Filipina. Pembinaan sebuah talasokrasi Brunei adalah dengan meluaskan kawalan ke atas semua pusat perdagangan di rantau ini. Pada abad ke-16, Brunei telah mencapai sebuah empayar maritim atau talasokrasi yang besar dan kuat standing dengan empayar sebelumnya, seperti Melaka, Srivijaya dan Majapahit. Hubungan perdagangan Brunei dengan kuasa wilayah kecil atau kerajaan kecil di Kepulauan Borneo dan Kepulauan Filipina menyebabkan aliran sumber perdagangan tertumpu ke Kota Batu selaku pelabuhan pengeksporthasil rantau ini. Perdagangan utama ialah perdagangan rempah ratus dan pokok cendana. Di samping itu, menurut sumber Portugis pada tahun 1514, Brunei juga berdagang kepada kerajaan lain, seperti Melaka dan setiap kerajaan persisiran pantai. Pada abad ke-16, Brunei lebih dikenali sebagai Kota Batu atau bandar perairan dan *Venice of the Far East*, menjadi pusat perdagangan utama di Asia Tenggara.

Bab 5 mengetengahkan kejatuhan empayar Brunei ekorandari pada kedatangan kuasa Barat, seperti Portugis, Sepanyol dan British. Pada mulanya, Kesultanan Brunei mempunyai sifat bongkak kerana kehebatan kerajaan lampau yang tidak dapat tanding oleh kerajaan Melayu lain. Ini menyebabkan tekanan lebih keras oleh kuasa Barat yang sudah menguasai Kepulauan Filipina, yang merupakan bekas jajahan Kesultanan Brunei. Faktor kedatangan kuasa Barat adalah untuk perdagangan rempah ratus. Di samping itu, kuasa Sepanyol menanjurkan propaganda Kristian Katolik dalam misi mereka untuk menakluki

Kepulauan Filipina. Motif asal kuasa penjajahan adalah mengadakan hubungan diplomatic dan perdagangan tanpa berperang.

Kesimpulannya, sebelum kedatangan kuasa Barat, Brunei telah dikenali sebagai sebuah kerajaan yang terkuat dari abad ke-16 dan mengalami kemerosotan pada abad Ke-18. Buku ini telah mengangkat Brunei sebagai sebuah empayar maritim yang agung di rantau Asia Tenggara. Kekuatan ekonomi perdagangan Brunei pada masa itu adalah tertakluk kepada penguasaan ke atas sumber perdagangan di kawasan perairan Pulau Borneo dan Kepulauan Filipina. Dengan kewujudan rangkaian perdagangan tersebut telah membentuk empayar Brunei yang berpusat di Kota Batu. Pelabuhan Kota Batu menjadi pusat pengumpulan semua hasil ekonomi daripada seluruh pelusok Borneo dan Filipina untuk dieksport. Dengan kata lain, pedagang asing bertumpu di Kota Batu untuk mendapatkan bahan dagangan yang kehendaki.

Akhir sekali, buku ini sesuai menjadi rujukan utama untuk sejarah Kesultanan Brunei dan sejarah awal Borneo, khususnya Sabah dan Sarawak. Kelebihan buku ini adalah dihasilkan oleh sarjana tempatan dengan berjaya memberikan satu perspektif sejarah berasaskan sumber tempatan mengenai sejarah Kesultanan Brunei.

